

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 64

Khamis

14 September 2006

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL BAGI MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1): ▪ Penubuhan Suruhanjaya Diraja Untuk Siasat Krisis Kehakiman 1988 - <i>Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail</i>	(Halaman 27)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2007	(Halaman 28)
USUL-USUL: Anggaran Pembangunan 2007	(Halaman 28)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 50)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 14 September 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No. 1 – Y.B. Dato' Goh Siow Huat [Rasah] tidak hadir].

2. Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, garis panduan pemaju perumahan dan perindustrian yang terkini mengambil kira habitat dan kehidupan binatang liar. Sejauh mana pihak pemaju dipertanggungjawabkan untuk menjaga pemeliharaan dan pemindahan binatang ke habitat asli yang lain apabila sesebuah kawasan hendak dimajukan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Tuan Yang di-Pertua, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 memperuntukkan peruntukan bahawa tidak seorang pun boleh memelihara, mengusaha atau menjalankan apa-apa kemajuan melainkan kebenaran perancang berkenaan kemajuan itu telah diberikan kepadanya. Pihak yang akan memproses kebenaran merancang dan akan memberi kelulusan ialah pihak berkuasa kerajaan tempatan. Setelah mendapat ulasan dan perakuan agensi-agensi teknikal yang dirujuk, di peringkat inilah, agensi-agensi teknikal akan meletakkan syarat dan keperluan masing-masing yang perlu dipatuhi oleh pihak pemaju.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan tempatan merupakan salah satu rancangan kemajuan yang diguna pakai untuk mengawal sesuatu pembangunan. Setiap pihak berkuasa tempatan mempunyai rancangan tempatan dan mengezonkan kawasan perlindungan hidupan liar dan mengenal pasti zon, menambah sekeliling kawasan perlindungan hidupan liar tersebut.

Rancangan tempatan ini menjadi rujukan Pihak Berkuasa Tempatan di MITI di dalam memproses permohonan dan kebenaran merancang bagi semua projek pembangunan perumahan dan perindustrian. Di dalam memproses permohonan ini, PBT akan memastikan syarat-syarat yang ditetapkan oleh rancangan tempatan diambil kira di samping mengenakan syarat-syarat kepada pihak pemaju jika permohonan diluluskan.

Ulasan teknikal daripada Jabatan PERHILITAN iaitu Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara perlu diperolehi sebagai salah satu syarat kelulusan kebenaran merancang. Sekian.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan yang diberi oleh pihak kementerian kurang jelaslah... [Ketawa]

Terdapat dua senario di sini Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya, apabila sesuatu projek pemajuan dimulakan, binatang liar yang ada mungkin takut dan cabut lari ke kawasan lain untuk mencari habitat baru atau mencari makanan dan tempat perlindungan di kawasan perumahan berdekatan sehingga mengganggu manusia.

Senario yang kedua Tuan Yang di-Pertua, kalau generasi muda sekarang juga kekurangan pengetahuan mengenai alam sekitar dan hidupan liar serta mungkin tidak pernah melihat, tidak mengenali binatang liar dalam negara kita.

Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, demi pembelajaran anak muda, demi keseimbangan dan keharmonian alam sekitar, hidupan liar bersama-sama dengan pembangunan dan pemajuan, apakah komen Yang Berhormat terhadap cadangan yang akan saya kemukakan. Bolehkah pihak kementerian mempertimbangkan cadangan saya iaitu selain daripada tapak-tapak rizab untuk utiliti dan kemudahan awam, pemaju juga dikehendaki menyediakan tapak, mewujudkan dan menyelenggarakan sebuah taman mini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, terus kepada soalan Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, soalan ini. Menyediakan tapak, mewujudkan dan menyelenggarakan sebuah taman mini haiwan ataupun mini zoo atau menyertai program zoo dalam *animal adoption*. Minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kawasan-kawasan yang banyak binatang liar adalah kawasan-kawasan hutan perlindungan yang lazimnya dilantik di luar dari zon pembangunan atau kawasan yang sesuai dibangunkan mengikut rancangan tempatan. Oleh itu ianya tidak termasuk di dalam kelulusan pembangunan oleh pihak PBT. Cadangan untuk merizabkan satu tapak untuk binatang liar memang baik. Saya akan membawa balik untuk pertimbangan kementerian saya.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebut tentang laporan teknikal daripada PERHILITAN, adakah kajian ini diwajibkan daripada pihak Jabatan PERHILITAN.

Yang kedua, biasanya untuk mengetahui kewujudan binatang-binatang di sesuatu kawasan laporan EIA adalah diperlukan. Jadi, dari laporan EIA lah di mana kita boleh tahu bahawa ada binatang di situ. Setakat ini, di peringkat Federal, EIA hanya diwajibkan di kawasan 50 hektar untuk kawasan perumahan, yang kecil daripada itu sebab ada *slow lorries* juga di kawasan yang kecil. Mereka ini tidak boleh lari jauh. Oleh yang demikian, apakah kajian yang diperlukan untuk kawasan yang kecil daripada 50 hektar ini.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat. Ini pakar untuk alam sekitar. Walaupun kawalan EIA ini bukanlah di bawah kawalan kementerian saya, tetapi untuk makluman Yang Berhormat bagi Mambong, saya ada satu maklumat dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Sebelum sesuatu aktiviti pembukaan kawasan hutan, tanah pertanian, tanah 'rendah' dan pesisiran pantai yang merupakan habitat pelbagai spesies hidupan liar dijalankan, beberapa perkara perlu diambil kira. Contohnya:

- (i) menyediakan laporan EIA di mana spesies hidupan liar yang boleh didapati di kawasan tersebut perlu disenaraikan. Spesies hidupan liar ini juga mesti dikenal pasti statusnya sama ada diperindungi sepenuhnya di tempat menentukan semasa spesies berkaitan terancam atau tidak;
- (ii) pihak pemaju juga perlu melihat aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan di sekitar kawasan yang akan dibangunkan sekurang-kurangnya di sekitar 3 ke 5 kilometer radius. Rekod-rekod terdahulu berkaitan gangguan kehidupannya di kawasan tersebut juga perlu dikenal pasti tahapnya. Ini dapat membantu dalam pengurusan kawasan yang akan dibangunkan. Begitu juga dengan kawasan-kawasan berhampiran;
- (iii)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, yang tidak berkaitan tidak payah jawablah.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Itu sahaja. Tentang kawasan yang lebih kecil daripada itu, ia bukan di bawah kementerian saya. Terima kasih.

3. **Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, jumlah sekolah-sekolah yang mempunyai kurang murid dan berprestasi kurang memuaskan dalam UPSR pada tahun 2003 - 2005 di negeri Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sebanyak 695 buah sekolah kurang murid (SKM) di Sarawak pada tahun 2003 hingga 2005. Berhubung dengan pencapaian SKM dalam UPSR di seluruh negeri Sarawak, pada tahun 2003 sebanyak 69 atau 9.93% sekolah kesemua muridnya mencapai tahap penguasaan minimum iaitu sekurang-kurangnya mendapat Gred 'C' dalam semua mata pelajaran. Bagi tahun 2004 pula, sebanyak 114 buah sekolah atau 16.4% dan bagi tahun 2005 pula ada sebanyak 94 buah sekolah ataupun 13.53% yang mencapai tahap penguasaan minimum. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran. Satu daripada masalahnya sekolah-sekolah yang kurang murid ini di luar bandar di Sarawak ini adalah prestasi mereka sangat rendah. Ini

merupakan satu fenomena yang tidak begitu betul oleh kerana sekolah-sekolah kurang murid ini nisbah (*ratio*) guru kepada muridnya adalah rendah. Satu guru misalnya 10 orang murid, satu guru 9 orang murid. Tetapi prestasi mereka tidak memuaskan sekali. Pada tahun yang saya sebutkan tadi iaitu tahun 2000 hingga 2003 ada sekolah-sekolah yang kurang murid ini mendapat kosong lulus dalam peperiksaan UPSR. Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Pelajaran mengambil perhatian ke atas perkara ini dan membuat satu kajian mengapa sekolah-sekolah yang baik nisbah guru kepada muridnya berprestasi rendah. Sekian, terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan bahawa prestasi murid-murid di kawasan bandar dan juga luar bandar ada perbezaannya. Di antara sebab-sebabnya juga termasuk latar sosioekonomi ibu bapa. Memang kementerian kita telah mengambil perhatian tentang fakta ini dan beberapa langkah telah pun dijalankan untuk menambahbaikkan prestasi akademik pelajar-pelajar di sekolah kurang murid.

Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil adalah untuk meningkatkan juga kualiti guru melalui beberapa program khususnya program-program latihan dan kursus dalam semua aspek pengajaran termasuk juga kelas bercantum dan pemulihan. Di antara langkah-langkah lain yang juga diambil adalah untuk meningkatkan taraf kesihatan murid dengan menyediakan rancangan makanan tambahan, rancangan makanan tengah hari dan sebagainya.

Langkah-langkah lain yang juga diambil oleh kementerian adalah:

- meningkatkan prasarana dan tahap kemudahan yang sedia ada di sekolah-sekolah kurang murid ini.
- menambah peruntukan per kapita bagi membolehkan sekolah itu lebih berkemampuan menyediakan alat-alat bantuan untuk mengajar pelajar-pelajar yang terlibat.
- memastikan bahawa penempatan guru-guru itu dapat memenuhi keperluan semua mata pelajaran termasuk menyediakan guru-guru pemulihan khas bagi mengelakkan keciciran.

Kita ada banyak lagi langkah-langkah dan saya akan sampaikan ini secara bertulis. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masalah sekolah kurang murid ini sering kali dikaitkan dengan seperti yang dinyatakan, kurang prestasi, kurang guru, kurang kemudahan kelengkapan dan sering kali juga dikaitkan dengan amaran untuk sekolah-sekolah ini ditutup. Tetapi kalau kita lihat keadaan di Pantai Timur Malaysia, di Sabah dan Sarawak masalah kurang murid bukan masalah baru dan bukan masalah yang dibuat-buat, tetapi itulah yang merupakan keadaan di sana kerana pengangkutan yang susah, pengangkutan yang tidak sempurna murid tidak ada peluang untuk berhijrah ke tempat yang lain tetapi tempat mereka sendiri.

Saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua, apa pendekatan kementerian untuk merumus satu bentuk pendekatan bagi menampung masalah sekolah yang tidak cukup murid ini untuk diberi perhatian sepenuhnya oleh kementerian agar setiap kanak-kanak ini mendapat pendidikan di Semenanjung, di Sarawak ataupun di Sabah. Kerana yang jelas sekarang ini fokus kementerian adalah di tempat-tempat yang mempunyai murid yang ramai, tetapi di Sabah dan di Sarawak, masalah ini bukan masalah yang dibuat-buat, bukan masalah yang baru tetapi masalah yang lama. Tetapi nyata kementerian tidak ada pendekatan menangani masalah sekolah yang kurang murid untuk diberi pendidikan yang sebaik dengan sekolah-sekolah lain yang cukup murid. Terima kasih.

Puan Komala Devi [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, ada kemungkinan bahawa fenomena sekolah kurang murid ini akan berterusan sejajar dengan proses pembangunan sesebuah negeri, negara dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat pada masa ini kita dapati ada 7,568 sekolah rendah di mana 2,260 merupakan sekolah kurang murid dan di antara 2,260 ini, 695 adalah daripada Sarawak. Memang setakat ini Kementerian tidak ada apa-apa dasar untuk menutupkan mana-mana sekolah-sekolah kurang murid atas sebab-sebab yang berikut.

Yang pentingnya bahawa sekolah di tempat ini di mana sekolah-sekolah kurang murid ini merupakan sebagai bukan sahaja dilihat sebagai satu entiti fizikal tetapi juga dilihat dari segi faktor manusia dan persekitaran yang berhubung kait dengan sekolah berkenaan. Sesebuah sekolah diwujudkan di tempat itu untuk bukan sahaja membekalkan pendidikan asas kepada pelajar-pelajar dan juga masyarakat tempatan tetapi guru-guru di tempat itu dilihat sebagai pakar rujuk dan juga penasihat kepada warga kampung iaitu satu-satunya hubungan penduduk dengan dunia luar. Sekolah kecil ini akan berterusan atas beberapa sebab antaranya:

- (i) pembangunan semula jadi sesuatu kawasan dan kepadatan populasi yang rendah dan bilangan murid yang rendah;
- (ii) kawasan pedalaman dengan kepadatan populasi rendah dan tiada pengangkutan memuaskan; dan
- (iii) migrasi keluar penduduk setempat dari sesuatu kawasan yang menyebabkan bilangan kanak-kanak berkurangan dan tidak bertambah.

Tetapi perkara ini di bawah perhatian kementerian dan kami akan terus mengambil langkah-langkah untuk menambah baik prestasi akademik dan ko-kurikulum pelajar-pelajar yang terbabit. Terima kasih.

4. Datuk Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan kos purata yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan bagi setiap banduan yang sedang menjalani hukuman penjara bagi tahun 2005.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan terpaksa membelanjakan RM30 sehari bagi seorang banduan dan tahanan

yang sedang menjalani hukuman penjara bagi tahun 2005. Kos-kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan yang tidak termasuk kos perubatan adalah meliputi kos pengurusan harian, iaitu termasuk makan dan minum, penyediaan tempat tahanan, penggunaan air dan elektrik, penyediaan pakaian, perkhidmatan dobi dan tenaga kawalan dan ia juga merangkumi kos pemulihan yang termasuk kos latihan vokasional, kebajikan program kaunseling, ceramah agama, kemudahan perpustakaan, perjumpaan keluarga dan urusan surat-menyurat.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah penghuni di institusi penjara pada 4 September 2006 ialah 42,483 orang di semua institusi penjara termasuk di depot tahanan pendatang asing tanpa izin. Ini bermakna kerajaan terpaksa membelanja lebih kurang RM1.274 juta sehari bagi menampung perbelanjaan untuk penghuni-penghuni di penjara. Daripada jumlah penghuni tersebut, warga negara asing ialah 16,303 orang iaitu 38.3% dan kos perbelanjaan sehari untuk mereka ialah RM489 ribu. Sekian. Terima kasih.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih Timbalan Menteri. Memandangkan kos ini ada hubung kait terus dengan jumlah banduan, satu cara hendak mengurangkan mungkin ialah untuk mengurangkan banduan itu sendiri. Adakah di peringkat ini kerajaan sanggup menimbang sebagai satu cara untuk mengurangkan banduan iaitu sistem parol seperti yang diamalkan di negara-negara yang lain. Terima kasih

Datuk Fu Ah Kiow: Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat. Sebenarnya cadangan untuk mengadakan sistem parol memang sudah pun dalam peringkat penggubalan akta dan pindaan itu, cadangan itu akan dikemukakan kepada AG tidak lama lagi untuk keputusan dan lepas itu akan dihantar kepada Jemaah Menteri untuk keputusan dan jika ia dapat diterima maka persiapan mengambil masa satu tahun dalam tahun 2007 dengan harapan pada awal tahun 2008 ia akan dapat dilaksanakan. Sekian. Terima kasih.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri tadi, kita lihat daripada banduan yang terdapat ada 16 ribu lebih dan kos seharian ialah 400 ratus ribu lebih. Adakah lebih menjimatkan kalau kita hantar sahaja balik banduan warga asing ini dan adakah kementerian mempunyai cadangan untuk menjalankan hukuman komuniti servis untuk penjenayah-penjenayah ataupun banduan yang melakukan kesalahan yang ringan. Ini saya rasa kalau kita lakukan mungkin banyak boleh kita jimatkan daripada kos yang telah dikenakan. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, sini ada dua soalan. Soalan tentang banduan asing atau tahanan asing. Memang kalau boleh kita hendak hantar balik mereka supaya tidak membebankan kewangan kerajaan tetapi bila seseorang warga negara asing telah melakukan sesuatu kesalahan dan telah disabitkan di mahkamah, kalau kita hantar balik sahaja mungkin dia akan memberi satu tanda yang salah iaitu mereka boleh melakukan kesalahan di sini tidak akan di hukum. Jadi itu bukan cara yang baik. Kita berpendapat mereka perlu dihukum dengan dipenjarakan dan lepas tempoh penjaran baru dihantar balik dan untuk skim CSO iaitu komuniti

servis skim memang itu juga dalam perancangan di mana untuk kesalahan kecil, dia akan diletak dalam untuk menjalani komuniti servis, dengan izin, dan kita berharap dengan adanya pusat-pusat parol mungkin ia juga boleh ditugaskan untuk mengawal selia pelaksanaan skim tersebut. Adalah dengan harapan mungkin penghujung tahun depan kita boleh melaksanakan skim ini. Sekian. Terima kasih.

5. Dato' Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh] minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam usaha menambah bilangan guru siswazah, kursus jangka panjang dan jangka pendek begitu aktif diadakan sehingga pelajar-pelajar telah terabai kerana ketiadaan guru pengganti dan apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi kepincangan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sememangnya menggalakkan guru-guru untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka sebagai salah satu langkah meningkatkan tahap profesionalisme mereka. Pada masa yang sama kementerian juga peka dan memastikan pengajaran dan pembelajaran atau P&P murid-murid di sekolah tetap dapat dilaksanakan dengan lancar sewaktu guru-guru menghadiri latihan dalam perkhidmatan atau melanjutkan pelajaran. Bagi guru-guru yang melanjutkan pelajaran dan diberikan kelulusan cuti belajar, kekosongan tempat mereka boleh digantikan dengan guru yang lain manakala bagi guru-guru yang menghadiri kursus-kursus pendek, kementerian telah mengarahkan pihak pengurusan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) mewujudkan jadual guru ganti;
- (ii) menggabungkan kelas bagi mata pelajaran yang sama; dan
- (iii) memastikan guru menyediakan edaran kerja berdasarkan rancangan pelajaran yang telah ditentukan sebelum menghadiri kursus atau memastikan guru yang menghadiri kursus mengadakan kelas ganti.

Manakala bagi pihak penganjur kursus pula sama ada di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah pula telah dimaklumkan untuk mengambil langkah-langkah yang berikut sebagai garis panduan:

- (i) kursus-kursus bagi guru hendaklah dilaksanakan dalam tempoh cuti sekolah;
- (ii) bilangan hari berkursus dikurangkan dan dilaksanakan juga pada hujung minggu seperti pada hari Khamis, Jumaat dan Sabtu;
- (iii) *mood* berkursus diubah kepada pembelajaran sendiri iaitu menggunakan CD atau pembelajaran berasaskan *modular* dan akhirnya memperkenalkan kursus secara *online*. Terima kasih.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang telah menjawab soalan saya dengan baik tadi, tapi saya

masih menerima rungutan daripada sekolah-sekolah kerana kecemerlangan akademik menjadi *target* utama kepada Kementerian Pelajaran. Kalau guru-guru tidak komited..

Seorang Ahli: Ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: ...Kerana mereka berserabut dengan kursus, serabut orang Kelantan kata, dia akan kecikiran dalam mata pelajaran. Terutamanya Ilmu Hisab, ini yang banya kecikiran. Yang kedua ialah Bahasa Inggeris, dan yang ketiga, Sains. Maka sebab tu, saya nak tahu, apakah langkah-langkah yang konkrit yang boleh kita aturkan supaya dia tidak terjejas. Saya setuju dalam cuti, jangan dia ganggu waktu masa pelajaran..

Beberapa Ahli: Setuju.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: ...apa pandangan?

Seorang Ahli: *Hadhari*.

Puan Komala Devi: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu kualiti ataupun prestasi pelajar-pelajar adalah bergantung kepada kualiti guru dan itu adalah sebabnya kita menjalankan kursus-kursus ini dan kita memberi peluang kepada guru-guru kita untuk meningkatkan tahap profesionalisme mereka. Cuma saya ingin menekankan bahawa yang golongan yang terlibat bukanlah sebegitu besar, walau pun kita ada lebih daripada 300 ribu cikgu, seramai lebih kurang tiga ribu pegawai perkhidmatan pendidikan sahaja yang diluluskan cuti belajar untuk mengikuti pengajian di peringkat Ijazah, Sarjana dan juga kedoktoran. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana masih sayang. Setiausaha Parlimen, soalan saya mudah sahaja, oleh kerana kekerapan ketiadaan guru-guru kerana menghadiri kursus-kursus bagi peningkatan prestasi mereka. Subjek-subjek yang menjadi korban adalah subjek-subjek *elective* umpamanya subjek Agama, Sivik, Pelajaran Jasmani, Moral dan sebagainya. Jadi, setuju tak pihak Setiausaha Parlimen, jika subjek-subjek ini dikorbankan maka produk sekolah tadi tu, tidak menepati apa dihasratkan oleh kerajaan dari segi keseimbangan pembangunan jasmani, emosinya rohaninya dan inteleknya sekali gus menggagalkan hasrat kementerian. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Saya tidak dapat setuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu bahawa *philosophy* pendidikan iaitu pendidikan *holistic* pelajar itu telah terjejas akibat guru-guru yang diluluskan cuti belajar. Sebab mengikut kajian kita hanya seorang atau dua yang akan keluar daripada sekolah untuk menjalankan atau pun menghadiri kursus dan kementerian peka tentang masalah yang dihadapi sekolah-sekolah. Dan kami pun telah merangka beberapa langkah ini. Dan memang pada masa ini juga kita dapatkan ada masalah *mismatch* di antara *option* dan juga kepada subjek yang diajarkan oleh guru.

Tetapi pandangan kementerian adalah kita ikut keperluan perkhidmatan dulu kemudian kita akan mengikut keperluan opsyen. Setakat ini kita dapati bahawa apa-apa masalah yang juga dihadapi masih dapat dibendung dan juga dan dikawal dan sekiranya Yang Berhormat

dapati masalah di sekolah kawasan Yang Berhormat bolehlah ditujukan kepada saya sendiri. Terima kasih.

6. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan sektor automotif tempatan dapat memenuhi syarat kualiti di bawah Sijil ISO 9001 dan ISO 9002; dan
- (b) kes-kes tuntutan terhadap PROTON, PERODUA, NAZA di Tribunal Pengguna atau mahkamah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, objektif pengiktirafan ISO 9001 dan ISO 9002 adalah untuk memastikan jaminan kualiti produk dan alat ganti yang dibekalkan oleh syarikat. Di dalam sektor automotif ia dipraktikkan ke atas pemasangan kenderaan dan pengeluar kumpulan dan alat ganti. Setakat ini, SIRIM telah mempromosikan dengan izin, *ISO Certification Schemes* sejak tahun 1990 memalui beberapa siri seminar dan bengkel. Sehingga ke hari ini pengeluar kenderaan utama seperti PROTON, PERODUA, NAZA, Swedish Motor Assembly, Tan Chong Motor Assembly, Ford Malaysia, DaimlerChrysler dan Malaysian Truck & Bus, telah mendapat pengiktirafan ISO 9001 dan ISO 9002 dan mematuhi peraturan serta penilaian pengurusan kualiti seperti yang ditetapkan oleh kedua-dua piawaian ini.

Bagi pengeluar komponen dan alat ganti pula, syarikat pembekal utama atau *tier-one* telah mendapat pengiktirafan di bawah ISO 9001 dan 9002 adalah seperti APM, *Kayaba* dan *AutoLit*. Bagaimana pun syarikat pembekal yang lain terutamanya *tier-two* yang membekalkan komponen dan alat-alat ganti masih lagi dalam proses mendapatkan pengiktirafan ISO. Untuk membantu industri kecil dan sederhana mendapat sijil ISO, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana atau SEMIDEC telah menyediakan skim insentif untuk tujuan tersebut bermula pada tahun 90an.

Untuk memastikan kereta-kereta yang dikeluarkan mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh ISO, PROTON telah wujudkan satu jabatan khas yang mentadbir dan mengurus segala urusan ISO iaitu bahagian pengurusan sistem kualiti. PROTON juga menjalankan audit kualiti dalaman bagi mengawal selia pengeluaran kereta-keretanya. PROTON juga meletakkan syarat kelayakan ISO 9001 dan 9002 di bawah kriteria penilaian vendor, bagi vendor-vendor yang ini menjadi pembekal kepada PROTON.

Kedua pula telah menubuhkan jabatan dengan izin, *Quality Management Response* atau QMR dan Jabatan Kualiti Audit Dalaman. Di mana jabatan ini bertanggungjawab memantau segala syarat dan memastikan segala operasi yang dijalankan mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh ISO.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang kedua berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh pihak PROTON, PERODUA dan NAZA setakat bulan Ogos 2006, sebanyak 18 kes telah difailkan terhadap PERODUA di tribunal dan 9 kes di mahkamah. PROTON pula menghadapi sebanyak tuntutan sebanyak 14 kes di tribunal dan 5 kes di mahkamah. Manakala NAZA menghadapi tuntutan sebanyak 22 ke di tribunal. Semua tuntutan kes ini melibatkan masalah-masalah berkaitan dengan pengeluaran, pembelian dan kerosakan berkaitan dengan produk kenderaan masing-masing. Sekian terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Setiausaha Parlimen sama ada selain daripada SIRIM, apakah adanya badan antarabangsa yang juga memberi sijil pengiktirafan kepada PROTON, PERDOUA dan NAZA. Dan sejauh mana mereka melaksanakan pemantauan terhadap ketiga-tiga syarikat ini, dan juga memandangkan memang ada kekurangan dari segi vendor yang tidak mempunyai sijil kelayakan ini, apakah syarikat-syarikat ini ataupun kerajaan akan mengarahkan syarikat-syarikat ini melanjutkan *warranty period* kepada kereta-kereta yang dikeluarkan dan dijual.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan dalam jawapan saya, PROTON, PERDOUA atau NAZA sendiri ada membuat audit dalaman untuk memastikan semua alat-alat ganti atau pun komponen dibekalkan oleh vendor-vendor mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh ISO.

Untuk syarikat-syarikat kecil atau sederhana yang membekalkan alat-alat ganti kepada Proton, SMIDEC sedang membantu syarikat-syarikat ini untuk mendapat sijil ISO melalui Skim ITAF iaitu memberi bantuan kewangan untuk mereka mendapat sijil ISO. Sekian terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya agak gembira atas jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, soalan yang pertama.

Tetapi, soalan tambahan saya ialah mengenai vendor-vendor *tier two* ini. Memang betul sekarang ini SMIDEC sedang membantu mereka, tetapi pada hakikatnya kualiti ataupun alat-alat ganti yang dibekalkan oleh mereka ini masih di bawah tahap yang tidak boleh, ataupun masih di bawah tahap yang kurang memuaskan. Fasal itu selalu ada masalah-masalah penggantian, alat-alat ganti terutama kepada tiga jenis kereta ini.

So, soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian ini bersedia untuk memberikan peluang kepada pengeluar-pengeluar dari luar negara yang ada hasrat untuk menceburi dalam sektor automotif ini, dan pada masa yang sama, memberikan satu insentif yang lebih kurang sama kepada vendor-vendor tempatan. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan sekarang sudah ubah. Kerajaan sekarang membenarkan syarikat-syarikat atau pekilang-pekilang PROTON atau NAZA, atau PERODUA mendapat komponen atau alat-alat ganti dari luar negara, bukan sahaja terhad kepada vendor-vendor sahaja. Sekian terima kasih.

7. **Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah tindakan kementerian bersama MITI tentang maklum balas dari pelabur dalam dan luar negeri yang sering mempersoalkan kawasan kilang atau perindustrian dalam negara yang tidak terurus, dan kurang penyelenggaraan dan boleh menyebabkan mereka tidak berminat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa memberikan kerjasama kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri khususnya dari segi penglibatan pihak kementerian dalam memberikan input dan maklum balas kepada sebarang persoalan yang dibangkitkan di dalam dialog tahunan kementerian tersebut. Kementerian kita telah memaklumkan bahawa aktiviti-aktiviti perindustrian hanya boleh dijalankan di zon-zon tertentu sahaja seperti yang telah ditetapkan oleh PBT di dalam pelan tempatan PBT. Masalah pengurusan dan kurang penyelenggaraan kawasan perkilangan boleh diatasi sekiranya kilang-kilang yang berkenaan beroperasi dalam kawasan atau zon yang ditetapkan.

Perindustrian yang beroperasi di luar kawasan atau zon yang ditetapkan pada biasanya, dijalankan atas kebenaran sementara yang diberikan atau beroperasi tanpa kebenaran. Adalah menjadi amalan kementerian, memanjangkan segala isu-isu yang berkaitan PBT yang dibangkitkan di dalam dialog dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, kepada semua kerajaan negeri supaya diedarkan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan supaya isu-isu yang dibangkitkan diambil tindakan segera oleh mereka dan dapat diselesaikan supaya bantu di dalam proses membangunkan kawasan perindustrian yang lebih teratur, selamat, indah dan selesa, terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Terima kasih atas jawapan itu, tepat dan padat. Cuma Tuan Yang di-Pertua, bagi kawasan industri, kita sedar bahawa banyak parit tidak terurus, bahawa jalan semak dan tidak kemas, jauh sekali landskap yang indah dan sebagainya. Berbanding dengan kawasan bandar, taman perumahan, apatah lagi taman bunga. Jadi wujud tidak keseimbangan Tuan Yang di-Pertua. Akibatnya ramai pelabur tarik diri, cuma belum sampai ke tahap cabut lari.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah, adakah mekanisme untuk memastikan bahawa cukai yang dikutip oleh PBT, khususnya oleh PBT, bukan cukai yang lainnya, untuk diagihkan bagi tujuan penyelenggaraan tersebut supaya tidaklah cukai yang dikutip bagi kawasan industri kebanyakannya dihalakan ke tempat-tempat lain, landskap, atas jambatan pun buat dan sebagainya. Apa pula jaminan bagi memastikan bahawa cukai yang dikutip itu dimanfaatkan untuk kawasan industri. Sebab cukai itu datangnya dari kawasan industri. Tetapi, kebanyakannya tidak teragih di kawasan industri, sekian terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya keadaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, sepatutnya tidak berlaku. Kalau ia berlaku ini menunjukkan kelemahan di dalam pihak-pihak berkuasa tempatan di dalam menjalankan tugas mereka sebagai pihak pengurus dan sebagai pihak yang menyelenggarakan kemudahan-kemudahan yang tersedia di bahagian perindustrian tersebut. Itu ialah daripada segi kelemahan pentadbiran dan pengurusan di PBT. Soalan yang berikut ialah tentang dasar, macam mana pungutan cukai yang dibuat oleh PBT diagihkan supaya digunakan untuk kawasan-kawasan yang tertentu. Di dalam dasar pihak berkuasa tempatan, segala cukai yang dipungut digunakan untuk pembangunan keseluruhan kawasan PBT tersebut dan tidak diagihkan kepada satu-satu tempat mengikut di mana pungutan itu datang. Oleh itu, pihak berkuasa tempatan tidak mengehadkan jumlah pungutan yang di perolehi dari kawasan perindustrian supaya digunakan untuk membangunkan kawasan perindustrian sahaja. Wang itu digunakan untuk membangunkan seluruh kawasan PBT tersebut, terima kasih.

[Soalan No.8 - Datuk Juslie Ajirol [Libaran] tidak hadir]

9. Dato Tan Lian Hoe [Bukit Gantang] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sama ada pihak kementerian berhasrat akan meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi membolehkan sistem pentadbiran terbuka untuk pertukaran kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara dan sekiranya ada, bilakah akan dilaksanakan dan sekiranya tidak, apakah faktor-faktor yang membawa kepada keputusan kementerian.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian sedang dalam proses mencadangkan pemindahan kepada Akta Kerajaan Tempatan Akta 171 dengan mengambil kira dan mengkaji sebarang implikasi kewangan dan juga perundangan yang mungkin akan berlaku sekiranya cadangan pindaan akta diluluskan bagi memastikan peruntukan perundangan yang berkaitan adalah sejajar dengan kehendak dan keperluan semasa. Adalah perlu dimaklumkan bahawa Akta 171 ini hanya terpakai kepada PBT di Semenanjung sahaja, manakala Sabah dan Sarawak mempunyai undang-undang masing-masing.

Sebagai usaha untuk meningkatkan lagi mutu pemberian perkhidmatan ataupun *service delivery* di PBT, pihak kementerian pada masa ini sedang mengemas kini satu memorandum yang mencadangkan untuk menjadikan anggota perkhidmatan PBT di Semenanjung sebagai anggota perkhidmatan awam. Dengan mengambil kira implikasi pelaksanaan cadangan ini dari segi undang-undang, prinsip perkhidmatan dan kewangan sebelum Jemaah Menteri membuat sebarang keputusan mengenainya. Walau bagaimanapun, pelaksanaan cadangan tersebut adalah tertakluk kepada keputusan daripada mesyuarat Jemaah Menteri.

Antara faktor yang menjadi pertimbangan pihak kementerian dalam mengemukakan cadangan ini adalah untuk membolehkan anggota perkhidmatan PBT ditempatkan secara

penempatan biasa, iaitu anggota PBT boleh berpindah kepada PBT yang lain dalam negeri yang sama. Melalui penempatan yang biasa ini, maka peluang pembangunan kerjaya atau *career development* di kalangan anggota PBT adalah lebih baik daripada sistem tertutup yang diamalkan oleh PBT sekarang. Sekiranya cadangan tersebut diluluskan oleh kerajaan, maka usaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan jentera pentadbiran PBT mampu dicapai, terima kasih.

Dato Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ucapkan syabas kepada kementerian sebab sedang membuat kajian untuk supaya Akta Kerajaan Tempatan ini dapat dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya memang rasa tidak puas hati dengan PBT pada hari ini disebabkan kerana kita dapati bahawa kita terdapatnya banyak *Little Napoleon* dengan izin bermaharajalela di setiap PBT hingga keberkesanan PBT ini dipersoalkan.

Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah pihak kementerian mempunyai mekanisme untuk memantau *Little Napoleon* ini agar keberkesanan PBT ini tidak dipertikaikan. Sekian terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Pada keseluruhannya dengan mengambil kira beberapa masalah yang selalu wujud di dalam perkhidmatan PBT Kerajaan Persekutuan telah mencadangkan beberapa langkah-langkah baru dan mencadangkan 64 langkah yang ditujukan untuk menambahbaikkan perkhidmatan di PBT yang mengambil kira beberapa faktor, satu ialah daripada sektor *manpower*, nombor dua ialah daripada segi cara melicinkan lagi proses-proses yang digunakan untuk menyampaikan perkhidmatan kepada pihak orang ramai dan untuk mengambil kira segala penghalang yang ada di dalam perkhidmatan PBT supaya mereka boleh diatasi.

Seperti Yang Berhormat maklum bahawa tanggungjawab Kementerian Persekutuan iaitu Kementerian di dalam hal ini ialah tertakluk kepada mengeluarkan dasar garis panduan dan kita telah mewujudkan satu bahagian yang dipanggil bahagian-bahagian pemantauan Kerajaan Tempatan di mana kita akan kaji dan memantau sejauh mana PBT telah mengambil tindakan untuk melaksanakan segala langkah-langkah menambaiikkan yang telah dicadangkan oleh pihak kementerian.

Namun demikian, kuasa penghabisan, kuasa yang untuk mengambil tindakan ke atas pegawai-pegawai yang kerja di dalam PBT masih terpulang kepada PBT sendiri, dan Kerajaan Negeri dan tidak di bawah Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih. Apa sahaja masalah yang berkaitan dengan PBT merupakan satu masalah yang memang mendapat perhatian kepada seluruh masyarakat kerana PBT merupakan agensi pelaksana kepada dasar-dasar kerajaan.

Jadi soalan saya, apakah kuasa pihak kementerian dalam menangani kes-kes tatatertib pegawai-pegawai yang telah diputuskan oleh PBT yang tidak mengikut prosedur-prosedur dan

Perintah Am kerajaan. Saya pernah bertanya sebanyak tiga kali daripada tahun 2003, 2004 dan 2005 adakah pihak kementerian akan mewujudkan Suruhanjaya PBT, jawapan yang pertama akan dikaji, jawapan kedua akan dirancang dan tahun lepas tidak akan dibuat, apakah sebabnya?

Dr. S. Subramaniam: Untuk menjawab bahagian pertama soalan, apakah kuasa Kementerian Persekutuan di dalam menangani kes-kes tatatertib berkenaan dengan yang terlibat pegawai-pegawai PBT, jawapannya ialah Kementerian Persekutuan tidak mempunyai apa-apa kuasa di dalam hal itu. Ini terpulang kepada PBT dan Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan. Untuk menjawab soalan yang kemudian tentang apa yang terjadi kepada suruhanjaya yang telah dicadangkan. Kita masih berusaha kerana ada pelbagai masalah yang dihadapi. Satu daripada segi undang-undang, apa-apa perubahan yang Kementerian bercadang untuk membuat di dalam PBT supaya menambahbaikkan perkhidmatan itu adalah berasaskan kepada prinsip bahawa kuasa autonomi yang ada di dalam PBT tidak ditarik balik atau diubah.

Nombor dua, daripada segi undang-undang dan Perlembagaan, sejauh mana ini akan terlibat, prinsip tiga peringkat kerajaan yang telah ditetapkan di dalam perlembagaan kita iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Daripada segi ini tiap-tiap kali bila kita mencadangkan satu cadangan, ada masalah perundangan, ada masalah perlembagaan daripada segi pelaksanaan, oleh kerana ini adalah.....

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Adakah kajian sudah dibuat atau belum?

Dr. S. Subramaniam: Ya, ya...sudah ada, memorandum kepada Jemaah Menteri pun sudah buat tetapi selepas dikaji diberi balik untuk dikaji balik lagi dari segi perundangan ini tidak boleh diatasi kerana kalau kita mengurangkan kuasa Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri tidak akan puas hati, kalau kita tarik balik autonomi PBT, PBT tidak akan puas hati. So di dalam proses ini segala segi bila kita kaji ada pelbagai jenis masalah dan kita harap kita akan mewujudkan satu sistem di mana kelemahan ini boleh diatasi dengan tidak mengambil dan yang tidak akan secara mana kurangkan kuasa autonomi PBT dan masih mengekalkan peranan Kerajaan Negeri di dalam pengurusan PBT. Terima kasih.

10. Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor] minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada kerajaan akan mengetatkan pendiriannya terhadap Myanmar dan mengecam Junta Tentera Myanmar kerana kegagalannya dalam pendemokrasian dan pendamaian kebangsaan sesudah sembilan tahun memasuki ASEAN.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor di atas soalan yang dikemukakan. Kerajaan kita berpegang teguh dengan pendirian berkenaan pendemokrasian di Myanmar, kita mengharapkan proses demokrasi dapat dilaksanakan serta Aung San Suu Kyi dan tahanan-tahanan politik yang lain

dibebaskan dan berbagai lapisan masyarakat dapat mengambil bahagian dalam konvensyen kebangsaan bagi menggubal perlembagaan baru negara tersebut.

Malaysia juga sering menekan kepada Myanmar betapa pentingnya masyarakat antarabangsa dimaklumkan secara telus akan langkah-langkah yang diambil dan kemajuan yang dicapai supaya mereka terus mempunyai keyakinan terhadap komitmen Myanmar melaksanakan demokrasi di negara tersebut. Malaysia meyakinkan Myanmar adalah sebuah negara yang bebas dan berdaulat, kerajaan akan terus berdialog dan berbincang dengan kerajaan Myanmar sebagai negara sahabat yang kita mempunyai niat baik dan ikhlas untuk membantu negara tersebut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Baru-baru ini, di dalam mesyuarat kemuncak di Helsinki, *Asia Europe Meeting*, Myanmar terus menjadi beban dan *embarrassment* kepada ASEAN oleh kerana dikutuk oleh EU mengenai pencabulan hak-hak asasi, tidak ada *progress* dalam pendemokrasian dan penahanan yang terus, pemimpin-pemimpin pro-demokrasi termasuk Aung San Suu Kyi, kenapa kita masih membenarkan pendirian yang begitu degil di mana selepas, dekat 10 tahun Myanmar menjadi anggota ASEAN dan di mana ada jaminan akan ada kemajuan dalam pendemokrasian, kita terus menjadi pro-Myanmar, adakah kita rela ambil satu pendirian yang lebih tegas dalam *United Nation General Assembly* ialah yang akan datang ini supaya isu ini menjadi *high profile*, termasuk menyokong isu ini dalam agenda *United Nation Security Council* supaya Myanmar menjadi satu anggota dibidang antarabangsa yang lebih bertanggungjawab.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ipoh Timor di atas soalan tambahan yang dikemukakan, kita bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa perlu satu pendirian yang lebih tegas dalam soal Myanmar ini dan kita setuju bahawa Myanmar adalah merupakan satu Negara menjadi beban kepada ASEAN dalam menjaga imej dan integritinya.

Namun begitu ada beberapa perkara yang selalu kita sebutkan, pertama kita terikat dengan *Treaty of Amity in Corporation* dengan izin iaitu satu perjanjian untuk tidak campur tangan terhadap negara-negara yang lain. Yang keduanya, berdasarkan kepada beberapa perjumpaan dan penegasan kita kepada Myanmar, kini ASEAN telah memberikan pilihan kepada setiap negara supaya mempunyai pendirian masing-masing dan tidak semestinya pendirian yang bersifat konsensus seperti yang diputuskan sebelum ini.

Ketiganya, kita sangat memerhatikan tentang apakah yang akan berlaku pada Konvensyen Kebangsaan ataupun *National Convention* yang telah lama ditangguhkan dan dikatakan akan diadakan pada bulan Oktober ini. Itu merupakan satu agenda yang penting untuk kita melihat sejauh manakah mereka melaksanakan *route map* sebagaimana yang telah dijanjikan. Dan kita sendiri merasakan bahawa buat masa ini kita mahukan ASEAN lebih memainkan peranan daripada Bangsa-bangsa Bersatu itu sendiri. Dan kita nyatakan kepada

pihak kerajaan Myanmar dalam perjumpaan ASEAN baru-baru ini tentang kekesalan kita kenapakah pemimpin kita Yang Berhormat Dato' Menteri Luar yang menjadi wakil kepada ASEAN, yang tidak diberikan layanan yang sepatutnya. Sedangkan beberapa hari selepas itu mereka menerima kedatangan daripada wakil Bangsa-bangsa Bersatu ke Myanmar dan mereka dapat menemui pemimpin dan orang yang ingin ditemui. Dan kita telah memberikan ingatan bahawa jangan tinggalkan ASEAN dan beri peluang untuk ASEAN melaksanakan tanggungjawabnya dalam menyelesaikan isu ini.

Dan yang akhir sekali Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, perlu ditegaskan bahawa dalam menguruskan Myanmar dan anggota-anggotanya sekarang ini oleh kerana ASEAN pada peringkat penubuhannya tidak ada satu piagam yang khusus terutama sekali dalam mengambil tindakan terhadap negara anggota yang tidak begitu memenuhi peraturan ataupun prinsip-prinsip yang dipersetujui oleh ASEAN. Satu perkara yang penting sekali ialah penubuhan ASEAN *Charter* yang sekarang ini dalam peringkat draf yang dibuat oleh kumpulan tokoh-tokoh terkemuka yang akan dibentangkan dalam Sidang Kemuncak ASEAN pada bulan Disember di Filipina ini. Ini merupakan langkah-langkah yang kita rasakan dalam masa terdekat menjuruskan ke arah untuk mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap Myanmar. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat ada sedikit kecelaruan dan juga *double standard* pendirian ASEAN mengenai demokrasi. Kalau kita lihat Brunei misalnya, sebuah negara Asian tetapi tidak demokrasi, tidak ada demokrasi di Brunei. Seperti yang kita tahu Brunei diperintah oleh kerajaan beraja mutlak, tidak ada demokrasi dan kita tidak pernah mempersoalkan tentang demokrasi di Brunei. Soal penangkapan Aung San Suu Yin (Suu Kyi) pro demokrasi, di Brunei semua kita tahu bahawa pemimpin pro demokrasi Brunei iaitu tak silap saya Syed Azhari dibuang ke Singapura dan langsung tidak dibenarkan pulang ke Brunei.

Jadi di mana pendirian kita sebenarnya mengenai demokrasi? Kita mempunyai ASEAN Plus Three, salah satu ASEAN Plus Three adalah China. China juga bukan sebuah negara demokrasi. Tapi kita masih mengambil China sebagai rakan kita di dalam ASEAN Plus Three.

Jadi soalan saya ialah apakah pendirian sebenar kita mengenai demokrasi? Demokrasi bentuk mana yang kita inginkan oleh ASEAN sehingga kita mengambil Myanmar sebagai satu isu demokrasi dan satu isu bukan demokrasi rakan ASEAN China dan negara ASEAN Brunei tidak pernah dijadikan isu. Adakah kita akan meminta Brunei untuk menukarkan negara dia menjadi negara demokrasi seperti negara ASEAN yang lain?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bera di atas satu pandangan yang begitu menyeluruh. Di atas pandangan yang seperti itulah kita merasakan adalah merupakan bebanan kepada kita untuk tidak dilihat sebagai sebuah negara yang mengamalkan *double standard* ataupun tamam dua muka dalam soal ini. Kita tidak mahu dituduh kita hanya bertegas tentang Myanmar, kerana ini yang dimahukan oleh

negara-negara barat. Tetapi kita merasakan bahawa tidak ada demokrasi di China, di Vietnam misalnya sebagaimana yang kita kehendaki ataupun negara barat yang dikehendaki kita berdiam diri dalam soal itu. Sebab itulah kita katakan bahawa dalam soal ini, apa yang menjadi perkara yang serius yang disebutkan tentang Myanmar ini ialah tentang isu hak asasi manusia, mungkin sukar untuk kita mencari satu negara di dalam dunia termasuk Amerika Syarikat yang mempunyai rekod hak asasi manusia yang 100% bersih, satu perkara yang sukar ditentukan manakah negara yang sepenuhnya bersih untuk kita nyatakan kita menyokong mereka.

Tetapi Myanmar adalah pandangan yang menyeluruh yang dianggap salah sebuah negara yang menjadi negara yang dikatakan negara polis sebagaimana yang dikatakan oleh buku teks, segala ciri-ciri negara polis itu ada di sana, yang dikatakan seperti Myanmar. Sebab itulah kita rasakan juga ia menjadi satu bebanan kepada negara, kepada Asian untuk terus memikul sebuah negara yang mempunyai imej yang begitu teruk dari segi hak asasi manusia untuk kita mengatakan bahawa kita menyetujui dan tidak membantu bagaimana untuk mengubah keadaan dan dasar yang ada dalam negara tersebut supaya mereka dapat bersama-sama dalam menjadi sebahagian daripada masyarakat dunia negara rantau ini untuk kita bina ASEAN sebagai sebuah negara yang mempunyai sebagai sebuah pakatan yang mempunyai kredibilitinya. Terima kasih.

11. **Datuk Richard Riot Ak. Jaem [Serian]** minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan terkini mengenai cadangan kerajaan untuk memansuhkan Skim Pencen yang sedia ada dan menggantikannya dengan Skim Faedah Pencen Bercarum (FPB) menerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan dari Yang Berhormat bagi Gopeng pada 18 September 2006 dan Yang Berhormat bagi Sri Gading pada 6 November 2006 kerana menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar kerajaan sedang mengkaji dengan teliti bagi menggantikan Skim Pencen sektor awam sekarang dengan satu Skim Kaedah Persaraan Baru ataupun Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) untuk dilaksanakan bagi anggota-anggota baru. Tujuannya ialah untuk menjimatkan perbelanjaan kerajaan berhubung dengan pemberian kadar faedah persaraan kepada anggota kerajaan di samping memberi suatu pakej persaraan kepada anggota baru yang lebih lumayan berbanding dengan yang dinikmati oleh anggota di bawah skim pencen sekarang.

Skim Pencen sektor awam yang ada sekarang adalah diakui sebagai yang terbaik di antara skim-skim faedah persaraan sektor awam yang ada khususnya kerana ia tidak melibatkan caruman dari anggota. Skim yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan ini kini memakan belanja sebanyak RM5.3 bilion setahun meliputi 530,000 pesara dan penerima pencen. Kos ini dijangka

meningkat sebanyak 15% pada setiap tahun. Skim pencen yang sedia ada ini adalah terjamin di bawah Perlembagaan Persekutuan dan akan diteruskan bagi anggota yang sedang berkhidmat. Skim baru yang sedang dirancang akan hanya meliputi anggota baru yang dilantik mulai satu tarikh yang akan ditetapkan oleh kerajaan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, skim baru yang dimaksudkan ini sedang dihalusi bersama oleh kerajaan dengan semua pihak yang berkepentingan termasuk CUEPACS iaitu Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam. Skim baru ini akan melibatkan caruman dua pihak iaitu kerajaan dan anggota kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen sepanjang perkhidmatan anggota. Saya ingin menegaskan Kumpulan Wang Amanah Pencen atau KWAP ini sama sekali tidak sama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya adalah ditegaskan bahawa kebajikan hari tua anggota sektor awam akan terus mendapat perhatian dan keprihatinan kerajaan.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan pada tahun 1991 ada option skim KWSP. Jadi apakah perbezaan dengan skim yang baru ini yang difahamkan lebih menarik. Dan berapakah kadar caruman pekerja dan juga bagi pihak kerajaan sendiri? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jawab tadi bahawa Kumpulan Wang Amanah Pencen ini sama sekali tidak sama dengan KWSP, dan sekarang ini di dalam perbincangan dan pihak kerajaan bercadang bahawa sumbangan daripada pihak pekerja dan pihak kerajaan tidak akan lebih merugikan mana-mana pihak termasuk skim di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja itu sendiri.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga faham tadi dikatakan dua skim iaitu skim pencen dan skim caruman kepada KWSP. Bimbang saya ialah bahawa adakah kita hendak buang skim pencen dan mereka akan hilang sama sekali segala macam faedah yang didapati pada masa ini. Bimbang saya ialah bagaimana kita hendak menarik orang untuk menyertai di dalam perkhidmatan awam, itu sahaja. Keduanya, apakah kalau ada skim yang baru ini, kita memberi opsyen kepada mereka yang hendak menyertai perkhidmatan awam sama ada pilihan mereka, pencen yang sudah sedia ada dan juga skim yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat beri penjelasan?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak jelaskan bahawa Skim Kumpulan Wang Amanah Pencen yang baru ini hanyalah akan dikuatkuasakan kepada mereka yang akan dilantik baru maknanya anggota baru di dalam perkhidmatan awam. Maknanya dalam erti kata mereka yang sekarang ini berada di dalam skim pencen akan diteruskan dan mereka yang ada di dalam kategori belum lagi membuat keputusan

iaitu antara satu hingga tiga tahun mereka juga akan diberi pilihan. Jadi dari segi kebaikannya saya ingin beritahu bahawa skim yang akan dilaksanakan ini akan lebih baik lagi kemudahan-kemudahannya daripada skim yang ada sekarang. Umpamanya kalau kita lihat dari segi yang lama, perkiraannya dia mengambil aktuari dia 25 tahun tetapi sekarang ini sepanjang perkhidmatannya akan diambil kira di dalam perkiraan pencen dia.

Kemudian dari segi pemberian ganjaran begitu juga, diberi sekali gus seperti mana yang dilaksanakan sekarang tetapi perkiraannya akan lebih bergantung kepada perkhidmatan. Sekarang ini ada had umpamanya 25 tahun begitu. Di samping itu pencen terbitan yang ada sekarang. Kita tahu pencen terbitan - 12 tahun ianya akan diberhentikan tetapi dalam skim yang baru, pencen terbitan ini tidak ada had masa. Maksudnya lebih baik daripada skim yang ada sekarang begitu juga wang gantian ataupun gantian cuti (GCR) akan terus diberikan kepada semua pihak. Dan kemudahan-kemudahan rawatan ini saya hendak sebut, kalau mereka yang pilih sekarang di dalam KWSP tidak ada kemudahan rawatan kepada mereka dan juga kepada ahli keluarga. Tetapi dalam skim yang baru ini, kemudahan rawatan dan juga kepada ahli keluarga akan diberi ataupun akan layak untuk menerima faedah-faedah ini.

Jadi saya juga ingin maklumkan bahawa keputusan keseluruhannya akan diselesaikan setelah pihak anggota-anggota kesatuan anggota kerajaan ini bersetuju bersama-sama dengan pihak kerajaan ianya akan dilaksanakan. Insya-Allah pelaksanaannya akan berdasarkan kepada menang-menang, makna kerajaan pun menang, anggota kerajaan pun menang. *Win-win situation* Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No. 12 – Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) tidak hadir]

13. Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan masalah atau kekangan yang menyebabkan Malaysia terlalu bergantung kepada import lembu sedangkan kita hanya mengeluarkan 20% daripada permintaan dalam negara. Bagaimana cara mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, memang kenyataan Yang Berhormat adalah betul iaitu kita hanya mengeluarkan 20% keperluan negara. Pada masa ini, Malaysia masih bergantung kepada bekalan import lembu bagi memenuhi sebahagian besar keperluan daging dalam negara. Penggantungan kepada bekalan import iaitu sekitar 80% adalah disebabkan oleh beberapa masalah atau kekangan seperti berikut:-

- (i) kekurangan induk atau betina dan baka pejantan yang berkualiti;
- (ii) kekurangan atau tapak yang terhad bagi mengusahakan penternakan dalam skala besar atau secara komersial;

- (iii) penglibatan yang masih rendah oleh sektor swasta atau korporat serta syarikat perladangan besar dalam industri penternakan lembu terutamanya dalam penternakan secara integrasi dalam perladangan sawit kerana tempoh matang ternakan serta pulangan ke atas pelaburan mengambil masa yang lama;
- (iv) sebilangan besar yang terlibat dalam bidang usaha ternakan lembu adalah penternak kecil atau luar bandar yang mengusahakan aktiviti ternakan lembu secara tradisional yang kurang ekonomik serta tidak berdaya saing;
- (v) ancaman penyakit lembu khususnya penyakit kuku dan mulut yang mempunyai implikasi ekonomi yang masih wujud dan masih belum dapat dibanteras sepenuhnya; dan
- (vi) kekurangan kemahiran tenaga kerja yang boleh dipertingkatkan di kalangan pengusaha atau penternak di peringkat lapangan.

Sehubungan dengan itu kementerian telah merangka beberapa strategi untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi meningkatkan populasi ternakan lembu serta pengeluaran daging lembu negara. Pelan tindakan meningkatkan pengeluaran daging lembu di bawah dasar pengeluaran daging lembu negara telah menggariskan beberapa strategi utama bagi mencapai matlamat yang disasarkan iaitu:-

- (i) untuk meningkatkan populasi atau ternakan lembu yang sesuai pengeluaran yang mapan menerusi peningkatan stok induk betina dan baka pejantan yang berkualiti serta produktif;
- (ii) meningkatkan keupayaan daya saing industri ternakan lembu pedaging;
- (iii) menambah baik persekitaran, perniagaan dan prasarana serta skim insentif dalam industri penternakan lembu;
- (iv) memperkukuh langkah *sanitary* dan *phytosanitary* bagi membasmi atau membanteras ancaman penyakit ternakan; dan
- (v) menambah baik kualiti produk dan pengeluaran produk tambah nilai.

Insyaa-Allah dengan pendekatan yang diambil, kita mengharapkan untuk mencapai dalam tahun 2015 iaitu mengeluarkan 40% kadar sara diri di mana populasi ternakan lembu disasarkan kepada 1.65 juta ekor dan dengan daging lembu sebanyak 62,300 tan metrik. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Setiausaha Parlimen. Kita memang mengemukakan fakta yang benarlah, maknanya kita terlalu

bergantung kepada import-import lembu. Dalam keadaan sekarang ini, hari perayaan akan tiba dan sebagainya. Nampaknya langkah sedang diambil oleh pihak kementerian, tahniahlah. Walau bagaimanapun apakah jaminan pihak kementerian dalam keadaan hari perayaan akan hampir tiba ini. Apakah jaminan yang boleh diberikan oleh pihak kementerian bahawa pembekalan lembu ini tidak akan menjejaskan permintaan daripada masyarakat ramai. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itulah memang kita telah mengambil beberapa langkah iaitu untuk kita membawa masuk bekalan daging daripada negara-negara yang telah kita pastikan bahawa pengeluaran mengikut apa yang kita syaratkan. Jadi insya-Allah di dalam masa-masa perayaan memang kita mengeluarkan permit yang lebih sedikit kepada mereka-mereka yang telah memenuhi semua syarat supaya membawa daging ini khasnya untuk memenuhi keperluan perayaan. Tetapi seperti yang saya katakan tadi untuk kita menyasarkan kepada 40%, kita telah mengambil beberapa langkah seperti yang saya telah saya gariskan dan insya-Allah menjelang tahun 2015 kita akan dapat sekurang-kurangnya 40%. Dan selebihnya kita akan menambah lagi dari segi beberapa perancangan yang telah kita sasarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Satunya untuk kita mengadakan satu lembah daging atau di bawah Program Sistem *Feedlot* Negara iaitu di Gemas Negeri Sembilan. Selepas itu kita ada juga satu projek di Batang Berjuntai di Selangor. Dan untuk kambing juga kita telah memilih satu tempat di Perak, khasnya di dalam Parlimen Larut iaitu untuk menternak di padang ragut sejuta ekor kambing boa.

Datuk Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya dengar jawapan daripada Setiausaha Parlimen mengatakan masalah kita ialah masalah kurang pejantan. Nampaknya masalah lembu ini juga sama dengan masalah manusia, orang jantan sudah kurang daripada orang betina atau orang lelaki kurang.

Tapi kita masalah baka. Saya diberitahu dahulu pernah bawa silap jantan, jantan itu besar sangat, lembu kita patah pinggang. [Ketawa]. Saya tidak tahu betul atau tidak tapi ini bukan soalan tambahan saya, soalan tambahan saya ialah mengenai import daging lembu tadi. Sekarang ini kita ada masalah tahu tentang halal haram dalam negara kita yang kita monitor sendiri.

Tengok roti High5 dah jadi masalah. Daging lembu ini banyaknya diimport daripada India dan saya diberitahu daging yang diimport ini dulunya ialah lembu itu datang ke *abattoir*, kemudian disembelih di situ dan dijamin halalnya kerana lembu yang datang lembu hidup dan disembelih cara Islam. Tetapi oleh kerana banyak sangat kita import lembu daripada India, sehingga ada yang disembelih tempat lain, *packing* tempat lain, hantar tempat lain.

Saya hendak tahunya apakah mekanisme Kementerian Pertanian atau Jabatan Pertanian atau Jabatan Haiwan untuk memastikan kehalalan daging lembu ini datang benda-

benda halal. Yang dalam negeri pun tidak terkawal, apa lagi yang duduk di India yang jauh daripada kita. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itulah Yang Berhormat, kita telah mengambil beberapa pendekatan dan satu daripadanya, kita memang bekerjasama rapat dengan pihak JAKIM. Sebab di dalam menentukan halal ini adalah bersama JAKIM. Jadi oleh yang demikian, permit-permit yang kita bagi ini, mereka hanya sah laku selama setahun. Setiap tahun kena *renew* dan setiap kali pihak Jabatan Haiwan bersama dengan JAKIM harus pergi ke tempat-tempat penyembelihan untuk memastikan bahawa segala syarat memenuhi apa yang ditentukan oleh pihak JAKIM, dan juga Jabatan Haiwan.

Jadi memang Yang Berhormat, kita telah menerima banyak sungutan iaitu mengenai daging India ini dan Yang Berhormat Menteri sendiri juga telah pergi memastikan bahawa segala syarat-syarat telah dipatuhi dan pada masa yang sama, ada juga syarat-syarat ditentukan oleh negara itu sendiri. Oleh yang demikian, memang kita memerlukan banyak kerjasama daripada JAKIM untuk memastikan bahawa daging ini betul-betul daging yang kita perlukan dari segi halal, dari segi kebersihan dan juga dari segi lembu yang betul-betul berkualiti. Ada satu rungutan Yang Berhormat, bila kita kata kita mengimport daging lembu, tapi sebenar yang datang, daging kerbau. Terima kasih.

14. Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tindakan yang diambil terhadap pegawai Perancang Bandar dan Desa di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang bertanggungjawab meluluskan cadangan 'pelan susun atur skim perumahan yang berkonsepkan bertentangan dengan amalan biasa seperti mengakibatkan jalan mati, lorong/jalan/parit bengkok bengkok, kepadatan penduduk, kekurangan petak letak kereta, pengecualian pembinaan rumah kos rendah, tidak mengambil kira kesulitan yang bakal dihadapi penduduk-penduduk asal dan lain-lain.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Terima kasih Yang Berhormat. Pelan susun atur adalah sebahagian daripada permohonan kebenaran merancang. Kebenaran merancang dikemukakan oleh pemohon atau pemaju kepada pihak berkuasa perancang tempatan atau BPT. Yang kemudian disemak dan dibincangkan di dalam Jawatankuasa Perancangan Bandar di BPT sebelum diluluskan melalui mesyuarat-mesyuarat majlis penuh BPT.

Adalah menjadi dasar di Majlis Perbandaran Seberang Perai di mana kelulusan kebenaran merancang bagi mana-mana perancangan di dalam kawasan pentadbiran majlis akan diputuskan dalam mesyuarat perancangan dan pembangunan dan bukannya oleh Pegawai Perancang Bandar dan Desa secara persendirian. Seterusnya kebenaran merancang tersebut akan disahkan dalam mesyuarat penuh majlis.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mempertimbangkan sesuatu permohonan kebenaran merancang, pihak berkuasa perancangan tempatan akan mengambil kira perkara-perkara di bawah Seksyen 22(2) Akta 172 iaitu;

- (a) peruntukan-peruntukan perancangan kemajuan seperti kegunaan tanah, kepadatan, kejiranan, jaringan jalan, keperluan kemudahan awam, *plot ratio* dan juga garis bantuan pelaksanaan;
- (b) peruntukan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan dan Akta Pembetulan seperti keperluan sistem jalan raya, perparitan dan pembangunan serta pembetulan dan jenis yang dicadangkan bagi sesuatu kawasan pembangunan;
- (c) nasihat jawatankuasa perancang negeri bagi memastikan permohonan kebenaran merancang telah mematuhi semua polisi dasar negeri atau Jabatan Teknikal, Piawaian dan Garis Panduan dan
- (d) bantahan dari pemunya tanah lot berjiran jika kawasan tersebut tidak mempunyai rancangan tempatan.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat mana-mana kes yang didakwa tidak mengikut peraturan yang ditetapkan pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai, sila menjalankan siasatan di atas perkara tersebut. Sekian.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan soalan ini ialah kerana ada berapa rancangan perumahan di kawasan saya di mana jalan-jalan sedia ada, jalan-jalan yang sedia ada apabila sampai satu kemajuan baru, ia disekat dan ditutup dan di pagar atau dikatakan *gated community*. Habis jalan ini sudah tidak boleh digunakan. Tengah-tengah telah disekat.

Ini berlaku di Jalan Mawar, Butterworth. Dan lagi satu yang belum lagi dibina tetapi pelan bangunan telah diluluskan ia di *Cassia Apartment Resort*. Juga di Jalan Raja Uda. Di mana pemaju ini tidak mahu memakai tanah sendiri untuk keluar masuk ke jalan raya. Dia simpan tanah sendiri untuk kemajuan masa depan dan menumpang jalan sedia ada. Bukan jalan, lorong sedia ada satu taman perumahan dan projek ini mengandungi 250 buah unit *apartment* yang berharga tinggi.

Jadi mana boleh satu pihak berkuasa tempatan membenarkan satu pemaju untuk kepentingan sendiri, tidak mahu membuka jalan sendiri tetapi menumpang lorong yang sedia ada dan ini pun boleh diluluskan. Saya meminta komen Yang Berhormat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Yang Berhormat bagi Bagan. Inilah memang kes yang spesifik. Kalau apakah dikatakan oleh Yang Berhormat benar, saya minta berikan satu laporan aduan bertulis kepada saya, saya janji saya akan menyiasat dengan teliti *then* beri jawapan dan menjelaskan kepada Yang Berhormat. Sekian.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak bercadang untuk terlibat secara langsung dengan apa yang berlaku di Bagan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita dapat

lihat di sini betul-betul kontra, betul-betul menafikan apa yang telah disebut oleh Setiausaha Parlimen sebentar tadi. Ia menampakkan tidak ada suatu keseragaman di dalam pelaksanaan polisi-polisi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Hari ini, Timbalan Menteri menjawab akan menyiasat dan sebagainya. Tetapi apa kuasa yang ada? Kerana autonomi yang diberikan kepada pihak berkuasa tempatan, apabila dibawa kepada peringkat mesyuarat majlis penuh, ahli-ahli majlis daerah, maka ia adalah suatu yang termaktub di bawah undang-undang kecil kerajaan tempatan tersebut. Jadi di sini saya minta supaya pihak kementerian buat kerja ini biarlah betul-betul objektif. Sampai kepada matlamatnya. Kalau perlu diwujudkan suruhanjaya, wujudkan suruhanjaya bagi memantau kegiatan di pihak berkuasa tempatan. Ha, ini dia.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apa dia Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam? Ini bukan ucapan, ini soalan inilah. Saya minta, saranan saya kepada pihak kementerian supaya mewujudkan satu sistem yang berkesan bagi memantau setiap kegiatan.. *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Cepatlah, soalan 16.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Soalan 16.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, janganlah ganggu dia.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Okeylah soalan 16. Minta maaflah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Semalam dah ada masalah. Hari ini, masalah lagi. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta timbalan menteri jawablah. Jawab panjang-panjang sikit pun tak apa timbalan menteri, terima kasih. *[Disampuk]*

Datuk Robert Lau Hoi Chew Sibui: Terima kasih. Walaupun di dalam sistem negara kita iaitu kerajaan tempatan, negeri dan Persekutuan. Tetapi, semua itu adalah berkaitan, kalau sesiapa iaitu PBTkah atau dia punya jawatankuasaakah, meluluskan permohonan pelan susun atur, saya fikir kementerian saya boleh memberi siasatan dan minta penjelasan, apakah sebabnya pelan kebenaran perancang tidak betul, apakah boleh diluluskan? Ini oleh sebab kita sudah ada undang-undang akta-akta berkaitan. Sekian, terima kasih.

15. **Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan rancangan kerajaan untuk membanteras masalah pelacur, pengemis dan penagih dadah yang masih lagi banyak berkeliaran dalam Bandar Raya Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, kegiatan penagihan dadah dan pelacuran di negara ini, terutamanya di Bandar Raya Kuala Lumpur tidak dijalankan secara terbuka. Biasanya mereka beroperasi hanya di kawasan-kawasan tertentu sahaja. Kementerian ini mengambil perhatian serius dalam menangani

masalah pelacuran dan penagih dadah di negara kita. Bagi membanteras masalah pelacur dan penagih dadah di sekitar Kuala Lumpur, pihak kementerian melalui PDRM merancang meneruskan usaha-usaha yang sedang dijalankan seperti berikut:-

- (i) menjalankan operasi yang berterusan dari masa ke semasa ke pusat-pusat hiburan dan tempat-tempat yang dikenal pasti menjalankan kegiatan penagihan dadah dan pelacuran. Operasi ini dibuat sama ada secara bersepadu dengan agensi penguat kuasa lain ataupun secara *single operation*, dengan izin oleh PDRM sendiri;
- (ii) mempertingkatkan risikan bagi mengenal pasti kawasan dan kegiatan pelacuran dan penagihan dadah;
- (iii) membuat permohonan kepada pihak berkuasa tempatan bagi membatalkan lesen perniagaan premis yang disalahgunakan sebagai pusat pelacuran.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pengemis yang dikatakan banyak berkeliaran di sekitar Kuala Lumpur pula, pihak kementerian ini tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menangkap dan menahan pengemis-pengemis di sekitar ibu kota kita. Walau bagaimanapun kementerian ini melalui PDRM memberikan kerjasama kepada pihak Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membantu dalam operasi tertentu untuk menangkap pengemis jalanan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Masa pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah pun habis.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, soalan penting mahu tanya dahulu. Fasal tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah, teruskan Yang Berhormat. Baiklah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak fasal tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata polis boleh tangkap, saya tidak faham..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ringkaskan Yang Berhormat, ringkaskan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Polis sudah tiada kuasa sekarang. Tidak boleh tangkap *prostitute*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Fu Ah Kiow: Apa dia tadi kata? Polis, polis memang ada tangkapan, ada kuasa. Mana tak ada kuasa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu sampaikan di sini, ini *prostitute* bukan semua dari negara kita. Ada banyak daripada luar. Macam daripada negara-negara luar, polis kita sekarang tidak ada kuasa tangkap. *[Disampuk]*
Tiada!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, soalan Yang Berhormat, soalan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau polis mahu tangkap, mesti mahu bersama-sama imigresen baru boleh. Tadi pagi, kawasan saya baru satu jalan tukar operasi. Tetapi polis sama imigresen belum sampai, bapa ayam semua sudah hilang!

Beberapa Ahli: Oh, ya ka? *[Ketawa]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ayam pun sudah hilang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kenapa polis itu tidak boleh jalankan tugas sendiri? Kenapa mahu berkongsi sama lain-lain agensi? Ha, minta penjelasan.

Dato' Fu Ah Kiow: Saya fikir soalan itu pun kurang tepatlah. Sebenarnya, polis menjalankan*[Disampuk]*

Nantilah, dengar! Dengarlah! Polis menjalankan operasi, misalnya untuk menangkap pendatang asing yang mungkin menyalahgunakan pas lawatan bersama dengan lain-lain agensi juga. Misalnya dalam Operasi Tapis ialah untuk menangkap penagih dadah dan Operasi Noda adalah dijalankan oleh pihak PDRM dan pihak imigresen bersama-sama untuk menangkap....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Fu Ah Kiow: ... untuk menangkap pelacur-pelacur tempatan dan asing.

[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan telah pun tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**PENUBUHAN SURUHANJAYA DIRAJA UNTUK MENYIASAT
KRISIS KEHAKIMAN 1988**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, sila.

11.36 pagi.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usul bagi menangguhkan mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), bahawa satu Suruhanjaya Diraja ditubuhkan untuk menyasat krisis kehakiman 1988. Dengan hormatnya saya Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Parlimen bagi Permatang Pauh, ingin mengemukakan usul di bawah Perkara 18(1), Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat untuk menangguhkan sidang mesyuarat Dewan Rakyat bagi membincangkan satu perkara tertentu, berkepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan, iaitu penubuhan satu Suruhanjaya Diraja untuk menyasat krisis kehakiman 1988.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perkara tertentu iaitu satu Suruhanjaya Diraja harus ditubuhkan khas bagi menyasat krisis kehakiman 1988, di mana perkara-perkara yang disoal dan disebut tentang kewibawaan dan kebebasan kehakiman Malaysia selama hampir dua dekad boleh diselesaikan dengan satu penyiasatan yang bebas dan mendalam di mana sejarah boleh mencatat secara jelas dan betul punca mengapa, bagaimana dan siapa yang bertanggung jawab terhadap krisis tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kepentingan orang ramai kerana sejak krisis kehakiman pada tahun 1988, kepercayaan rakyat kepada kewibawaan dan kebebasan sistem kehakiman di negara ini kian merosot. Masyarakat dan organisasi tempatan dan antarabangsa seperti Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Peguam Antarabangsa dengan izin, *International Bar Association*, Suruhanjaya Perundangan Antarabangsa, dengan izin, *International Commission of Jurist* sehingga sampai ke tahap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, menganggap krisis kehakiman 1988 sebagai insiden paling mengejutkan dalam sejarah Perlembagaan Malaysia. Di mana kesan-kesan daripada krisis ini masih dirasai.

Penubuhan Suruhanjaya Diraja tersebut juga disokong oleh Majlis Peguam Malaysia yang mewakili semua peguam dan bekas wakil khas Malaysia berkaitan dengan kebebasan kehakiman dan peguaman ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti Datuk Param Cumuraswamy. Ketiga adalah berkehendak untuk disegerakan. Seperti mana kewibawaan dan kebebasan badan kehakiman harus disegerakan kerana ia melibatkan persepsi rakyat, masyarakat kurang yakin terhadap badan kehakiman dan perlu dipulihkan serta diselesaikan dengan segera mungkin. Selagi kita melambatkan keputusan dan proses ini, rakyat akan terus

memandang negatif terhadap badan kehakiman negara. Ini akan menjejaskan keseluruhan sistem demokrasi negara kita dan melambatkan pertumbuhan ekonomi kerana masyarakat dan pelabur juga hilang kepercayaan terhadap pentadbiran negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) daripada Yang Berhormat Ahli bagi Permatang Pauh pada hari Selasa 12 September 2006 . Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, perkara ini tidak perlu disegerakan, saya difahamkan bahawa perkara ini telah dibangkitkan. Ini bukanlah isu yang baru, perkara ini telah dibangkitkan dalam Fasal 4 perkara 125 Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “ Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh enam bilion lima ratus sepuluh juta dua ratus sembilan belas ribu ringgit (RM46,510,219,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2007, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2007, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2006, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.” **[13 September 2006]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh.

11.43pg.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum (wbt). Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk berucap sekejap pada pagi ini dan kawan-kawan bolehlah menunggu kerana saya tidak akan mengambil masa yang lama dan saya juga tidak akan bercakap dengan nada berapi-api seperti biasa. Tetapi cukuplah untuk saya mulakan ucapan ini dengan satu seruan kebenaran iaitu “marilah kita sama-sama berdoa mudah-mudahan hidup kita akan bahagia di dunia dan akhirat.

Seperti mana peristiwa hadis daripada Saidina Aisyah r.a mengatakan bahawa pada suatu hari Rasulullah pulang dari perjalanan dengan keadaan yang tergesa-gesa kemudian nampak seperti ada sesuatu yang penting. Maka beliau tidak bercakap dengan isterinya tetapi terus mengambil air sembahyang atau wuduk terus masuk ke dalam masjid dan kemudiannya berdiri di atas mimbar. Maka berkatalah Rasulullah (s.a.w) sabda baginda “wahai manusia sesungguhnya Allah telah memerintahkan kepada kamu supaya menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran dan kejahatan. Kalau tidak, masa akan tiba pada suatu hari nanti iaitu apabila kamu berdoa maka doa kamu tidak dimakbulkan. Apabila kamu memohon kepada Tuhan untuk sesuatu keperluan, keperluan kamu tidak akan diizinkan dan apabila kamu memohon kepada pertolongan, pertolongan itu tidak ditunaikan”.

Marilah kita sama-sama menolak agar kita tidak menempuhi saat-saat ini dan mengambil kesempatan hari ini untuk menjadi manusia yang baik. Sebagai Ahli Parlimen kita ada tanggungjawab yang besar untuk membantu negara, sama ada kita daripada pembangkang atau daripada kerajaan. Seorang manusia itu mengikut Al-Quran dalam Surah Ar-Ra’du ayat yang kelima yang menyatakan bahawa “dalam tubuh manusia itu ada seketul hati, kalau hati itu baik maka baiklah manusia itu. Kalau daging itu atau seketul darah itu jahat maka jahatlah manusia itu”. Dengan mukadimah itu saya namakan mukadimah itu sebagai seruan kebenaran.

Saya ingin mengikuti kepada bajet yang telah dibentangkan, saya ingin mengambil yang pertama sekali mengenai pelajaran. Saya ingin menegur sedikit sistem pelajaran yang ada pada hari ini kerana saya rasa ianya tidak disepadukan. Keadaan sistem pendidikan kita yang telah diluluskan peruntukkan yang begitu besar sebanyak RM19 bilion telah menghadapi satu kecelaruan walaupun sudah banyak kejayaan yang kita tempa. Sebagai satu contoh saya bagi, orang-orang Cina, orang-orang bukan Melayu selalu meneriakkan sama ada ianya dari parti kerajaan atau parti bukan kerajaan mengenai persekolahan anak-anak mereka. Yang

merupakan keperluan asas kepada mereka, mestilah ada sesuatu sebenarnya yang dirasakan tidak kena yang harus kerajaan ambil perhatian tentang perkara ini.

Sebagai orang yang adil sebagai kerajaan yang mewakili semua kaum, sebagai kerajaan yang mewakili semua bangsa yang memerintah dalam sebuah negara yang sebegini aman kita harus melihat perkara-perkara seperti ini. Orang Melayu juga menghadapi masalah dalam sistem pendidikan dan orang Melayu juga bercakap bahawasanya ada sesuatu yang tidak kena kepada sistem pendidikan ini yang perlu kita betulkan. Maka marilah sama-sama kita perbetulkan. Dua hari lepas Menteri Pelajaran datang menjawab soalan saya. Saya tidak faham kenapa kita harus asing-asingkan pendidikan ini.

Pada saya pendidikan ini harus berada dalam satu bumbung. Satu bumbung yang sama, satu sistem pendidikan yang sama dan mengambil kira semua kehendak orang yang berada. Orang yang hendak kepada aliran agama, agama ada di sekolah itu. Yang mahu kepada pendidikan Cina dan budaya Cina, ada orang Cina di situ. Yang mahu kepada pendidikan India ada kebudayaan dan ada kehendak-kehendak etnik India di situ. Kalau itu boleh disatukan dan kalau ianya perlu diperpanjangkan sistem pendidikan ini daripada pukul 7 pagi sehingga 4 petang, atau 3 petang. Apa salahnya kita berbuat demikian, yang penting kita sepadukan pendidikan ini supaya tidak lagi ada segregasi dan ada soal-soal perkara yang diperbincangkan ini yang menyebabkan kita sampai bila pun tidak akan selesai kerana masing-masing akan memperjuangkan hak kedudukan masing-masing. Itu soal pendidikan.

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya tidak ada masa panjang, saya minta maaf kepada kawan-kawan sebab saya terpaksa berundur awal dan saya tidak beri peluang. Saya harap kalau ada perkara-perkara yang hendak dibincangkan mengenai perasaan masing-masing kita boleh bincang di luar dan kita tanya masa menteri yang menjawab.

Saya hendak tanya Kementerian Pelajaran yang saya tidak faham sekarang satu perkara yang berlaku, politeknik duduk di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, IPG duduk di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, tetapi kenapa pentadbiran mereka masih duduk di bawah Kementerian Pelajaran. Di politeknik ianya dipanggil guru dipanggil pengetua tetapi pentadbirannya duduk di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Tetapi pertukaran pegawai, pertukaran cikgu, kenaikan pangkat cikgu duduk di bawah Kementerian Pelajaran. Saya tidak faham yang ini, adakah Kabinet tidak tahu, Menteri Pendidikan Tinggi ada di sini saya sudah sebut perkara ini banyak kali dan saya harap perkara ini dapat diselesaikan segera.

Saya diberitahu keadaan ini berlaku kerana dalam Kementerian Pelajaran, kalaulah politeknik keluar dari Kementerian Pelajaran, kalaulah Institut Pendidikan Guru keluar dari Kementerian Pelajaran, maka taraf Ketua Pengarah Pelajaran itu akan turun kerana pangkatnya akan jadi kecil sebab jabatan di bawahnya sudah kecil. Kalaulah ini alasan yang dipakai alangkah tidak seronoknya negara ini, alangkah tidak betulnya pentadbiran negara ini.

Seorang Ahli: [Bangun]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya minta maaf Yang Berhormat saya bukan tidak hendak bagi. Kita ambil masa yang lain saya ada banyak perkara.

Yang ketiga saya hendak bercakap ialah mengenai pelaburan bumiputera. Tiap-tiap hari bumiputera bercakap tentang soal tidak cukup ekuiti. Orang Cina kata ekuiti sudah cukup, orang bukan Melayu kata sudah cukup, orang Melayu kata tidak cukup, akhirnya kita keluar statistik daripada 25 turun kepada 17. Mestilah ada yang tidak betul; yang kata banyak, yang kata sedikit. Tetapi pada saya sebagai orang bumiputera berasal dari kampung anak kampung saya tengok memang betul kita berada dalam keadaan yang daif.

Apa salahnya kalau PNB hendak naikkan pelaburan, kenapa tidak naikkan daripada 200,000 simpanan ASN atau ASB naikkanlah kepada setengah juta tanpa mengambil hak sesiapa pun ekuiti dengan sendiri bertambah. Benarkan 200,000 kepada setengah juta sebab 200,000 ini sejak tahun 1980. Sekarang sudah tahun 2006 hendak masuk 2010. Yang ada duit masuklah yang tidak ada duit hendak buat macam mana? *You don't take anybody money*, kalau *you* ada duit simpan. Pelaburan dengan sendirinya masuk dalam PNB dan ekuiti kita dengan sendirinya bertambah tanpa mengambil hak orang lain. Itulah sepatutnya berlaku, kita menambah ekuiti kita, menambah harta kita dengan tidak merampas hak sesiapa. Sebab merampas hak seseorang adalah satu perbuatan yang salah dan bercanggah dengan universal *value* dan juga perundangan Islam yang ada.

Yang keempat saya hendak bercakap mengenai pendidikan tinggi. Universiti, kita ada Kementerian Pengajian Tinggi diadakan pada zaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini kerana kita hendak melihat supaya pendidikan anak-anak kita terdidik tanpa mengira agama, bangsa, batas perkauman ataupun parti politik. Maka kita lahirkan universiti swasta dan kita lahirkan juga universiti awam. Yang saya hendak tanya apakah ada satu mekanisme daripada pihak kerajaan yang mengawal universiti swasta ini? Saya masih ingat semasa saya seorang pelajar universiti saya diberitahu diasuh supaya menentang Universiti Merdeka dan saya pun terpanggil dan menentang Universiti Merdeka semasa Datuk Seri Musa Hitam menjadi Menteri Pelajaran. Tetapi hari ini bukan universiti merdeka sahaja ditubuhkan tetapi Universiti Lim Kok Wing pun ada.

Betapa tiak relevannya perjuangan pada masa itu dan betapa terbukanya pada hari ini. Apa yang berlaku sebenarnya pada hari ini? Apakah universiti swasta ini dibenarkan begitu sahaja tanpa mengira kualitinya, hendak jaga *international* standard begitu juga dengan *International School* datang dengan berbagai-bagai standard dan piawai akhirnya menyebabkan kita celaru lagi. Saya minta kerajaan membuat sesuatu kalau perlu diaktakan, aktakanlah. Kalau perlu diperundangan, perundangkanlah. Ini supaya kedudukan universiti swasta ini diperbadankan dan dijaga dikawal supaya ianya boleh kita melihat untuk kepentingan negara. Sebab saya kata demikian ialah kerana saya bimbang dengan banyak universiti swasta,

banyaknya perkara-perkara yang konon hendak mencapai *international* standard akhirnya kita hilang arah dan tuju nilai-nilai, *value* negara ini sendiri.

Kita hendak lahir sebagai sebuah negara Malaysia, kita hendak jadi sebuah bangsa yang berjaya, kita hendak jadikan, *we have a dream* di mana dengan izin, *one day* kita tidak akan lagi dikenali sebagai bangsa-bangsa yang kecil dalam negara ini, kita akan dikenali sebagai orang Malaysia berketurunan Melayu, orang Malaysia berketurunan Cina, orang Malaysia daripada Bukit Mertajam, orang Malaysia daripada Ketereh, orang Malaysia daripada Permatang Pauh. Semuanya itu menuju kepada satu sistem yang baik, tetapi adakah kita buat sistem itu, apakah itu yang kita hidangkan kepada rakyat,

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Bangun*]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: ...minta maaf saya....*I'm in the flow*, dengan izin. Apakah kita hidangkan perkara itu kepada rakyat kita. Kita sebagai sebuah kerajaan yang penting kepada kita adalah soal hidangan, menu yang hendak kita bagikan kepada rakyat. Sama seperti ibu-bapa, apakah kita hendak hidang kepada anak kita, apakah kita biarkan pembantu rumah kita menghidangkan sesuatu kepada anak kita, dia hendak masak mee, dia masak mee, dia hendak masak nasi goreng, masak nasi goreng.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Minta maaf, saya janji saya masa yang pendek, saya ada sembilan minit sahaja, saya janji dengan speaker saya hendak habis sebelum pukul 12.00. Menu ini penting, kalau kita hendak bagi menu kepada anak kita, kita kena beritahu pembantu rumah, kamu mesti beri susu pagi ini kepada anakku. Maka pembantu rumah akan beri susu. Kamu masak ini, dan sebagainya, sebab apa, sebab menu inilah yang akan membentuk peribadi anak kita. Dan menu ada dua, satu makanan biasa, yang besarnya ialah menu rohani yang kita bahagikan kepada rakyat kita. Apakah kerajaan kita memberikan menu ini kepada rakyat kita? Apakah ini yang kita hidangkan kepada rakyat kita? Kita bercakap soal Islam Hadhari, kita bercakap soal memupuk manusia yang berjiwa besar, kita bercakap soal menjadi manusia yang 'sumo', kita menyatakan manusia yang ada integrasi yang boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa yang lain. Tetapi yang dihidangkan kepada rakyat kita sebenarnya bercelaru. TV swasta dengan gayanya, TV kerajaan dengan gayanya, perkara-perkara yang *extravaganza* yang melebihi-lebih ini. Cukup memeningkan kepala, kita ada mekanisme untuk mengawal, tetapi kita tidak mengawal, dengan Akademi Fantasia...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak boleh minta penjelasan?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Okay, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat, sebab kita melihat dalam Dewan Rakyat ini, lebih-lebih lagi DAP, apabila ada isu sekolah Cina, DAP cakap. Kadang-kadang terikut-ikut Wakil

Rakyat Barisan, seharusnya kita Wakil Rakyat Malaysia, tidak kira Melayu, Cina, India, kita menyuarakan masalah Cina, masalah Melayu, masalah India, masalah orang suku kaum, itulah namanya wakil rakyat Malaysia. Jadi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan sudah tiba masanya kita berfikir cara Malaysia. Walau pun kita Ahli-ahli Barisan Nasional menyuarakan soal-soal keseluruhan, jangan soal kaum kita sahaja, sebab ini menyempitkan fikiran kita, minta penjelasan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih. Sebelum saya bagi penjelasan, saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, semua ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini adalah sebahagian daripada ucapan saya. Jadi saya terima semua kecuali daripada pembangkang yang tidak baik, yang baik pun sebahagian daripada ucapan saya, dan saya minta menteri-menteri nanti apabila menggulung nanti jangan lupa akhirnya jemput dan Ketereh, sebab saya juga sebahagian daripada ucapan saya. Jadi kalau siapa menyampuk pun itu sahajalah jawapan saya.

Saya hendak sebut soal menu tadi, saya tidak habis soal menu dan saya *was interrupted*, tidak apa. Kalau kita benar mahu menjadikan negara ini sebuah negara yang aman, kita semua kena ikhlas, pembangkang kena ikhlas, kerajaan kena ikhlas. Tidak usah lagi ada pergaduhan yang besar-besar. Yang saya tidak faham hari ini ialah pergaduhan yang berlaku ini sebenarnya di mula daripada atas, bukan dari bawah. Rakyat tidak pernah bergaduh, yang mengadu 'domba' rakyat ialah kita sebenarnya. Kita pemimpin negara, yang besar, yang pencen, yang sudah bersara. Kenapa kita jadi begitu? Kalau kita benar mahu membangunkan negara ini, kalau kita benar ada tanggungjawab kepada rakyat, sebenarnya saya selalu memberitahu diri saya bahawa saya tidak layak berada di sini, ada orang lain yang lebih layak, kerana setiap hari, saya menghadap Tuhan, dan bertanya kepada diri saya, apakah benar aku telah menjalankan tanggungjawab aku sebagai seorang pemimpin? Jawabnya ya, tetapi tidak. Ya kerana kita rasa bahawa kita sudah buat, tetapi tidak cukup, sebab itu semua orang bercakap soal tidak cukup, tidak cukup itu, dan tidak cukup ini. Tetapi kita terpaksa menjalankan tanggungjawab ini.

Pemimpin bergaduh, rakyat susah, pemimpin berebut, rakyat jadi merana. Saya sebut kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading dalam peribahasa Inggeris, "*if the curtain has fall, the best....if... [Disampuk]* Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong, "*if the curtain has fallen, the best way actor can do is to go away*", sekiranya tirai itu sudah berlabuh, maka pelakon-pelakon tidak usahlah tunggu atas dewan, duduk menanggung lagi, keluar balikkah, sebelum penonton baling kasut. Begitu juga dengan kita, masa akan sampai, masa akan tiba, bila tirai dilabuhkan, apabila tirai sudah dilabuhkan tunggu apa lagi atas *stage*, pusing belakang, terima kasih, duduk, orang tepuk balikkah. *We have our time, they have their time*, dengan izin, *you have your era, we have our era. We have done job, we are doing job, we are going to do job*, tetapi masa akan tiba untuk kita berhenti. Berhentilah, bersaralah, marilah kita sama-sama kembali ke Masjid, kembali

ke surau, yang Kristian, kembalilah kepada Gereja untuk beramal menjadi bekalan di akhirat. Saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Cheras.

11.55 pg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah menyemak Bajet 2007 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan mendapati beliau tidak menyentuh langsung masalah rasuah dan politik wang yang sudah mengambil tempat dan kedudukan dalam masyarakat Malaysia untuk membawa negara ke arah kehancuran dan kemusnahan. Apa yang beliau uar-uarkan pada tiga tahun dahulu, sewaktu mula memegang tampuk kerajaan untuk memerangi rasuah secara habis-habisan, sudah tinggal kenangan sahaja dalam lipatan sejarah pentadbiran kerajaan. Kini beliau sudah tidak berani berkata besar untuk memerangi jenayah rasuah kerana ia pasti menjerat diri beliau sendiri. Kita lihat sendiri apa yang sudah berlaku pada Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, bekas perdana menteri kita yang telah meletak jawatan sebagai orang nombor satu kerajaan yang mana beliau disingkirkan secara halus untuk tidak memilihnya sebagai salah seorang perwakilan UMNO bahagian Kubang Pasu untuk menghadiri perhimpunan Agung UMNO yang akan datang, dengan hanya bermodalkan RM200 sebagai hadiah setiap wakil dikehendaki tidak memilih beliau sebagai perwakilan menerusi menu yang diedarkan kepada perwakilan secara sulit dan licik. Akhirnya Tun Dr. Mahathir tersungkur di Kubang Pasu iaitu bahagian yang pernah dikepalainya sejak tiga dekad lalu oleh orang-orang yang pernah menaikkan, memastikannya kedudukannya dan kini mengkhianatinya pula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ya, tidak masa pun saya...arahan perdana menteri berikutan...

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, mana dia tahu UMNO bagi RM200 ini? Tuduhan melulu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Jangan buat kacaulah.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Janganlah itu tuduhan melulu.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ini satu kenyataan oleh bekas perdana menteri, bekas Presiden UMNO, ambil serius bukan main-main...

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Kita minta dia *report, report* lah kalau perlu.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, jangan melepaskan dia, kacau sahaja, daripada meneruskan ucapan saya. Arahan perdana menteri berikutan pendedahan Tun Dr. Mahathir bahawa wujudnya 'menu' berserta wang politik menyebabkan beliau tidak terpilih iaitu meminta Badan Perhubungan UMNO Kedah menyiasat dakwaan adalah satu jenaka.

Mereka yang diminta menjalankan siasatan adalah perancang utama supaya Tun Dr. Mahathir tidak terpilih. Bagaimana pula hendak menyiasat untuk mengesahkan bahawa tidak wujud politik wang dalam UMNO. Dalam isu ini tidakkah ini satu kerja pura-pura. Tun Dr. Mahathir sudah menjadi mangsa politik wang dalam UMNO yang pernah difikirkannya. Tiada siapa pun boleh menafikan tentang kelantangan kami DAP dan badan lain supaya politik wang dihapuskan, akan tetapi beliau tidak serius, tidak mahu mengambil peduli seruan kami dan kini apa sudah jadi?

Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mahathir menjadi mangsa atas kesalahan sendiri, semasa menjadi perdana menteri tidak mahu tidak mahu menggunakan kapasiti untuk menghapuskan politik wang. Sekarang menjadi mangsa, siapakah yang hendak dipersalahkan kerana beliau merintis sistem politik wang boleh berkembang di negara ini. Tidak mahu serius untuk memastikan BPR bertindak tegas tanpa mengira bulu.

Adakan undang-undang rasuah untuk membanteras rasuah. Ikan-ikan bilis dijala dan dipukat dan didakwa bagi memastikan bahawa Akta Pencegah Rasuah sebenarnya masih berkuat kuasa dan dilaksanakan, tetapi ia dilaksanakan ke atas ikan-ikan bilis, sebaliknya ikan jerung pegang lepas, pegang lepas tanpa ada tindakan tegas.

Sekarang Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri. Dari awal komited untuk membanteras rasuah habis-habisan. Mengapa tidak dilakukan ke atas politik wang sebegitu? Mengapakah ada *double standard* dalam menguruskan kes rasuah? Satu kes rasuah UMNO, satu kes bukan rasuah UMNO? Jika, selepas tiga tahun menjadi Perdana Menteri sudah tidak berupaya untuk membanteras rasuah secara *total*, tidak hairanlah jika kes projek kroni, penyelewengan kontrak dan tender masih menjalar dalam sistem pembangunan negara kita, walaupun sudah beralih tampuk pentadbiran negara.

Siasatan dalaman oleh Jawatankuasa Tatatertib UMNO ke atas politik wang dan rasuah dalam UMNO tidak membawa apa-apa makna dan tidak membuahkan hasil yang baik, yang boleh membantu usaha kerajaan memerangi rasuah di negara ini. Apa yang perlu dan sangat wajar ialah BPR diberikan kuasa penuh untuk menyiasat secara menyeluruh kes-kes politik wang dan rasuah dalam parti seperti UMNO. Tanpa BPR berupaya memainkan inisiatif, tidak ada maknanya slogan kerajaan dan komitmen kerajaan untuk memerangi rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu BPR wajar diarah oleh Perdana Menteri supaya menyiasat dakwaan Tun Dr. Mahathir kerana ini melibatkan integriti dan maruah kerajaan sendiri yang mana tangkapan rakyat dan pihak luar bahawa ramai pemimpin tinggi kerajaan dan politik UMNO terlibat dalam amalan rasuah tanpa dapat dikesan. Perdana Menteri hendaklah mengambil kira bahawa politik wang adalah satu kesalahan yang serius dan akan menjadi barah yang memakan anak bangsa dan generasi ke generasi. BPR mesti bertindak tegas tanpa memilih bulu dan memilih kasih. Kita harus ingat bahawa dakwaan ini datangnya daripada Tun Dr. Mahathir sendiri dan bukannya ahli biasa UMNO. Sama ada Tun Dr. Mahathir membuat aduan kepada

BPR atau tidak dalam kes politik wang perwakilan Kubang Pasu, maka BPR hendaklah mengambil daya usaha sendiri untuk menyiasatnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya ingin timbulkan lagi ialah satu perkara yang ada kena mengena dengan langkah keselamatan bagi kediaman rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Kompleks Seri Perdana. Saya telah difahamkan kerja-kerja bagi baik pulih dan penggantian peralatan dan sistem keselamatan di kediaman rasmi Perdana Menteri sedang giat berjalan dan saya mendapati bahawa satu jumlah perbelanjaan untuk maksud ini sebanyak hampir RM20 juta atau tepatnya RM19,570,000 telah pun diluluskan untuk kerja-kerja tersebut.

Ingin saya bertanya di sini, kerja-kerja berkenaan ialah untuk membaik pulih dan mengganti Kompleks Seri Perdana bukanlah suatu bangunan yang lama dan usang tetapi masih dianggap baru lagi. Apakah perlunya penggantian itu dan yang menelan kos yang begitu tinggi? Kalau bukan dahsyat kerana saya mendapati kebanyakan alat-alat atau *devices* yang digunakan bukan kesemuanya diimport dari luar negara tetapi ada sebahagiannya yang lebih kurang 30% adalah pembuatan tempatan.

Saya memang bersetuju, sebagai pemimpin tertinggi kerajaan negara ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kediamannya haruslah dilengkapi dengan alat-alat keselamatan yang paling baik, canggih, sofistikated dan kalau boleh *state of the art* untuk melindungi keselamatannya sebagai pemimpin tertinggi negara. Tetapi apa yang membingungkan saya ialah wang sejumlah begitu besar dibelanjakan, adakah kesemua alat-alat yang telah dilengkapi atau dipasangkan pada masa dahulu telah terbukti usang, tidak berkesan lagi dan mesti digantikan kesemuanya.

Saya ingin menyoalkan beberapa *items* yang menjadikan sebahagian perbelanjaan dalam kerja-kerja ini nampaknya jumlah wang adalah begitu besar walaupun alat-alat yang digunakan nampaknya bukan alat-alat yang begitu sofistikated sekali, kecuali mungkin adalah suatu alat iaitu *anti terrorist ramp*, yang datang dengan *additional racing bullets*. *Bullet* ini bukan '*bullet*', *bullet* ini ialah tiang rendah, di mana ia menelan kos RM4,291,000 juta dan lain-lain yang menimbulkan kecurigaan ialah seperti CCTV.

CCTV ini pun menelan kos tinggi, sebanyak RM3,465,000 juta. Alat keselamatan bagi *perimeter wall*, iaitu satu *detection system* untuk *perimeter wall*, yang menelan belanja sebanyak RM3,880,000 juta dan *items* yang lain termasuk *control room* pun menelan kos tinggi - RM1,067,000 juta; *fencing* dengan *security system* - RM900 ribu; *feeder pillars and armour fiber cables* - RM800 ribu; *power cable for feeder pillars* - RM820 ribu; *visitor management system* - RM500 ribu; *integrated building security system* - RM600 ribu; *engineering training TNCOMM*, saya tidak tahu apa itu, yang menelan kos RM623 ribu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu macam mana tawaran kerja ini diagihkan. Surat setuju terima projek ini telah dikeluarkan oleh sebuah syarikat di Shah Alam. Adakah syarikat itu dipilih menerusi tender terbuka ataupun tender terhad. Jika tender terhad mengapa begitu?

Apakah sebabnya syarikat ini dipilih dan adakah pakar-pakar dalam kerajaan, dalam Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ataupun pakar-pakar di luar telah pun memberikan pandangan-pandangan ataupun nasihat mereka bagi melengkapkan kediaman rasmi Perdana Menteri dan juga mengkaji kos kerja-kerja itu, sama ada *tender price*, sebut harga itu adalah berpatutan, bukan di 'kembung' (*inflated*), tidak luar biasa. Ini adalah soalan-soalan yang saya mohon penjelasan?

Sebab saya takutlah nanti kalau soal keselamatan kediaman rasmi Perdana Menteri apabila diambil kira, dipentingkan perkara-perkara lain termasuk kosnya tidak diambil kira, tidak diambil berat dan kemungkinan daya awam diselewengkan atau disalahgunakan. Ini satu perkara kepentingan orang ramai.

Saya bukan mahu menuduh atau menyalah siapa di sini. Cuma saya berkehendak diyakinkan kerja-kerja baik pulih dan penggantian alat-alat keselamatan di kediaman Perdana Menteri adalah menepati semua konsep yang dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan terakhir yang saya ingin timbulkan di sini ialah mengenai projek-projek pembangunan di tanah tinggi sensitif. Saya ingin merujukkan satu projek pembangunan yang sedang memohon perintah pembangunan daripada MPAJ Selangor yang bersempadan dengan Wilayah Persekutuan di kawasan Cheras di mana tanah tinggi atau bukit itu adalah di sebelah kawasan saya, terletak di tepi Kampung Cheras Baru di mana Kampung Cheras Baru adalah merupakan satu kawasan *flood drown* lah, selalu dilanda banjir lumpur dan juga banjir kilat.

Masalah ini telah wujud dan berlarutan selama lebih daripada satu dekad dan punca masalah itu adalah disebabkan projek-projek pembangunan atas bukit yang lain, yang telah pun siap dibina iaitu projek perumahan di sekitar Kampung Cheras Baru. Walaupun projek-projek perumahan yang telah dilaksanakan dan siap dibina, tetapi hingga hari ini, masalah banjir kilat dan masalah banjir lumpur masih berterusan dan semakin teruk apabila hujan ribut dan ini adalah disebabkan kerana projek perumahan di atas projek yang telah dijalankan itu telah memusnahkan pengairan yang berada di kawasan itu dan kekurangan kawalan daripada pihak Kerajaan Selangor.

Satu berita yang buruk ialah saya mendapati sebuah syarikat pemaju perumahan telah memohon kepada Kerajaan Selangor untuk menjalankan satu projek baru di situ dan akan membina rumah-rumah banglo, rumah-rumah semi-d, rumah-rumah berkembar dan sebagainya di atas bukit yang dulu dipanggil Hutan Simpan Bukit Sungai Putih dan mereka telah memohon kebenaran daripada MPAJ dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk meneruskan projek itu tetapi memandangkan kedua-dua pihak akan tidak menolak projek perumahan itu, saya ingin menyerulah perhatian Dewan ini dan kementerian-kementerian yang terlibat dalam perkara ini untuk memberi perhatian dan juga menerima seruan saya dan penduduk-penduduk Kampung Cheras Baru dan penduduk-penduduk di sekitar kawasan itu supaya tidak membenarkan projek

perumahan itu menjadi hakikat kerana walaupun masalah yang diasalkan daripada sempadan Selangor itu akibat projek perumahan yang diluluskan oleh Kerajaan Selangor tetapi mangsa banjir adalah dari kawasan Wilayah Persekutuan dan selama 10 tahun ini, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membelanjakan melebihi RM2 juta untuk menebat banjir tetapi gagal.

Walaupun ada rancangan untuk membelanjakan lagi RM3.7 juta untuk membesarkan kolam takungan banjir di Kampung Cheras Baru tetapi pihak DBKL tidak ada keyakinan bahawa ekoran siap bina kolam takungan banjir itu, masalah banjir akan selesai memandangkan projek baru itu akan membawa masalah baru.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Bukit itu adalah bukit yang paling cerun sekali dan cerun-cerunnya adalah sangat cerun dan masyarakat tempatan di situ sangat bimbang dan takut apa akan jadi kalau projek perumahan ini dibenarkan. Masalah seperti banjir berterusan, hakisan tanah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. MPAJ adalah satu PBT yang dikenali, tidak bertanggungjawab dalam pentadbiran tempatan. Bukan sahaja Highland Tower tetapi beberapa bulan yang lalu, hakisan tanah di Kampung Pasir di mana empat ahli keluarga terkorban, terbenam empat meter dalam tanah. Ini satu tragedi yang perlu diambil iktibar oleh PBT. Saya takut nanti kalau Kerajaan Selangor dan DBKL memberi kebenaran kepada projek ini, ia akan menyebabkan malapetaka yang lebih. Saya harap kerana Kementerian Kerajaan Tempatan di mana Jabatan Perancangan Bandar dan Desa adalah di bawah kementerian itu, saya berharap menteri ini mengambil perhatian serius supaya...

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ... lesen pemaju tidak akan dikeluarkan jika tidak ada jaminan yang tegas, yang teguh dapat membuktikan tidak ada sebarang banjir, hakisan tanah dan malapetaka yang akan berlaku ... [*Pembesar suara tidak berfungsi*] akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik. Cukup Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ini adalah permintaan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: yang Berhormat bagi Temerloh.

12.18 tgh.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera. Saya Tuan Yang di-Pertua, saya juga seperti rakan-rakan yang lain, mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan atas pembentangan bajet baru-baru ini. Kita tahu bukan mudah untuk menyediakan satu bajet seperti ini dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu di seluruh dunia. Saya hendak sentuh dua, tiga perkara sahaja pemerhatian saya Tuan Yang di-Pertua.

Yang pertama, tentang defisit bajet ini ataupun usaha kerajaan untuk mengurangkan defisit bajet. Saya dalam bajet ini, yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menyentuh tentang usaha kerajaan untuk melaksanakan dasar fiskal berkembang. Ertinya dasar *expansionary* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi di waktu yang sama, kita hendak mengurangkan defisit bajet kita. Pemerhatian saya, pemahaman saya, kita melaksanakan defisit bajet ini kalau kita tidak mempunyai *reserve* yang banyak ataupun kita tidak mempunyai *access capacity* dengan izin.

Singapura misalnya, dia perlu kepada *reserve* yang besar kerana dia tidak mempunyai sawah padi, dia tidak mempunyai ladang getah, dia tidak mempunyai sumber-sumber ekonomi yang lain. Kalau apa berlaku kepada Singapura, dia mesti mempunyai cukup untuk menampung keperluan rakyatnya. Tetapi kita di Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai *access capacity*, *reserve* kita begitu besar. Saya tidak nampak mengapa kita perlu tekankan sangat kepada soal *budget deficit* ini kerana di waktu yang sama kita kata kita hendak laksanakan dasar fizikal berkembang.

Access capacity ini ataupun *reserve* yang besar ini, konsep yang mudahnya samalah seperti kita mempunyai wang, kita simpan. Kalau kita letak dalam bank, *fixed deposit* kita dapat 2% *interest*, kita tidak belanja. Sistem ekonomi ini, Tuan Yang di-Pertua, ia cukup mudah. Kalau kita belanja RM1 bilion ia akan berkisar tujuh, sepuluh kali ganda akan menjadi RM10 bilion dari segi perkembangan ataupun *churning of the economy*. Bila kita tarik RM1 bilion, RM10 bilion akan berkurang dalam sistem kewangan dan ini yang berlaku sekarang. Oleh sebab itu saya kira, Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi *liquidity problem* sekarang ini, masalah kecairan. Betul kita kata kita hendak belanja sekian banyak, sekian banyak tetapi hakikatnya *liquidity* dari segi kecairan tidak ada di dalam pasaran.

Saya hendak bertanya dengan pihak kerajaan ataupun pihak Kementerian Kewangan. Apa masalah sebenarnya yang kita terlalu menekankan sangat kepada defisit bajet ini dan defisit kita bukannya terlalu tinggi berbanding dengan negara-negara lain. Kalau hendak ambil *benchmark* daripada Kesatuan Eropah (*European Union*), defisit kita dari segi *benchmark* itu amat rendah dan defisit kita juga amat rendah dibandingkan dengan negara-negara seperti Jepun dan Itali. Kita amat rendah. Saya kira keadaan sekarang ini bukanlah satu keadaan yang sesuai untuk kita menekankan sangat kepada defisit bajet ini tetapi kita harus lihat kerana kita hendak laksanakan dasar fizikal yang berkembang dan ekonomi yang berkembang tetapi kita juga di waktu yang sama mahu supaya perbelanjaan (*spending*) dibuat oleh kerajaan. Ini kerana kalau kita tekankan sangat kepada *budget deficit*, kita tarik keluar RM10 bilion daripada satu sistem, RM70 bilion akibatnya akan kurang dalam sistem ekonomi kita dan ini yang kita hadapi sekarang.

Dalam waktu yang sama kita kata kita hendak *generate growth*, hendak dapatkan pertumbuhan ekonomi daripada sumber dalaman kerana kita tidak mampu hendak bergantung

daripada ekonomi luar. Dengan harga minyak yang naik, inflasi yang naik sekarang ini kita tidak mampu dan pada tahun depan keadaan ekonomi di Amerika dan juga di China akan *slow down*. *South Korea* hari ini sudah merancang ekonominya hanya akan berkembang pada 4% tahun depan. Jepun pun begitu. China akan berkurangan dan Amerika lagi teruk.

Kita dalam bajet kita, kita kata kita hendak 6% pertumbuhan ekonomi pada tahun depan. Kalau negara yang besar hanya 4%, tidak mungkin kita boleh capai 6% dan inflasi semakin naik. Tahun lepas bila saya sebut tidak mungkin inflasi 2%, pihak kerajaan nafikan, sampai jawab kepada salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat kata dakwaan yang dibuat oleh wakil Temerloh tidak betul. Mana boleh tidak betul! Tetapi hari ini, dalam bajet ini diakui. Setakat sekarang ini indeks pengguna sudah naik kepada 3.9%. Bayangkan sampai akhir tahun barangkali inflasi akan naik sampai 4.2%. Kalau tahun depan *growth* kita sekitar 4.5%, inflasi lebih tinggi daripada itu kita berada dalam keadaan *negative growth*.

Ini yang saya minta penjelasan daripada pihak Kementerian Kewangan terutamanya, apa masalah kita yang kita hendak beria sangat *budget deficit* ini. kerana apa? Saya bersetuju kalau kita tidak ada *access capacity*, kalau kita tidak mempunyai *reserve* yang besar, saya bersetuju kita harus pergi kepada *budget deficit*. Kita mempunyai *access capacity*, *reserve* kita tinggi. Kita boleh belanja, hendak takut apa? Jangan ikut Singapura, Singapura tidak ada apa. Kalau dia kena serang hari ini, dia hendak makan sawah padi tidak ada, kelapa sawit tidak ada, getah tidak ada. Kita hendak takut apa? Sawah padi banyak, kita boleh tanam padi. *We will survive*. Tetapi untuk *contain* keadaan ekonomi sekarang *we need to spend*.

Saya *confused* ni. Kita rasa kita hendak *implement* dasar *fizikal* berkembang *but at the same time* kita tarik sumber kewangan, *budget deficit* maksud saya, untuk hendak *hinder* - kurangkan perbelanjaan. Silakan Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya tertarik dengan topik perbincangan atau perbahasan Yang Berhormat iaitu satu topik yang paling penting sekali dari aspek ekonomi.

Yang Berhormat, mengenai defisit ini ada dua komponen di bawahnya iaitu perbelanjaan dan hasil. Kalau hasil kita berkurangan tapi perbelanjaan bertambah, maknanya defisitnya lebih tinggi. Tetapi pada masa yang sama, saya difahamkan bahawa negara kita ini hasilnya bertambah. Sebagai contohnya Petronas, oleh kerana kenaikan harga minyak di dunia hasilnya bertambah. Tetapi pada masa yang sama, kita terpaksa memberi subsidi yang tinggi kepada subsidi minyak, subsidi petrol dan sebagainya. Dengan keadaan yang macam ini, bagaimanakah kita boleh meneruskan satu dasar ekonomi yang berkembang ini? Daripada manakah hasil kita boleh berkembang ataupun daripada dana (*fund*), macam mana kita boleh mengembangkan ekonomi dalam keadaan yang bagi saya dilema ini. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Ya, terima kasih. Saya ambil contoh yang paling mudah, Yang Berhormat. Katakan Yang Berhormat sendiri ada RM3 juta duit hari ini.

Yang Berhormat ada banyak *choice*, ada banyak *options*. *Option* yang pertama simpan dalam bank, *fixed deposit* dapat 2%. *Option* kedua, Yang Berhormat pergi *invest*, beli *property* atau buat *business* dan sebagainya supaya RM3 *million* ini dalam masa dua, tiga tahun akan menjadi RM10 *million* atau RM11 *million*. *Option* yang ketiga, Yang Berhormat simpan sahaja, tidak usah buat apa. Simpan dan longgok sahaja di bawah bantal RM3 juta ini.

Jadi ini *options* yang *available* kepada Yang Berhormat. Sama seperti kita ini. Kita mempunyai *access capacity* - *access*, *reserve* yang besar. Tapi kita *choose* untuk kurangkan defisit, tidak mahu belanja, tarik keluar, *then the economy will suffer*. *The system will suffer* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu hari ini, kita betul kita ada *growth* dan sebagainya tapi cuba tengok di bawah, pergi ke hotel-hotel hari ini, orang sudah tidak makan bufet. Pergi ke restoran-restoran, senyap. Pergi ke kedai-kedai tempat beli kereta, tidak ada jual kereta. *The economy is very, very weak and slow now*. Kerana apa? Ini kerana tidak ada *liquidity*. Kita tarik *liquidity* ini.

Ini yang saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan. Kita kata dasar fizikal berkembang. Ertinya kita belanja but *at the same time* kita tarik. Kita tarik sumber kita yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi. Silakan Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan. Saya memang tertarik dengan ucapan Yang Berhormat. Memang ucapan itu ada asas. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kebanyakan kaunter-kaunter di Bursa Saham Malaysia ini *undervalued*? Kebanyakannya *undervalued* terutamanya pertanian dan sebagainya. Mengapakah pelabur enggan datang ke Malaysia untuk melabur bukan sahaja pelabur asing bahkan juga pelabur tempatan? Bolehkah Yang Berhormat mencari cara dan memberi cadangan yang boleh menggalakkan mereka datang ke Malaysia untuk melabur?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau saya boleh beri cadangan dan boleh memberi apa semua ini Yang Berhormat, saya tidak duduk di sini, saya duduk di sana. *[Ketawa sambil memandang ke arah tempat duduk Ahli Yang Berhormat Anggota Kabinet]*

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Ada masanya saya ingat kita mempunyai persamaan dari segi ini. *Capital market is very slow, very weak* kerana tidak ada sumber luar yang berminat untuk *participate* dalam *capital market* kita. Ini disebabkan oleh tidak ada kecairan`

Sesuatu *capital market* akan bergerak dengan cergas, kalau sekiranya ada *liquidity*, ada kecairan. Di pasaran kita hari ini tidak ada kecairan. Kalau Yang Berhormat hendak beli satu saham yang baik, misalannya. Hendak pinjam dengan bank, bank kata '*No, we are not going to do share financing*'. Tidak ada. *So*, tidak ada *liquidity* dan *capital market* kita akan terus *weak*. Sesebuah negara diukur ekonomi dia, baik tidak baik, berkembang tidak berkembang satu

daripadanya ialah *capital market*. *A weak capital market* dengan izin bererti *the economy is slowing down, liquidity* tidak ada. Itu yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya hendak tentang ini, tentang PFI (*Private Financing Initiative*) -Inisiatif Pembiayaan Swasta. Ini satu kriteria penting yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini. Satu daripada *instrument* baru. Tetapi, penjelasan harus diberi, saya ingat ramai di kalangan kita MPs ini tidak faham apa dia PFI ini. Saya beritahu Timbalan Yang di-Pertua semalam, dia tanya ada satu Ketua Menteri bercakap fasal PFI. Saya kata dengan Timbalan Yang di-Pertua, panggil semua 11 Menteri Besar duduk dalam Dewan ini tanya, 'You faham tak PFI ini apa dia?'. *Not even one will understand what is PFI*. Mekanisme dia apa? Ini harus dijelaskan, tanya saya hari ini, saya kata saya punya pemikiran PFI ini, samalah seperti *privatization* dahulu-dahulu. Penswastaan dahulu-dahulu sebelum zaman Dr. Mahathir, zaman sesiapa dahulu. Ok, ada projek, saya kenal orang ini, kontraktor ini saya baik dengan dia, saya suka dia, saya bagi dia.

Tetapi, PFI, dia bukan satu kaedah yang baru sudah dibuat di Europe, sudah buat di Amerika, yang baru sekali buat Singapura, PFI ini dia begini. Kerajaan *identify* satu projek, kerajaan kata, JKR kata, Dato' Seri S. Samy Vellu kata, 'Ok, JKR boleh buat RM100 juta projek ini'. *Then you tanya private sector, offer to private sector*, kalau *private sector* boleh buat kurang dari RM100 juta, *then you bagi kepada dia*. *Of course* dengan ada *proposal* dan sebagainya. Tujuan PFI ini supaya setiap projek yang kita berikan, dia akan lebih *transparent*, berbeza dengan penswastaan dahulu. Mekanisme ini mesti jelas, ini yang saya hendak tahu daripada pihak kementerian, apa mekanismenya? Satu pula Tuan Yang di-Pertua, yang *supervise* yang monitor dengan izin PFI ini, ialah *National Implementation Task Force* ataupun NITF. Saya ingin tahu peranan NITF ini, siapa ahlinya? Saya difahamkan 4-5 sahaja ahlinya dan dia *report direct* kepada *Prime Minister*.

Saya hendak tanya bolehkah PFI ini beratus-ratus projek bernilai hampir RM40 bilion RM50 bilion, dimonitor oleh empat lima orang? Apa kepakaran dia ada? Ini saya hendak tahu, saya difahamkan oleh kerana tidak ada *skill*, tidak ada keupayaan untuk hendak monitor ini, beberapa projek yang diluluskan tergantung sampai sekarang. UiTM RM2.8 bilion *until now the campus* tidak naik. *No decision*, tidak tahu siapa hendak buat keputusan, tidak tahu peranan EPU di mana, peranan ICU di mana, NITF ke yang akan buat keputusan, EPU ke ICU ke JKR ke? Sehingga sekarang *no decision*. UiTM saya difahamkan *by 2010*, di minta mengambil 200 ribu mahasiswa baru Tuan Yang di-Pertua, *and no campus*.

So, ini yang kita kata *delivery system* dan *this is very important*. Kalau kita hendak bajet kita *perform*, kita hendak ekonomi kita *grow*, kita hendak rakyat kita mewah. Ini masalah-masalah yang harus kita *address* yang harus kita hadapi. Jadi saya hendak tahu peranan NITF ini, anggotanya siapa, adakah NITF yang buat keputusan. Ini yang saya hendak tahu.

Yang ketiganya Tuan Yang di-Pertua, saya baca ini tentang hendak bangunkan *corridor* Johor Selatan dengan Pantai Timur, Pahang, Terengganu, Kelantan. Saya setuju, ini satu skim pembangunan yang besar yang boleh menjana *forward effect* dengan izin yang lebih masa hadapan.

Tetapi, saya hendak cadangkan - Khazanah yang *design plan* apa semua ini di kalangan orang-orang muda, profesional yang punyai *grand thinking, grand idea which is not wrong* saya *support* Tuan Yang di-Pertua, tetapi harus mengambil kira *interest* kepentingan negeri-negeri ini, tidak boleh kita hendak sogok sahaja, *no. We report to Prime Minister, this is what the Prime Minister wants us to do, you take it, like it or not, you take it. No*, tidak boleh. Saya difahamkan *Corridor* Johor Selatan ini Menteri Besar sendiri tendang, *then* sudah pembaziran masa. Saya minta untuk pantai timur ini Pahang, Terengganu, Kelantan. *Right from the beginning*, Khazanah ke EPU ke, sesiapa yang *design* pelan ini, *make into consideration the state* punya *interest* dengan izin.

Jangan belakangkan kepentingan negeri. Pegawai-pegawai di peringkat negeri, Menteri Besar dia orang ini tahu masalah negeri. *You* pakai *impose* macam itu, tidak boleh. Tidak boleh, *land accusation* kena dapat kebenaran daripada DO, dari kerajaan negeri, *state government*. Dia orang lebih tahu kesesuaian tanah dan sebagainya. Betullah, saya seronok sangat tengok anak-anak muda kita ini di Khazanah dan sebagainya *with the grand idea, collect* dari mana-mana. Ok, *good*. Tetapi, *please*, ambil pertimbangan kepentingan-kepentingan negeri. Ini saya minta.

Yang keempatnya Tuan Yang di-Pertua, *Human Resource Ministry* ini, Kementerian Sumber Manusia. Saya minta supaya *Human Resource Ministry* ini apabila buat *blue print*, keperluan tenaga kerja negara jangan buat *in isolation* dengan izin, jangan buat bersendirian.

Saya fikir *Human Resource Ministry* ini Tuan Yang di-Pertua, dia tidak boleh fikirkan semata-mata untuk *soft skill workers* sahaja. Negara perlukan tenaga pekerja lebih daripada itu sekarang. Orang kita, rakyat Malaysia, rakyat kita buruh kita hendak jadi *caddy* tidak mahu, hendak jadi *rubber tapper* tidak mahu, hendak jadi pengawet kepala sawit tidak mahu. Kita kena fikirkan perancangan *at the high end*, yang lebih. Tetapi, kalau *Human Resource Ministry*, buat perancangan *in isolation*, dia sendiri jadi *ministry, then we will not solve the country's problem*. Universiti *produce, every year produce* universiti 20 ribu, 30 ribu. *Human resource* buat *planning only call find to the ministry* sahaja, ok *how much this technique*, ok, ok cukup. *That's why* kita mengalami masalah pengangguran. 30 ribu 40 ribu siswazah menganggur. Tuan Pengerusi, masalahnya kita tidak pernah ikhlas dari segi.

Saya hendak tanya mengapa susah sangat Kementerian *Human Resource* untuk mengeluarkan data 30 ribu siswazah menganggur ini. Siapa dia? *By jantina, by sex, by qualifications, by region, by state*. Mengapa? Kalau kita ada angka-angka ini, kita boleh *plan*, kita boleh rancang. Kita boleh sediakan kepakaran yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Angka telah diberi oleh kementerian semalam.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Semalam Tuan Yang di-Pertua, ya. Kita jangan takut, saya selalu sebut jangan takut *to take the best brain*. Keadaan kita sekarang ini tidak mampu hendak bergantung kepada *second grade brain, no*. Kita jangan takut untuk cari *the best brain, if we have to but, we buy*. Negara sebesar Amerika pun tidak pernah dia bergantung hanya kepada *local source of brain* sahaja tidak ada. Dia import dari luar, walaupun kita boleh ingat ahli fikir *the brilliant the genius of Americans*, barang kali Samuel Huntington, 'Sizzler', *these are the two*. 'Kuzneck' diimport dari *Russia*, 'Kuzneck' *is Russia* dan juga dari negara lain. Amerika sendiri tidak mahu *to import the best brain* pembangunan untuk kemajuan negara dia. Mengapa kita takut hendak cari *the best brain*. Kalau kita terus bergantung dengan *second gred brain*, kita akan *produce a second gred a quality of* apa ini. Jadi ini yang saya nak tekankan Tuan Yang di-Pertua kepada *human resource* - Kementerian Sumber Manusia.

Yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua, ini tentang kita nak beri nasihat, saya ambil contoh PUNB, Permodalan Usahawan Nasional Berhad. PUNB ini ia memberi nasihat kepada peniaga, okey kita boleh *support you* dari segi *finance* dan sebagainya *but you have to do this, you have to do that*, tetapi yang malangnya, yang bagi nasihat ini baru semalam keluar daripada universiti....

Seorang Ahli: Astaghfirullahalazim!

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Jual telur ayam pun tidak pandai lagi, belum lagi, saya minta maaf ya. Ini satu perkara, bukan sahaja di PUNB ini di banyak kementerian, agensi-agensi lain, saya ambil MARA yang pergi bagi nasihat di daerah-daerah ini. Baru semalam keluar daripada universiti nak ajar orang yang 4 kali bankrap dalam *business*. *So, can we see logic* atau tidak? Ini kita kena *improve*, kita kena *improve*, kalau kita nak bagi, nak suruh dia sebagai kaunselorkah atau bagi nasihat umpamanya. Dia mesti orang yang sekurang-kurangnya ada pengalaman, kalau tidak ada pengalaman sekurang-kurangnya dia bekerja, tetapi kalau baru semalam dia keluar daripada universiti, datang ke daerah kerja dengan MARA terus nasihat kontraktor nak buat ini dan kontraktor ini sudah lima kali bankrap. [Ketawa] So, boleh atau tidak kita tengok logiknya sedikit.

Datuk Haji Mohamad bin hai Aziz [Sri Gading]: Dahulu 6 kali bankrap.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: [Ketawa] Bankrap. Tuan Yang di-Pertua, saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, penutupnya Tuan Yang di-Pertua, now Pak Lah ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah seorang Perdana Menteri yang amat *sincere* dan ini saya kira, tiap-tiap satu *turn* ini Tuhan akan beri seorang pemimpin yang mempunyai karakter-karakter yang tersendiri. Pak Lah *is very sincere*, ikhlas *and very determine* untuk lihat negara ini maju dan berkembang. [Tepuk] *But please, please give him a correct advice*. [Tepuk] Berikan dia *advice* dan nasihat

yang betul, yang ikhlas kalau kita beri nasihat yang tidak betul, *advice* yang tidak betul kepada Perdana Menteri, Perdana Menteri akan buat keputusan yang tidak betul. Maklumat mesti betul, saya kira banyak berabad lagi Malaysia akan jumpa Perdana Menteri yang seikhlas seperti Pak Lah ini. [*Tepuk*] *He has no personal agenda*, tidak ada, kepentingan dia ialah rakyat dan negara.

Saya pernah duduk berdepan dengan dia berdua, saya boleh baca orang ini kita boleh baca, cukup mudah untuk baca. Sebab itu bila krisis macam ini ya, saya kata *why?* Mengapa tidak diberi peluang, beri peluang dahulu, beri peluang, kita tengok - beri peluang. Saya setuju dengan apa yang disebut oleh Ketereh tadi, *you have your days and give a chance to him to prove his days*. [*Tepuk*] Ini dia... tetapi yang saya nak tutup ini Tuan Yang di-Pertua ialah kita harus beri nasihat yang betul, maklumat yang betul dan ikhlas, insya-Allah Malaysia akan terus maju di masa-masa akan datang, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Puchong.

12.44 tgh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2007. Saya sangat tertarik dengan Yang Berhormat bagi Temerloh tadi kerana telah memberi satu gambaran yang jelas dan ikhlas, dan saya ingin sambung sedikit daripada... sebenarnya topik yang telah dibincangkan oleh Yang Berhormat lebih kurang sama dengan salah satu topik yang saya akan bincangkan. Isu mengenai kelembapan aktiviti ekonomi di peringkat akar umbi.

Daripada bajet ini kita tahu bahawa kerajaan akan belanja lebih kurang 30 bilion dalam sektor ekonomi iaitu lebih kurang 19.1% daripada jumlah perbelanjaan dalam Bajet 2007 ini, dan juga kerajaan telah memberi banyak jaminan, angka, fakta yang meyakinkan, sebagai contoh kalau kita lihat prestasi ekonomi yang dijangka pada tahun 2007 ialah 6%, tetapi hakikatnya apa yang sedang berlaku dalam peringkat akar umbi ini, yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Temerloh tadi. Sektor runcit, hotel, restoran ataupun sektor-sektor yang asas kebanyakan peniaga sekarang ini telah mengalami satu rungutan, rintihan yang kadang-kadang mereka ini telah kecewa dengan keadaan yang berlaku sekarang ini. Tetapi pada masa yang sama, kita mempunyai angka-angka yang meyakinkan, eksport kita berkembang lebih daripada 11% setiap tahun. Pekerjaan kita ini, dari segi angka ini adalah bertambah, kebanjiran pendatang asing ini, ini menunjukkan bahawa ekonomi kita ini berkembang, ini satu gambaran, satu persepsi yang mana kementerian ataupun kerajaan mesti mengambil kira sekarang ini. Adakah kerana struktur ekonomi kita ini sedang berubah sebagai contoh.

Kalau hari ini kita lihat eksport kita ini berkembang tetapi kalau kita lihat *in detail*, apakah sektor yang paling memberikan sumbangan kepada sektor eksport, E&E *electrical* dan elektronik. Ini menunjukkan bahawa elektronik siapakah *owner* dan siapakah syarikat ini, syarikat ini ialah syarikat multinasional, kebanyakan mereka ini. Adakah mereka ini mendapat

keuntungan dan selepas itu melabur balik dalam Malaysia ini. Lihatlah dengan pengeksport minyak kelapa sawit kita, kita tahu bahawa pemain-pemain yang paling utama dalam sektor ini ialah beberapa kompeni seperti Guthrie, KLK, Sime Darby dan juga IOI. Ini adalah beberapa syarikat yang gergasi, yang besar sekali dan *income* ataupun pendapatan mereka ini, adakah mereka melabur balik di dalam negara kita? Petronas, kita dapat banyak dengan kenaikan harga minyak sekarang ini, kita ada banyak pendapatan dan saya merasa mereka ini mungkin tidak melabur yang sepatutnya yang mereka labur balik ke dalam suasana ekonomi sekarang. Maka kita ada satu perbezaan dan jurang yang serius sekarang ini.

Yang paling penting bagi saya ialah kekurangan pelaburan daripada orang-orang luar, FDI ternyata bahawa dalam *the stock market* pun sudah berkurangan. Sekarang kita nak tanya pula hari ini baru dapat satu pengumuman bahawa satu Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan, bahawa untuk meneruskan ataupun mempercepatkan kelulusan mengenai segala pelaburan asing mempunyai impak ekonomi yang tinggi.

Saya nak tanya, di mana kementerian dan apakah pendirian pegawai yang tertentu dalam kementerian. Setiap kali ada satu masalah tubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet. Bayangkanlah sebagai contoh kalau kita lihat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri saya tahu dia adalah Pengerusi Kabinet Alam Sekitar, Pengerusi Kabinet untuk pengangkutan, Pengerusi Kabinet untuk satu kelulusan, untuk aktiviti ekonomi yang memberi impak yang besar. Semua menteri ataupun timbalan menteri ataupun setiausaha parlimen ini apakah kerja mereka? Setiap kali ada krisis kita ada satu Jawatankuasa Kabinet. Beliau juga adalah Pengerusi Kabinet untuk sukan. *So, in this case, I think something wrong somewhere.*

Saya ingin bercadang kepada kementerian ataupun pemimpin kerajaan kita ini, kita lihat perkara ini secara lebih *detail* yang lebih serius, sikap kita mesti terbuka. Sebagai contoh kalau syarikat-syarikat tertentu beli 5%, 10% saham di negeri kita, ia telah menggambarkan bahawa kita tidak boleh menerima ataupun kita ini tidak *welcome* pelaburan atau pelabur-pelabur asing. Bayangkanlah hari ini syarikat kita juga memberi syarikat-syarikat di luar negeri sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua - sebuah syarikat air *treatment* di UK ini, ia dimiliki oleh syarikat di Malaysia, YTL. Sebuah syarikat *investment and banking* yang paling besar ataupun paling masyhur di Singapura. J.K. Khoo adalah dimiliki oleh CIMB ataupun *dicontrol* oleh CIMB ini.

Khazanah kita telah memberi satu bank di Indonesia so kalau kita betul-betul ingin mengembangkan ekonomi kita, kalau kita betul *sincere* untuk menjalinkan negara kita ini di dalam arus pembangunan atau arus globalisasi sedang berlaku di dalam negara kita ini, minda kita mesti buka. Kerana era pembangunan sekarang ini adalah berlainan dengan era pembangunan di 70's atau 60's. Sekarang kita ini cakap *speed*, apakah daya saing kita? Kita mesti memperbetulkan mental kita, keterbukaan kita supaya kita ini bukanlah sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang tutup, kita terpaksa buka. Hari ini atau minggu lepas, bila saya

lihat *report* ini, saya kasihan mengenai Malaysia *ranks 25th on ease of doing business*. Dan kita hanya di bawah Thailand.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, di sini ternyata dengan izin "*the step time and course of complying with the licensing and the permit requirement of on going operation is a staked 281 steps at the cost of 78.19% income per capital compare to the regional*". *Regional* maksudnya negara-negara yang lain *average about 17.6 steps*. Apa maksudnya? Ini bermakna kita ini sedang mengalami satu krisis birokrasi dan karenah kerajaan untuk memberikan lesen, *approval* ataupun kelulusan. Ini telah banyak kita bincang dalam Dewan tetapi apakah *effect* dia? Apakah yang kita telah buat untuk memperbetulkan keadaan sekarang ini?

Ingat ini, kalau kita tak buat sekarang ini, kita akan ketinggalan. Lihatlah *Philippines*, dulu semasa 60an, semasa Anna Marcos, walaupun Marcos diberikan sebagai satu *dictatorship* tetapi dalam 60an, 70an ramai pekerja atau *engineer* daripada Iran, Iraq bekerja di *Philippines* kerana pembangunan ekonominya. Nampak tengok hari ini macam mana? Kerana hari ini banyak *engineers*, profesional terpaksa keluar daripada *Philippines* untuk bekerja di luar negara. Kerana kekurangan aktiviti ekonomi yang berkembang. Kerana banyak masalah, kerana bukan sahaja ekonomi, kerana politik dan seterusnya. Kita tidak ingin.

Saya yakin dan percaya pegawai-pegawai kita ini turut tak mahu tengok negara kita ini akan *slip* ataupun turun lagi daripada segi turun naik ekonomi kita kalau dibandingkan negara-negara lain. Dengan kemunculan, dengan gergasi sebagai contoh China dan juga India ini, kedua-dua negara ini akan - walaupun satu *forecast*, yang mana bahawa kegiatan ekonomi mereka akan turun. Tetapi satu *forecast* telah menyatakan bahawa kedua-dua negara ini akan menjana jumlah ekonomi sebanyak 45% daripada jumlah GPD ekonomi di dunia ini pada tahun 2015 dengan kadar yang sedang berkembang untuk mereka.

Ini bermakna bahawa bukan sahaja kita tak boleh ke depan, orang lain sedang pesat dari belakang telah memotong kita. So, saya berharap terutama Kementerian Kewangan ataupun MITI ataupun ada kementerian berkaitan lihatlah perkara ini, sangatlah penting. Janganlah kita ini sebagai satu krisis berlaku barulah, kita bertindak. Janganlah sampai satu-satu masalah yang serius berlaku, barulah kita mengambil langkah-langkah yang seterusnya. Kita mesti *prepare*, mesti bersedia dan minda kita mesti terbuka untuk menerima atau membaca ataupun kita mesti mempunyai satu hati yang terbuka untuk menerima cadangan-cadangan yang sedang berlaku. Kalau kita tak buat macam ini, negara kita ini terutamanya dari segi ekonomi akan mengalami satu krisis yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Temerloh tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya ingin bangkitkan untuk hari ini ialah sedikit mengenai sistem penyampaian khasnya di peringkat PBT. Saya berharap kerajaan ataupun kementerian kerajaan tempatan, perumahan dan kerajaan mengambil perhatian sikit. Seperti yang saya tahu, kerana saya telah menjadi Ahli Parlimen bagi Puchong lebih kurang dua tahun lebih. Dan satu analisis saya telah menyatakan bahawa lebih kurang 80 atau 85% aduan,

kompelin daripada rakyat ini adalah berkaitan dengan PBT. PBT ini kita tahu tugas asasnya, tanggungjawab asasnya ialah memberi perkhidmatan kepada *local community*. Memberikan perkhidmatan dari segi kebersihan, pelesenan dari segi penjaja dan juga kelulusan kepada perancangan susun atur dan juga bangunan dan lain-lain lagi. Tetapi hari ini kita lihat bagaimana PBT ini, mereka ini memberikan perkhidmatan, bagaimana mereka respons kepada aduan-aduan kepada semua kompelin-kompelin yang ada di sini.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ada satu data yang saya sendiri telah tulis, pejabat saya sendiri telah tulis kepada PBT sejak Januari untuk tahun, lebih kurang lapan bulan. Dan semua surat yang saya tulis kepada Yang Dipertua MPAJ ataupun pegawai-pegawai tertentu. Secara ringkasnya saya selaku sebagai MP atau Ahli Parlimen di sini, saya tulis kompelin kepada PBT ini lebih kurang hanya, kurang daripada 50% dapat respons. Bayangkanlah kalau orang ramai yang mengadu ini, adakah mereka mendapat respons yang positif? Saya sebagai ahli Parlimen, setiap bulan saya ada satu senarai di sini, lima surat keluar atau enam surat, sepuluh surat keluar. Hanya dua atau tiga surat yang dapat respons. Dan itu pun saya tak tahu ada surat selesai ataupun tak selesai.

So, ini bermakna saya menyeru kepada kerajaan bahawa kita mesti membuat sesuatu supaya PBT ini lebih peka kepada aduan-aduan yang telah dikemukakan oleh rakyat dan juga penduduk sekitar. Jangan kita asyik sahaja untuk mewujudkan projek-projek tertentu. Jangan kita asyik mewujudkan sesuatu, mengembangkan sesuatu projek yang di mana sebagai contoh, saya bagi contoh. Baru-baru ini walaupun selesai saya akan bangkit di sini ialah MPAJ baru-baru ini, YDP dia dan juga *the council* telah mewujudkan satu skim *privatisation* untuk *pest control* walaupun telah diselesaikan kerana campur tangan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor.

Dan ini telah menunjukkan bahawa mereka tidak mengikut apa dasar yang telah dinyatakan di dalam kerajaan. Sebagai contoh dalam IMP, *Industrial Master Plan* yang ketiga ini, Perdana Menteri kata bahawa kita mesti mewujudkan satu *central for, excellent for, competitiveness* iaitu tempat untuk kita berniaga di mana kos operasinya dapat dikurangkan. Kalau kita *impose* ini, *pest control scheme* ini, di mana setiap *company* atau setiap syarikat mesti merujuk kepada satu konsortium untuk mendapatkan skim mengawal makhluk perosak ini. Maka ini adalah tidak baik untuk dari segi kos operasi ataupun *business* ini. Ada banyak lagi masalah-masalah yang timbul dalam PBT ini, saya bercadang bahawa kita mesti mengambil langkah-langkah yang lebih positif untuk *revamp* semula struktur ataupun sistem ataupun *shape* untuk PBT ini di dalam negara kita ini supaya ianya betul-betul selaras dengan dasar-dasar yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketiga ini adalah berkaitan sikit dengan isu-isu di kawasan saya. Saya berharap pegawai-pegawai dari Kementerian Kerja Raya, ada satu perkara yang saya ingin bangkit di sini ialah Putrajaya-Kuala Lumpur '*delegate*' Highway yang melalui Puchong

ke kawasan Putra Permai. Dan saya hairan ialah mengenai projek ini sepanjang lebih kurang 26km dan sedang giat dibangunkan. Tetapi saya difahamkan bahawa daripada Pandan sehingga ke Putrajaya sebanyak 26km. Tetapi untuk daripada Kuala Lumpur sampai ke tanah atau *portion* di Kuala Lumpur, KLFT ini dia ada empat jalan susur keluar. Tetapi kalau masuk dalam kawasan Selangor iaitu kawasan Puchong dan kawasan lain, ia tidak ada jalan susur keluar. Saya tak tahu mengapa, siapakah merancang di sini? Sedarkah di sini kalau ke Bandar Putra Permai, kita ada lebih kurang 80 ribu keluarga yang keluar masuk.

Maka di sini bercadang bahawa untuk ini saya ingat tukarkan *design* sikit, berilah satu jalan keluar susur masuk, sekurang-kurangnya satu jalan susur masuk sepanjang lebuh raya Kuala Lumpur-Putrajaya ini di kawasan Putra Permai. Dan saya dengan Yang Berhormat bagi Serdang juga kita sedar, saya tahu, kalau kita tak selesai ini, masalah kesesakan jalan raya akan berlaku dan serius akan berlaku dalam masa dua, tiga tahun ini. So saya merayu kepada EPU ke, JKR ke, mesti melihat perkara ini dengan seriusnya.

Dan perkara yang kedua saya ingin bangkitkan ialah mengenai, ini saya berharap Kementerian Perumahan juga memberi perhatian sikit iaitu penutupan *sanitary landfill* Ayer Hitam ini. Bilakah tarikh tertutup? Kerana *sanitary landfill* ini telah memberikan banyak masalah kepada penduduk-penduduk persekitaran, kerana dulu saya dengar ini akan ditutup tahun ini April, lepas itu *end of the year*, sampai sekarang kita tak tahu bila akan tutup, *sanitary landfill* Ayer Hitam ini. Dan saya difahamkan telah penuh. So saya berharap pegawai-pegawai yang ada di sini, *report* kepada kementerian dan saya nak tahu apakah tarikh yang betul-betul, yang tepat untuk *sanitary landfill* akan ditutup.

Dan akhir sekali Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Seminit lagi.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Akhir sekali ialah mengenai kerajaan sedang, akan cadang untuk kenaikan tol untuk konsesi jalan raya di masa depan. Di sini saya nak tanya, *light truck* iaitu satu *concessioner* yang mengendalikan lebuh raya Taman Sungai Puchong iaitu melalui kawasan saya. Saya nak tanya, apakah kriteria untuk menentukan kenaikan harga ataupun kenaikan *toll rate* ini di masa-masa depan? Dalam satu *report* dari STAR ini, baru-baru ini saya dapati Tuan Yang di-Pertua, mereka ini telah membuat keuntungan sebanyak RM79.7 juta daripada RM243 juta, ini *net profit* ini. Ini bermakna *profit* dia lebih kurang 42% *and yet* masih dia nak tanya, tol ini akan dicadangkan kepada kerajaan, tol ini akan dinaikkan di masa depan.

Saya nak tanya apakah kriteria kita ini? Adakah kita mesti mengikut terma-terma yang itu secara tidak ada *flexibility*? Bukankah kita mesti *consider volume of traffic* dia? Dan kalau mengikut 243 ini, ini bermakna setiap hari mereka mempunyai *sales* ataupun *collection toll* RM665 ribu setiap hari. Ini bermakna *volume traffic* telah bertambah. So, saya berharap Tuan Yang di-Pertua, saya nak tahu apakah rancangan ataupun apakah kerajaan akan membuat

keputusan masih mengikut apakah tuntutan mereka nak naikkan tol ini di masa depan. Saya berharap kerajaan mesti menimbang kriteria-kriteria tertentu supaya janganlah kita tunduk senang-senang kepada perkara-perkara ini. Dengan ini saya Tuan Yang di-Pertua, mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ini akan ditangguhkan pada jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.04 ptg

Mesyuarat bersambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam ini”

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Senator Dato’ Dr. S.Vijayarantnam]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah :

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 malam ini” hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

[Majlis Mesyuarat disambung semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya hendak bagi semua peluang berucap jadi saya ingin hadkan maksimum 20 minitlah. Maksimum 20 minit untuk Ahli Yang Berhormat berucap. Saya harap bila ditegur itu Yang Berhormat ikutlah kalau tidak, tidak dapat. Yang Berhormat Batu Pahat.

2.34 ptg.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang juga kepada saya untuk berucap dalam Bajet 2007. Saya hendak menyentuh berkenaan dengan konsep daya saing Yang Berhormat. Daya saing sesebuah negara ialah merujuk kepada keupayaan sesebuah negara tadi bersaing di dalam pasaran yang adil yang bebas dan mengeluarkan barangan atau perkhidmatan yang melepasi piawai antarabangsa dan di masa yang sama juga berjaya mengekalkan ataupun meningkatkan tahap pendapatan rakyat di dalam jangka masa yang panjang. Jadi dalam konteks negara kita, kerajaan dan swasta sama-sama memainkan peranan dalam menentukan daya saing negara. Dan daya saing ini boleh dilihat melalui dua aspek iaitu yang pertama iaitu memanggil ataupun keupayaan kita menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur ke dalam negara kita. Di mana peranannya dimainkan oleh pihak kerajaan dan juga keupayaan kita untuk bersaing dalam mengeluarkan barang-barangan atau perkhidmatan dalam peringkat tempatan dan antarabangsa dan peranan ini dimainkan oleh pihak swasta.

Mengikut forum ekonomi dunia yang telah diadakan pada tahun 2005 dan 2006, daya saing negara kita Malaysia pada peringkat ke -24. Malaysia berada dalam tangga 24 berbanding dengan 117 negara dan kelima di Asia selepas Taiwan, Singapura, Jepun dan Korea Selatan. Dan bagi indeks teknologi pula Malaysia berada pada tempat yang ke 25 dari segi keutamaan. Tetapi dalam usaha kerajaan mempromosikan ICT, kita berada di peringkat kedua. Tetapi peringkat kedua juga kita masih lagi ke terbelakang berbanding dengan Singapura. Jadi kalau menyebut berkenaan dengan daya saing tadi ia melibatkan penglibatan dua agensi iaitu melibatkan antara kerajaan dengan swasta kita dapati bahawa pihak swasta sekarang ini ada rasa kebimbangan. Kebimbangan kerana ada didapati bahawa aktiviti-aktiviti ekonomi yang dalam negara kita menunjukkan ada kelembapan.

Jadi saya ingin memberi cadangan sedikit supaya kerajaan kalau dapat mengubah struktur ekonomi tadi. Pasaran domestik kita terlalu kecil untuk dikongsi, jadi saya berharap pihak kerajaan dapat memastikan supaya kita dapat melahirkan usahawan-usahawan terutamanya usahawan-usahawan kecil untuk dijadikan sebagai satu usahawan pasaran antarabangsa. Kita ambil contoh Taiwan yang mana usahawan-usahawan mereka telah menjadi pengeksport barangan ke serata dunia dan telah menyumbang kepada pendapatan negara mereka. Perkara juga berdaya saing kita selain dari peringkat global, kita juga mempunyai daya saing-daya saing dalam peringkat dalaman. Salah satu yang saya hendak sentuh ini berkenaan dengan halal hub. Perkara ini saya sudah sentuh dalam tiga kali bajet yang telah kita lalui dari segi saiz pasaran global untuk produk halal keseluruhan iaitu termasuk produk-produk *pharmaceutical*, kosmetik, makanan dan kulit ada lebih kurang USD\$2.1 trilion. Manakala dari segi makanan sahaja bernilai USD\$150 bilion.

Isu yang ada di hadapan kita ialah hasrat kerajaan untuk melonjakkan industri halal ke peringkat global tetapi dalam Bajet 2007 melalui teks ucapan muka surat 11 para 37, SME Bank hanya diperuntukkan sebanyak RM20 juta sahaja untuk memberi pinjaman kepada usahawan-usahawan bagi membangunkan produk halal. Jadi saya juga ingin memberi cadangan supaya peruntukkan RM20 juta ini tidak mencukupi dan harus digandakan kepada sekurang-kurangnya RM200 juta. Kita harus fokus kepada beberapa produk yang dirasakan menjadi kekuatan kita untuk melonjakkan industri halal tempatan hingga ke peringkat global. Tetapi apa yang lebih penting dalam usaha yang kita hendak buat ialah dalam segi penyelidikan dan pembangunan terutamanya produk-produk kosmetik dan *pharmaceutical* yang halal untuk dijadikan sebagai sumber pendapatan baru industri halal dalam pasaran pengguna-pengguna Islam di seluruh dunia.

Dalam kita juga bercerita berkenaan dengan halal di dalam negara kita sendiri di dalam negeri kita sendiri, kita dapati bahawa halal atas sijil penghalalan yang ada dipertikaikan. Kita telah dikejutkan dengan laporan-laporan, dengan khabar-khabar yang menyatakan bahawa yang terbaru ini ialah roti ataupun kilang roti yang beroperasi di Nilai menggunakan bahan yang tidak halal. Sebelum ini kita dikejutkan lagi dengan sosej yang tidak halal. Sebelum itu kita dikejutkan dengan mee atau kue tiow yang tidak halal. Jadi apakah langkah yang perlu kita buat, adakah kita hendak supaya seluruh masyarakat terutamanya masyarakat Islam di negara kita akan terus dibelenggu, terus dirasai, terus dibimbangi dengan perasaan-perasaan bahawa apa yang dimakan pada harian mereka tidak halal.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jiran Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jiran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Setengah minit pun tidak apa. Tapi kalau Yang Berhormat bagi Seputeh kacau, jadi dua minit ya. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Saya memang dah agak Yang Berhormat bagi Batu Pahat akan menjurus ke arah kebimbangan masyarakat mempunyai rasa syak dan wasangka kepada produk-produk halal yang telah dipasarkan di negara kita.

Yang Berhormat, saya hendak bagi satu contoh ringkas tentang sikap masyarakat Islam atau pun Melayu di negara kita ini yang sederhana atau pun *mediocrity* yang memegang *mediocrity* ini lebih. Sebagai contoh, ada dua kedai yang berjiran. Satu kedai Pak Mat pakai songkok haji, pakai baju Melayu dan sebelah lagi kedai ABC Nasi Ayam kepunyaan Ah Chong. Dan kedai Ah Chong ini ada tanda halal. Kedai Pak Mat ini tiada tulis tanda halal. Halalnya ialah pada cuma Ayat Seribu Dinar di depan kedai dan mungkin khat Bismillahirrahmanirahim dan sebagainya.

Jadi, apa yang dipegang oleh Pak Mat ini, eh, aku pakai songkok haji. Mestilah orang kata aku halal. Maka produk aku halal dan sebagainya. Tapi peliknya Yang Berhormat, apabila datang pelancong-pelancong daripada negara Iraq, daripada Arab, Timur Tengah dan sebagainya, bawa satu bas 40 orang semuanya turun ABC Nasi Ayam Ah Chong. Kenapa? Kerana ada tanda halal di kedai Ah Chong tersebut.

Jadi masalah ini, masalah persepsi ini yang berlaku apabila Pak Mat tadi mengambil mudah tentang proses persijilan penghalalan. Kaedah barang dia, daripada mana diperolehi dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat tentang birokrasi ini sehingga menyebabkan berlakunya krisis ketidakpercayaan di kalangan pengguna-pengguna Islam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya minta dijawab oleh pihak kementerianlah. Jadi, berkaitan dengan halal ini juga. Berkaitan dengan halal ini juga kita dapati bahawa perkara atau pun isu ini telah dibawa banyak-banyak kali oleh semua atau boleh kata keseluruhan Yang Berhormat-Yang Berhormat ahli-ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat bagi Petrajaya telah bawa dan telah memberi pandangan dan memberi cadangan sebanyak dua kali dalam ucapan Bajet dan ucapan Belanjawan yang lalu dan saya tahu jawapan yang akan dikeluarkan atau pun dinyatakan oleh pihak kementerian terutamanya JAKIM, kita tidak mempunyai anggota. Kita tidak mempunyai anggota, kita tidak mempunyai keupayaan. Jadi saya nak tanya kepada JAKIM, sampai bila jawapan yang sama kita akan dapat?

Kalau tidak mempunyai anggota, tidak mempunyai keupayaan, apakah status pegawai JAKIM yang ada sekarang. Berapa ramai yang dah ada, berapa ramai yang patut diisi. Setakat mana langkah yang nak buat. Sebab kita bercerita berkenaan dengan Halal Hub kita nak hantar ke peringkat dunia, kita nak jadikan jadi sebagai satu benda yang diterima oleh seluruh masyarakat antarabangsa. Tapi dalam negara kita sendiri, dalam negeri kita sendiri, kita tidak dapat memastikannya.

Jadi saya minta jawapan yang tulus ikhlas daripada pihak kementerian. Perkara yang seterusnya ialah berkaitan dengan *delivery system*. Semua ahli-ahli Parlimen bercerita berkenaan *delivery system*. Semua ahli-ahli Parlimen memberi pandangan bahawa kita mempunyai *delivery system* yang agak ke belakang, agak terundur atau pun tidak sempurna. Apakah cadangan yang perlu dibuat? Kalau kita menghulurkan satu-satu masalah, sesuatu persoalan tapi tanpa memberi cadangan, saya rasa yang perlu kita buat untuk memastikan *delivery system* kita akan lebih berupaya, lebih berdaya saing, kita mestilah mewujudkan *ombudsman*.

Tapi, kita telah dapat jawapan yang lepas daripada pihak kerajaan menyatakan bahawa negara kita belum lagi bersedia mengadakan *ombudsman* dengan keadaan, dengan suasana

tidak bersedia. Tapi, saya ingin menyatakan juga negara jiran kita Indonesia itu telah mempunyai *ombudsman*. Negara jiran kita yang kadang-kadang kita katakan mereka terbelakang dalam segi pembangunan, tapi mereka sebenarnya ke hadapan dalam segi ketelusan dan juga dalam segi pentadbiran.

Saya berharap ini merupakan satu cara, satu langkah untuk memastikan, untuk memastikan *delivery system* kita akan capai sebab kita ada mekanisme untuk memastikan ia berjaya. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Batu Pahat. Saya bila dengar *ombudsman* sebenarnya saya sangat tertariklah. Saya telah menyimpan majalah *ombudsman* Indonesia, ada beberapa naskhah itu. Tapi yang penting sekali ialah kita ada satu *consensus*, persetujuan bersama hampir setiap orang yang bangun ini, ahli Yang Berhormat ini Ahli Parlimen ini sebenarnya mempunyai pengalaman yang tersendiri tentang *digression* atau pun penyelewengan yang berlaku di jabatan-jabatan.

Kita semua bersuara, tetapi nampaknya suatu tindakan yang khusus tidak diambil dalam kadar segera. Kalau saya sekarang ini hendak bertanya kepada Yang Berhormat, setuju atau pun tidak bahawa penyelewengan di peringkat akar umbi di banyak jabatan ini sedang berlaku berterusan. Kita mencadangkan tribunal, suruhanjaya, jawatankuasa bertindak, tapi *bottom line* dengan izin makna ia terus berlaku. Jadi demi kepentingan rakyat, saya memang sangat menyokong supaya *ombudsman* ala Malaysia ini, maknanya kita harus tapis lah.

Kalau ada di Indonesia ke, di Switzerland ke dan sebagainya, kalau misalnya ada kekurangan, maknanya kita harus jadikan ia satu *ombudsman* ala Malaysia, kita punya yang jelas berlandaskan Islam Hadhari dengan prinsip keadilan yang jelas, tapi yang penting sekali, kita perlu ada tempoh tertentu supaya ia dilaksanakan dan nampak tindakan diambil di peringkat jabatan-jabatan yang jelas melakukan penyelewengan dan kelemahan di sana sini. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya juga menyokong. Sebab itu saya mengusulkan supaya kerajaan dapat memberikan perhatian yang khusus berkaitan dengan *ombudsman* tadi. Kita sebenarnya dah ada Pelan Integriti Nasional. Apa yang berlaku, saya dapat merasai di kalangan kakitangan-kakitangan kerajaan yang telah diarahkan untuk pergi kursus, untuk dengar ceramah, untuk menduduki seminar-seminar berkaitan dengan integriti nasional. Apakah dasar, apakah pelan yang sebenarnya.

Tapi adakah kita dapat lihat, apa yang kita dapat lihat kita sebenarnya tidak ada mekanisme pengukurnya atau pun KPI nya untuk memastikan mereka yang telah mengikut atau

pun telah berjaya dalam mengekalkan integriti tadi diberi satu pampasan atau satu habuan. Itu tidak apalah, tapi yang tidak mengikutinya kita tak nampak sesuatu hukuman dibuat kepada mereka. Biasanya yang melibatkan yang diberi penekanan khusus untuk menjalankan integriti tadi, mereka di peringkat bawahan.

Apakah tindakan, apakah kesan yang akan diambil jikalau pegawai-pegawai atasan mereka yang tidak mengikut integriti. Berapa ramai KSU, TKSU yang pergi, yang menduduki, yang datang pada seminar tadi. Yang betul-betul mengikut integriti yang telah digariskan dalam Pelan Integriti Nasional. Sebab saya rasa, pada peringkat bawahan, untuk menjalankan dasar-dasar integriti tadi, mereka mungkin rasa takut, takut pandai-pandai sendiri.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih. Saya nak kait terus pada Pelan Integriti Nasional tadi dengan sedikit pengalaman. Waktu saya di Selangor jadi ADUN, saya dalam Pengerusi Jawatankuasa Program Bina Insan. Jadi sebenarnya apa yang kita nak buat ialah membangunkan diri insan daripada kalangan pegawai atasan khususnya supaya mereka boleh mengubah sikap, sifat diri mereka sebagai pemimpin.

Jadi kita bagi input seminggu dan kemudian antara yang kita beri orientasi ialah masuk dalam kubur. Kubur kita buat kubur enam kaki, dia kena duduk di dalam kubur itu dalam gelap selama 15 minit sekurang-kurangnya. Tapi saya nak memperingatkan pihak kerajaan khususnya. Yang kita latih ini sebenarnya cuba *re-latih* ini dengan izin ialah orang yang berumur 50 tahun ke atas. Yang sudah terbina satu sifat tertentu, oleh kerana itu apa pandangan Yang Berhormat?

Mesti ada satu bentuk kawalan, saya sangat bersetuju tadi istilah hukuman itu supaya diperjelaskan. Malah kita pernah mencadangkan supaya kalau perlu, *general order* itu di *revamp* atau pun di *review* balik untuk memastikan bahawa beberapa tindakan hukuman itu dapat disegerakan kepada mereka yang jelas perlu dikenakan hukuman. Seperti yang diberi contoh oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulung tempoh hari, nak mengambil tindakan tatatertib sehingga kena buang seseorang itu, mengambil masa yang begitu lama sekali. Saya rasa apa pandangan Yang Berhormat? Perkara seperti ini juga perlu diambil perhatian dan tindakan.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Saya memang setuju. Sebab bagi saya dan saya rasa bagi semua Ahli-ahli Yang Berhormat, yang paling penting ialah berdasarkan kepada pendidikan. Jadi kita mulakan daripada peringkat awal terutamanya dalam peringkat sekolah. Sebab pelan integriti tadi merangkumi keseluruhan kehidupan masyarakat. Dia bukan hanya pegawai kerajaan, dia juga merangkumi Ahli-ahli Parlimen yang ada dalam Dewan ini. Jadi, perkara yang terakhir yang saya hendak sebut pada hari ini ialah berkaitan dengan pasaran kewangan.

Dari prestasi sektor kewangan tempatan akan lebih mencabar kepada institusi-institusi kewangan tempatan seperti bank-bank perdagangan kerana menurut Pelan Induk Sektor Kewangan 2001 hingga 2011, bank-bank perdagangan asing akan diberi kelonggaran yang lebih

luas untuk membuka cawangan-cawangan baru tahun hadapan, iaitu tahun 2007. Kita sudah menyaksikan baru-baru ini, Citibank yang telah bertahun-tahun mempunyai tiga cawangan sahaja di negara ini telah diberi peluang untuk membuka cawangan keempatnya di Puchong.

Jadi isu, saya ambil contoh Citibank. Kerana Citibank Group ini adalah merupakan kumpulan perbankan yang terbesar di dunia pada hari ini. Jika dengan tiga cawangan sahaja di negara ini, di Kuala Lumpur, di Pulau Pinang dan di Johor Bahru, mereka telah berjaya menguasai sejumlah peratusan pasaran kad kredit dan pinjaman perumahan misalnya. Bayangkan jika kumpulan perbankan terbesar ini membuka lebih banyak cawangan-cawangan di negara ini. Adakah bank-bank perdagangan tempatan kita mempunyai keupayaan daya saing untuk mempertahankan peratusan penguasaan pasaran mereka sekarang? Dahulu, mereka mempunyai kelebihan kerana bank-bank perdagangan asing tidak dibenarkan membuka cawangan-cawangan baru.

Tetapi pada tahun 2007 dan seterusnya, bank-bank perdagangan tempatan perlu meningkatkan kecekapan mereka, lebih inovatif dalam penawaran produk perkhidmatan dan lebih berdaya saing dari segi kos. Selain daripada mengenakan caj-caj yang tidak relevan. Kita faham bahawa Bank Negara telah mengambil langkah-langkah perlu sejak beberapa tahun kebelakangan ini melalui penggabungan bank-bank tempatan dan sebagainya, tetapi saya bimbang sekiranya bank-bank perdagangan tempatan kita tidak mampu bersaing dengan institusi-institusi kewangan dunia yang mempunyai sumber kewangan yang jauh lebih kukuh, kita akan jauh ketinggalan.

Jadi saya juga ingin memberi cadangan supaya Bank Negara perlulah memantau *market share* dengan izin, bank-bank perdagangan tempatan dan bank-bank perdagangan asing ini dari segi pasaran kad kredit, pasaran pinjaman perumahan dan sebagainya. Bagi membantu institusi-institusi kewangan kita supaya dapat berdaya saing dalam era liberalisasi sektor kewangan yang lebih mencabar pada tahun 2007 dan seterusnya. Begitu juga dengan perbankan Islam. Pada hari ini kita dapati bahawa kita ada 12 institusi kewangan. Sembilan milik tempatan, tiga milik asing yang telah diberi lesen untuk menjalankan urusan perbankan Islam di negara kita. Yang mana sembilan, lapan milik tempatan, satu milik asing telah beroperasi dan tiga, iaitu satu milik tempatan dan dua milik asing masih dalam peringkat pra operasi.

Isunya yang saya ingin ketengahkan ialah Singapura yang saya telah sebut sebanyak tiga kali juga. Singapura telah pun menyatakan hasratnya untuk menjadi pusat perbankan Islam di rantau ini. Ini kerana potensi yang terdapat dalam perkhidmatan perbankan Islam terutamanya dalam hendak menarik minat pelabur-pelabur daripada negara Arab di Timur Tengah yang pada masa ini mempunyai sejumlah dana hasil dari kenaikan petroleum pada dua atau tiga tahun kebelakangan ini. Di Singapura seperti yang kita sedia maklum telah pun menghantar banyak rombongan-rombongan untuk meraih ataupun menarik pelabur-pelabur Arab untuk terus

menyimpan wang di negara mereka. Serta mereka mengenakan caj perkhidmatan untuk mengurus dan pentadbiran pelaburan mereka dengan kadar yang paling rendah supaya mereka mendapat pulangan yang lebih lumayan.

Sebenarnya dalam konteks ataupun menghasilkan idea perbankan Islam ini, negara kita ialah merupakan negara yang pertama. Tetapi akhirnya dengan perkara yang mungkin bagi saya rasa tidak bersungguh-sungguh, kita akhirnya ke belakang. Kita jauh ketinggalan sekarang berbanding dengan Singapura dan kita juga jauh berbanding dengan...

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Sebagai yang terakhir, saya ingin menggesa pihak kerajaan supaya mengambil langkah-langkah segera supaya kita tidak ketinggalan dalam sektor perbankan Islam ini dengan memastikan prosedur-prosedur dan pegawai-pegawai kita adalah lebih terlatih, lebih profesional dalam apa jua keadaan. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun].

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, Yang Berhormat bagi Padang Serai, seorang wanita.

2.55 ptg.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2007. Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh berkenaan dengan Bajet 2007 ini. Kita begitu gembira, nampak ada beberapa langkah yang boleh membawa manfaat kepada rakyat umum sebab sebelum bajet ini, kita agak kuarir kerana suasana yang terdapat dalam masa sekarang ini memang tidak begitu hebat sangat. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana telah mengambil langkah untuk memansuhkan yuran peperiksaan di semua peringkat. Tetapi saya ingin merayu kepada pihak kerajaan, untuk timbang juga untuk memansuhkan yuran peperiksaan kepada semua calon yang mengambil peperiksaan.

Bukan hanya kepada sekolah kerajaan sahaja. Kerana kita lihat ada golongan ataupun *private student* yang kerana mereka terpaksa tinggalkan pendidikan mereka untuk mencari nafkah, dan selepas itu bila mereka mampu, sambil belajar sambil meneruskan pendidikan. Ini sepatutnya satu usaha yang patut kita galakkan. Jadi saya ingin mencadangkan supaya hanya tinggal segolongan kecil sahaja. Jadi kerajaan lebih prihatin lagi, masukkan golongan ini supaya semua tidak kira daripada mana, asalkan mereka adalah calon-calon yang mengambil peperiksaan itu, dimansuhkan yuran peperiksaan ini.

Berkenaan dengan biasiswa untuk murid-murid yang mencapai 10A ini, di mana pendapatan isi keluarganya tak lebih daripada RM1,500. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kewangan macam mana cara mereka nak pastikan RM1,500 ini? Adakah mereka

akan mengambil kira berkenaan dengan bilangan anak yang terdapat dalam keluarga ini? Kita lihat kadang-kadang kalau keluarga ini ada beberapa anak itu, kalau kita ambil sahaja pendapatan sebagai asas untuk menjadi syarat, saya rasa tidak mencukupi. Kita juga perlu mengambil selain daripada pendapatan, juga bilangan anak-anak yang terdapat di dalam keluarga ini. Jadi saya minta dan mohon supaya pihak yang berkenaan boleh mengambil langkah-langkah untuk memastikan keadilan yang betul-betul dapat diberikan dan manfaat ini boleh dialami oleh keluarga-keluarga yang betul-betul memerlukan bantuan yang sedemikian.

Berkenaan dengan Laporan Audit, saya lihat Laporan Audit yang tiap-tiap tahun dibentangkan, kita lihat terdapat banyak masalah yang dibangkitkan dalam Laporan Audit ini adalah perkara ataupun masalah yang berulang-ulang. Jadi saya ingin mendapatkan sedikit maklumat daripada pihak kementerian. Kementerian mana yang sepatutnya memantau, memastikan bahawa masalah-masalah yang dibangkitkan dalam Laporan Audit ini tidak berulang. Berulang tiap-tiap tahun. Adakah pihak Kementerian Kewangan ataupun perlu kita adakan satu jawatankuasa yang memantau di bawah mungkin Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan bahawa semua masalah yang dibangkitkan di Laporan Audit ini diambil tindakan dengan seriusnya dan perkara yang sedemikian yang sama itu tidak berulang.

Kita lihat betapa banyaknya duit kerajaan ini telah dibazirkan kerana terdapat masalah-masalah yang tersangkut ini. Dan kita sudah banyak kali sebut dan tiap-tiap kali, kadang-kadang kita pun agak segan sebab kita ulangi masalah yang sama. Tetapi masalahnya, masalah yang sama itu tidak dapat juga diatasi. Kita lihat terlalu banyak duit ini dibazirkan dan ini adalah satu pembaziran yang sepatutnya boleh kita elakkan kalau kita ada satu *monitoring body* ataupun jawatankuasa yang memantau yang betul-betul memastikan bahawa perkara yang tidak sepatutnya berlaku, tidak akan berlaku, dan perkara yang patut diatasi, boleh diatasi.

Saya hendak cadangkan supaya satu Jawatankuasa kalau belum ada, diadakan. Berkenaan dengan SME Bank ini, kita lihat bahawa kalau ikut statistik yang saya dapat di sini daripada statistik 2005 terdapat 518,996...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi jalan Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Serai. Saya tertarik dengan hujah mengenai Laporan Audit yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Padang Serai tadi. Ada sesetengah mendakwa bahawa Laporan Audit itu tidak *up-to-date*, dengan izin. Kedah misalnya, ianya telah hampir selesai keseluruhannya tetapi masih lagi telah ditegur oleh Audit dalam penyata yang di bentang kepada kita. FELCRA misalnya, difahamkan bahawa soal-soal yang dibangkitkan telah selesai (2002-2003) tetapi masih lagi dibangkitkan lagi oleh Audit. Adakah Yang Berhormat sangsi di atas Laporan Audit yang dibentangkan di dalam Dewan ini atau yang telah

dibentangkan ke tiap-tiap negeri. Apa maksud Yang Berhormat tentang Laporan Audit berkenaan? Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap yang telah membangkitkan berkenaan dengan Laporan Audit ini. Saya rasa saya tidak sangsi dengan Laporan Audit. Saya rasa mereka menjalankan tugas dengan begitu bertanggungjawab dan baiknya. Mungkin di antara menyediakan laporan itu dan perkara itu sudah selesai masa mungkin *timing* dia. Jadi itu terpulang kepada pihak yang terlibat, yang telah dibangkit ini untuk membuat penjelasan kepada umum supaya tidak ada salah tanggapan ataupun ada salah faham tentang keadaan yang sebenarnya tetapi saya yakinlah dengan Laporan Audit yang saya juga Ahli di dalam PAC. Saya memang selalu dapat bersua dengan kakitangan di Jabatan Audit dan saya rasa mereka cukup profesional dan selalunya menjalankan tugas mereka dengan begitu teliti. Jadi kalau ada pihak-pihak yang rasa ada kesilapan ataupun tidak *up-to-date* maklumat yang diberikan itu, mungkin adalah terpulang kepada pihak-pihak tertentu untuk membuat penjelasan. Saya rasa mungkin masalah itu terletak di *timing* dia dalam laporan dan tindakan yang telah diambil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Sila bagi laluan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Serai. Laporan Audit ini biasanya dia menunjukkan tentang prestasi kewangan. Saya berpendapat laporan ini perlu diperlengkapkan lagi. Saya ambil contoh, kita lihat ada negeri malah kalau di daerah kalau dari segi kewangan dia habis. Duit itu dapat dan digunakan dengan sepenuhnya. Tetapi kalau kita lihat umpamanya dari segi pembangunan usahawan dan pertanian umpamanya, dia tidak dilanjutkan dengan berapa ramai kah usahawan yang telah terbangun daripada duit itu digunakan. Kalau saya hendak ambil contoh di daerah sayalah, kalau lihat dari segi prestasi pembangunan, bangunan majlis daerah, gerai dan kedai lengkap tetapi kebanyakannya kosong. Adakah kewajaran bagi pandangan Yang Berhormat supaya ini harus dilaporkan. Maknanya gerai-gerai yang dibuat beratus itu sebenarnya pada pendapat saya berjaya dibina, duit yang diperuntukkan selesai tetapi tidak ada usahawan yang terbangun. Apa pandangan Yang Berhormat terhadap perkara ini? Terima kasih.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Memang saya setuju bahawa audit ini sepatutnya... Saya rasa memang Jabatan Audit ada buat kerja-kerja macam itu. Mungkin tidak dilaporkan kerana dia tidak buat audit secara semua, dia buat secara *random*. Jadi mungkin perkara itu tidak di *pick up*lah oleh Jabatan Audit tetapi memang dalam pengauditan itu diambil kira perkara-perkara yang sedemikian. Terima kasih. Jadi saya berbalik kepada Bank SME di mana saya telah mengatakan bahawa statistik yang telah ditunjukkan pada tahun 2005 terdapat 500,000 lebih SME dan kita lihat statistik untuk

2003 bidang SME ini mendapat lebih kurang ataupun mempunyai lebih kurang 3 juta pekerja-pekerja yang melibatkan diri dalam SME dan dia *generate* lebih kurang RM154 bilion kepada ekonomi kita.

Jadi saya rasa SME ini satu bidang yang cukup penting yang boleh membantu menjadi satu daripada penggerak ekonomi kita. Jadi pertubuhan SME Bank ini adalah satu langkah yang cukup baik yang telah diambil oleh kerajaan tetapi saya rasa perjalanan atau urusan SME Bank ini perlu dikemaskinikan lagi. Kita lihat banyak salah faham telah bangkit dalam SME Bank ini. Kita lihat SME Bank ini sebenarnya bukan satu bank lagi. Banyak servis-servis seperti bank yang biasa ini tidak dapat lagi dikendalikan oleh SME Bank ini tetapi bila pihak yang berkenaan telah membuat pengumuman, SME semua yang terlibat itu sudah mempunyai harapan dan *expectation* yang begitu tinggi sekali. Tetapi bila mereka pergi urus dan begitu kecewa sekali daripada keputusan yang telah didapati. Tetapi kita tidak boleh menyalahkan SME Bank juga. Ini adalah kerana salah tanggapan ataupun tidak memberikan maklumat yang tepat dan jelas.

Sebenarnya SME Bank sebenarnya ia macam *coordinating body* sahaja, yang mengendalikan tabung-tabung yang terdapat di beberapa kementerian. Tetapi cara yang telah disampaikan kepada orang awam seperti seolah-olahnya ia adalah sebuah bank komersial yang berlagak seperti bank biasa yang mempunyai kemudahan-kemudahan sedemikian tetapi tuju kepada SME. Walhal perkara yang sebenarnya bukan sedemikian. Saya minta pihak yang berkenaan itu membuat penjelasan yang betul-betul dan memberitahu maklumat yang sewajar dan sepenuh-penuhnya supaya orang awam tidak ada satu salah faham dan tanggapan yang silap berkenaan dengan urusan yang dapat dikendalikan oleh SME bank ini. Jadi supaya kita sebagai wakil rakyat pun tidak payah dapat banyak *complaints* berkenaan dengan permohonan yang telah mereka kemukakan tetapi tidak dapat kelulusan kerana ada salah tanggapan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Serai. Yang Berhormat, berkenaan dengan SME saya minat sebab saya mempunyai beberapa pertanyaan dan juga rungutan daripada pengusaha-pengusaha SME yang mengatakan disebabkan oleh mereka telah mempunyai salah tanggapan kepada perkhidmatan dan juga produk yang disediakan oleh SME tadi, maka mereka telah ketinggalan beberapa skim yang ditawarkan oleh bank-bank komersial yang lain. Jadi sekali gus salah tanggapan itu tadi telah menyebabkan beberapa kegagalan kepada pengusaha-pengusaha SME ini. Jadi apa komen Yang Berhormat tentang aliran maklumat kepada pengusaha-pengusaha SME daripada agensi-agensi kerajaan yang bergabung di bawah SME Bank yang ditubuhkan oleh kerajaan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Memang itu yang kita kuarir. Sini tidak dapat, situ pula terlepas. Jadi ini adalah salah satu perkara yang agak bahaya kepada peniaga-peniaga dan ia akan membawa satu malapetaka kepada peniaga-peniaga yang terlibat. Jadi sebab itu seperti

yang saya tegaskan tadi bahawa maklumat yang tepat, terperinci dan yang jelas-jelas kena diberikan kepada orang awam supaya tidak ada masalah-masalah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Memang saya setuju dan memang berlaku. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan CSR yang telah digalakkan oleh Bajet 2007 ini.

Kita memang gembira bahawa kerajaan ingin memupuk satu golongan *corporate responsibility* yang wujud di kalangan masyarakat kita. Kita telah meningkatkan pengecualian cukai dari 5% hingga 7%. Saya rasa sebenarnya *corporate-corporate ini* mereka boleh memberikan lebih banyak lagi bantuan mereka sebagai *corporate social responsibility* mereka. Saya hendak cadang supaya kita naikkan *percentage* ini ataupun tidak payah ada satu *percentage*. Sebenarnya mereka boleh beri lebih kerana bila ada siling mereka sudah berhenti. Jadi kita boleh ada satu *guideline* kerana selain apa yang disebutkan, kita khaskan apa aktiviti yang kita boleh terima untuk aktiviti CSR ini. Jadi lebih banyak mereka boleh menyumbang untuk membantu kerajaan menjalankan sosial *responsibility* ini. Jadi mereka boleh memainkan peranan yang lebih penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan RM50 subsidi yang telah diberikan kepada golongan kaum wanita untuk menjalankan *mammogram*. Jadi saya ini memang berterima kasih kepada perhatian kerajaan dan kita juga ingin mengadakan satu masyarakat wanita yang sihat dan di sini selain daripada perkara-perkara yang disebut ini saya rasa tidak di sebutkan dalam bajet ialah berkenaan keseriusan pihak kerajaan untuk memastikan bahawa wanita dapat mencapai apa yang telah kita setuju dalam *paging* platform di mana 30% daripada *decision making* ini perlu diagihkan kepada pihak wanita.

Dan saya telah banyak kali menyebut dalam Dewan yang mulia ini dan statistik yang saya kemukakan pada masa dulu berkenaan dengan Senat Dewan Rakyat dan Ahli Majlis. Jadi kita lihat memang jauh lagi daripada matlamat kita, dan saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya berani dan mengambil langkah yang serius, kita mula daripada akar umbi.

Kita memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin akar umbi. Kita mula daripada golongan ahli majlis daerah atau pun bandaran. Jadi saya berharap bahawa kerajaan akan mengambil tindakan yang *constructive* dan progresif, jangan kita cakap sahaja, walaupun RMK-9 kita ada menyebut berkenaan dengan 30% ini untuk pentadbiran awam, tetapi dari segi ahli majlis, dari segi politik, saya rasa kita mesti ada *political view* untuk memastikan penyampaian ini dapat dicapai. Dan saya juga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Saya juga minta supaya soalan saya ini, komen saya ini tidak dijawab oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atau pun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi Jabatan Perdana Menteri.

Last sekali Tuan Yang di-Pertua, saya telah diberitahu bahawa terdapat maklumat bahawa Petronas ini, kakitangan Petronas dapat gaji bonus enam bulan. Mungkin saya silap, tetapi saya minta penjelasan daripada pihak kewangan sama ada benar atau pun tidak. Sebab kita lihat, kita memang bangga dengan pencapaian Petronas dan kalau kakitangan mereka mendapat imbuhan yang baik, kita turut gembira. Tetapi apabila berlakunya kenaikan harga yang begitu tinggi dan sebagainya, kita berharap kalau ada keuntungan yang begitu cemerlang kita minta Petronas berkongsi dengan rakyat umum, dan kurangkan beban yang telah dihadapi oleh orang awam.

Saya haraplah dapat jawapan daripada kementerian sama ada benar atau pun tidak. Kalau mereka betul-betul dapat mencapai satu keputusan atau pun satu pulangan yang begitu baik, saya hendak cadang supaya mereka turut juga berkongsi dengan membantu untuk kurangkan beban yang telah dialami dan dirasai oleh rakyat umum.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara lagi, tetapi saya patuh kepada arahan Yang Berhormat, juga saya ucapkan terima kasih sekali lagi atas peluang yang diberikan dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pontian.

3.08 ptg.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bersama-sama dalam membahaskan Belanjawan 2007, dengan melihat kepada perkara di bawah teras kedua - Meningkatkan Keupayaan, Pengetahuan dan Inovasi.

Kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan bila memutuskan untuk berbelanja RM10.4 bilion, bagi pengajian tinggi dengan RM10.1 bilion untuk tujuan program latihan. Saya kira bukan hanya rakyat atau masyarakat di Kelantan atau di Terengganu sahaja yang bergembira, malah kita seluruh negara, berbesar hati apabila kerajaan akan meneruskan usaha untuk menubuhkan Universiti Darul Iman di Terengganu dan Universiti Darul Naim di Kelantan. Malah Akademi Tentera Malaysia juga akan di naik taraf menjadi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Saya teringat pada suatu ketika Tuan Yang di-Pertua, bahawa kalau kita ada ijazah hendak dapat sarjana, mungkin kita boleh pertimbangkan pergi ke negara seperti India, kerana di India banyak universiti-universiti. Malah di negara tersebut ada juga universiti yang mudah mengeluarkan kertas-kertas atau pun ijazah-ijazah ini. Bukan hanya sekadar ijazah pertama atau pun peringkat sarjana, malah juga di peringkat-peringkat kursus yang mempunyai nilai yang jauh lebih tinggi seperti perubatan.

Saya teringat 20 tahun yang lalu, kalau kita lulusan perubatan dari India, mungkin kita tidak begitu yakin hendak menghantar anak kita untuk mendapat walau pun bekalan panadol. Tetapi mungkin agaknya kerajaan boleh memikirkan apabila kita hendak memperbanyakkan universiti di dalam negara kita. Saya merasakan bahawa tidak lewat kalau kerajaan memikirkan

juga, supaya kalau hendak bina pun, ada keperluan pun, hendak membina sebuah universiti di Kelantan atau di Terengganu, kenapa tidak itu menjadi sebahagian daripada universiti yang ternama yang sudah ada di dalam negara kita. Seperti Universiti Malaya cawangan Kelantan, Universiti Kebangsaan Malaysia atau Universiti Sains Malaysia cawangan Terengganu sebagai contoh dan bukan mewujudkan universiti baru.

Alasan ialah seperti biasa yang kita lihat apabila kerajaan berhasrat untuk membina atau pun bila terbinanya sebuah institusi pengajian tinggi, maka akan ada jabatan-jabatan di dalam universiti berkenaan seperti adanya timbalan naib canselor yang baru, naib-naib canselornya, begitu juga dekan-dekan untuk pengajian-pengajian yang tertentu, pengkhususan-pengkhususan tertentu dibuat di universiti berkenaan, maka bagaimana kerajaan boleh mengelak dengan terbinanya universiti-universiti baru ini, penghijrahan dekan-dekan yang baik daripada universiti-universiti yang ternama di dalam negara. Penghijrahan timbalan-timbalan naib canselor yang dulu mungkin dekan tersebut sudah berpotensi untuk dinaikkan pangkat tetapi tertangguh atas sebab-sebab tertentu. Maka terbinanya universiti yang baru memberi peluang kepada dekan-dekan berkenaan.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita juga tahu bahawa kekuatan sesebuah institusi pengajian tinggi dan universiti itu, terletak kepada kemampuan dan kekuatan tenaga pensyarah mereka. Kepakaran yang ada, pengalaman yang ada, ilmu yang ada bukan berdasarkan kepada bangunan yang tersergam indah, bukan berdasarkan berapa banyak jenis pengajian yang disediakan. Tetapi disasarkan, di *benchmark* kepada kemampuan pensyarah-pensyarah, dekan-dekan yang ada di institusi-institusi pengajian tinggi tersebut. Jadi bagaimana kerajaan dapat mengelak daripada berlakunya penghijrahan ini? Kerana kita tidak mahu apabila lebih banyak universiti-universiti baru dibina maka ia boleh menjejaskan prestasi, boleh menjejaskan kekuatan universiti-universiti yang ada di dalam negara kita. Saya amat bimbang kerana sebagai contoh, kita juga maklum orang Kelantan dan Terengganu ini bijak-bijak dan pandai-pandai belaka. Dan hari ini mereka memegang jawatan dan juga menjadi pensyarah ulung di universiti-universiti, seperti di Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia di Johor. Biasanya lazim dalam masyarakat kita Tuan Yang di-Pertua, ialah tempat di mana kita memilih untuk bertugas selalunya berdasarkan daripada mana asal kita.

Oleh kerana agaknya faktor kekeluargaan mempengaruhi kita, oleh kerana faktor mungkin sahabat handai sekampung itu menjadikan tugas kita itu lebih mudah, mungkin orang tua, ibu dan ayah kita yang mungkin sudah uzur, yang menyebabkan maka kita perlu berada hampir dengan mereka. Ini semua boleh mempengaruhi akhirnya seorang pensyarah yang mempunyai kepakaran, kebolehan yang luar biasa di Universiti Malaya, akan berpindah kepada universiti yang baru dan saya kira tidak mungkin, maaf saya, ada pengganti yang seajar, yang setaraf untuk mengambil tempat beliau. Sebab itu saya mencadangkan mengapa tidak kita naikkan. Kita pernah dipersoalkan oleh pembangkang tentang penurunan prestasi universiti

yang ada di negara kita. Maka, dengan gejala yang kalau tidak dikawal, mungkin ini akan menjejaskan lagi kewibawaan dan juga usaha untuk hendak meningkatkan prestasi institusi-institusi pengajian tinggi di dalam negara kita.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelajar. Selalunya universiti-universiti ini juga diukur dari segi jumlah dan bilangan pelajar yang sesebuah universiti itu miliki. Maka, dengan cara ini pelajar-pelajar yang kalau berasal dari Kelantan tidak perlulah mereka berada di Universiti Malaysia Sabah ataupun Universiti Teknologi di Johor. Kenapa tidak mereka hanya berada di Kelantan sahaja? Maka, dengan ini universiti yang sedia ada, mungkin telah menghadapi masalah dari segi jumlah pelajar yang baik, menghadapi masalah kekurangan pelajar.

Tetapi bagaimana kerajaan hendak mengatasi supaya hendak mencukupkan juga bilangan pelajar tanpa berkompromi, syarat-syarat kemasukan. Kita bimbang dan takut universiti-universiti yang baru, yang kekurangan pelajar ini akhirnya akan berkompromi dari segi syarat-syarat kemasukan semata-mata untuk hendak mempunyai bilangan pelajar yang secukupnya. Jadi, itu dua hujah saya, Tuan Yang di-Pertua untuk mengatakan bahawa kerajaan mungkin boleh fikirkan semula untuk membina universiti-universiti baru ini.

Jadi, sebelum saya sambung.....

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri yang mana?

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Pontian. Saya sangat bersetuju dengan pandangan yang saya rasa sangat bernas, yang Yang Berhormat bagi Pontian telah berikan sebentar tadi. Kita kena letakkan kadang-kadang politik ini di sebelah buat sementara waktu.

Saya rasa idea itu sangat baik, sangat bernas. Kerajaan perlu memikirkan secara bijaksana, adakah kita mahu bilangan universiti yang banyak tetapi kita hampas dari segi kualiti kita. Jangan kita bina universiti atas dasar politik semata-mata tetapi saya rasa hari ini, Kementerian Pengajian Tinggi perlu ada satu visi yang jelas apa yang kita mahu? Saya setuju, kalau kita mahukan pengambilan pelajar yang lebih banyak, kita banyakkkan kampus di peringkat negeri. Ini satu tindakan yang sangat baik. Bukan menambahkan bilangan universiti.

Pada saya, universiti kita pada hari ini perlu untuk mengejar, yang pertama sekali kecemerlangan akademik, prestasi pensyarah. Telah saya sebut bahawa kita perlu untuk mengejar apa yang dikatakan *Nobel Laureate*, anugerah-anugerah yang berprestij yang kita sejak merdeka satu hadiah pun kita tidak dapat. R&D kita tidak sampai ke tahap internasional yang boleh kita banggakan. Jadi, saya sangat bersetuju dengan pandangan itu dan minta

supaya dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil pandangan Yang Berhormat bagi Ketereh, dia kata, “Yang pembangkang pun tidak semuanya tidak baik.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian!

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Jadi, saya rasa. Yang Yang Berhormat bagi Ketereh, yang pagi tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pagi tadi.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Dia kata, “Pembangkang pun ada yang baik itu, dia hendak masuk juga di dalam ucapan ini.” Jadi, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, sudah masuk sudah, dalam Yang Berhormat bagi Ketereh punya itu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar Yang Berhormat bagi Pontian, cuma saya hendak beri satu faktor perbahasan di sini, di mana jika Yang Berhormat menyebut tentang anak-anak negeri kembali ke negeri, kemudian kali ini Yang Berhormat pula menyebut, terbinanya universiti-universiti, institusi pengajian tinggi di negeri-negeri ini akan menyebabkan anak negeri belajar di negeri masing-masing, menampakkan satu sikap kita yang begitu romantik dengan kedaerahan kita. Bukankah ini lebih mengongkong kita dalam, bawah satu tempurung dan menafikan sikap integrasi yang digagaskan oleh kerajaan. Jadi, bagaimana Yang Berhormat mengimbangi faktor ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, ini di antara kebenaran dan juga realiti, dua perkara yang berbeza. Kita semua sedia maklum bahawa apabila seorang majikan mengadakan temu duga untuk mengambil pekerja baru. Ada dua calon, seorang dari universiti luar negara dan seorang pelajar dari universiti tempatan. Yang biasa dan lazim kita hadapi, ulasan daripada majikan berkenaan ialah antara lainnya *exposure*, pendedahan.

Pelajar-pelajar, graduan dalam negara kurang pendedahan mereka. Ini ada hubung kait dengan soal apabila kerajaan ingin membina sebuah institusi pengajian tinggi, jarang benar kerajaan negeri memperuntukkan tanah di tempat-tempat yang strategik seperti berhampiran dengan bandar, berhampiran dengan tempat-tempat yang telah sedia ada kemudahan-kemudahan asas, tetapi lazimnya universiti ini akan diberi sebuah tanah, sebidang tanah yang terletak di penghujung kampung. Di kawasan-kawasan yang mungkin tidak mempunyai nilai komersial, yang diletakkan di hujung tanjung, di Larut sana. Jauh!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Di kawasan pedalaman

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Larut minta hendak berucap. Minta penjelasan, boleh?

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Yang akhirnya, pelajar itu sendiri seolah-olah duduk, kata kawan saya, di dalam penjara terbuka. Dibina pagar yang begitu banyak perbelanjaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk Yang Berhormat. Tidak beri jalan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Digunakan untuk membina pagar-pagar tersebut. Ini kerana bukan tujuan asalnya tidak mahu. Kalau ada mungkin gajah liar ataupun singa liar daripada mengganggu keselamatan pelajar tetapi akhirnya pelajar itu sendiri berada di dalam penjara terbuka. Tidak ada kemudahan untuk keluar berjumpa selain daripada mungkin dua tiga minggu sekali keluar. Kalau kita tengok universiti di Sabah sebagai contoh, di Sarawak sebagai contoh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan sikit.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Sabah tidak boleh lagi. Maaf saya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Ya, silakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Kita menyokong, bukalah seberapa banyak universiti tidak kira di mana. Di Kelantan baik, di Sabah baik, di Sarawak baik, di mana-mana, tidak kira. Saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Pontian tentang kedudukan UiTM ini. Kalau dahulu kita ada ITM, menggambarkan betapa ITM ini satu institusi yang begitu tinggi bagi kepentingan orang Melayu pada ketika itu. Ini sejarah.

Hari ini kita hendak mengangkat lagi martabat kita jadikan UiTM, universiti. Saya merasakan kalau pada ketika ini kita kembalikan balik ITM tetap ITM. Bagi mereka yang hendak belajar peringkat diploma misal kata, setakat itu, kita katakan. Untuk yang lebih tinggi, ke UiTM, jadi ada dua. Satu ITM dikembalikan menjadi ITM sebagai satu sejarah kebanggaan kita. Sejarah ini fakta, kita jangan ubah. Kembalikan balik. ITM ini kita kembalikan balik dengan peranannya dan UiTM tetap UiTM. Apakah Yang Berhormat bagi Pontian setuju? Kalau ini setuju, kita minta supaya Kementerian Pengajian Tinggi menyegerakan untuk mewujudkan dua ITM dan UiTM. Ini kerana kita tahu sejarah ITM itu sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat?

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: ITM dalam UiTMlah mungkin, tetapi saya amat bersetuju bahawa hasrat, semangat dan inspirasi mewujudkan ITM itu harus kita pertahankan, dikekalkan dalam apa bentuk cara sekalipun. Saya bersetuju, malah kenapa tidak. Kalau kerajaan terpaksa memikirkan untuk berbelanja hampir RM27.5 bilion untuk merencanakan sektor pembinaan ini.

Kita ada bangunan-bangunan yang terbengkalai, bangunan-bangunan yang tidak dapat digunakan sepenuhnya berada pada lokasi yang begitu strategik. Kita bukan tidak pernah melihat institusi-institusi pengajian tinggi di negara-negara yang maju. Ia terletak di tengah bandar. Ia terletak di kawasan-kawasan yang membangun, di celah-celah bangunan, di tengah-tengah kawasan pusat komersial yang begitu sibuk dan rancak dengan kegiatan seharian mereka ada juga institusi pengajian tinggi di tempat-tempat yang berkenaan.

Kita dapat melihat pelajar-pelajar yang berada dalam keadaan yang sedemikian mempunyai satu kesempatan, malah dari segi keselamatan mereka terjamin. Perkara-perkara yang diperlukan bukan hanya sebagai pelajar tetapi untuk hidup dalam suasana masyarakat yang realistik, itu juga dapat dirasakan oleh individu ini sebagai seorang pelajar. Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan mungkin kerajaan boleh memikirkan supaya bandar akademik ini dapat diwujudkan dalam negara kita dalam erti kata yang sebenarnya. Bukan ada akademik, baru hendak ada bandar. Bandar itu kita akademikkan, yang mana masyarakat kita kata hendak minda masyarakat kelas pertama,...

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Penjelasan, penjelasan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: ...hendak memupuk minda kelas pertama ini, maka apabila ada satu bandar yang benar-benar akademik, si penggoreng meenya juga adalah pensyarahnya yang mengambil kegiatan sampingan. Begitu juga guru yang mengajar dalam bidang Pendidikan Sukan dan sebagainya juga pengusaha kedai-kedai sukan di dalam satu komuniti yang sama, di dalam satu keadaan yang mana erti kata bandar akademik. Ini yang kita lihat ada juga rancangan oleh kerajaan-kerajaan negeri hendak membina bandar akademik tetapi dibina rumah kedai untuk dijual perkara-perkara yang orang pembeli/pemilik itu tidak ada kaitan langsung dengan semangat bandar akademik yang asalnya hendak dibina. Maka datanglah si polan ini membeli unit tersebut untuk tujuan semata-mata pelaburan, oleh kerana apabila adanya institusi pengajian tinggi, penilai-penilai hartanah ini akan meningkatkan nilai-nilai harta yang berada di kawasan yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Akhirnya Yang Berhormat, yang keduanya, bercakap soal minda kelas pertama ini, Tuan Yang di-Pertua. Minda kelas pertama yang ada dululah kita perkatakan, sebelum kita berbelanja, merancang untuk membina masyarakat minda kelas pertama ini. Saya amat kecewa Tuan Yang di-Pertua, apabila berlaku di Johor suatu hari itu, seorang tokoh korporat negara mengetuai GLC yang paling ulung di dalam negara kita. Tentunya apabila menjadi ketua kepada institusi korporat yang terulung di negara tentulah dia ini orang yang berkelulusan tinggi, orang yang mempunyai pendedahan dan juga pengalaman yang luas kerana diberi kepercayaan oleh kerajaan seperti mengendalikan sebuah GLC yang paling ulung di negara kita, memberi taklimat kepada Perdana Menteri, kepada pemimpin-pemimpin di

negeri berkenaan. Berdiri dengan tangan di dalam kecek di tengah-tengah gelanggang untuk memperjelaskan.

Ini bukan cara dan budaya kita, Tuan Yang di-Pertua. Maka kalaulah hendak membina minda kelas pertama ini, kena mula daripada kelas pertama yang ada. Kita sudah ada masyarakat yang punya minda kelas pertama ini. Tapi yang menjadi malangnya mereka ini yang gagal mempamerkan kepada masyarakat bahawa mereka boleh dijadikan contoh, mereka boleh kita lihat sebagai *role model* untuk mempamerkan minda kelas pertama ini melalui tindakan, perwatakan, penonjolan diri-diri, tokoh-tokoh yang berada di kelas pertama ini, Tuan Yang di-Pertua. Maka yang kita harus dalam masa yang sama ialah bukan hanya memikirkan soal meramaikan minda kelas pertama ini tetapi juga kita harus meletakkan tumpuan yang sama supaya tidak berkurangan minda kelas pertama yang sudah sedia ada dalam negara kita.

Sebagai menggulung, Tuan Yang di-Pertua, mungkin fikirkanlah sama ada perlu kita memperbanyakkan universiti atau kita memperbesarkan. Macam Pak Lah kata, kita tidak perlu hendak bina sekolah-sekolah bestari, kita bestarikan sekolah yang ada. Tidak perlu kita banyakkan universiti, kita perluas dan perbesarkan universiti yang ada ini bagi memenuhi keperluan-keperluan di dalam negara kita.

Sebelum saya duduk, elok juga saya sambung supaya Universiti Putra ini, Tuan Yang di-Pertua, kembalikanlah semula jadi Universiti Pertanian Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Gantang.

3.36 ptg.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang begitu komprehensif, di mana bajet ini menyerlahkan komitmen kerajaan, memahami harapan rakyat di samping usaha merealisasikan Wawasan 2020 dan menjanjikan pelbagai peluang.

Tuan Yang di-Pertua, kontraktor tentunya menarik nafas lega berikutan pengumuman pelbagai projek pembangunan yang dijanjikan, yang menjanjikan peluang pekerjaan yang lebih besar. Sesungguhnya keikhlasan kontraktor dalam melaksanakan projek pembangunan wajar sekali dipantau sehingga ke peringkat akar umbi. Dari segi kualiti bahan yang diguna pakai, tempoh masa siap dan yang paling penting sekali, sama ada projek tersebut setimpal dengan peruntukan yang dikeluarkan. Rakyat di peringkat akar umbi, Tuan Yang di-Pertua, merungut projek yang dibina sebenarnya hanya tinggal 30% hingga 50% sahaja, sedangkan keuntungan yang diraih melebihi 50% hingga 70%. Tuan Yang di-Pertua, wajarkah keuntungan yang diraih itu begitu banyak sehingga membantutkan pembangunan dan penyelesaian masalah di peringkat akar umbi. Maka berapa banyak sekali pun peruntukan yang akan diagihkan untuk mengatasi masalah sudah tentunya tidak akan sampai kesampaian, sampailah ke hari kiamat sekiranya sifat

tamak dan penyelewengan berlaku. Rakyat di peringkat akar umbi tetap dengan kemiskinan dan negara mungkin mufis sekiranya keadaan ini dibenarkan berlanjutan. Satu jawatankuasa pemantauan bebas wajar ditubuhkan di peringkat akar umbi untuk menghentikan segala perbuatan yang tidak bertanggungjawab yang akan memundurkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian yang diberikan penekanan besar dalam bajet sebanyak RM3.6 bilion tidak menyatakan serta jelas aspek belia di dalamnya. Belia hari ini kurang berminat dengan pertanian, malah ramai graduan pertanian pun tidak menjadi petani. Sesuatu perlu dilakukan bagi menggalakkan dan memotivasikan belia supaya mereka menceburi bidang ini. Kalau tidak, ada kemungkinan segala perancangan dan peruntukan besar yang diperuntukkan kepada sektor ini tidak akan berkesinambungan berikutan kurang pewaris tani yang akan meneruskannya kelak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Maran, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Sila.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat bagi Bukit Gantang tentang belia. Belia kita ada lebih kurang 40% dalam penduduk negara kita iaitu lebih kurang RM11 juta. Pada suatu ketika dulu pernah kerajaan melancarkan apa yang kita kenali dengan belia tani di mana belia-belia sama ada yang keluar universiti dan sebagainya digalakkan untuk bertani.

Tetapi saya lihat sekarang, benda ini mungkin tidak nampak lagi. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, apakah yang harus kita buat? Apakah Yang Berhormat boleh memberikan pandangan pada kerajaan supaya kita dapat membela semula kedudukan belia ini dan memberikan peluang kepada mereka supaya mereka banyak terlibat dengan petani-petani ini kerana inilah yang digalakkan oleh kerajaan dan kita tidak mahu mereka terlibat banyak dengan masalah-masalah sosial seperti dadah dan sebagainya. Silakan.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Memang kita tidak dapat nafikan bahawa belia hari ini memang tidak minat langsung dalam pertanian. Walaupun pada masa dahulu belia tani telah pun dijalankan dan ini sebenarnya, belia tani ini telah pun menemui kegagalan. Tetapi apa yang boleh kita lakukan sebagai langkah yang praktikal ialah mengujudkan Institut Pertanian Belia Negara.

Tuan Yang di-Pertua. Dalam pada itu, semakin banyak peruntukan disediakan untuk pembangunan belia tetapi semakin kurang.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Setiu bangun dulu. Bagi jalan?

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Sila.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Tuan Yang di-Pertua, persoalan belia ini sebagaimana yang telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Maran, untuk menarik minat belia kepada pertanian mungkin kita rasa susah sedikit kalau kita lihat kepada kecenderungan belia-belia kita pada hari ini. Tetapi kalau kita melihat kadar pengangguran yang berlaku di dalam negara kita, saya rasa agak serius juga. Lepasan-lepasan universiti yang terlibat dalam bidang-bidang perniagaan, *business management*, *business study* dan sebagainya, dengan izin. Saya percaya kumpulan ini tidak perlu mereka ini terlibat secara langsung di dalam pertanian dari segi turun ke sawah dan sebagainya. Saya percaya pihak kerajaan boleh mengambil inisiatif membentuk kumpulan ini sebagai kumpulan pemasaran bagi memasarkan produk-produk pertanian yang diusahakan oleh ayah-ayah, emak-emak mereka di kampung-kampung. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Bukit Gantang?

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Yang Berhormat. Ucapan Yang Berhormat boleh saya masukkan dalam ucapan saya. Memang kita tidak dapat nafikan. Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu semakin banyak peruntukan disediakan untuk pembangunan belia. Tetapi semakin kurang pula peruntukan yang diperlukan untuk menangani masalah sosial di kalangan belia. Belia hari ini kalau kita lihat melepak di sana sini. Belia tidak tahu tentu hala tujunya. Terlibat dengan penagihan dadah, mencuri, merompak, biadab ataupun kadang kala kurang ajar yang amat membimbangkan kita. Kementerian Belia dan Sukan perlu memainkan peranan yang lebih luas. Bukan sekadar menggembelng belia dalam bidang sukan sahaja bahkan, pembangunan insan dan pembangunan modal insan wajar diletakkan sebagai agenda utama dalam memimpin belia ke arah yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Tuan Yang di-Pertua, modal insan adalah antara fokus utama kerajaan dalam Bajet 2007. Hasrat kerajaan melahirkan masyarakat berilmu sebenarnya harus disahut oleh rakyat di setiap lapisan masyarakat dengan rasa penuh tanggungjawab. Setiap individu, ibu bapa, guru, pemimpin masyarakat, kakitangan kerajaan ataupun mereka di sektor perniagaan perlu menjadikan diri mereka sebagai agen penajaan modal insan berkualiti tinggi. Pemansuhan yuran peperiksaan awam, kenaikan biasiswa kecil persekutuan, pelepasan cukai pembelian buku merupakan antara insentif yang diberikan oleh kerajaan dan ia tidak akan banyak memberi hikmah jika tidak dilakukan dengan seikhlas-ikhlasnya dan tanpa pengawalan. Berjayakah kita melahirkan masyarakat berilmu melalui budaya membaca sedangkan Tuan Yang di-Pertua, Projek Nilam di sekolah-sekolah tidak mampu menyemai tabiat membaca di kalangan murid sekolah. Projek Nilam di sekolah wajar dikaji semula agar objektif memupuk tabiat membaca dan masyarakat berilmu tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, kaum wanita termasuk pelbagai pertubuhan dan pergerakan wanita bukan sahaja menyambut baik Bajet 2007 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bahkan, mengucapkan ribuan terima kasih atas keprihatinan kerajaan

terhadap wanita yang telah turut menyumbang kepada ekonomi di samping mereka memacu kesejahteraan keluarga. Pemberian subsidi RM50 pada wanita untuk menjalani ujian saringan *mammogram* mengesan barah lebih awal di klinik dan hospital swasta, membuktikan bahawa kerajaan menitik-beratkan kesihatan wanita dan kesihatan wanita perlu dipelihara demi kesejahteraan keluarga dan negara.

Subsidi tepat pada masanya kerana kira-kira 80% penghidap kanser di negara ini lewat mendapatkan rawatan termasuk menunggu sehingga saat akhir hingga merumitkan proses pemeriksaan. Maka, ia dapat menggalakkan lebih ramai wanita membuat ujian saringan mengesan barah lebih awal lagi. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, wanita luar bandar masih kurang kesedaran dalam aspek penjagaan awal kesihatan. Apatah lagi Pusat Khidmat Kesihatan masih belum dapat membekalkan perkhidmatan sebegini di luar bandar. Adalah diharapkan klinik kesihatan kerajaan di luar bandar ini dapat memperluaskan khidmat kesedaran kesihatan kepada penduduk kampung dan alat *mammogram* mengesan barah dibekalkan, diperluaskanlah ke klinik kesihatan kerajaan di luar bandar. Kalau boleh di setiap kawasan Parlimen.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, pemberian geran RM80 ribu bagi pusat jagaan kanak-kanak di setiap kementerian dan jabatan membuktikan penghargaan dan pengiktirafan kerajaan kepada sumbangan wanita dalam ekonomi negara. Akan tetapi pihak swasta harus juga memberikan kemudahan sama kepada kakitangan wanitanya atas penghargaan sumbangan pekerja wanitanya dan obligasi sosial yang harus ditunjukkan. Bagi menggalakkan penubuhan pusat jagaan kanak-kanak ini yang lebih banyak di pihak swasta, pihak kerajaan harus mempertimbangkan juga pengecualian cukai syarikat setiap tahun bagi syarikat-syarikat yang menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan bantuan khas kepada badan bukan kerajaan, NGO sebanyak RM30 juta untuk melaksanakan program wanita, keluarga dan masyarakat adalah diharapkan dilaksanakan dengan betul dan tepat agar memberi manfaat yang maksimum kepada kumpulan sasar supaya objektif tercapai. Perbelanjaan untuk perkara-perkara penting seperti beg seminar, baju dan seluar hendaklah dimaksimumkan kerana ia merupakan satu pembaziran.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat berharap Bajet 2007 ini dapat dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, penuh keikhlasan bagi memastikan ekonomi kita membangun dan memberi hasil yang baik dari segi usaha meningkatkan kemakmuran rakyat. Dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

3:48 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Assalamualaikum warahmatullahi taala wabaraktuh. Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya sama untuk membahas dan mengemukakan pandangan tentang bajet yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada hari Jumaat lepas. Pertama, saya melahirkan kesyukuran kepada Allah swt dan terima

kasih banyak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memulakan pembentangan bajet dengan membaca sepotong ayat Al-Quran daripada surah Saba', ayat yang ke-39 yang berbunyi; *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, suka saya menarik perhatian bahawa ayat ini mesti ianya dibaca bersama dengan ayat yang ke-40 daripada surah yang sama. Di mana ayat yang 40 ini, Allah s.w.t. menyebut *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*. Ingatlah pada hari di mana Allah s.w.t. mengumpul manusia semua. Di waktu itu Allah s.w.t. berfirman kepada malaikat, apakah mereka ini dahulu menyembah kamu.

Kerana ayat di atas, ayat yang di baca oleh Yang Berhormat sekejap tadi ataupun yang pada minggu lepas tidak sempurna kalau tidak digandingkan dengan ayat yang ke seterusnya sebagaimana saya bacakan itu. Kerana ayat yang kedua itu memberi suatu amaran kepada sebanyak mana harta yang telah diberi milik oleh Allah s.w.t kepada kita. Dia bukan hanya sekadar Allah memberi harta kepada kita tetapi Allah s.w.t akan menanya kita selepas daripada itu.

Dan inilah yang disebut sebagai 'muhasabah Al-Maliah' iaitu mesti ada semacam tanggungjawab kepada harta kita selepas daripada ini, penilaian. Terima kasih Tangga Batu. Kerana kita akan ditanya selepas daripada ini dalam sebuah hadis Rasul s.a.w, Nabi memberitahu bahawa manusia ini akan disoal tentang perkara di antaranya harta daripada mana kita dapat dan ke mana kita sumbang.

Ini yang jadi masalah, bukan sekadar hanya kita mendapat, kita pandai, kita bijak kerana kebijakan ini adalah hasil daripada bukan hanya bijak daripada kita semata-mata tapi ada selain daripada usaha kita iaitu pemberian dari Allah s.w.t . Kalau Allah s.w.t tak bagi bijak kita walaupun kita usaha tak jadi. Bijak ini adalah suatu anugerah Allah yang diberi kepada kita sekalian yang mesti kita syukuri nikmat kebijakan yang diberi kepada rakyat Malaysia khususnya kita. Tetapi selebih daripada itunya Allah s.w.t menyebut *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*, mereka akan dibangkit oleh Allah s.w.t dan akan ditanya tentang harta yang kita cari dan harta yang kita belanjakan ini.

Kerana itu saya sengaja sebutkan di sini supaya sama-sama kita mengambil satu tanggungjawab supaya harta yang ada pada kita ini yang begitu banyak yang diberi oleh Allah s.w.t ini supaya sama-sama kita bertanggungjawab bukan hanya kita seorang diri untuk membolot kekayaan, kita digelar sebagai millionaire tetapi tidak melihat kepada orang lain.

Kemudian selain daripada kita saya menyentuh lebih panjang lagi ataupun dalam masa yang sesingkat ini, barang kali Perdana Menteri kita ini ada wawasan dan saya yakin dia ada wawasan sebab itu dia mahu baca ayat al-Quran ini *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* perlu di terjemah dan perlu diberi suatu gambaran yang jelas bahawa *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* "sesungguhnya Tuhan saya", sesungguhnya pencipta kepada saya, sesungguhnya pengurus dunia ini dan sesungguhnya ia memberi taraf kehidupan bukan taraf rakyat, taraf kehidupan kepada kita dan seterusnya ia mematikan kita iaitu Allah s.w.t

Biar Ahli-ahli Dewan ini memahami terlebih awal tentang maksud dan makna yang dikehendaki barangkali sama apa yang disebutkan tadi yang dikehendaki oleh Perdana Menteri sekejap tadi. Takkanlah, Perdana Menteri baca ayat Al-Quran Nul-Karim dengan tidak memberi suatu kesimpulan. Kerana itulah saya memanjangkan perkara ini supaya ianya dapat difahami oleh kalangan kita.

Kemudian pengurusan harta hendak dijalankan dengan teliti, dan mempunyai 'masuliah'. Kita jangan hanya mengurus harta kita dengan 'semberono' ataupun dengan apa yang kita rasa bahawa kita rasa cerdik, kita sudah bijak dan sudah kita pandai dalam pengurusan harta. Tapi, di sana mesti mempunyai 'masuliah', 'masuliah' sebagaimana saya katakan kerana itulah kerajaan Negeri Kelantan meletakkan tiga aspek besar. Pertama sekali mesti ada masuliah, mesti bertanggungjawab dengan pengurusan yang diberi amanat oleh Allah Subhana wa ta'ala kerana kita khalifah.

Saya, tak silap saya dalam ucapan Perdana Menteri di peringkat awalnya disebut khalifah, kita disebut sebagai khalifah. Khalifah kepada siapa? Tentu khalifah kepada Allah s.w.t dalam pengurusan dunia ini kita adalah diberi tanggungjawab khalifah [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] - ingatlah ketika Allah s.w.t menyebut kepada malaikat bahawa Allah s.w.t mahu jadikan manusia ini sebagai khalifah walaupun ianya ditentang para malaikat di waktu itu.

Allah s.w.t jadikan manusia ini sebagai khalifah untuk mengurus dunia ini. Kerana itulah takrif khalifah di dalam Islam ini Tuan Yang di-Pertua, iaitu 'khalifatun nubuwwah' [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] dalam erti kata bahawa galang ganti kepada kerja-kerja Nabi, nak jadi nabi, tak boleh dah.

Kalau Nabi Muhammad s.a.w. adalah Nabi terakhir walaupun ada kumpulan-kumpulan bahawa di sana ada Nabi dan sebagainya, tapi pengakuan yang tidak betul mestilah ditolak dalam syariah ini. Khalifah itu bererti iaitu galang ganti kepada kerja-kerja Nabi dalam menegakkan agama dan menguruskan dunia ini dengan agama. Ini fahaman kami, tak tahulah dalam kefahaman kerajaan Barisan Nasional dalam Islam Hadhari, Pasir Putih pun tak ada. Saya suka kalau Pasir Putih Yang Berhormat Pasir Putih ada dan Yang Berhormat daripada Ketereh ni ada.

Seorang Ahli: Tangga Batu, ada.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Passir Mas]: Tadi Yang Berhormat daripada Ketereh tadi, saya dengar dia baca ayat Quran dengan makna dan maksud, dia kata Suratul Ra'd ayat yang kelima. Saya ingat dalam Suratul Ra'd ayat yang kelima tak ada sebenarnya, tak ada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ketereh, tapi oleh kerana Ketereh tak bagi kesempatan perlu dibetulkan dan *Hansard* mesti dibetulkan semula. Tidak ada ayat yang kelima dalam Suratul Ra'du yang menyebutkan manusia dijadikan daripada darah kemudian darah sekian, sekian, sekian dalam hati manusia ada darah dan kalau darah itu betul maka betullah dia, kalau darah itu tak betul maka tak betullah dia maka darah itu hati.

Sebenarnya bukan ayat Quran, itu hadis Rasulullah s.a.w yang saya sebut boleh saya sebut di sini iaitu diriwayatkan Imam Bukhari dan Muslim di dalam suatu hadis yang begitu panjang Nabi s.a.w. *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nak bagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ketereh tak ada. Jadi, Tangga Batu nak. Ini, ini perbincangan, kalau DAP nak terlibat sama pun tak apa *[Ketawa]*. Cuba Yang Berhormat Pasir Mas, saya dengar kalau kita buka balik *Hansard* nanti! Saya dengar Yang Berhormat Ketereh ada menyebut kalau tak silap saya dan juga menyebut mungkin ia daripada hadis, ya, jadi, ya ada beralas di situ, bukan secara putus dikatakan yang ia..

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ..daripada Suratul-Ra'du ayat lima..

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ..saya dengar.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: ..dak, dak saya dengar tadi. Terima kasih Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: [Tangga Batu]: Sama-sama.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya mendengar bahawa dalam 'Suratul Ra'du' ayat yang kelima dan saya minta penjelasan di waktu beliau keluar di sini tetapi dia minta supaya saya melihat semula kepada Al-Quran. Jadi, apa keadaan pun saya menyebut bahawa saya perbetulkan sebenarnya hadis Rasulullah s.a.w

Seorang Ahli: Sebenar dia ada salah tadi.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, ya, hadis Rasulullah s.a.w. *[Membaca sepotong hadis]* itu hadisnya bukan ayat Al-Quran Nul Karim. Ada ayat di dalam surah Al-Haj, dalam suratul Haji tu dalam surat yang kedua tak silapnya panjang ayat itu, ia disebut manusia daripada 'mudhgah'; daripada 'nutfah' daripada, daripada itu. Tapi, disebut sebagai tadi iaitu hadis Rasulullah s.a.w. Pengurusan ini mesti mencakupi 'Al-A'dalat Lihat Istima'iyah'. Dia mesti berpaksi Al-A'dalah kepada keadilan untuk mendapat keadilan masyarakat menyelesaikan ini. Kerana dalam Islam ini perbincangan harta terlalu banyak *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* "jangan kamu makan harta manusia dengan secara tak betul".

[Membaca sepotong ayat al-Quran] "jangan kamu bagi harta kepada golongan-golongan subahat". Dalam Islam juga menyentuh tentang banyak masalah-masalah 'musharakah', 'syarikat fil imwal', 'syarikat fil abdan'. Syarikat tentang harta. Berkongsi tentang tubuh badan dan berbagai-bagai lagi tentang harta. Allah s.w.t menyebut dalam surah ayat yang terpanjang dalam Al-Quran iaitu ayat berkaitan dengan 'Addain' dengan hutang *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* "apabila kamu berhutang hendaklah kamu tulis".

Sebelum daripada Eropah mengenali sistem bank, sebelum daripada barat mengenali sistem ini, Al-Quran 1400 tahun sebelum beradanya telah pun menerangkan dalam Al-Quran Nul

Karim tentang penulisan, tentang hutang piutang jangan kamu berhutang dan kamu biarkan begitu, tulis 'faktubu' mesti ditulis hebat sebenarnya kalau kita kaji.

Tapi, oleh kerana umat Islam tidak banyak membuat kaji tentang Islam tapi mereka buat kajian tentang lain sehingga mereka hampir-hampir luput daripada ilmu Islam dan akhir sekali mereka menafi tentang Islam. Yang kedua, 'Al-Adah fittauzah' mesti mempunyai keadilan tentang pembahagian harta.

Harta ini jangan sekali-kali tertumpu kepada orang kaya, maksud ayat al-Quran. Harta ini jangan hanya tertumpu kepada golongan kaya semata-mata sampai kepada beratus juta kepada seorang insan, aset, harta beratus juta. Kemudian mengurus dengan boros, sedangkan Allah s.w.t menerangkan kepada kita, kita jangan terlalu mengumpulkan harta begitu banyak tanpa kita melihat golongan-golongan miskin yang berada di sekitar kita. Kerana kita tahu bahawa pendapatan negara dianggarkan sebagaimana yang telah disebutkan dalam ucapan Perdana Menteri sebanyak RM159.4 bilion kemudian RM112.9 bilion adalah peruntukan pengurusan. Meningkatkan daripada tahun 2006, sebanyak 11.6%. Mengapa benda ini boleh meningkat?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Sepatutnya setelah kita rasa kita hebat, kita pandai dalam pengurusan, saya rasa boleh diturunkan, saya rasa boleh diturunkan pengurusan-pengurusan yang biasa. Mengapa kita meningkat, sedangkan negara kita ini sebahagian besar daripada negara keuntungan ataupun pendapatan negara kita ini daripada khazanah bumi yang anugerahkan oleh Allah s.w.t bukan kerana cerdik kita, tidak, bukan kerana pandai kita Allah s.w.t anugerahkan kepada kita RM50 bilion lebih minyak ke negara kita ini. Ini satu perkara mesti disyukuri oleh semua penduduk di negara kita ini, khususnya orang Islam, khususnya orang Melayu yang beragama Islam. Mesti syukur dengan pemberian Allah s.w.t, satu anugerah Allah s.w.t kepada umat Islam. Sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada pemberian Allah s.w.t ke dunia ini, kita tengok di mana lokasi-lokasi yang ada orang Islam. Maaf kepada sahabat-sahabat kita yang bukan Islam.

Kepada lokasi-lokasi di mana orang Islam ramai, maka Allah s.w.t. bagi kemudahan-kemudahan asas. Di Timur Tengah misalnya, kita melihat bagaimana hasil minyak di Timur Tengah menguasai seluruh dunia kerana di situ umat Islam yang begitu ramai dan mereka tidak tinggal sembahyangnya mereka tunduk kepada Allah s.w.t daripada zaman berzaman walaupun dalam keadaan mereka sukar, mereka payah tetapi mereka tidak putus hubungan dengan Allah s.w.t, akhir sekali Allah s.w.t hantarkan pemberian-pemberian yang tidak ternilai mahalannya. Begitu juga ruang dari segi geografinya kita melihat bahawa dunia Islam ini begitu hebat,

Indonesianya, Malaysianya, Timur Tengahnya dan lain-lain lagi dengan hasil buminya, dengan iklimnya, dengan apanya. Negara umat Islam iaitu negara yang terbaik di dunia.

Tetapi oleh kerana umat Islam tidak guna, tidak banyak guna, tidak mengambil manfaat daripada al-Quran, mereka meninggalkan segala-galanya. Mereka tinggalkan al-Quran bermakna mereka tinggalkan segala-galanya. Ini mesti diambil perhatian oleh kita. Apabila umat Islam meninggalkan al-Quran sebagai tunggak pertama kerana kehidupan ini, mereka tercicir semuanya. Tetapi, apabila mereka mengambil al-Quran mereka mendapati seluruhnya. Inilah ajaran Allah s.w.t yang menggalak supaya kita sentiasa membaca dan mengkaji al-Quran, bukan sekadar membaca. Kalimah Iqra' itu sekali gus membaca, mentelaah, mengkaji, melihat dan membuat sesuatu "*tajribah*" ataupun *experience* yang boleh memanfaatkan, bukan sahaja kepada umat Islam, tetapi kepada siapa sahaja yang hidup di bumi Islam.

Percayalah Yang Berhormat-Yang Berhormat dan seterusnya Tuan Yang di-Pertua, bahawa Islam tidak pernah mengkhianati, Islam mengajar umatnya supaya meletakkan kebaikan dan kebajikan kepada orang. Saya di dalam kuliah-kuliah saya sendiri, bahawa harta orang bukan Islam ini mesti kita hormati. Harta-harta orang bukan Islam. Contohnya kita berjiran dengan orang bukan Islam, babi dia, khinzir dia misalnya jatuh lubang misalnya, wajib kepada kita menolong, membantu menyelamatkan khinzir dia. Bukan di atas sebab khinzir ini najis atau tidak najis. Itu soal yang kedua. Tetapi, khinzir ini adalah harta kepada jiran kita yang mesti kita bagi pertolongan. Ini ajaran Islam, oleh hal demikian, sahabat-sahabat kita yang bukan Islam jangan sekali-kali merasa sangsi kepada orang PAS, jangan merasa sangsi kepada kami. *[Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sangsi kepada UMNO.

[Ketawa]

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ah-ah, sangsi kepada.... *[Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: UMNO yang jahat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Sangsi kepada.....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: UMNO.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: UMNO.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Tidak sangsi kepada PAS.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Memang, saya setuju.....*[Bercakap tanpa pembesar suara] [Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Setuju. Minta maaf kalau saya tersasul. Kita ada RM50 bilion. Tetapi, kita jangan mengharapkan RM50 bilion ini untuk sepanjang zaman. Saya kurang bersetuju dengan satu pandangan sekejap tadi mengatakan bahawa aset negara yang disimpan terlalu banyak. Bagi pandangan saya, itu bagus. Aset negara yang disimpan, banyak itu bagus. Singapura menyimpan aset negara dia banyak, kerana Singapura dia untuk

masa hadapan dia untuk *future* dia faham bahawa negara dia terdedah dengan pelbagai ancaman. Apakah Malaysia juga tidak berfikir sedemikian?

Saya tidak ingat tadi Yang Berhormat dari mana bercakap tadi. Saya dengar dia bercakap, tetapi saya tidak setuju, pandangan dia saya tidak setuju. Kita memerlukan aset simpanan banyak, apa salahnya. Walaupun kita ada bendang banyak, itu banyak ini banyak tetapi bendang kita tidak buat sekarang ini. Berapa banyak hasil negara kita melalui bendang kita. Kita makan beras dari Thailand, kita makan beras dari US, kita makan beras dari Burma, kita makan beras dari negara lain. Apa lagi kalau negara kita dalam keadaan-keadaan tertentu berlaku suasana (*memetik perkataan Arab*), minta Allah lindungi negara kita. Wang tidak ada hendak ke mana kita?

Singapura bagus, pandai dia mengurus harta, jadi simpan banyak kerana dia tahu bahawa sempadan-sempadan dia tidak selamat. Barangkali di tidak selamat dengan negara di utara dia di selatan dia dan sebagainya. Maka kita juga mesti berfikiran sedemikian. Kerana itulah saya, tadi dibangkit oleh sahabat yang menyebutkan bahawa Singapura sekarang ini sedang berusaha untuk buka Bank Islam di Singapura. Saya bangun sekejap tadi kata hendak tanya, 'apakah Yang Berhormat tidak berasa gerun dan tidak berasa runsing dengan cara Singapura hendak buka Bank Islam di Singapura'.

Kerana apabila Singapore, apabila dia buka Bank Islam di Singapore, orang melihat kepada pengalaman-pengalaman Singapore, Singapura yang tidak ada padi, Singapura yang tidak ada logam, Singapura yang tidak ada emas, Singapura hanya menjadi pangkalan, *travel* sahaja tetapi Singapura lebih kukuh ekonomi dari Malaysia, apa sebab? Kerana pengurusan lebih baik. Ini mesti diakui ini. Pengurusan Singapura lebih baik dari negara kita, walaupun ada, tetapi tidak banyak rasuah. Ada di mana-mana negara, ada tetapi tidak banyak sebagaimana di Malaysia. Bank-bank yang dia buka kita dapat dengar daripada sahabat-sahabat kita bahawa mereka mendapat keuntungan besar.

Wang mereka lebih tinggi dari negara kita. Jadi, bila dengan pengurusan dengan pengalaman dan dengan kejayaan Singapura sebelum daripada ini, dilihat oleh negara-negara Arab, orang-orang Arab yang datang dari Saudi, dari Qatar, dari Dubai, dari Doha dari mana-mana, dari Kuwait. Dia mencari di mana tempat bank dia selamat dan bank dia dapat memberi keuntungan yang lebih besar. Dia tidak kira Islam Hadhari atau tidak Hadhari, dia tidak kira. Dia kira siapa yang boleh beri *vantage* yang paling banyak kepada saya. Kalau Singapore boleh bagi, saya akan simpan keuntungan yang banyak maaf, keuntungan yang lebih banyak kepada saya maka dia akan simpan di Singapura dengan melihat bahawa bank-bank kita ini banyak berlaku kadang-kadang berjuta-juta hilang. Apabila ditanya dalam Parlimen, mengapa duit di bank ini hilang? Mereka jawab dengan senang, 'Hilang di atas kertas'.

Mudah, bagi kita apabila atas kertas hilang, duit dalam bank pun hilang juga, tidakkan hilang atas kertas maka tidak hilang dalam bank? Dia sama juga, kerana itulah dalam Islam, mengukur dari segi zahir, tidak mengukur dari segi batin. Islam ini mengukur di....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Hadhari datang. *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Ketawa]* Sila.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:dan Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Cukup ya? Sedikit sahaja, fasal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup masa.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tidak boleh masuk?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Cukup, cukup. Kita bincang luar.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Fasal hendak sokong.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Kita bincang luar.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Sedikit sahaja, seminit.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Kita bincang luar.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Minta izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ahli-ahli, boleh Tuan Yang di-Pertua kata boleh. Bagilah dahulu.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Ketawa]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya tadi rasa bangga sebab sahabat kita Yang Berhormat bagi Pasir Mas bagi sedap dengan ayat Quran dan hadis, sudah betul dah Yang Berhormat bagi Ketereh tadi. Cuma, apabila dia sebut dari segi Hadharinya, saya tidak kenal. Apabila Singapore lebih cekap daripada kita dari segi pengurusan, pentadbiran, JAKIM dahulu Singapore mari kursus dengan kita di ILIM. Itu saya rasa, itu agamanya. Di INTAN mungkin ada kursus, cuma rasuah itu saya hendak tanya sedikit.

Apakah Singapura tidak ada rasuah, apakah dia adalah orang yang *perfect*, *perfect* ini hanya Allah dengan Malaikat. Saya nak tanya, betul atau tidak, Yang Berhormat bagi Pasir Mas dapat sumber daripada mana, tidak ada rasuah, Singapura?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya tidak kata bahawa Singapura tidak ada rasuah, saya kata bahawa rasuah di Singapura barangkali lebih kecil daripada negara kita, itu saya kata. Oleh sebab barangkali masa tidak begitu banyak pada saya...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila tamatkan.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Yang ketiga itu iaitu Tuan Yang di-Pertua, bajet negara kita ini mesti diberi '*Tauza' Asarwah*' - pembahagian harta kekayaan ini mesti sama. Dalam erti kata bahawa sebagaimana yang disebut dalam kertas bajet iaitu kepada luar bandarnya RM3.4 bilion, bagus saya setuju bahawa diperuntukkan besar kepada luar bandar kerana luar bandar ini di sana orang Melayu susah, orang Cina pun susah, orang India pun susah di luar bandar tetapi di bandar ini semua kaya-raya. Begitu juga negeri-negeri yang miskin, kita ada senarai negeri miskin, Sabah miskin, Sarawak miskin, Kelantan miskin, banyak lagi Perlis, Perlis yang miskin. Banyak lagi negeri miskin kita utamakan cukuplah kita membangun di bandar besar misalnya di Kuala Lumpur. Cukuplah dengan apa yang jadi di Kuala Lumpur...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Kerana Kuala Lumpur sudah dibangunkan, jadi saya rasa bahawa pembangunan ini mesti di edar kepada negeri-negeri lain, negeri-negeri yang saya sebutkan tadi supaya diberi keutamaan moga-moga hasil yang diberi oleh Allah S.W.T kita ini dapat sama di rasa oleh rakyat semua ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Rasah, sila.

4.12 ptg

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin membahaskan Bajet Persekutuan 2007 yang telah memperuntukkan sebanyak RM33.4 bilion.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam 15 minit cukup ya.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Untuk memantapkan lagi sistem pendidikan. Secara keseluruhannya Bajet 2007 adalah satu belanjawan yang amat baik, yang bertujuan untuk mengurangkan beban rakyat. Dalam Bajet 2007 ini, pendidikan sekali lagi sekali lagi menjadi perhatian khas kerajaan untuk menjamin semua generasi muda, generasi yang akan datang dapat hak bersekolah seperti yuran peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM telah dimansuhkan. Pelepasan cukai untuk membeli buku naik daripada RM700 kepada RM1,000 setahun. Bantuan murid sekolah rendah naik daripada RM30 kepada RM50 sebulan dan bantuan kepada murid sekolah menengah naik daripada RM50 kepada RM70 sebulan. Jadi pelepasan cukai sehingga RM3,000 bagi pembelian sebuah komputer dalam tempoh masa tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua, keluarga yang berpendapatan tidak lebih RM1,500 sebulan, anaknya yang dapat keputusan peperiksaan 10 A1 ini ditetapkan dapat biasiswa. Jadi kesemua usaha kuat kerajaan ini adalah semata-mata bertujuan untuk memberi manfaat kepada rakyat kita dan ini jelas membuktikan kerajaan kita amat berhasrat setiap generasi kita dapat menjadi seorang yang berilmu tinggi dan berkualiti.

Daripada laporan yang dibuat didapati banyak nyawa-nyawa orang yang berkualiti ini boleh terkorban jika seseorang rakyat itu ada kurang berilmu dalam pengetahuan pertolongan cemas. Jadi mengikut laporan sebuah akhbar di United Kingdom agaknya seramai '3,000 juta' orang cedera dalam setahun dan mangsa-mangsa yang cedera ini boleh diselamatkan melalui pertolongan cemas. Oleh itu di sini saya cadangkan kepada kementerian...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, 3 juta kah atau 3,000 juta?

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: 3,000 juta kah atau 3 juta?

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: 3 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Oh 3 juta!

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Oleh itu di sini saya cadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya setiap pelajar di peringkat sekolah menengah perlu ada pendidikan pertolongan cemas. Saya berpendapat di peringkat umur remaja ini mereka adalah paling sesuai dan perlu ada pengetahuan pertolongan cemas selepas menduduki peperiksaan PMR. Khusus pertolongan cemas ini tidak perlu masa yang panjang, pelajar-pelajar cuma perlu masa satu bulan iaitu selepas menduduki peperiksaan PMR untuk belajar asas pertolongan cemas seperti pernafasan secara menu iaitu *resuscitation* dan juga masalah pernafasan dan pendarahan iaitu *bleeding* dan juga *shock* dan lain-lain.

Sekurang-kurangnya lapan kursus dan latihan praktikal. Jadi jika setiap pelajar kita di Tingkatan 3 dapat memiliki pengetahuan pertolongan cemas mulai hari ini satu hari nanti sudah tentu kita dapat melahirkan ramai generasi yang berilmu, pengetahuan pertolongan cemas dan dengan pengetahuan ini dapatlah ia di praktik untuk memberi pertolongan kepada mangsa-mangsa yang perlukan bantuan serta-merta sebelum dihantar ke hospital atau ke klinik. Sebagai contohnya pertolongan pernafasan secara menu dan masalah pernafasan pendarahan yang banyak adalah perlu bantuan serta-merta jika hendak tunggu hantar ke hospital barangkali mangsa-mangsa itu sudah tidak dapat diselamatkan.

Walaupun kita ada Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan St. John Ambulance di sekolah tetapi itu adalah tidak cukup kerana didapati bilangan murid yang aktif adalah tidak banyak. Kita perlu pastikan pelajar-pelajar kita adalah 100% mempunyai pengetahuan pertolongan cemas ini. Oleh itu cadangan pengetahuan pertolongan cemas dapat juga jadi salah satu akademi di sekolah menengah dan semua pelajar adalah wajib belajar di kelas dan lulus peperiksaan pertolongan kecemasan ini.

Saya juga cadangkan pengetahuan pertolongan cemas ini juga perlu diwajibkan kepada penyelamat-penyelamat iaitu melainkan yang bertugas di mana-mana kolam renang awam. Jadi Tuan Yang di-Pertua, pelajar daripada sekolah swasta atau remaja yang buat 'sales' tadi dengan izin boleh katakan hampir 100% ada ambil bahagian dalam peperiksaan PMR, SPM dan STPM. Saya menyeru kepada kerajaan supaya pelajar-pelajar ini juga dapat memansuhkan...

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Nak mencelah.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Yuran peperiksaan ini.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Boleh?

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Sila.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Rasah. Saya tertarik dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat pada awal tentang pertolongan cemas. Kita dapati di sekolah sekarang ini terlalu banyak pasukan beruniform ataupun berbagai-bagai aktiviti ko-kurikulum yang diadakan di sekolah. Dan saya perhatikan peranan pertolongan cemas agak kurang dan sederhana. Kita mendapati kita juga menghadapi masalah dari segi kemudahan kesihatan melalui Kementerian Kesihatan. Macam di kawasan saya, daripada 21 orang doktor, hanya 9 orang yang berisi dan 11 masih kosong. Minta pandangan Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat telah membuat kajian sedikit sebanyak. Sejauh mana Persatuan Pertolongan Cemas di sekolah-sekolah ini dapat membantu pejabat kesihatan ataupun Kementerian Kesihatan dalam memberikan pertolongan awal kepada mangsa-mangsa ataupun pesakit-pesakit yang menghadapi masalah kesihatan. Sila.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih, saya memang bersetuju. Kalau boleh pelajar-pelajar kita dapat main peranan yang lebih. Jadi saya menyeru kepada kerajaan supaya juga dapat memansuhkan yuran peperiksaan pelajar-pelajar ini. Kerajaan kita memang boleh membiayai atau mengurus yuran yang bukan banyak ini supaya semua anak-anak kita (anak-anak Malaysia) ini dapat peluang menjadi orang-orang yang profesional.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh perkara yang kedua yang saya juga ingin cadangkan kepada Kementerian Kesihatan kita supaya ubat subutex perlu dikawal dan tidak boleh dijual di mana-mana kedai farmasi. Ini adalah kerana didapati ramai penagih-penagih dadah telah mengambil ubat subutex ini di campur dengan pil tidur dan kombinasi ubat ini adalah lebih kuat daripada dadah jenis heroin. Harga ubat subutex juga tidak mahal. Seseorang penagih itu akan menjadi lebih berani untuk melakukan perbuatan yang kejam setelah mengambil kombinasi ubat subutex dan pil tidur ini. Jadi pada masa kini, negara Singapura telah mengharamkan penjualan ubat subutex di pasaran farmasi. Oleh itu, saya harap Kementerian Kesihatan kita dapat juga haramkan penjualan ubat subutex di pasaran kedai farmasi negara kita. Cuma doktor yang boleh bagi ubat ini kepada orang yang tertentu dengan kuantiti yang terhad sahaja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2007 ini, pegawai dan kakitangan kerajaan boleh dikatakan dapat insentif yang baik dan galakan yang besar iaitu bonus sekurang-kurangnya RM1,500 dan juga ada elaun dan pinjaman pembelian rumah telah bertambah sebanyak 20% dan membiayai rumah duduk dengan percuma dan pusat taska untuk anak-anak kecil juga diwujudkan. Jadi kerajaan memberhentikan seseorang kakitangan atau staf kerajaan memang

bukan senang. Dan kita juga tidak pernah dengar ada potong gaji staf kerajaan. Kakitangan kerajaan cuma kerja lima hari seminggu. Jika kerajaan ada masalah kewangan, saya percaya staf kerajaan masih tetap ada bonus dan ada elaun. Jadi saya berharap, staf kerajaan perlu kerja lebih kuat, lebih cekap dan lebih cepat supaya negara kita lebih maju, rakyat jelata kurang aduan, kurang *complaint* kerajaan, usaha seelok-eloknya kepada kerajaan. Saya percaya pada masa itu Ahli Parlimen tidak akan kritik lagi staf kerajaan, akan menghormati staf dan memuji staf kerajaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah sentuh tiga perkara sahajalah dan sebagai kesimpulan saya harap semua lapisan masyarakat dapat menghargai segala usaha kuat yang telah dibuat oleh kerajaan kita. Dan saya juga harap semua rakyat kita dapat menghargai nyawa masing-masing supaya dapat mewujudkan sebuah keluarga yang bahagia dan negara dapat terus maju dan harmoni. Sekian, terima kasih.

4.25 ptg.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Belanjawan 2007 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 1 September yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sejumlah lebih kurang RM160 bilion ini bukanlah satu jumlah yang kecil. Oleh itu, perancangan dan pelaksanaan yang tersusun dan bersungguh-sungguh perlu dipastikan agar wang yang dibelanjakan bagi tahun 2007 dapat benar-benar memberi manfaat kepada kumpulan sasar. Kegagalan dan kelemahan yang dialami pada tahun-tahun lalu perlulah dijadikan panduan agar ia tidak berulang kembali yang boleh menggagalkan dan mengecewakan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa agak tidak mengizinkan, saya ingin menyentuh beberapa perkara. Yang pertama ialah dari segi keselamatan negara. Keselamatan, keamanan dan kesejahteraan dalam hidup adalah segala-galanya dalam kehidupan manusia. Tidak ada erti sesuatu kehidupan dan negara kalau kita tidak selamat dan negara sentiasa berada dalam peperangan, terdedah kepada ancaman dan penuh dengan perlakuan jenayah dan perpecahan. Ketika itu, wang berjuta dan harta melimpah tidak berguna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sempena kita merayakan sambutan bulan kemerdekaan ke-49 negara kita pada tahun ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pejuang-pejuang bangsa dan pasukan keselamatan, polis dan tentera yang telah berkorban nyawa, keluarga dan harta benda mereka dalam memperjuangkan kemerdekaan negara kita. Sebahagian besar daripada kita termasuk yang berada di dalam Dewan yang mulia ini hanya menikmati kemakmuran, keselamatan dan kesejahteraan hidup hasil perjuangan mereka yang telah lalu. Ini

termasuklah pelajar-pelajar kita yang berada dalam Dewan yang mulia ini. Mungkin sebahagian daripada kita di sini tidak pernah mengorbankan walaupun satu sen ataupun setitik darah dan peluh keringat untuk kemerdekaan negara. Oleh itu, menjadi kewajipan kepada kita untuk meneruskan kesinambungan nilai dan erti kemerdekaan serta keselamatan dan kesejahteraan yang kita nikmati sekarang. Bukan sekadar untuk kita tetapi untuk anak bangsa kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada bekas ketua-ketua polis negara, pegawai dan anggota polis yang telah pergi dan bersara. Tahniah kepada Ketua Polis Negara yang baru, Tan Sri Musa Hassan di atas kejayaan memegang amanah yang besar. Jasa dan pengorbanan kalian tidak kami lupakan dan kami akan memberikan sokongan padu kepada pasukan polis. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah banyak memberikan kemudahan dan berbagai insentif kepada pasukan polis. Sebenarnya kemudahan-kemudahan tersebut belum mencukupi dan perlu dipertingkatkan lagi. Peruntukan sejumlah RM6.2 bilion yang diperuntukkan kepada keselamatan dan sektor-sektor lain menghampiri RM160 bilion tidak akan bermakna lagi jika keselamatan tidak ada. Saya minta pihak kerajaan memberikan perhatian lebih kepada kemudahan asas polis terutama di peringkat daerah, balai-balai polis dan pondok polis di kawasan luar bandar.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, terdapat di kawasan-kawasan luar bandar termasuklah di tempat saya, pondok-pondok polis yang menumpang di rumah-rumah lama yang bukan sahaja tidak selesa tapi tidak selamat. Ini berlaku di kawasan saya sendiri. Saya minta supaya kerajaan memberikan perhatian yang serius kepada perkara ini kerana keselamatan adalah segala-galanya dan pasukan polis bersungguh-sungguh berkorban bukan sahaja nyawa bahkan harta benda mereka untuk keselamatan negara.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Mencilah?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Maran sahabat saya. Saya berasa tertarik di jiwa saya tadi apabila Yang Berhormat sebut rumah-rumah usang polis.

Maka saya cadangkan bukan rumah sahaja balai-balai polis yang begitu teruk terutama di Kelantan kerana Kelantan pun orang PAS pun dia hendak balai polis comel juga ke bagaimana Pasir Mas. Jadi kita minta boleh tidak apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dan saya masukkan sebahagian daripada ucapan saya. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan saya ingin bertanya kepada kerajaan berapakah jumlah sebenar balai-balai polis, pondok-pondok polis baru yang diperlukan dan perlu dibina semula di negara ini? Saya juga ingin bertanya apakah yang telah terjadi kepada pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Maran yang telah terbengkalai dan di biar

dan bilakah ianya akan disiapkan ataupun pembinaannya akan diteruskan semula. Saya juga ingin bertanya apakah *ratio* seorang anggota polis berbanding dengan jumlah penduduk di negara ini dan apakah ianya mencapai standard antarabangsa. Saya juga difahamkan terdapat 3000...

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Boleh?

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Jangan lama sangat sedikit sahaja.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Yang Berhormat sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua oleh sebab Yang Berhormat bagi Maran telah menyebut soal projek ibu pejabat polis yang terbengkalai. Di kawasan saya juga Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Maran ada pembinaan ibu pejabat dan *quarters* polis Daerah Perak Tengah di Bandar Sri Iskandar yang terbengkalai hampir enam tahun. Pada bulan Mei yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri selaku Menteri Keselamatan Dalam Negeri telah turun memantau melihat. Tetapi yang sedihnya sehingga hari ini projek ini masih belum bermula semula. Boleh tidak Yang Berhormat masukkan dalam ucapan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Saya bersetuju sebab itu saya minta supaya kerajaan menyenaraikan berapakah jumlah pondok-pondok polis, balai polis yang perlu dibina dan perlu dibaiki. Tuan Yang di-Pertua setakat ini saya difahamkan sebanyak 3000 kekosongan anggota polis di seluruh negara. Kalau kerajaan merasakan bahawa keselamatan adalah satu isu ataupun perkara yang penting kenapa jawatan ini tidak diisi? Dan bilakah jawatan ini perlu diisi dengan segera?

Tuan Yang di-Pertua akhir-akhir ini kita sering digemparkan dengan isteri-isteri muda kehilangan suami. Anak-anak kecil kehilangan bapa akibat daripada suami dan bapa mereka seorang anggota polis yang terbunuh ketika menjalankan tugas. Adalah amat malang terbunuhnya mereka semasa menjalankan tugas menjaga keselamatan negara angkara penjenayah dan musuh negara. Bolehkah kita gambarkan masa depan ibu dan anak-anak ini?

Tuan Yang di-Pertua saya ingin bertanya pada kerajaan, berapa ramaikah setakat ini pegawai-pegawai dan kakitangan polis yang terlibat terbunuh semasa mereka menjalankan tugas terutama akibat angkara penjenayah-penjenayah dan juga musuh negara yang melakukan kejahatan di negara kita.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ayer Hitam hendak menyampuk juga?

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Saya minta penjelasan Yang Berhormat. Yang Berhormat mengatakan bahawa ada kekosongan dalam jawatan polis tetapi nampaknya selalu menghadapi masalah untuk mendapatkan atau

untuk mengisi kekosongan. Apakah masalah utama sama ada JPA yang menjadi kekangan ataupun mereka menghadapi masalah dari segi pengambilan maksud saya pemohon atau apa. Kalau cukup orang yang layak kenapa tidak diisi? Kalau kita lihat masalah ini sudah 10 tahun, di bandar-bandar besar seperti Johor Bahru nampaknya penduduk satu juta anggota polis 1800 tolak dengan detektif *special branch* semua uniform cuma ada 700 orang di bahagi kepada tiga syif. Bermakna satu syif itu cuma ada 200 orang. Maka kita tidak nampak kehadiran polis sebab tidak cukup sangat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya rasa masalah kekosongan jawatan ini banyak faktornya antaranya mungkin disebabkan oleh tidak ada minat anak-anak muda untuk menyertai pasukan polis dan juga mungkin disebabkan agensi-agensi pusat yang sepatutnya mengambil tindakan dalam pengisian jawatan-jawatan ini yang telah dipohon oleh agensi tertentu termasuklah JPA, *treasury* dan sebagainya. Saya serahkan soalan ini kepada kerajaan dan kita minta kerajaan menjawab. Apakah faktor yang menyebabkan kekosongan jawatan ini yang tidak diisi sehingga sekarang?

Tuan Yang di-Pertua saya ingin minta kepada Ketua Polis Negara yang baru ini yang saya kira mempunyai masa depan yang sungguh-sungguh bersemangat dalam menjalankan tugas agar pasukan polis dapat menetapkan prosedur, menjalankan tugas lebih kemas dan teratur. Supaya rondaan-rondaan bagi membasmi jenayah diadakan lebih terjamin. Pastikan keselamatan diri menjadi faktor utama kepada pasukan-pasukan polis kita....

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: [Bangun]

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Minta maaf sekejap Yang Berhormat saya hendak habis sedikit sahaja. Dan keperluan senjata diberikan kepada mereka secukupnya kerana saya tidak mahu lagi melihat ramai anggota-anggota polis kita yang muda-muda ini yang sepatutnya boleh mempertahankan negara kita bukan sahaja mereka terkorban tetapi isteri mereka, anak mereka yang tidak tahu masa depan ke mana akan pergi.

Sebab itulah saya mohon sekali lagi supaya bagi pasukan polis anggota polis semasa menjalankan tugas pastikan keselamatan diri kita utamakan. Kalau hendak menangkap penjenayah pastikan ada kawan bersama kita kerana kita malang, kadang-kadang kita lihat polis yang bersenjata kecundang akibat daripada penjenayah yang mungkin lebih bersenjata ataupun lebih bersedia. Yang Berhormat sila.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Rakyat di seluruh negara hari ini memang cukup bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh pihak polis. Apatah lagi beban kerja begitu besar tetapi tidak setimpal dengan gaji yang diterima. Kuala Selangor juga turut mengalu-alukan mengucapkan syabas tahniah kepada Ketua Polis yang baru seperti Yang Berhormat sebut. Tetapi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat adakah Yang Berhormat bersetuju, sehari dua ini Ketua Polis Negara ada membuat kenyataan, yang pertama dia tidak bersetuju dengan

penubuhan IPCMC. Seperti yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri bahawa Peguam Negara sudah menyelesaikan siasatannya dan perkara ini akan *proceed* dengan izin.

Dan yang kedua soal memperjuangkan soal gaji. Saya setuju saya sokong tetapi cara Ketua Polis Negara mengeluarkan kenyataan seolah-olah beliau macam seorang ahli politik sedangkan polis terletak di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan menterinya adalah Perdana Menteri. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Tuan Yang di-Pertua kalau saya sebagai Ketua Jabatan sebagai bos saya akan membela anak buah saya. Saya rasa tidak ada masalah kalau dia memperjuangkan supaya kakitangan dia dinaikkan gaji dan badan bebas ini tidak perlu lagi ada untuk menyelesaikan masalah polis kerana kita ada sudah badan-badan lain. Bahkan kita di Parlimen pun bertanggungjawab untuk melihat perkembangan dan perjalanan pegawai polis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat ada empat minit lagi.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana telah menubuhkan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Kita harap dengan adanya universiti ini maka anggota tentera yang akan kita latih yang akan berkhidmat dalam negara kita ini terdiri daripada anggota tentera yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang baik.

Tetapi baru-baru ini kita dimalukan oleh beberapa orang anggota tentera yang telah melakukan jenayah yang sepatutnya tidak berlaku dalam negara kita. Dan ini telah menggores sedikit nama baik pasukan keselamatan iaitu anggota tentera kita. Kita berharap supaya kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya, siapa sahaja di kalangan badan penguat kuasa ini polis, tentera, kastam, imigresen dan sebagainya yang melakukan kesalahan seperti ini yang boleh menjatuhkan maruah negara, yang boleh menjatuhkan imej negara, yang kita harapkan sebagai pagar sebaliknya pagar makan padi maka tindakan perlu diambil kepada mereka kerana ini akan menjejaskan nama baik keseluruhan yang lain.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua saya hendak ambil sedikit lagi perkara kedua ialah tentang pendidikan. Di kawasan saya terdapat beberapa buah sekolah yang mana bilangan pelajarnya kurang maknanya kita panggil sekolah kurang murid. Dan sekolah-sekolah ini bukan sahaja pelajarnya kurang tetapi akibat daripada kekurangan pelajar ini maka sebahagian gurunya tidak berminat untuk mengajar. Dan kekurangan murid di sekolah bukan sahaja mengurangkan minat guru untuk mengajar tetapi akhirnya menjejaskan prestasi pelajar ini. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya pihak Kementerian Pelajaran mengkaji balik sekolah-sekolah yang kurang murid ini serta mencari jalan kalau boleh kita gabungkan sekolah-sekolah yang berhampiran ini dan buat satu institusi yang *centralize* yang berpusat di mana kalau boleh adakan asmara di sini. Kumpulkan dua tiga sekolah satukan pelajar-pelajar ini dan kita

sediakan dengan kemudahan yang cukup supaya membolehkan anak-anak ini belajar dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua saya hendak masuk perkara ketiga ialah pembangunan wilayah. Terima kasih kepada kerajaan kerana memberikan penekanan kepada mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah pada tahun 2007 dengan mewujudkan beberapa koridor ekonomi wilayah iaitu wilayah ekonomi koridor utara, wilayah ekonomi koridor timur dan wilayah ekonomi koridor selatan Johor.

Pengekalan kepada agensi pembangunan wilayah di beberapa negeri, cadangan pengujudan agensi pembangunan di Sabah atau pengujudan tiga koridor ekonomi membuktikan bahawa agensi-agensi pembangunan wilayah ini masih relevan bagi pembangunan beberapa kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai anak Pahang, negeri yang terbesar di Semenanjung, yang masih hauskan pembangunan, saya ingin bertanya kepada kerajaan bilakah pihak kerajaan akan merealisasikan pembentukan semula agensi pembangunan wilayah gabungan Jengka, DARA dan IDP dalam bentuk baru yang masih diperlukan di negeri Pahang.

Penutupan agensi-agensi di atas sebenarnya tidak patut berlaku. Kini pengawasan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan yang dulunya di bawah agensi-agensi berkenaan agak terbiar. Saya bimbang, saya khuatir banyak peruntukan telah dikeluarkan oleh kerajaan dalam membangunkan kawasan-kawasan ini. Tetapi tanpa adanya agensi pengawasan yang tertentu, maka pembangunan-pembangunan dan wang-wang yang dikeluarkan itu tidak bermakna lagi dan merugikan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya nak menyentuh tentang KWSP.

Tuan Yang di-Pertua: Cepat sikit ya.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Dahulu kita diperanjatkan dengan beberapa kerugian yang berlaku pada KWSP yang melibatkan pelabur-pelabur ataupun pencarum-pencarumnya. Saya pernah mencadangkan dalam Dewan ini supaya KWSP membenarkan pegawai-pegawai awam yang muda mengeluarkan wang caruman mereka untuk pergi ke Mekah menunaikan fardu haji. Dan ramai daripada mereka ini ialah pegawai-pegawai awam beragama Islam. Dan baru-baru ini kerajaan telah menolak cadangan MARA untuk menyelesaikan masalah hutang pinjaman MARA melalui KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa hutang wajib dibayar. Menunaikan haji bagi orang Islam adalah wajib, merupakan Rukun Islam yang kelima. Apa salahnya saya minta kerajaan kalau boleh KWSP memikirkan semula supaya peluang untuk orang yang berhutang ini menggunakan wang KWSP mereka untuk membayar hutang mereka dan mengeluarkan caruman KWSP mereka untuk pergi ke Mekah dibenarkan. Kerana saya tidak mahu Tuan Yang di-Pertua, apabila sudah sampai ajal, kita pun, saudara-saudara pun bercakaplah, "Wahai tuan/puan. Si jenazah ini hendak pergi, kalau ada hutang-hutang mereka

maka perlulah ditunaikan. Bagi tahulah waris-waris". Apakah KWSP akan bercakap ketika itu, apakah MARA akan bercakap supaya tunaikan hutang? Saya rasa tidak Tuan Yang di-Pertua. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kuala Langat.

4.43 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran terhadap Allah S.W.T. kerana telah mengizinkan Tuan Yang di-Pertua untuk memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan bajet ini.

Pertamanya, saya nak menyentuh tentang penubuhan MASPA, iaitu *Malaysian Scout Parliamentary Association* sedang kita tubuhkan di Parlimen ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri kerana memberikan galakan untuk saya menubuhkan *pro-tem* komiti MASPA ini, dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat bagi Sik, Yang Berhormat bagi Lipis, Yang Berhormat bagi Bera, Yang Berhormat bagi Petra Jaya, Yang Berhormat bagi Alor Setar, Yang Berhormat bagi Segambut, Yang Berhormat bagi Papar, Yang Berhormat bagi Putatan, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, Yang Berhormat bagi Batu Pahat dan ramai rakan yang lain, yang telah pun menganggotai jawatankuasa ini. Dan kita berharap nanti jawatankuasa ini akan dapat bergerak sama seperti CPA dan *association-association* yang lain yang telah ditubuhkan di Parlimen ini.

Yang keduanya, saya ingin melihat balik mengenai konsep kewangan Islam kita dan kalau kita lihat di sini ialah Islam menekankan keadilan dan kesaksamaan dalam pelbagai cabang kehidupan termasuk dalam sistem ekonominya.

Justeru itu Islam menganjurkan dua prinsip utama dalam sistem kewangannya iaitu urus niaga tanpa riba dan perkongsian untung. Oleh kerana dengan konsep-konsep ini yang berlandaskan Al-Quran yang digunakan pakai dalam sistem kewangan Islam ialah mudarabah, perkongsian keuntungan, murabahah, tambahan kos, musyarakah, usaha sama dan sebagainya, maka konsep ini telah pun berkembang di negara kita. Cuma ada beberapa permasalahan yang sedang kita lihat dan saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, pertamanya mengenai Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam, atau pun IFSB yang menjaga standard kita. Ini telah pun ditubuhkan dahulu. Kita pun dahulu berkelahi dengan Bahrain. Bahrain nak menubuhkan jawatankuasa ini, tetapi kita telah pun melobi dengan negara Islam yang lain dan dapat kita tubuhkan di Kuala Lumpur. Apakah perkembangannya?

Keduanya, penubuhan INCEIF ataupun *International Centre for Education In Islamic Finance*, iaitu penubuhan untuk memberikan galakan dan pembelajaran, iaitu inisiatif kita supaya perbankan Islam ini ada mempunyai standard dan kategori *benchmarking*nya sendiri.

Saya menyarankan kalau boleh, Bank Negara dan juga Kementerian Kewangan dapat bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan yang menjalankan *double major* supaya apabila mereka melakukan fikah muamalat, dapat juga dimasukkan INCEIF ini sebagai modul mereka dan dapat mereka menjalani praktikal yang betul-betul *real* di dalam dunia kewangan.

Yang ketiga, saya ingin bertanya kepada kementerian tentang penawaran-penawaran produk dan perkhidmatan kewangan Islam dalam mata wang antarabangsa ini. Apakah konsepnya. Dahulu kita membuat perkara ini di Bank Negara, tetapi tangan kita terbakar. Selepas itu kita berhenti, dengan inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa MIFC ini, saya nak tahu apakah modal yang akan digunakan. Selain daripada itu, kita melihat bahawa insurans juga telah pun memainkan peranan yang penting. Kita ada takaful dan kita ada takaful ikhlas sekarang ini. Cuma saya ingin bertanya, yang ditanyakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong dahulu mengenai retakaful di Labuan. Apakah perkembangan retakaful di Labuan dan kita harap bahawa retakaful ini tidak akan mendatangkan mudarat kepada umat Islam sendiri kerana *risk managementnya* akan terjejas.

Itu sahaja bicaraan saya pada petang ini Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih dan bajet ini saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat bagi Pensiangan.

4.47 ptg.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana telah memberikan saya peluang juga untuk berbahas dalam menyentuh mengenai Bajet 2007 yang telah pun disempurnakan oleh Menteri Kewangan pada 1 September yang lalu. Rakyat jelata menjunjung tinggi kewibawaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Bajet yang bernas, mantap dan sudah tentu Bajet Wawasan 2020 sejajar dengan dasar wawasan negara. Saya akan menyentuh dua perkara sahaja iaitu mengenai dengan Teras Ketiga ini iaitu pembangunan Sabah dan Sarawak. Tetapi saya lebih tumpukan kepada Sabah iaitu pembangunan luar bandar mengenai jalan-jalan raya dan selepas itu membasmi kemiskinan. RM200 juta peruntukan telah pun dibuat untuk pembangunan tanah adat atau *native customary rights* atau NCR di Sabah dan juga di Sarawak.

Ini satu inisiatif yang saya rasa yang terbaik sekali. Ini dapat membantu kepada mereka yang mungkin dapat menaikkan taraf hidup mereka, lebih-lebih lagi dalam usaha kita membasmi kemiskinan tegar ini. Anak-anak dan isteri yang hidup damai sederhana ini saya rasa perlu kita lihat pada orang-orang ataupun rakyat di pedalaman ini, yang saya rasa yang perlu dilihat secara terperinci lagi. Kalau kita lihat yang sebenarnya, tanah-tanah yang ada di Sabah ini kalau saya boleh hubung kaitkan hanya mempunyai poket ataupun di sini sana sahaja yang mendapat tanah-tanah adat ini.

Kebanyakan tanah yang ada di Sabah sekarang ini sudah pun dipunyai oleh syarikat-syarikat gergasi yang telah pun mengharung semua tanah yang sepatutnya diberikan kepada rakyat jelata di Sabah.

Tapi disebabkan kemungkinan tidak bijak dalam pengurusan dan pentadbiran tanah-tanah di Sabah ini khususnya, maka tanah-tanah ini terjatuhlah kepada syarikat-syarikat yang saya rasa perlu dilihat oleh Kerajaan Persekutuan untuk negeri Sabah ini. Saya melihat disebabkan apa, kita melihat disebabkan apa, Sabah ini adalah Malaysia. Rakyat-rakyat di Sabah itu adalah rakyat Malaysia. Jadi dalam Rukun Negara ini ataupun yang telah dimaktubkan dalam Rukun Negara ini, rakyat-rakyat yang lemah itu, rakyat-rakyat yang tidak mempunyai penghidupan yang baik dan sempurna itu, orang-orang ataupun Kerajaan Persekutuan ataupun negeri ini harusnya memberikan tumpuan kepada mereka ini untuk memberikan mereka satu pembangunan atau satu nafkah atau satu kebahagiaan hidup mereka. Supaya rakyat di Sabah ini dan juga seperti mana di Malaysia ini dapat hidup dengan baik dan sempurna.

Tetapi di Sabah ini, kalau saya lihat khususnya di bahagian Pensiangan ini, kebanyakan tanah-tanah ini sudah pun dipunyai oleh konsesi-konsesi syarikat yang telah pun diberi seratus tahun untuk dibangunkan. Tanah-tanah yang sepatutnya NCR ini, tanah-tanah adat ini pun telah diambil, diharungnya semua. Tidak ada lagi satu-satu atau pun seperinci tanah yang dipunyai oleh *native* ataupun rakyat Sabah di bahagian pedalaman. Jadi saya mintalah supaya Kerajaan Persekutuan ini, biarpun tanah-tanah di Sabah itu adalah di dalam bidang kuasa negeri Sabah, tetapi Persekutuan harus mengambil berat, membuat satu intervensi untuk sama ada membuat dan menasihatkan negeri Sabah supaya tanah-tanah yang dapat kita bangunkan khususnya kepada suku kaum yang saya rasa amat ketinggalan ini di bahagian pedalaman.

Jadi saya minta supaya Kerajaan Negeri Sabah melihat, dan membuat satu *revoke* mengenai dengan tanah-tanah yang ada di negeri Sabah. Saya difahamkan yang ini ada 21 konsesi tanah yang telah pun diberikan kepada syarikat-syarikat di negeri Sabah yang telah diberi tempoh selama 100 tahun untuk membangunkannya. Kononnya membangunkan tanah-tanah tersebut dalam *reforestation programme*, pembangunan hutan semula. Tetapi malangnya sekali, kebanyakan hutan-hutan ini yang telah dipotong dan dibalak dan sebagainya, hanya mungkin satu, dua sahaja syarikat-syarikat yang telah membuat *reforestation programme*. Yang lainnya itu semua menunggu sampai 100 tahun baru mungkin mereka tanam kayu-kayu ataupun tanam semula kayu-kayu ini. Yang saya rasa ini adalah membazir daripada segi aspek pembangunan tanah. Sepatutnya kalau rakyat diberi tanah-tanah tersebut, mereka dapat bangunkan tanah-tanah tersebut dan ini antara lain strategik kita untuk membasmi kemiskinan. Dan orang-orang di luar bandar ini akan dapat terus membangun. Anak-anak mereka terus mewarisi pembangunan yang sedia ada dan terus akan maju dan inilah yang kita lihat supaya tahun 2020 ini, rakyat Malaysia di negeri Sabah ini akan terus maju.

Tetapi yang ada pada masa sekarang ini, makin lama makin kebuluran lagi. Tidak ada lagi perincian tanah yang dapat dipunyai oleh rakyat negeri Sabah. Jadi ini saya melihat supaya dalam Perlembagaan kita, perhatikan supaya berikanlah satu ganjaran kepada orang-orang di bahagian pedalaman ini supaya mereka dapat hidup juga seperti kawan-kawan atau teman-teman yang berada di bandar-bandar ataupun di pinggir-pinggir bandar. Jadi saya rasa, di antara lain, ke arah kita membasmi kemiskinan yang menyeluruh dan berkesan kaedah dan hala tuju, kemiskinan ini saya rasa adalah dihadapi oleh banyak negara. Terutamanya oleh negara-negara yang sedang membangun. Kemiskinan dikategorikan kemiskinan mutlak ataupun relatif. Di negara kita, masalah kemiskinan mendapat perhatian kerajaan dan kerajaan telah pun membuat tindakan untuk mengatasi tetapi sehingga kini masih lagi menghantui kita di sana.

Jadi saya mintalah supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini memberi satu perhatian dan satu pandangan yang lebih jitu supaya kawasan-kawasan pedalaman ini khususnya kawasan Pensiangan ini dapat dibangunkan dengan lebih jaya lagi. Saya pasti dalam beberapa tahun ini, kalau itu yang dapat dibuat, maka saya rasa rakyat di negeri Sabah ini akan terus maju khususnya di bahagian Pensiangan. Mereka ini bukan malas. Mereka ini tidak malas, mereka ini semuanya rajin. Hanya yang tidak ada, peluang-peluang yang diberi oleh kerajaan. Sekarang ini kalau macam mana yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, hendak tanam satu pokok getah pun susah. Hendak tanam sawit pun susah. Hendak tanam buah-buahan pun susah. Disebabkan semua tanah-tanah mereka sudah diambil. Sehingga tanah kubur mereka itu pun diharung. Tidak langsung dapat memikirkan tentang soal masa hadapan rakyat ini. Yang mereka fikirkan sekarang ini, syarikat-syarikat tersebut ialah untuk mengaut semua keuntungan dan tidak memberikan seperiinci ataupun sesen pun kepada rakyat-rakyat di bahagian pedalaman ini.

Inilah satu-satu perkara yang kita harus melihat secara terperinci. Kalau kita hendak keluarkan kita daripada belenggu kemiskinan ini, maka kita lihat yang ini adalah amat penting sekali. Iaitu daripada segi meningkatkan dari segi sosial, ekonomi rakyat di bahagian pedalaman. Yang ini harus dilihat. Sudah 43 tahun Sabah merdeka melalui Persekutuan Malaysia ini. Tetapi yang kita lihat sekarang ini, langsung tidak ada. Tanah-tanah masih lagi tidak terbuka. Kalau ada tanah pun semuanya diharung oleh syarikat-syarikat ini. Tidak ada satu pentadbiran dan pengurusan yang dibuat oleh kerajaan melihat bahawa masa hadapan rakyat ini dapat dipelihara. Jadi daripada sekarang ini, saya mintalah supaya Kerajaan Persekutuan membuat satu intervensi daripada Kerajaan Negeri Sabah, mengatur dan mengorak langkah supaya tanah-tanah ini dapat diatur dan dapat digunakan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Demikian rupa, barulah rakyat di Sabah ini maju. Seperkara lagi sebelum saya berundur diri daripada sini. Mengenai dengan pelajaran anak-anak di luar bandar. Saya sudah melihat semua ini. Saya pergi seluruh ceruk rantau

Pensiangan. Sehingga berjalan kaki sehari-hari untuk sampai ke tempat-tempat yang terpencil sekali. Malang sekali, bila kita cakap di sini dengan Kementerian Pelajaran, guru-guru tidak mencukupi. Tetapi di dalam kenyataan mereka mengatakan, "Oh, guru itu cukup. Semuanya ada". Tetapi bila kita lihat, kurangnya guru. Guru mesti ada 8 orang di sana, tetapi yang mengajar hanya 2 orang. Mana sudah 6 orang pergi? Ini bermakna, nama itu ada, badan itu tidak ada. Macam mana kita nak setanding dengan kawan-kawan kita ataupun murid-murid sekolah di bandar dengan yang di luar bandar? Kalaulah beginilah keadaan kita. Kita harus memikirkan tentang realiti hidup kita. Realiti hidup orang-orang di luar bandar ini. Anak-anak murid yang di luar bandar ini harus setimpal.

Inilah yang kita hendakkan supaya keseimbangan itu ada. Kononnya pendemokrasian pendidikan. Wah!! Nama terlalu besar sangat. Seheinggakan pegawai-pegawai tidak faham apa pendemokrasian pendidikan dan pembelajaran sistem negara ini? Kalau mereka tidak faham tentang soal ini, macam mana mereka dapat memikirkan tentang melalui ekuiti? Macam mana mereka dapat memikirkan tentang kualiti? Macam mana mereka dapat memikirkan tentang pentadbiran dan pengurusan pendidikan itu yang amat terbaik sekali? Seheinggakan komputer-komputer di pedalaman ini langsung tidak dapat digunakan Tuan Yang di-Pertua. Macam mana budak-budak hendak setanding? Kononlah kita memikirkan tentang soal pembangunan insan supaya tahun 2020 ini, Malaysia ini adalah satu negara yang terunggul dalam soal-soal seumpama ini. Tetapi kalau ini pun kita tidak boleh buat, macam mana kita mahu cakap pembangunan insan? Kalau generator pun tidak ada, macam mana kita hendak bercakap fasal pembangunan insan? Kita hendak celikkan IT konon.

Tetapi, semua pegawai-pegawai ini, wallahu a'lam. Tidak sampai-sampai saudara dan saudari sekalian, tempat-tempat terpencil ini. Membuat kenyataan dalam peti *cubicle* yang sejuk, berhawa dingin sahaja. Tetapi sebenarnya, kenyataan yang di luar bandar ini, jeritan dan tangisan yang disuarakan oleh rakyat-rakyat dan budak-budak sekolah di bahagian pedalaman. Di celah-celah sungai, di celah-celah batu, di bukit dan sebagainya. Suara mereka kedengaran tetapi jeritan-jeritan ini langsung tidak didengar. Jadi saya mintalah Tuan Yang di-Pertua, kepada kementerian berada yang bijaksana sekarang ini..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: .. pergilah ke tempat-tempat ini. Lihatlah kenyataannya yang sebenar. Barulah kita tahu bahawa negara ini akan maju.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Tapi saya pasti, kerajaan Barisan Nasional ini akan terus memberi satu perhatian terhadap anak rakyat di pedalaman. Dalam 5 tahun ini Tuan Yang di-Pertua, saya pasti kerajaan Barisan Nasional di bawah pucuk pimpinan yang sedia ada ini sekarang, semua ini akan dapat kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Saya suarakan yang disebabkan ini adalah kelemahan. Daripada kelemahan ini perlu kita tingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Jadi kita sebut mana yang lemah. Akhirnya, kita dapat perbaiki. Dengan itu saya menyokong, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*].

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Grik. Ya, tunggu-tunggu, ada masa. Sila Yang Berhormat bagi Grik.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: [*Membetulkan mikrofon*].

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gerik ada masalah mikrofon. Boleh berucap di depan? Bagi Tangga Batu dulu pun tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua: Sila berganjak. Ke tepi atau ke depan.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Sudah dah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang membenarkan saya sebagai anak-anak bongsu untuk membahaskan belanjawan pada hari yang terakhir ini. Saya apa garis bawah perkataan belanjawan ini kerana itu menjadi salah satu isu yang ingin saya bahaskan. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 15 tahun yang lalu para sarjana di institusi pengajian tinggi agak rancak membahaskan dua perkara iaitu fenomena yang melanda dunia akan melanda dunia pertamanya ialah tentang pertelagahan peradaban atau pun *the clash of civilization* dan ini diperkenalkan oleh seorang profesor daripada Harvard Universiti Samuel Huntington yang melihat bahawa selepas tamatnya perang dingin maka akan muncul satu keretakan baru di antara masyarakat di dunia iaitu pertelagahan peradaban yang sebenarnya telah pun berlaku di Bosnia dan baru-baru ini kita menyaksikannya di mana pakatan judeo Kristian menentang Islam di Timur Tengah. Dan kita bersyukur kerana *clash of the civilization* ini tidak melanda ke negara kita kerana pimpinan negara sejak dari dahulu hingga hari ini ke masa hadapan Insya-Allah begitu faham dan cuba memupuk keharmonian hubungan antara kaum. Dan kita harap perkara ini berkekalan.

Perkara kedua yang dibahaskan oleh para persarjana 15 tahun yang lalu ialah kesan globalisasi dan ini akan menjadi salah satu perkara yang akan saya bahaskan. Globalisasi akan membawa imperialisme ekonomi. Globalisasi akan membawa kepada imperialisme budaya, globalisasi juga akan membawa kepada imperialisme bahasa ataupun linguistik. Dan dalam perkara tiga ini saya rasa kita sudah pun dilanda oleh imperialisme linguistik di mana kita merasa rendah diri apabila kita menggunakan bahasa kita. Bahasa kita kurang *class*, bahasa kita kelas kedua, bahasa Inggeris kelas pertama. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai seorang pengerusi anak-anak syarikat 'Exxon Mobil, Dato' Robert Fisher' di mana beliau sangat mengagumi bahasa kebangsaan kita dan dalam satu sidang yang dihadiri baru-

baru ini beliau menyampaikan ucapannya dalam bahasa kebangsaan dan menyampaikan juga satu pantun yang begitu dekat di hatinya. Saya baca,

Cincin emas cincin permata,
Cantik dipakai oleh cik Siti, bukan Siti Nurhaliza ya...
Walaupun saya jauh di mata,
Kenangan manis tetap di hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya pernah mendengar ucapan Robert Fisher ini dan begitu tertarik sekali. Dan beliau cinta kepada bahasa kebangsaan kita lebih daripada kita sendiri. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya katakan bahawa saya garis perkataan belanjawan dan Tuan Yang di-Pertua pun ada menggunakan perkataan belanjawan pagi tadi atau semalam. Dan dua tiga Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang, dari Bera dan dari Maran juga menggunakan perkataan belanjawan dan bukan bajet. Jadi saya harap pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan sampaikan salam dan pesanan kepada Pak Menteri kita bahawa para sarjana kita di luar sana menegur dan mengatakan bahawa belanjawan itu adalah perkataan yang tepat dan boleh terus digunakan dan bajet itu masih belum ada dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saya baca dalam muka surat 129 kamus edisi 3, 2002. Belanjawan maksudnya perhitungan banyaknya wang yang akan diterima sebagai pendapatan dan dibelanjakan ataupun butiran ringkas anggaran pendapatan dan perbelanjaan dan dicontoh pula di sini. Contohnya, Menteri Kewangan bertanggungjawab menyediakan belanjawan negara setiap tahun. Garis di bawah itu belanjawan negara setiap tahun. Dan contoh kedua perdebatan mengenai perincian belanjawan Kementerian Pendidikan diteruskan hari ini. Jadi dua contoh diberikan bahawa belanjawan itu tetap betul dan tepat dan kita ketepikanlah unsur-unsur dan legasi yang diperkenalkan oleh mantan ataupun bekas Perdana Menteri kita yang memperkenalkan dan saya rasa dia tidak menghormati bahasa kita. Silakan

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sikit hendak minta pandangan pakar bahasa kita ini. Jadi dalam pembentangan belanjawan, bajet baru ini kita sebut bajet. Saya rasa tidak menjejaskan jumlah peruntukan yang dicadangkan RM160 bilion itu kerana istilah belanjawan dan bajet tadi, apakah memberi kesan atau tidak ada ?

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Betul Yang Berhormat bagi Maran, tidak ada tetapi kalau Yang Berhormat bagi Maran bertanya saya bagaimana saya hendak ke Kota Bharu besok? Salahlah kalau saya kata saya akan *drive* ke Kota Bharu ataupun saya akan *fly* ke Kota Bharu. Dari segi bahasanya tidak baiklah lebih baik saya kata saya akan memandu kereta ke Kota Bharu atau saya akan menaiki kapal terbang MAS itu lebih tepat lagi . Jadi biarlah kita pelihara bahasa kita jangan kita rojakkan ini persoalannya dan juga mantan Perdana Menteri kita juga begitu ghairah dengan bahasa Inggeris di mana ibu negara kita yang baru diperkenalkan

digunakan perkataan Precinct, Parcel, Boulevard dan sebagainya. Jadi ini juga merupakan manifestasi globalisasi imperialisme linguistik. Saya kena beri kepada Yang Berhormat bagi Bera kerana Yang Berhormat bagi Bera menggunakan belanjawan seperti yang saya catatkan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih sebab Yang Berhormat cakap soal bahasa, jadi saya hendak tanya. Adakah Yang Berhormat mempunyai pandangan kalau bahasa Melayu sudah ada perkataan itu, maka kita tidak perlu menggunakan perkataan Inggeris yang dimelayukan ataupun perlu sebab ada setengah berpendapat bahawa bahasa itu hidup. Dia akan sentiasa berkembang, bahasa Melayu zaman Hang Tuah mungkin berbeza dengan bahasa Melayu hari ini. Sebab itu orang Portugis di Melaka pergi ke Portugal, orang Portugis di Portugal sudah tidak faham sebab bahasa Portugis di Melaka tidak berkembang. Sedangkan bahasa Portugis di Portugal berkembang mengikut zaman. Jadi yang mana dari segi pakar bahasa yang mana yang patut kita ikut.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera, memang ada dalam prinsip perkembangan bahasa. Bahasa berkembang betul. Kita meminjam perkataan 10,000 daripada 30,000 perkataan Melayu tetapi prinsipnya ialah kalau sudah ada dalam perkataannya ada dalam bahasa Melayu kita tidak perlu pinjam lagi. Televisyen, oksigen, radio kita pinjam sebab sebelum itu tidak ada perkataan bahasa Melayu. Belanjawan kita sudah gunakan 47 tahun, mengapa kita hendak digugurkan sudah di terminasikan dalam kamus dewan, bajet tidak ada kenapa kita hendak gunakan.

Perkara keduanya berkaitan dengan bahasa juga. Ini juga adalah legasi daripada mantan Perdana Menteri kita di mana beliau cuba memperkenalkan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik pada tahun 1992 kerana saya terlibat dalam satu gerakan menentangnya. Dan 21 pertubuhan Melayu, NGO menentang percubaannya itu disalurkan melalui mantan Timbalan Perdana Menteri dan akhirnya beliau berkata *i'm a democrat* saya tidak akan laksanakan. Itu 1992 Disember tetapi bila di akhir-akhir termanya, akhir-akhir memegang jawatan dia, dia cuba menggunakan jentolak, tidak lagi demokratik. *Bulldoze* dengan izin dalam bahasa Inggeris tanpa merujuk kepada pakar-pakar bahasa ataupun para ilmuwan dan apabila para ilmuwan, cendekiawan dalam bahasa Melayu cuba memprotes, jadi beliau dengan sinis ini berkata ini semua cendawan-cendawan kita tidak perlu dengar.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita hendak membuat satu perubahan yang mendadak yang baru haruslah kita membuat kajian benarkah menggunakan bahasa Inggeris untuk sains matematik itu boleh kita meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris. Para sarjana berpendapat bahawa yang lebih baik lagi ialah kita menggunakan mata pelajaran Sejarah dan Sastera Inggeris bukannya Sains dan Matematik. Menggunakan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris tidak akan membantu kita meningkatkan penguasaan kita dalam bahasa Inggeris.

Dan para sarjana juga berpendapat bahawa kalau kita hendak memperkenalkan bahasa kedua atau bahasa ketiga, bukan di peringkat darjah satu. Kita mestilah menguasai bahasa

utama dahulu, di peringkat tadika, dua tahun dan tiga tahun mestilah bahasa kebangsaan kita. Kemudian tahun empat, lima, enam dan seterusnya barulah kita boleh memperkenalkan bahasa lainnya bukan di peringkat yang paling awal sekali, itu dari segi kaedahnya. Dan satu lagi, dapatan yang dikemukakan oleh pakar-pakar *Neuro Sequel Linguistic* seorang Jerman, yang menyatakan bahawa kalau kita menimba ilmu, mengkaji satu ilmu dalam bahasa yang kedua, kita tidak akan menerimanya secara sepenuhnya dibandingkan kalau kita menimbanya dalam bahasa kita sendiri. Maknanya di sini kalau kita belajar Sains dan Matematik dalam bahasa kebangsaan kita lebih mudah untuk anak-anak kita memahaminya daripada anak-anak kita mempelajari Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Maksudnya dia punya *efficiency* dengan izin hanya 70% dibandingkan dalam bahasa Melayunya 95%. Jadi dalam hal ini kita harap agar Kementerian Pelajaran melihat kembali kalau kita hendak meningkatkan pengusahaan bahasa Inggeris, adakah apa formula yang diperkenalkan sebelum Perdana Menteri yang baru ini betul atau pun kita melihat kembali, mengkaji semula kaedah yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus kepada perkara mengenai IPTA dan saya rasa tahniah diucapkan kepada Menteri Pendidikan Tinggi yang baru yang telah memperkenalkan kaedah jawatankuasa pencarian untuk pelantikan Naib-naib Canselor baru-baru ini di Universiti Malaya dan juga di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dan tradisi ini mestilah diteruskan juga untuk universiti yang sudah diumumkan penubuhannya iaitu Universiti Angkatan Tentera, mestilah di pimpin oleh seorang akademik dan bukannya seorang pentadbir biasa. Dan lebih baik lagi kalau ia ditempatkan di Lumut, Perak. Dan saya rasa kecil tapak tangan negeri Perak tadahkan dengan sebaik mungkin, sebesar mungkin. Mengenai IPTA ini juga, saya kira apabila kita cuba melihat kembali AUKU yang menyentuh disiplin para pelajar, saya rasa eloklah juga kita melihat akan Akta Surcaj 605 di mana para pensyarahnya tidak boleh bercakap kepada wartawan, kepada televisyen tanpa kebenaran daripada Naib Canselornya. Para pensyarahnya tidak boleh menulis atau membentangkan kertas kerjanya kecuali dengan kebenaran daripada Naib Canselornya. Hal ini sangat-sangatlah mengongkong dan saya harap ianya juga dibuat bersama-sama dengan AUKU yang sedang di pinda ini.

Juga Tuan Yang di-Pertua, ada dikatakan bahawa umur para pensyarah kita akan dinaikkan umur persaraan atau kontrak saya tidak pasti kepada 65 tahun. Saya rasa saya menyokong akan hal ini mengenai umur persaraan para pensyarah kita elok di tingkat ke umur 60 tahun. Dua perkara mikro yang saya rasa perlu diperbetulkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi ialah satunya di UKM di mana pada masa-masa lalu, pensyarahnya gelisah kerana adanya seorang *super* profesor yang memegang dua jawatan Pengarah Institut Penyelidikan. Saya rasa ini perlu diperbetulkan. Dan di UPSI saya rasa perlu diperbetul ialah adanya pelajar-pelajar yang rasanya dimangsakan kerana tidak mendapat *score band* empat untuk bahasa Inggeris untuk mendapat ijazah. Pada hal pelajar-pelajar mahasiswa ini sudah pun memiliki, memenuhi syarat-syarat lain, 127 atau 130 *credit hours*, tetapi oleh sebab tidak mencapai

cemerlang dalam bahasa Inggeris, mereka tidak dapat menerima ijazah, kenapa tidak mereka ini, dikatakan tidak sesuai untuk mengajar sebagai guru TESL tetapi mendapat ijazah dalam bidang lain. Ini perlu diperbetulkan supaya...saya hendak tahu berapa orang yang sudah menjadi mangsa tidak dapat diberi ijazah kerana tidak mendapat *band* empat bagi bahasa Inggeris.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: .Okay, terima kasih. Satu perkara lagi saya rasa kurang manislah apa yang berlaku, di mana Timbalan Menteri Pengajian Tinggi yang telah mengkritik hal yang di bawah Kementerian Pelajaran dan terpaksa menterinya pula menjawab dan Menteri Pengajian Tinggi pula sebenarnya tidak perlu memohon maaf bagi pihak Timbalan Menteri. Saya rasa kalau ada Timbalan Menteri perkara seperti ini dibawalah kepada pihak yang berkenaan BPR atau apa-apa saluran yang lebih baik daripada mengkritik secara terbuka di dalam akhbar, sesuatu yang rasa tidak manis yang kita kesalkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengalu-alukan pelantikan Ketua Polis Negara yang baru dan saya tertarik dan saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh beliau, tetapi dalam bahasa Inggeris saya petik dengan izin, "*don't look down upon those in the blue uniform*". Ini kata-kata maaf Tan Sri Bakhri yang sudah bersara. Saya rasa ini suatu kata-kata hikmat di mana kita berterima kasih kepada pihak polis yang selama ini telah menjaga kesejahteraan hidup kita, keselamatan kita dan sebagainya. Dan kita barangkali menyokonglah kalau ada cadangan untuk menaikkan gaji mereka itu. Sekian saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bagan.

5.16 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Empat hari saya berdiri, Tuan Yang di-Pertua keluar-masuk, keluar-masuk. Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah 49 tahun merdeka dan selama ini kerajaan telah banyak berusaha untuk menangani masalah-masalah perpaduan di kalangan kaum-kaum negara kita. Misalnya kerajaan mengadakan perayaan kongsi raya, Parlimen pun ada menubuh *Parliament Select Committee* untuk perpaduan dan khidmat negara. Dan khidmat negara menelan perbelanjaan berjuta-juta setiap bulan untuk anak-anak kita supaya memahami makna perpaduan dan juga lain-lain lagi kegiatan-kegiatan masyarakat yang boleh menuju kepada perpaduan. Ini semua melibatkan banyak perbelanjaan, masa, tenaga, tetapi sasaran yang murni ini adakah ia mencapai matlamatnya dan apakah sebab-sebab yang menghalang kita mencapai matlamat-matlamat ini. Antaranya adalah kerana ada golongan yang cuba menonjolkan diri sendiri di arena politik demi untuk kepentingan sendiri. Antara orang-orang dalam golongan ini adalah Khairy Jamaluddin. Walaupun pada masa ini ia telah turun perasaannya, tetapi masih ada ramai di kalangan masyarakat-masyarakat, khususnya masyarakat Cina mereka sangat tidak puas hati kerana perkara-perkara yang boleh menggugat perpaduan di keluarkan tidak habis-habisan. Misalannya beliau berkata jikalau UMNO lemah, maka kaum Cina dan lain-lain kaum akan menuntut hak kepentingan masing-masing. Ini seperti Suqiu dan

menghantar memorandum oleh menteri-menteri bukan bumiputera pada awal tahun ini dan beliau memiliki 9.2 juta syer ECM Libra dan syer ini telah banyak dipertikai oleh ramai dan akhirnya beliau memutuskan untuk menjual syer-syer ECM Libra. Tetapi apa dia kata, dia kata "saya tidak mahu jual saham-saham ECM Libra ini kepada tauke-tauke Cina, walaupun harga tawaran dari tauke Cina lebih lumayan dan lebih baik". Ini saya tidak fahamlah mengapa dia ada prejudis kepada tauke-tauke Cina ini.

Yang ketiga beliau berkata hendak menyelaraskan pendapatan antara Melayu dengan Cina, iaitu pada masa sekarang RM1 kepada RM1.165, kepada RM1 kepada RM1 keuntungan.

Pada fikiran saya, negara kita ini adalah satu *market* yang bebas atau *open market*, dengan izin, dan sesiapa pun tidak menghalang sesiapa untuk mencari pendapatan yang lebih. Kalau dia mampu, kalau dia pandai dia boleh cari lebih daripada RM1. Dia boleh cari RM3 pun, tidak ada orang halang. Kenapa dia hendak mempertikaikan satu persatu pendapatan ini?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Bangun*]

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Yang keempat, beliau berkata Melayu di Pulau Pinang dipinggirkan dan hanya tinggal di sebelah pulau iaitu Balik Pulau sahaja ada Melayu yang duduk di sana. Ok.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan, terima kasih. Saya dapat melihat dan mendengar beberapa orang daripada parti DAP bercakap tentang perkara ini dan kronologinya sama. Jadi, saya hendak tanya betul-betul secara jujur tentang apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bagan sebentar tadi.

Adakah Yang Berhormat setuju dalam satu keadaan di mana kita ini ingin membuka mata pengikut-pengikut kita, kita ingin menyedarkan mereka tentang di mana kedudukan kita hari ini dan memberitahu mereka. Jika, kamu tidak jaga maka suatu kaum lain akan datang dan mengambil tempat kamu. Adakah ini satu kesalahan yang besar? Adakah ini satu dosa yang besar jika kita sebagai pemimpin untuk bercakap perkara yang sama?

Saya percaya, Yang Berhormat bagi Bagan pun akan melakukan perkara yang serupa, jika perkara ini berlaku kepada kaum-kaum Cina, terutamanya penyokong-penyokong Yang Berhormat. Ini pada pendapat saya secara jujur menyatakan salahkah beliau berkata begitu?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Pada pendapat saya, saya ingat kita kena jaga sensitiviti sesetengah kaum. Kalau kami di sini, kami meminta sesuatu pun kita selalu kata, kita tidak bangkang, kita tidak membantah ini, itu diberi kepada sesiapa tetapi kembangkan *pick* itu supaya semua orang boleh dapat, dan bukan kata, "*Oh, kalau kita tidak kuat, nanti dia akan duduk di atas kepala kita.*" Itu akan menyakitkan hati sesuatu kaum.

Tadi, saya ada berkata di sini bahawa Melayu di Pulau Pinang dipinggirkan dan hanya tinggal di Balik Pulau. Yang Berhormat bagi Balik Pulau pun ada di sini. Saya pun berkeyakinan bahawa Yang Berhormat seorang wakil dari Balik Pulau, beliau tidak ingat sebegitu dan beliau berbangga dengan apa yang ada di kawasan beliau. Pada saya, Balik Pulau ini adalah suatu

tempat yang unik kerana dahulu ia telah dipisahkan oleh gunung tetapi sekarang ada jalan raya merintang gunung ini dan ia termasyhur dengan kekayaan hasil lautan dan juga pertanian. Ini boleh dikekalkan sebagai satu *ecotourism center*, dengan izin.

Dalam satu temu duga di surat khabar, ada seorang penduduk bernama Nordin, beliau berkata, penduduk tempatan tidak dipinggirkan oleh kerajaan kerana kemudahan-kemudahan atau infrastruktur asas telah pun disediakan. Apa yang dipinggirkan hanyalah dipinggirkan oleh parti UMNO. Ini kerana pemimpin-pemimpin UMNO di sana sapu semua peluang perniagaan dan keuntungan dan bukan orang miskin, orang tidak mampu yang dapat peluang untuk mendapat apa-apa kemudahan atau keistimewaan daripada kerja-kerja kerajaan.

Beliau juga berpendapat bahawa Balik Pulau janganlah dijadikan sebagai satu *concrete jungle*, dengan izin, dan beliau berbangga bahawa apa yang sedia ada, apa yang ada pada masa sekarang, mereka semua berpuas hati. Saya ingin bertanya balik, sekiranya apa yang didakwakan oleh pemimpin Pemuda ini betul, ini menunjukkan bahawa usaha-usaha kerajaan selama ini telah gagal. Ini kerana di Pulau Pinang ini, ia seperti negeri-negeri yang lain, ada pertubuhan seperti PERDA, KEMAS, MARA, UDA, Pejabat Pembangunan Usahawan Melayu dan juga tidak ketinggalan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang ditubuhkan oleh pelbagai parti komponen Barisan Nasional dan UMNO juga ada juga timbalan ketua menteri dan juga empat orang EXCO kerajaan.

Maka, apa-apa keputusan yang hendak dijalankan atau diputuskan oleh kerajaan negeri semua adalah melalui EXCO kerajaan dan bukan seorang sahaja yang membuat keputusan. Saya hendak mengkritik di sini bahawa pemimpin seperti Khairy Jamaluddin ini jikalau beliau masih tidak putus-putus untuk membangkitkan isu-isu perkauman, ini cuma boleh membayangkan bahawa moral, ideologi atau fikiran beliau yang berbaur perkauman dan sempit, dan bagaimana mahu menjadi pemimpin yang berwawasan pada masa-masa yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat, ya.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Hay! *[Ketawa]* 20 minit, saya baru baca semuka sahaja. *[Disampuk]* Lagi 10 minit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, apa perkembangan di Taiwan pada masa sekarang iaitu presidennya Chen Shui-Bian, sedang menghadapi suatu tunjuk perasaan yang raksasa dan rakyat Taiwan sedang giat mendesak Presiden Chen Shui-Bian meletakkan jawatan. Masalah Chen Shui-Bian ini juga diakibatkan oleh menantunya iaitu Chao Chien-Min, *[Ketawa]* kerana ada salah laku dan rasuah oleh anak menantu beliau. Saya tidak mahu Perdana Menteri kita ini juga boleh menghadapi nasib seperti Presiden Chen Shui-Bian dan janganlah menjadi Chen Shui-Bian nombor dua di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh berkenaan dengan jenayah. Jenayah berlaku dalam negara kita ini, dalam beberapa bulan ini sangat berleluasa kerana ada banyak kes, khasnya kes bunuh, kes mengakibatkan hilang nyawa dan juga lain-lain kes, tipu helah, baik

di perniagaan, persendirian. Semua kes-kes ini telah membawa satu nama yang kurang manis kepada PDRM kerana PDRM pada masa sekarang masih tidak mampu menangani kes-kes seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Butterworth dan di Seberang Prai dalam beberapa bulan ini iaitu pada Mei ada seorang pemuda, mayatnya telah disimpan di *boot* belakang kereta dan tidak dijumpai oleh sesiapa. Walaupun keluarganya, selepas budak ini hilang dua hari, mereka telah membuat laporan polis dan kereta yang menyimpan mayat ini betul-betul terletak di tepi jalan sahaja. Selama 10 hari tidak ada orang nampak kereta ini dan saya pasti kereta ronda, pegawai atau ahli-ahli polis mesti ada melalui tempat itu sebab tempat itu bukan satu tempat yang sunyi tetapi di bandar. Tiada orang menjumpai atau mengesah nombor kereta ini.

Akhirnya, sehingga ia berbau busuk, jiran baru dapat tahu bahawa kereta itu ada mayat dan sehingga sekarang pun tidak dapat menangkap suspek. Pada bulan Ogos ini, ada seorang di kawasan saya telah terang-terang ditembak mati depan orang ramai tetapi sampai sekarang pun tidak ada apa-apa suspek dapat diberkas. Di Bukit Mertajam, seorang *lawyer* di tembak mati, di Kulim juga seorang *lawyer* di tembak mati, di Bukit Tengah seorang doktor di tikam mati dan semua ini tidak dapat diselesaikan oleh pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin membangkitkan satu kes yang *simple*. Pada masa sekarang banyak kes-kes saman polis kerana had laju dan mereka memakai kamera untuk tembak. Sekarang ramai orang yang pandai, dia pakai kereta menggunakan nombor palsu. Jadi, orang yang betul-betul pemilik kereta itu dia duduk di Penang tetapi kesalahan dilakukan di Selangor. Beliau telah membuat *police report* tapi polis pun kata dia tidak boleh berbuat apa-apa, melainkan di sekatan-sekatan jalan kalau nampak kereta ini baru boleh tangkap orang yang memalsukan nombor *plate* ini.

Jadi, ini menunjukkan bahawa sistem untuk mengesah atau menangkap orang yang sebegini tidak akan berkesan.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tidak ada masa.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Sikit saja. Saya beri pandangan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Okey.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Saya tengok Yang Berhormat bagi Bagan daripada awal tadi menceritakan isu insiden-insiden yang berlaku seolah-olahnya tidak ada sikit pun hendak berterima kasih kepada polis. Saya merasakan bahawa polis cukup banyak peranan yang dimainkan. Apakah salahnya kalau Yang Berhormat bagi Bagan mencadangkan, kalau kita lihat tadi ada kelemahan yang berlaku, cuba Yang Berhormat cadangkan kepada kerajaan bagaimana kita boleh mempertingkatkan keberkesanan pihak polis ini. Jangan sentiasa menafikan peranan yang dimainkan oleh polis. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih. Bukankah ada satu *recommendation* oleh Suruhanjaya Penambahbaikan Keberkesanan Polis. Kalau semua patuh kepada *recommendation* ini saya ingat ini bolehlah membantu pihak polis untuk memulihkan *efficiency* mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan saman trafik. PDRM sebenarnya telah berusaha untuk mengutip tunggakan-tunggakan saman trafik yang berjumlah beratus-ratus ribu keping dan mereka mengurangkan denda kompaun ini supaya orang ramai boleh cepat-cepat menyelesaikan kompaun ini. Kalau mereka dapat menyelesaikan kompaun-kompaun ini, maka beban kerja pihak polis dan juga beban mahkamah-mahkamah boleh diringankan. Tetapi oleh kerana Menteri Pengangkutan hendak menjaga maruah beliau, hendak menjaga air muka beliau dan kerana kononnya tidak diberitahu sebelum dibuat pengumuman, maka beliau marah sangat dan beliau membangkitkan perkara ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat. Habiskan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:di *Cabinet Meeting* dan Kabinet telah membuat keputusan untuk menanggungkan perkara ini. Saya berharap selepas beliau memenangi 'perang' ini, beliau bolehlah juga sama bersetuju dengan PDRM supaya tunggakan-tunggakan saman trafik itu boleh dikurangkan supaya pesalah-pesalah boleh cepat-cepat menyelesaikan saman trafik ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Cukup? Oh, banyak lagi. Tidak apalah, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

5.33 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. *[Disampuk]* Lebih kuranglah tu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga hendak terlibat sama dalam perbincangan belanjawan atau bajet. Saya bila sebut belanjawan ini Tuan Yang di-Pertua, bahasa Melayu ini kaya - budayawan, bangsawan, karyawan ini semua orang yang kalau kaki budaya dipanggil budayawan, kaki bangsa dipanggil bangsawan. Jadi, kalau belanjawan ini nanti kaki belanja pula. Jadi tidak kena. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan bajet yang lepas, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah menyebut satu baris tentang belia, "*Merintis Kejayaan Belia - Kerajaan akan meneruskan usaha bagi melahirkan golongan belia yang berdaya tahan serta mempunyai*

kemahiran keusahawanan dan berpengetahuan. Untuk melaksanakan pelbagai program belia dan sukan....” ha, sudah masuk sukan pula, “.....RM721 juta akan diperuntukkan.”

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat melihat di sini bahawa dalam kenyataan yang begitu ringkas dalam pembentangan bajet yang lalu, menunjukkan kepada kita bagaimana Kementerian Belia dan Sukan dapat benar-benar menggariskan satu belanjawan yang jelas dan nyata di antara kedua-dua ini, membezakan antara belia dan sukan.

Hari ini kalau kita dapat lihat segala kenyataan, segala iklan yang keluar dalam TV, radio dan sebagainya menyatakan tentang kepentingan sukan di dalam membentuk belia hari ini untuk masa hadapan. Tidak ada satu pun kenyataan yang jelas dan tepat yang menyatakan apakah yang perlu dilakukan bagi golongan belia ini, yang disebut sendiri oleh Perdana Menteri perlu ada ciri-ciri kepimpinannya, perlu ada ciri-ciri keusahawannya, perlu ada ciri-ciri kesukarelaannya dan perlu ada ciri-ciri kualitinya. Jadi, di sini kita dapat melihat bahawa jika kementerian tidak dapat memberikan satu garis yang jelas memisahkan antara belia dan sukan, maka hasrat Perdana Menteri untuk melihat belia-belia ini sebagai modal insan yang begitu tinggi untuk mewarisi kepimpinan negara di masa hadapan akan menjadi sia-sia.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan supaya kalau boleh Kementerian Belia dan Sukan menyemak kembali, bukan memisahkan belia dan sukan, bukan ada dua menteri - Menteri Belia satu, Menteri Sukan satu, tidak. Tetapi ada dua timbalan menteri, satu timbalan menteri yang khusus melihat acara-acara sukan, bawalah sukan kita ini yang bolanya daripada *rock-bottom* daripada *on the floor* ini bawalah sampai ke menara dunia, dan satu lagi menteri melihat tentang bagaimana boleh memfokuskan agenda-agenda pembangunan belia supaya negara kita dapat diisi dengan belia-belia yang berkualiti tinggi di masa hadapan. Jadi, ini dua. Kalau dulu, 10 tahun dulu, kita pernah bawa dalam Perbahasan Titah Tuanku ada menyebut tentang pembahagian kementerian ini, tidak perlu. Cuma dua timbalan menteri sahaja saya mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya dapat lihat adalah antara cabaran dan ...

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, belia kita ada 41% lebih kurang 11 juta dan kalau kita perhatikan dalam ruangan di TV dan sebagainya, saya rasa tidak ada ruangan khas untuk belia dan kita ada ruang khas untuk sukan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi mencadangkan supaya kita ada Timbalan Menteri Belia dan Timbalan Menteri Sukan supaya boleh beri fokus. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, saya hendak mencadangkan supaya kalau kita serius hendak menolong belia adakan ruangan khas dalam TV ruangan untuk belia. Sekarang ini kita tengok dalam TV yang ada bila sebut sahaja belia semuanya dalam hiburan tetapi tidak khusus untuk kita bina belia-belia ini yang merupakan bukan sahaja harapan tetapi masa depan negara kita.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya amat bersetuju, Tuan Yang di-Pertua. Jadi oleh kerana itulah kita perlu betul di peringkat hulunya, di peringkat pentadbiran dan pengurusan ini supaya ia dapat dilaksanakan di peringkat hiliran dan semua rancangan TV itu akan dapat kita lakukan apabila kepalanya sudah betul, maka ekornya akan betul. Saya sangat bersetuju sangat itu.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, kita juga menyebut bahawa

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Celahan. Seminit saja.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, setengah minit boleh tidak?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Okey, boleh, boleh. Apa pandangan Yang Berhormat kalau saya katakan Kementerian Belia dan Sukan ini lebih kepada cuma mengapungkan ideanya saja, dengan izin *advocacy* nya saja, tetapi dari segi kuasa pelaksanaannya tidak ada. Dia terpaksa bergantung pada Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan dan macam-macam lagi sedangkan berbuat sendiri itu adalah dia tidak mempunyai kuasa itu, dia sekadar mengapungkan ideanya sahaja. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Advocacy* ataupun pengapungan ini adalah merupakan apa yang kita pandang sebenarnya. Tetapi kalau Kementerian Belia dan Sukan ini cekap dan arif tentang peranan dan tanggungjawabnya sebagai pembentuk ataupun pemacu kepada warga belia di negara kita ini, gunakan saja pertubuhan-pertubuhan belia yang memang sudah ada di peringkat akar umbi. Tidak perlu hendak susah-susah melantik pegawai dan sebagainya kerana pertubuhan dan persatuan belia di peringkat akar umbi, di peringkat cawangan ini adalah pertubuhan dan persatuan yang memang *self motivated*, yang memang ada keinginan dan keghairahan mereka untuk memacu kegiatan di peringkat cawangan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Saya nampak dalam kita menuju ke masa hadapan, cabaran-cabaran ini antaranya ialah salah guna dadah, perkara-perkara yang negatif berkenaan dengan globalisasi dan sebagainya telah membantutkan usaha kementerian untuk membawa belia kita ini ke masa depan yang lebih gemilang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ajak kita, jangan kita terlalu prejudis dengan negara jiran kita Singapura, umpamanya. Hari ini kalau kita lihat angka penagih dadah di kalangan belia di Singapura amat berkurangan sehingga Singapura dijadikan sebagai contoh kepada negara-negara maju bagaimana mereka menangani isu dadah Tuan Yang di-Pertua. Apa dia buat? Saya tahu Yang Berhormat bagi Sabak Bernam menunggu saya cakap ini. Apa dia buat ialah kepada pesalah-pesalah yang berulang tidak kiralah dari segi pengedaran hinggalah kepada pembahagian dan pengguna-pengguna dadah Singapura mengenakan hukuman yang berlipat-kali ganda keras di mana hukuman ini *deterrent*, hukuman ini keras dan mendidik supaya pesalah ini tidak melakukannya berulang-kali.

Di negara kita Tuan Yang di-Pertua, kepada pesalah-pesalah yang melakukannya berulang ini kita panggil mereka masukkan kembali ke pusat serenti. Itu yang sampai tiga empat kali, ada yang enam kali masuk pusat serenti. Masuk keluar, masuk keluar sehinggakan hari ini Timbalan Menteri beritahu kita seorang pesalah RM30 sehari. Cuba bayangkan dalam sebulan RM900 seorang banduan. Bagaimana pula kalau kita bandingkan jika kita gunakan RM900 ini untuk membangunkan seorang belia yang sihat dan sejahtera di luar sana.

Jadi gunakan teknologi Singapura ini kerana mereka percaya jika mereka ada 3,000 penagih dadah pada ketika ini dan daripada 3,00 itu mengikut statistik kita 90% akan berulang, ada 2,700 dan daripada 2,700 dapat tangkap katalah 50%, 1,450 masuk ke dalam penjara hukuman yang keras sebat 20 kali dan sebagainya dan ini sekali gus dapat mengurangkan jumlah pengedar, jumlah pembahagi dan juga jumlah penagih-penagih dadah di kalangan rakyat Singapura.

Dan apabila mereka keluar pula, mereka akan dikenakan satu RFID (radio frekuensi identiti) dengan menggunakan gelang ataupun menggunakan suntikan dan sebagainya di mana sahaja mereka ini pergi kemudian akan masuk satu pasukan untuk menyiasat apakah bekas penagih tadi lakukan di kawasan yang telah mereka masuki tadi. Cara ini Tuan Yang di-Pertua telah menampakkan kepada kita bahawa kesan terhadap tindakan yang diambil oleh kerajaan tadi amat memberikan keputusan yang boleh membanggakan kita semua. Seperkara lagi....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sekejap Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. ISA kita ini boleh kita gunakan untuk pengedar-pengedar dadah yang tangannya tidak darah ini apabila melakukan kesalahan. Sebagai contoh kita tahu kebanyakan pengedar-pengedar dadah yang mempunyai kedudukan yang tinggi ini dia mempunyai perniagaan-perniagaan sampingan bagi mengaburi mata penyiasat-penyiasat ataupun anggota penguat kuasa kita. Contohnya berniaga baju sukan, berniaga peralatan-peralatan motor dan sebagainya.

Kemudian satu kaedah yang saya kira boleh kita gunakan apabila dapat laporan yang tidak mempunyai bukti yang nyata daripada orang ramai contohnya si A ini mengedar dadah tetapi kita tidak dapat ada bukti. Macam mana kita buat Tuan Yang di-Pertua? Macam yang dilakukan di Singapura mereka akan menyemak pendapatan, akan menyemak akaun bank si A tadi. Kemudian bila mereka dapati pendapatan yang diperolehi oleh si A tadi tidak setimpal dengan perniagaan yang dilakukan maka siasatan lanjut akan dijalankan. Jika masih lagi bukti tidak diperolehi maka gunakanlah Akta Keselamatan Dalam Negeri ini untuk menahan mereka dan melihat bagaimana pengedaran dadah ini boleh diberhentikan atau tidak di peringkat bawahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya apa yang telah dilakukan oleh kerajaan jiran kita ini boleh dicontohi dan diambil iktibar oleh penggubal-penggubal undang-undang di negara kita

untuk dijadikan satu tindakan yang boleh memberi kesan kepada rakyat di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan memberikan penekanan yang begitu terperinci terhadap pelaksanaan Nasional Integriti Pelan ataupun perancangan Pelan Integriti Nasional dan di sini saya dapat melihat bahawa penghayatan kepada hasrat Yang Amat Berhormat....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Silakan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Dia hendak cerita fasal dadah itu.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah terhadap input baru mengenai agenda memerangi najis dadah dan saya harap pihak kerajaan khususnya pihak agensi yang berkaitan khususnya AADK dan Jabatan Narkotik akan memberikan perhatian dan wujudkan satu agensi kesegeraan untuk perkara ini diambil tindakan.

Saya hendak tanya daripada Yang Berhormat bagi Tangga Batu kalau kita lihat dari segi senarai perjawatan kita lihat senarai Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sudah ada dalam bajet itu. Sebagai satu tindakan segera supaya seorang Setiausaha Parlimen ini dahulu ada tapi nampaknya sekarang tidak ada sebagai satu tindakan segera kalau jawatan ini di sisi berikan perhatian khusus kepada memberikan perhatian kepada masalah najis dadah kerana kita dapati bahawa antara dua agensi ini Jabatan Narkotik dengan AADK ini pun kita nampak kurang koordinasi. Kita yakin kalau adanya seorang Setiausaha Parlimen yang boleh mengepalai agensi ini maka tindakan segera ini akan dapat memberikan kesan yang lebih jelas. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya amat setuju sangat dan saya menyokong jika Yang Berhormat bagi Sabak Bernam mengisi tempat tersebut supaya masalah dadah ini dapat diatasi dengan segera oleh kerajaan kita. Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kena gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya hendak gulung ini tapi ini adalah satu perkara yang amat penting yang perlu kita berikan perhatian. Dua minggu yang lepas Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan satu kronologi yang begitu menarik. Dalam usaha Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita untuk menegakkan integriti di dalam pelaksanaan gerak kerja kerajaan di negara kita saya membangkitkan isu ini kerana isu ini menampakkan bahawa satu perkara yang berlaku di hadapan mata kita masih lagi tidak diberikan perhatian oleh pegawai-pegawai yang terlibat.

Saya membangkitkan isu mengenai Istana Budaya tentang kerja-kerja perkhidmatan *stage machinery and reading equipment* di Istana Budaya, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Ini

Tuan Yang di-Pertua, amat memalukan jika ianya dibongkar dan didapati apakah sebenarnya yang berlaku di dalam sistem pentadbiran Istana Budaya tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara kronologi yang ditunjukkan oleh Istana Budaya ini saya dapat menyimpulkan bahawa ada berlaku penyelewengan di mana surat setuju terima telah diserahkan kepada penender pada 17 Julai 2006 dan sebulan selepas itu 17 Ogos 2006 surat pemberhentian tanpa notis diberikan kepada penender. Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua? Tanpa prejudis, saya tidak melihat siapa yang seharusnya yang mendapat kerja ini. Kalau jawapan pihak kementerian mengatakan syarikat yang ditawarkan itu tidak layak melakukan kerja-kerja ini kerana tidak mempunyai kemahiran dan tidak mempunyai kompeten soalnya mengapa ia ditawarkan pada hari yang pertama. Kenapa kementerian tidak mengkaji secara mendalam yang syarikat ini tidak boleh melakukan kerja-kerja yang bertaraf antarabangsa ini?

Tuan Yang di-Pertua, Istana Budaya adalah merupakan *stage performance* yang ketiga tinggi tarafnya di dunia dan memerlukan kepakaran dari luar negara. Tetapi apabila ini berlaku ia menampakkan sudah ada puak-puak, sudah ada kumpulan-kumpulan di dalam kementerian KeKKWa. Bukan kekwa sebenarnya. KeKKWa. Bukannya kekwa. Hendak sebut, sebut betul-betul. Kalau ikut Yang Berhormat bagi Gerik tadi kena sebut betul-betul. Kementerian KeKKWa. Kalau ada penyelewengan maka ia harus disiasat. Pengakuan oleh timbalan menteri didesak oleh Tuan Yang di-Pertua pada ketika itu siasatlah menteri, lihat kenapa perkara ini berlaku.

Bayangkan Tuan Yang di-Pertua pada hari yang sama iaitu pada 28 Julai surat panggilan mesyuarat mengenai perbincangan kontrak, pada 31 Julai mesyuarat perbincangan dihadiri oleh TKSU. Pada 7 Ogos surat panggilan mesyuarat setuju meneruskan kontrak dan hadir sertamerta. Pada 7 Ogos pagi dapat surat, petang pukul 4 petang dikehendaki syarikat ini menyediakan kepakaran yang sepatutnya hadir daripada Australia, UK dan Singapura. Bukankah ini satu penganiayaan? Bukankah ini wujudnya bibit penyelewengan? Ini harus disiasat Tuan Yang di-Pertua dan saya percaya apa yang berlaku ini adalah tanda-tanda pegawai-pegawai pelaksana di dalam kementerian ini tidak menghormati Pelan Integriti Nasional yang diagung-agungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, 17 Ogos surat *termination* dan semalam berlakunya *direct nego* di antara dua syarikat yang tidak berjaya. Dua syarikat yang tidak berjaya itu pula adalah syarikat yang mempunyai struktur yang sama, yang alamatnya sebelah-menyebelah. Jadi di manakah ketelusan? Di manakah kejujuran? Di manakah amanahnya pegawai-pegawai yang melaksanakan kerja-kerja selenggaraan ini. Perlu dilihat dan dikaji secara terperinci dan saya yakin jika ini berlaku di bawah mata, di hadapan, di bawah hidung kita telah disebut di Parlimen ini masih lagi tidak mendapat tindakan serta penyelesaian daripada pihak kementerian, ianya adalah merupakan satu yang merugikan kita bersama. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Selangor.

5.50 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan Bajet 2007 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 1 September yang lepas dan bagi pihak rakyat serta pengundi di kawasan Kuala Selangor, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas pengumuman-pengumuman yang telah dibuat oleh Menteri Kewangan yang sangat melegakan, khususnya penduduk di kawasan luar bandar.

Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, sungai menjadi masalah kepada kita. Sungai sering dipersalahkan kerana menyebabkan banjir kilat dan sungai tercemar, air yang diproses untuk dijadikan bekalan air minum berbau busuk dan kelihatan sungai kita di seluruh negara bermasalah. Hari ini tanggungjawab untuk mengurus sungai terletak di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran iaitu di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Kita lihat perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan, khususnya dalam Bajet 2007 cukup banyak dan sentiasa meningkat dari setahun ke setahun untuk mengurus dan menyelenggarakan sungai, khususnya bagi memastikan sungai tidak lagi menjadi penyebab kepada banjir kilat, khususnya apa yang telah berlaku di Kuala Lumpur, di Shah Alam, di Kelantan, di Kedah dan sebagainya.

Kita ada Majlis Pengurusan Air Negara dan urusan untuk menjaga sungai adalah tanggungjawab setiap kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Umpamanya di Selangor, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) melalui enakmen yang telah diluluskan pada 1999 mempunyai kuasa untuk menyelaraskan tentang pengurusan sumber air ini. Tetapi apa yang kita perhatikan, jabatan yang bertanggungjawab untuk memberikan servis kepada sungai adalah Jabatan Pengairan dan Saliran atau JPS sedangkan kuasa yang ada pada JPS dari segi penguatkuasaan undang-undang apabila sungai tercemar dan sebagainya, terletak kepada jabatan dan agensi yang lain.

Saya rasa perkara ini patut diselaraskan secara lebih berkesan supaya semua negeri mempunyai enakmen yang sendiri dan seperti yang kita sedia maklum, kita ada Akta Air 1970 yang diguna pakai umpamanya oleh LUAS tadi di Selangor dan Kedah baru hendak mewujudkan. Di Sabah sudah ada. Bermakna banyak lagi negeri-negeri yang belum mengadakan akta ini. Saya rasa satu mekanisme atau sebuah agensi untuk mengurus sungai ini patut diwujudkan oleh kerajaan, khususnya oleh kerajaan negeri yang terletak di bawah enakmen masing-masing seperti di Selangor ada percubaan untuk menswastakan pengurusan dan penyelenggaraan sungai, tetapi mendapat tentangan daripada Kerajaan Pusat, khususnya EPU.

Jadi saya mengambil pendekatan untuk mencadangkan kepada kerajaan, sebuah perbadanan diwujudkan di peringkat negeri. Kalau wajar, *upgrade* atau naik taraf JPS diperbadankan, bukan sekadar untuk mengurus, menyelenggara sungai, mengatasi masalah

pencemaran, membersihkan sungai, malah kita boleh menjadikan sungai sebagai sumber pelancongan dari segi ekosistem.

Dalam konteks ini saya hendak tahu daripada kerajaan, khususnya pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, apakah rancangan untuk menjadikan Sungai Selangor sebagai sumber air yang bersih, begitu juga bagaimana pencemaran yang wujud di Sungai Selangor, umpamanya baru-baru ini air *leachate* Bukit Tagar masuk ke Sungai Selangor menyebabkan air yang kita minum, yang dibekalkan oleh Syabas berbau busuk dan udang, ikan dan sebagainya di sungai berkenaan habis mati.

Dalam konteks ini saya hendak kaitkan dengan sebuah pusat pelupusan sampah di Kubang Badak, di Batang Berjantai yang pernah saya bercakap di Dewan Rakyat ini dan juga secara bertulis telah dijawab, bahawa pusat ini akan ditutup pada awal tahun 2007. Kemasukan sampah dari daerah Kuala Selangor akan dikurangkan secara berperingkat sementara mencari tapak baru sebagai alternatif. Tetapi persoalannya, baru-baru ini apabila pusat ini dinaik taraf dan dilaksanakan oleh Worldwide, anak syarikat kerajaan negeri, dan kerajaan negeri pada bulan yang lepas sudah memutuskan sampah daripada Majlis Perbandaran Selayang tidak dibenarkan lagi masuk ke Kubang Badak. Mesti dihantar ke Bukit Tagar. Tetapi keputusan ini tidak dapat dilaksanakan, malah Kubang Badak terus menjadi *dumping ground*, dengan izin.

Soalannya, Tuan Yang di-Pertua, penduduk di bandar ini yang merupakan satu bandar lestari yang sedang dibangunkan, di mana letaknya Universiti Industri Selangor (UNISEL), penduduknya siang malam, terutamanya di waktu hujan terpaksa menghidu bau yang terlalu busuk dan ada pihak yang mencadangkan yang mungkin kurang logik supaya kilang-kilang minyak wangi dibina di kawasan berkenaan supaya pusat sampah ini berbau wangi.

Saya menyeru kepada pihak kerajaan supaya tutuplah segera pusat ini. Saya bimbang, takut keputusan ini dilengah-lengahkan dan saya hendak persoalkan siapa yang sebenarnya bertanggungjawab untuk mewujudkan dan menutup pusat pelupusan sampah ini, sama ada pihak berkuasa tempatan, kerajaan negeri atau Kerajaan Pusat, sama ada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Jawatankuasa Kabinet Pelupusan Pepejal yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya mendesak kerajaan bagi pihak rakyat, tutup segera pusat ini agar ianya tidak menjadi isu yang boleh menjejaskan kewibawaan Kerajaan Barisan Nasional yang boleh menjejaskan pilihan raya akan datang.

Di samping itu saya hendak bangkitkan soal masalah gula yang masih diperkatakan sekarang. Kenapa begitu lambat sekali kerajaan mengambil tindakan untuk memasukkan gula halus dalam senarai barang kawalan seperti gula kasar seperti yang berlaku di Kuala Selangor. Saya mengambil inisiatif turun padang, pergi ke kilang kepada pembekal mendapatkan bekalan tambahan dan kita bekalkan langsung kepada peruncit-peruncit. Tetapi isunya hari ini bekalan

gula – empat kilang gula di negara kita hari ini cuma membekalkan 10% daripada bekalan yang disampaikan kepada pengguna. Selebihnya diimport dari Brazil, dari Australia dan juga Thailand.

Di dalam konteks ini kenapa tidak kerajaan memperluaskan lagi ladang gula seperti yang ada di Chuping, Perlis dan juga di Butterworth ditambah lagi. Saya lihat kilang yang di Perlis ini rosak sampai sekarang tidak dibaik pulih. Jadi ini juga menjejaskan. Dalam hubungan ini saya ingin mendesak kerajaan apa keputusan perbincangan di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk mengurangkan import bahan mentah gula dari luar negeri agar kita dapat menyelesaikan masalah ini secara berkesan kerana saya ingin menegaskan, Tuan Yang di-Pertua, menjelang perayaan dan hari ini kerajaan menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana yang memerlukan sangat gula ini dan nampaknya kawasan saya agak terjejas bila bekalan terbantut dan kita tidak mahu masalah ini berterusan. Kerajaan gagal menangani masalah ini dalam jangka pendek, dan akhir sekali saya hendak bawa soal *delivery system*.

Kuala Selangor mengambil kesempatan dan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ketua Setiausaha yang baru yang mempunyai pendekatan *low profile, just do it* dan kita harap Ketua Setiausaha Negara yang baru ini dapat membawa perubahan yang benar-benar berkesan kepada peningkatan perkhidmatan awam yang boleh menyebabkan pegawai dan kakitangan hari ini telah diberi kemudahan dan Ahli-ahli Parlimen pun telah menyokong untuk naikan gaji mereka dan pelbagai insentif yang lain. Tetapi hari ini mungkin agaknya keadaan menyebabkan di antaranya mungkin cuti panjang, kerja seminggu, mungkin sedikit sebanyak menjejaskan dan menyebabkan sikap pegawai dan kakitangan kerajaan khususnya di peringkat akar umbi kalau hari Sabtu, Ahad, kita Wakil Rakyat turun padang hadir dalam satu majlis, mereka tidak dapat hadir.

Saya menekankan soal jentera di peringkat akar umbi ini cukup-cukup penting. Khususnya hari ini kita tidak mahu pegawai mengambil sikap *just do it* dia banyak mendengar kepada cakap orang politik, sama ada Politik *Master* di peringkat negeri ataupun di peringkat kawasan yang mengarahkan supaya jangan buat itu, jangan buat ini, dan inilah yang saya hendak bangkitkan dan saya pernah bangkitkan sistem kerajaan yang ada pada hari ini sama ada kerajaan pusat, kerajaan negeri, atau pihak berkuasa tempatan dan pejabat daerah mesti mempunyai hubungan yang rapat.

Seperti yang saya katakan ahli parlimen martabatnya tinggi di Dewan yang mulia ini, tetapi di bawah kita tidak ada kuasa, *no sit*, umpamanya persepsi pegawai *Federal* umpamanya, Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Pegawai Daerah, Ketua-ketua jabatan setengahnya dari Kerajaan Pusat dari *Federal* tetapi ketaatan, kesetiiaannya lebih pula kepada kerajaan negeri sedangkan mereka *federal officer* bukannya *state officer* dan ini menyebabkan nantinya Ketua Kampung, Dato' Penghulu, Pegawai Daerah, Ketua Jabatan lebih memandang kepada Ahli Dewan Undangan Negeri bukan Ahli Parlimen dan dalam konteks ini saya fikir, perlu

diselamatkan, perlu dirapatkan hubungan ini supaya tidak menjejaskan pelaksanaan projek pembangunan.

Apatah lagi saya lihat dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam ramai Ketua Setiausaha Negara yang lepas dan sebelumnya dan kita harap Ketua Setiausaha Negara yang baru dapat menyemak semula segala pekeliling, segala arahan perkhidmatan yang saya nampak setengahnya tidak dapat dilaksanakan. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, Garis Panduan Pelaksanaan Sistem Pemantauan, Sistem Penguatkuasaan Undang-undang di peringkat pentadbiran daerah, hari kita lihat pelaksanaan undang-undang sama ada oleh Pejabat Tanah, oleh Majlis Daerah, oleh Jabatan Alam Sekitar, oleh JPJ, oleh polis di peringkat bawah menjadi persoalan kerana pendekatannya tidak bersepadu sedangkan Pegawai Daerah bertanggungjawab. Ini yang masalah, Pegawai Daerah telah dibebankan, Larut selalu bercakap, beratus jawatankuasa terpaksa dipegang sedangkan dalam pekeliling ini memperuntukkan supaya segala penguatkuasaan, kelemahan, aduan di *centralized* dengan izin. Pegawai Daerah diminta menyelaraskan, memastikan jabatan-jabatan berkenaan mengatasi masalah penguatkuasaan ini. Sabak Bernam, Tuan Yang di-Pertua, saya jemput.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit sahaja. Saya sendiri pun tidak kenal dengan Ketua Setiausaha Negara yang baru ini, tapi kita menaruh harapan yang besar kepada dia, kita yakin dia dipilih kerana prestasi dia. Jadi saya hanya dapat mendengar ataupun dari akhbar dengan kenyataan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Selangor tadi bahawa yang penting bagi beliau ialah apabila kita diberikan kerja, lebih kurang *just do it* laksanakan. Kemudian kalau saya tak silap kalau daripada akhbar kita dapat tahu bahawa yang penting apa yang kita buat walaupun perlahan kerana maju ke hadapan.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, adakah ini tidak sedikit berlawanan ataupun bertentangan dengan konsep nilai tambah yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menghendaki bukan sahaja anjakan paradigma tetapi suatu lonjakan. Jadi bagaimana Yang Berhormat bagi Kuala Selangor memandang dalam konteks ini. Terima kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Saya lihat dengan pendekatan "*low profile, just do it*" maksudnya diminta pegawai dan kakitangan kerajaan jangan banyak bercakap, banyak bekerja, biar orang politik yang banyak cakap tapi mesti bekerja juga. Jadi dalam konteks ini pendekatan baru saya dengan dan saya bangkitkan dalam di Dewan yang mulia ini. Ketua Setiausaha Negara yang baru hendak bawa pendekatan budaya kerja swasta dan saya rasa kita di Dewan yang mulia ini mengalu-alukan dan inilah nilai tambah yang saya yakin dan percaya kalau dapat dilaksanakan secara berkesan dapat meningkatkan prestasi perkhidmatan awam. Jadi saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Serdang.

6.07 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2007.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan 2007 menumpu kepada beberapa teras Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan membantu mempertingkatkan daya saing negara serta memastikan pertumbuhan ekonomi yang mapan. Keseimbangan sosial dan kualiti hidup yang baik dengan kesemuanya dicapai melalui kapasiti pelaksanaan dalam negara yang mantap ini. Sungguhpun belanjawan kali ini tidak mengecewakan semua pihak namun begitu masih terdapat pelbagai pandangan dan ulasan positif dan negatif.

Pada pendapat saya, misi negara adalah petunjuk yang terpenting dalam membangunkan negara ia dijadikan teras dalam langkah-langkah kerajaan untuk mendukung usaha mencapai wawasan. Dalam cita-cita negara untuk mencapai wawasan negara, kerajaan sedang giat melaksanakan Pelan Induk Perindustrian Ketiga iaitu IMP3 bagi mendorong kegiatan ekonomi dalam negeri dan mewujudkan satu fenomena pelaburan yang menarik. Ia dapat meningkatkan daya saing Malaysia dalam arena globalisasi dan penarikan pelabur-pelabur asing dan tempatan. Usaha ini menunjukkan kerajaan menunaikan komitmen dan janji terhadap pembangunan sosioekonomi negara. Namun dalam langkah-langkah kerajaan melaksanakan matlamat ini, terdapat bunyi desakan agar dengan wujudnya hujah-hujah kenyataan-kenyataan mulut yang dianggap melampau juga sering tersiar dalam media masa yang menimbulkan rasa bimbang di kalangan rakyat. Justeru itu, menjejaskan usaha kerajaan dalam mengekalkan kestabilan sosial dan melemahkan keyakinan pelabur-pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya tidak akan membiarkan keadaan demikian tanpa kawalan untuk menjejaskan imej negara dan membiarkan keadaan bertelingkah diteruskan kerana negara kita sedang menghadapi kemunculan AFTA dan ketegangan globalisasi antarabangsa. Apa yang kita perlukan adalah menggembeng tenaga untuk menghadapi segala ketegangan dan kesan daripada perubahan sistem globalisasi terkini untuk mengekalkan daya saing yang kuat. Soal integrasi, muhibah, toleransi dan perpaduan antara kaum merupakan asas kekuatan negara untuk tujuan pembangunan. Ia juga merupakan identiti negara dalam mendapat penghormatan di peringatan antarabangsa. Oleh itu jangan sekali-kali membiarkan nama baik negara kita tercemar atas sebab hujah-hujah radikal dan setengah kenyataan dan fikiran politik yang kurang berpandangan jauh.

Tuan Yang di-Pertua, aliran sekolah Cina yang terkandung di dalam Akta Pendidikan 1995, masih terdapat berbagai-bagai isu pendidikan sehingga kini. Lebih 60,000 murid bukan keturunan Tionghoa sedang belajar di aliran sekolah Cina yang dipilih oleh ibu bapanya telah

membayangkan keyakinan ibu bapa terhadap sistem aliran integrasi, tetapi aliran pendidikan ini masih terdapat isu-isu seperti:

- i. Kekurangan tenaga pengajar aliran sekolah Cina;
- ii. Sistem pembahagian kepada sekolah bantuan penuh dan sekolah bantuan mudah di sekolah aliran Cina;
- iii. Dasar bantuan subsidi RM1 apabila kutipan tabung pembinaan tambahan bilik darjah telah dinafikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan melawat Negara China untuk menjalin kerjasama dalam konteks pendidikan dan usaha menarik tenaga pengajar China untuk mengajar Bahasa Mandarin bagi mengatasi kekurangan tenaga pengajar yang dihadapi oleh aliran sekolah Cina sepanjang masa ini dan kelas Bahasa Mandarin di sesetengah sekolah kebangsaan yang akan diwujudkan.

Saya menganggap pandangan ini kurang praktik kerana berbeza keadaan sosial dan sistem pendidikan di negara kita ini. Sebaliknya pihak kementerian perlu menimbangkan untuk mendapat tenaga pengajar dari sekolah-sekolah Cina persendirian dan pelajar-pelajar kita yang mendapat ijazah dari Negara China dan Taiwan. Pemberian program latihan atau 'kursus perguruan' merupakan cara terbaik untuk mengatasi kekurangan tenaga pengajar yang sering berlaku di aliran sekolah Cina.

Tuan Yang di-Pertua, sikap serius dan positif yang diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran untuk menangani isu kekurangan tenaga pengajar ini akan selesai agar dapat mengelakkan sesetengah pihak yang mengeksploitasikan isu ini untuk mencapai kepentingan politiknya.

Pihak Kementerian Pelajaran perlu juga mengambil inisiatif untuk menangani sistem bantuan penuh dan bantuan modal yang mengasingkan aliran sekolah SJKC tanpa peruntukan dalam Akta Pendidikan 1995 kerana Yang Berhormat Menteri Pelajaran pernah mengatakan bahawa pihak kementerian akan mengkaji isu ini. Maka cadangan menubuhkan suatu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji isu pendidikan ini patut ditimbangkan agar aliran sekolah Cina yang terkandung dalam Akta Pendidikan 1995 akan dapat mencapai taraf kecemerlangannya dan anak-anak kita dapat diasuh dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya mendesak kepada pihak kementerian bahawa menunaikan komitmen terhadap sumbangan dan bantuan kewangan kepada program membiayai pembinaan bilik darjah tambahan sekolah bantuan modal dengan RM1 sehingga formula untuk menyelesaikan isu status sekolah bantuan penuh dan bantuan modal tercapai agar memberi anak-anak kita dididik dalam keadaan pembelajaran yang selesa dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah menengah Cina telah wujud hampir satu kurun di negara kita yang telah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan pendidikan

negara untuk mempertingkatkan mutu pendidikan rakyat. Hubungan masyarakat Cina dengan sekolah menengah Cina amat rapat dan mencurahkan harapan pencapaian sekolah amat tinggi.

Laporan pendidikan 1960 telah menyentuh tentang kedudukan dan 'status tersendiri' bagi sekolah-sekolah menengah Cina. Di bawah Akta Pendidikan 1961 pada masa itu, Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah Menengah Cina telah menerima cadangan daripada Kementerian Pelajaran supaya mengubah kepada sistem sekolah menengah '*conforming*' iaitu '*Conforming Secondary School*'. Kerajaan pada masa itu juga membenarkan sekolah-sekolah menengah Cina yang enggan menukarkan status kepada sekolah '*conforming*' dikekalkan sebagai sekolah-sekolah menengah persendirian Cina dengan bersetuju bahawa pihak kerajaan tidak akan menyekat terhadap sistem peperiksaannya pada ketika itu.

Menurut sumber, sistem peperiksaan sekolah menengah persendirian Cina menekankan penggunaan ketiga-tiga bahasa iaitu, Bahasa Kebangsaan, Inggeris dan Mandarin. Satu Jawatankuasa Kerja ditubuhkan untuk menyelaraskan peperiksaan itu, ia digelar atau dipanggil sebagai Peperiksaan *Unified*. Pelajar-pelajar juga digalakkan untuk menduduki peperiksaan PMR dan juga SPM di samping mengambil peperiksaan *Unified Examination*.

Sijil Peperiksaan *Unified* dari sekolah-sekolah menengah persendirian Cina telah mendapat pengiktirafan di banyak negara asing dan telah menjadi suatu ukuran kelayakan kemasukan universiti di luar negeri. Pemimpin-pemimpin negara kita termasuk MCA selalu memberi sumbangan dan peruntukan untuk sekolah-sekolah menengah persendirian Cina. Ini adalah semata-mata untuk membantu usaha negara dalam konteks mempertingkatkan mutu pendidikan di negara kita.

Dengan ini, saya mendesak kepada pihak Kementerian Pelajaran hendaklah menerima hakikat dan keperluan masyarakat untuk menimbang pengiktirafan Sijil Peperiksaan *Unified* ini yang telah wujud begitu lama di sekolah-sekolah menengah persendirian Cina berdasarkan pertimbangan Yang Berhormat Menteri Pelajaran berhasrat untuk mengambil pelajar-pelajar sekolah menengah persendirian Cina dijadikan tenaga pengajar dalam Bahasa Mandarin untuk mengatasi kekurangan tenaga pengajar di aliran sekolah jenis kebangsaan dan kelas-kelas Bahasa Mandarin di sekolah-sekolah kebangsaan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan di mana telah mengatakan menyediakan satu pelan induk pembangunan untuk kampung-kampung baru di seluruh Semenanjung Malaysia di mana kampung-kampung baru yang telah wujud semenjak zaman darurat dahulu.

Pelan Induk Pembangunan Kampung Baru yang disediakan yang semata-mata untuk menaikkan taraf infrastruktur dan juga untuk mempertingkatkan lagi sosioekonomi, pendidikan dan untuk memberi satu galakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga sebagai Presiden MCA mengikut dasar kerajaan dan komitmen MCA terhadap 450 kampung-

kampung baru di negara kita ini dan telah mengambil tindakan untuk mendapatkan peruntukan untuk melancarkan program-program yang tergantung dalam Pelan Induk Pembangunan Kampung Baru ini dan seperti mana yang telah dilancarkan oleh kerajaan terhadap kampung-kampung tradisional dan juga kampung-kampung di luar bandar untuk mengatasi kepayahan yang begitu lama berlalu.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang yang berasal dari kampung baru, saya hendak meminta Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri yang di bawah Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar memberikan pertolongan supaya mempercepatkan proses mengukur sempadan sesetengah rumah kediaman untuk menentu atau meletakkan tiang batu sempadan rumah bagi mengatasi salah faham dengan jiran di sebelahnya.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang masa ini Surat Hak Milik yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah mengikut Kanun Tanah Negara (Seksyen 117) sebagai 'Surat Tanah Hak Milik Sementara' iaitu *qualified title*. *Qualified title* ini yang telah ditentukan oleh Pejabat Tanah ini dengan syarat iaitu pada pelan tanah yang dinyatakan menunjukkan sempadan-sempadan dengan warna merah ini ialah sempadan-sempadan yang belum ditetapkan dengan jalan mengukur adalah sementara sahaja.

Oleh kerana banyak tapak-tapak rumah kediaman di dalam kawasan kampung-kampung ini masih belum dapat diukur oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan di mana terpaksa Pejabat Tanah mengeluarkan 'Surat Tanah Hak milik' sementara untuk diguna pakai untuk digadai atau tukar hak milik. Oleh itu surat hak milik sementara ini tidak boleh dibentangkan ke mahkamah dan jika ada berlaku pertelingkahan di antara rumah-rumah di sebelahnya untuk menentukan sempadan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian saya meminta kerjasama erat daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan dengan Jabatan Tanah hendaklah mencari jalan supaya cepat mengatasinya supaya Pejabat Tanah membuka permohonan mengukur setiap rumah kediaman di kampung-kampung baru yang masih belum diukur dikemukakan kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan untuk menjalankannya.

Kalau Pejabat Tanah telah mengemukakan permohonan ukur itu, maka Jabatan Ukur dan Pemetaan tidak dapat menjalankan kerja-kerja mengukur di kawasan kampung-kampung baru itu. Inilah masalah yang sedang dihadapi oleh rumah-rumah kediaman yang dibina di kawasan kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah menjalankan suatu dasar yang begitu baik untuk meluluskan tempoh pajakan hak milik di kampung-kampung baru di negeri Selangor. Saya difahamkan bahawa dasar kerajaan negeri untuk melanjutkan tempoh pajakan kampung-kampung baru di negeri Selangor ialah dengan mengikut dasar yang telah diluluskan itu, iaitu kalau memohon 60 tahun mengikut tempoh pajakan itu hanya dengan bayaran premium 50 sen satu kaki persegi.

Dan kalau permohonan tempoh pajakan itu lebih tempoh 99, akan dikirakan dengan bayaran premium RM2.50 satu kaki persegi. Dengan demikian itu, telah memberikan satu perangsang dan bagi nafas kepada kampung-kampung di negeri Selangor. Tapi satu perkara yang penting iaitu yang telah dijadikan masalah iaitu premium untuk melanjutkan tempoh pajakan untuk kedai-kedai di dalam kampung-kampung baru di dalam negeri Selangor. Di mana Kerajaan Negeri tidak menentukan premium yang dikenakan.

Tetapi menggunakan pasaran, nilai-nilai pasaran iaitu dengan demikian itu di negeri Selangor, kedai-kedai yang hendak lah melanjutkan tempoh pajakan itu telah dikenakan nilai pasaran dengan lebih RM100 hingga RM150 unit satu kaki persegi. Ertinya ini akan satu beban kepada pekedai-pekedai yang telah lama dalam menjalankan perniagaan di situ. Jadi, saya mendesak Kerajaan Negeri Selangor untuk mengkaji semula premium yang dikenakan kepada kedai-kedai yang telah mengenakan premium begitu tinggi kepada kedai-kedai untuk memohon mengikut tempoh pajakan itu kerana berdasarkan latar belakang dan secara pewujudan kampung baru itu.

Dengan demikian saya harap dengan adanya akan mengeratkan isu sosial dan politik di dalam kampung baru di negeri Selangor ini. Sekian terima kasih.

[Beberapa ahli bangun].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, semua boleh bercakap tapi siapa dahulu siapa kemudian. Ya, Yang Berhormat bagi Rembau dahulu.

6.22 petang

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut sama membahaskan Bajet 2007 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkan bajet yang bukan sahaja prihatin kepada masalah rakyat, tetapi dalam masa yang sama, mesra perniagaan dan tidak lupa untuk memberi tumpuan terus menerus kepada sektor pertanian walaupun ada orang-orang tertentu yang menganggap bahawa langkah kerajaan itu merupakan satu langkah ke belakang.

Tapi percayalah keluarga petani yang dianggarkan ada 500 ribu di seluruh negara, dengan isi rumahnya sekali dianggarkan 2 juta, menyokong penuh apa juga langkah kerajaan untuk meningkatkan industri asas tani kita. Ini bukanlah satu perkara yang pelik, kerana negara-negara maju seperti Amerika, Australia, Belanda dan juga China, dan juga Jepun. Walaupun negara-negara itu maju, tetapi sektor pertaniannya tidak ditinggalkan. Dan baru-baru ini saya sempat pergi ke Australia bersama dengan Menteri MITI dan kita lihat walaupun negara itu maju, barang-barangan sama ada *steak*nya, dagingnya dengan izin. Pemakanan dijual dengan agak murah.

Ini mungkin selaras dengan dasar kerajaan yang sentiasa memberikan kepada sektor pertanian. Dan jika berlaku sesuatu bencana alam di tempat lain di dunia, negara-negara berkenaan tidak akan banyak masalah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada kerajaan sebab Rembau ini di daerah pertanian, cuma Parlimen Rembau ada satu kawasan yang pinggir bandar. Lain itu semua pertanian. Jadi RM3.6 bilion ini satu angka yang besar dan kita rasa akan dapat melonjakkan lagi sektor pertanian, khususnya akan dapat mewujudkan lagi banyak industri asas tani.

Apa yang saya nak bangkitkan di sini ialah Kementerian Pertanian telah pun berjalan dengan baik. MOA atau pun *Ministry of Agriculture Incorporated* yang diwujudkan sangat baik. Cuma saya ingin melihat kalau boleh kementerian mengkaji semula peranan 12 agensi yang ada di bawahnya, sebab kalau kita lihat Kementerian Pertahanan ini sebenarnya merupakan banyak kekuatan dari segi organisasi. MARDI misalnya boleh dan telah pun membuat banyak kajian mengenai pembangunan produk.

FAMA misalnya boleh dan telah pun membuat kajian mengenai pasaran dan pemasaran produk. Manakala Bank Pertanian mengenai pembiayaan. Jadi maknanya ini merupakan satu pakej yang lengkap. Tapi apa yang paling penting ialah kita melihat di peringkat akar umbi khususnya di peringkat negeri dan lebih penting lagi di peringkat daerah. Sebab agensi-agensi yang lain seperti Jabatan Pertanian, Perikanan, Jabatan Haiwan, LPP pula memberikan khidmat teknikal dan perkembangan.

Jadi, apa yang saya nak sebutkan di sini ialah perlunya dilihat keperluan, pegawai, gred pegawai di peringkat pusat, negeri dan juga khususnya di daerah. Adakah misalnya Pegawai Pertanian itu di peringkat daerah, sesuai pegawai Kumpulan A yang baru masuk kerja sahaja, Gred 41 misalnya. Adakah misalnya cukup dengan seorang Pegawai Perkembangan sahaja untuk nak membimbing para petani sama ada dari segi kumpulan perkembangan wanitanya yang juga termasuk ibu tunggal, adakah cukup dengan seorang pegawai sahaja dan dalam masa yang sama bagaimana jentera-jentera yang ada di peringkat daerah itu?

Adakah misalnya macam di daerah saya, cuma ada empat sahaja jentera traktor. Sedangkan kita ada 2000 ke 3000 petani yang memerlukan khidmat daripada Jabatan Pertanian. Jadi, saya berharap macam sekarang ini di peringkat negeri, Pengarah Pertanian pun saya difahamkan grednya Gred 52 sahaja. Lebih rendah daripada Pengarah Pembangunan Negeri. Jadi saya cadangkan kalau boleh oleh kerana banyak program kerajaan kita dah lihat rakan-rakan kita, rakan-rakan saya Yang Berhormat dah menyebutnya tentang perlunya *delivery system* itu dilihat secara terperinci.

Jadi saya berharap pihak kerajaan khususnya kementerian akan menilai semula keperluan pegawai dari segi bilangan, dari segi gred dan juga dari segi insentif-insentif yang sepatutnya diberikan. Dan dalam masa yang sama diwujudkan juga mekanisme penyelarasan dan pemantauan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertahanan ini. Sebab saya difahamkan

tidak semua jabatan dia ada beroperasi di peringkat daerah. Misalnya MARDI, dia tidak ada peringkat daerah, cuma di peringkat negeri sahaja. Jabatan Perikanan misalnya kadang-kadang staf dia seorang dua orang sahaja. Pualah dia ke hulu ke hilir.

Jadi, ini kena dilihat balik dan saya setuju dengan rakan Yang Berhormat tadi yang untuk memberikan peranan yang lebih luas kepada ahli-ahli Parlimen. Saya nak cadangkan kepada kementerian supaya menimbangkan penubuhan Majlis Pembangunan Pertanian di peringkat daerah dengan dipengerusikan oleh Ahli Parlimen sendiri. Ini kerana Majlis Tindakan Daerah yang ada sekarang ini skopnya terlalu luas. Semua perkara Pegawai Daerah kena ambil tahu. Soal dadah, soal pembangunan kampung, dan dalam masa yang sama dia juga menjadi Yang Dipertua Majlis Daerah.

Jadi, kena hadir mesyuarat 20 ke 30 mesyuarat dalam sebulan. Jadi saya fikir oleh kerana struktur kita di Malaysia ini kita ada tiga struktur, kerajaan pusat, negeri dan daerah. Pusat, CEO nya Perdana Menteri. Negeri CEO nya Menteri Besar. Tetapi di peringkat daerah, CEO nya ialah pegawai kerajaan. Bukan orang politik. Jadi satu keganjilan. Mungkin sistem kita. Mungkin kita boleh tengok balik sistem ini, adakah sesuai atau tidak. Sebab kalau kita lihat, banyak program kerajaan, projek-projek yang tidak dapat dijalankan sebenarnya banyak bergantung pada di peringkat akar umbi.

JKK nya macam mana, jadi kadang-kadang kita ada JKK tapi JKK itu tidak sepenuhnya kita bagi latihan, pendedahan dalam soal menyelesaikan masalah, dalam soal menguruskan JKK itu sendiri dan sebagainya. In kena dilihat. Mungkin lebih banyak kursus perlu diadakan selain daripada memberi pendedahan melalui lawatan dan sebagainya. Jadi saya balik kepada soal tadi, soal Majlis Pembangunan Pertanian Daerah tadi dipengerusikan oleh Ahli Parlimen dan urus setianya Pegawai Pertanian Daerah sendiri. Sementara jawatankuasanya saya cadangkan semua agensi di bawah Kementerian Pertanian dan di dalam masa yang sama juga, dimasukkan sekali agensi-agensi yang walaupun bukan di bawah Kementerian Pertanian, tapi mungkin yang ada kaitan dengan pertanian seperti misalnya Jabatan Pembangunan Koperasi, sebab koperasi ini penting sebagai jentera ketiga pembangunan negara.

Kerajaan nak wujudkan 600 koperasi, nak perkukuhkan 800 koperasi yang ada sebab kita sedia maklum di negara-negara maju, koperasi pun ada bank. Di Malaysia alhamdulillah Koperasi Bank Rakyat pun kita lihat prestasinya sangat baik. Tujuh tahun berturut-turut memberikan dividen sebanyak 15 *percent*. Jadi perkara ini saya ingat banyak. Kita, kadang-kadang saya kasihan melihat Menteri ke hulu ke hilir dan beliau pun pergi ke negara-negara lain. Ke Australia, ke negara China, ke Belanda untuk melihat bagaimana sektor pertanian di negara-negara berkenaan dimajukan.

Tetapi, kita kena bantu Menteri ini dan di sinilah saya harap peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai. Sekarang ini ok, sudah ada. KPI dia pun dah ada. Saya tengok di sini dah dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam ini ada disebut bagaimana untuk

mewujudkan petunjuk prestasi utama. Tapi soalnya sekarang adakah perkara ini telah berjalan, adakah semua peringkat pegawai daripada peringkat ketua pengarah sampailah kepada peringkat *office boy* faham bagaimana prestasi itu akan diukur dan adakah sebagaimana yang digariskan? Ini sangat cantik, arahan daripada Ketua Setiausaha Negara ini, dia kata setiap suku tahun hendaklah dilaksanakan. Maknanya penilaian setiap suku tahun. Setakat ini kita sudah bulan sembilan.

Jadi bagaimana misalnya suku tahun yang kedua pada tahun ini, prestasi pegawai kerajaan berdasarkan KPI yang telah pun dihantar pada tahun lepas bil.2/2005. Ini penting. Kita tidak hendak lihat lagi, misalnya dalam Rancangan Malaysia Kelapan, di Sarawak kita lihat 268 projek tidak dilaksanakan. Empat projek sahaja selesai. Ini penting. Kita sebagai pembuat undang-undang masa ini, saya rasa kita bertanggung jawab untuk sama-sama membantu kepimpinan pentadbiran kerajaan supaya apa juga peruntukan yang telah diluluskan tadi mencapai sekurang-kurangnya 50% kepada kumpulan sasaran.

Perkara kedua yang saya nak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, ialah soal memupuk perpaduan, mengekalkan keamanan dan dalam masa yang sama membanteras jenayah. Saya lihat di kawasan saya ada 55 taman perumahan. 20 telah ada KRT, itu di Paroi. Di Rembau, kita ada 19 taman, ada sembilan KRT. Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah saya setuju dengan rakan-rakan Yang Berhormat bahawasanya tugas untuk membanteras jenayah, memupuk perpaduan dan mengekalkan keamanan bukanlah tugas polis semata-mata. Bagi saya, pasukan polis telah memberikan khidmat yang cemerlang. Kalau tidak, kita tidak boleh bercakap dengan aman di sini. Jadi kita harus ucapkan tahniah sebab saya difahamkan, polis kita antara yang terbaik. Dalam dunia, lima yang terbaik. Jadi saya ucap tahniah.

Jadi, dalam masa yang sama juga, saya berharap kerajaan khususnya Perbendaharaan akan memberikan perhatian kepada KRT ini, kawasan rukun tetangga sebab telah terbukti di kawasan saya sendiri, di mana ada KRT, ada skim rondaan sukarela. 40% ke 50% jenayah turun. Ini satu perkara yang baik. Tetapi kenalah ada insentif-insentif tertentu. Misalnya pegawai-pegawai kerajaan, ataupun swasta yang berkhidmat malam daripada 12 sampai pukul 4, dibagilah *unrecorded leave*, ataupun cuti tanpa rekod supaya sebagai galakan kepada mereka. Melalui KRT juga telah terbukti bukan sahaja dapat mengeratkan silaturahim tetapi juga dapat memupuk perpaduan. Saya ada di kawasan saya, di Taman Chembong Jaya yang dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri pada tahun 1955.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di taman ini, kita selang-selikan penduduknya. Tidak satu lorong, satu kaum sahaja, dan terbukti dapat kerjasama yang baik. Kita buat gotong-royong, lebih 90% keluar sama-sama dan melalui kajian yang dibuat di sekolah juga saya dapat *feedback*, pelajar-pelajar tak kira apa kaum

yang duduk di taman perumahan biasanya dia lebih *understanding*, lebih memahami antara satu sama lain. Ya, silakan sahabat saya daripada Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rembau. Kita faham bahawa banyak badan-badan sukarela termasuk KRT yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Rembau itu. Dan kita juga berharap badan-badan ini membantu pihak polis untuk menjalankan usaha-usaha mencegah jenayah. Tetapi yang menjadi masalahnya Yang Berhormat ialah kebanyakan ahli-ahli sukarela ini tidak mendapat latihan yang cukup untuk menghadapi bagaimana hendak menyelesaikan penyelesaian masalah jenayah, kes ragut dan sebagainya. Jadi, patutkah mereka ini diberi latihan oleh pihak-pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing?

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya daripada Parit. Cadangan sangat baik. Memang saya difahamkan di bawah KRT ada kursus-kursus tertentu. Mungkin boleh diperluaskan soal mengenai masalah peragut-peragut tadi. Dalam masa yang sama seperti yang saya katakan tadi, kita harap, saya difahamkan oleh Yang Berhormat menteri sendiri, kadang-kadang ini dia kata yang jadi masalah ini bajet yang tidak cukup. Tiap-tiap KRT yang diwujudkan itu diberi peruntukan pengurusan RM400 sebulan iaitu RM4,800 setahun. Kemudian yang ada menjalankan skim rondaan sukarela diberi RM200 lagi sebulan. Lebih kurang ada RM2,400 setahun.

Pada hemat saya, peruntukan kewangan itu tidak perlu besar. Yang penting, kita galakkan. Macam di kawasan saya di Paroi ada 55 taman perumahan. Kita galakkan, tubuhkan semua. Dan mungkin kalau perlu, kita gredkan. Hendak bagi peruntukan tadi, maknanya yang aktif, yang rajin bermesyuarat, rajin buat program, buat hari keluarga, buat rondaan, kita bagi dia lebih sikit. Permulaannya mungkin kita bagi dia RM200 sahaja sebulan. Bagi RM2,400 cukup, sebab saya rasa tidak ada jadi masalah. Sebab JKK pun tidak ada peruntukan. Tetapi kenapa JKK boleh berjalan dengan baik? Itu satu.

Yang keduanya, untuk menggalakkan sektor swasta turut sama menjaga keamanan negara, memberi sumbangan yang berkesan, saya cadangkan supaya ditubuhkan tabung pembangunan KRT ataupun tabung perpaduan negara di tiap-tiap negeri. Kalau dibuat di peringkat pusat mungkin dia banyak birokrasinya. Jadi tabung ini boleh diuruskan oleh satu jawatankuasa dengan Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Integrasi Nasional, sebagai urus setianya. Dapatkan juga sama wakil-wakil rakyat, Ahli Parlimen dalam *committee* tadi, jawatankuasa tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Satu minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Jadi dengan itu, saya rasa bila ada tabung tadi, jadi kalau swasta yang bagi swasta yang bagi sumbangan kita kecualikan daripada cukai. Jadi dengan sendirinya, KRT tadi tidaklah bergantung sangat-sangat kepada peruntukan daripada kerajaan. Jadi dengan cara itu, kita harap usaha-usaha kerajaan

membanteras jenayah akan dapat dipertingkatkan dan dalam masa yang sama kita dapat mewujudkan perpaduan negara khususnya di taman-taman perumahan yang sekarang ini kita rasa banyak lagi ruang-ruang yang perlu dijalankan untuk mewujudkan perpaduan negara. Dalam masa yang sama kita dapat membantah jenayah yang semakin meningkat sekarang ini. Dengan ini saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Parit.

6.36 ptg.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mulakan ucapan saya dengan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan yang telah memberikan satu yang sangat baik kepada masyarakat yang berpendapatan rendah yang menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan begitu prihatin dalam membela nasib mereka yang berpendapatan rendah ini.

Saya tidak perlu menyebut satu per satu perkara yang dapat menyenangkan hati rakyat tetapi memadai menyebut satu dua perkara. Yang pertamanya berkaitan dengan keputusan kerajaan untuk memansuhkan yuran peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM. Begitu juga murah hati kerajaan untuk memberikan kenaikan elaun kanak-kanak OKU daripada RM25 kepada RM50 dan seterusnya bantuan murid di sekolah rendah dan di sekolah menengah bagi keluarga-keluarga yang miskin.

Sesungguhnya Tuan Yang di-Pertua, ini mengurangkan beban kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan dapat melegakan mereka. Cuma satu lagi perkara yang menjadi persoalan kepada mereka yang berpendapatan rendah ini Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan yuran persekolahan. Kerana walaupun Kementerian Pelajaran telah menggariskan, mengeluarkan surat arahan bahawa yuran sekolah ini begitu rendah, tetapi yang menjadi kenyataan di peringkat sekolah itu masih lagi setengah-setengah sekolah mengenakan yuran persekolahan yang agak tinggi. Bagi mereka yang berpendapatan rendah ini merupakan satu masalah.

Jadi saya ingin mengesyorkan supaya pihak Kementerian Pelajaran mengecualikan yuran persekolahan ini kepada murid-murid dari keluarga miskin. Kerana saya rasa tidaklah kerajaan rugi apa-apa kerana pelajaran ini amat penting kepada anak bangsa kita dan daripada 3.2 juta murid sekolah rendah dan 2.3 juta murid di sekolah menengah, mungkin yang memerlukan pengecualian yuran persekolahan ini tidak sampai 20%.

Tuan Yang di-Pertua, ketika membentangkan Belanjawan 2007 di Dewan yang mulia ini pada 1 September yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan antara lain, Bajet 2007 ini merupakan satu agenda tindakan untuk memacu pelaksanaan misi nasional ke arah merealisasikan wawasan 2020. Begitulah penting dan bermaknanya bajet ini. Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri juga mengingatkan seluruh rakyat Malaysia bahawa tempoh yang akan kita lalui untuk mencapai Wawasan 2020 itu penuh dengan cabaran. Beliau juga menegaskan bahawa kita perlu memperkukuhkan tekad bertindak cergas lagi pantas, tekun lagi berdedikasi dengan satu tujuan menjamin pencapaian matlamat pembangunan negara dalam tempoh yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita perlu bertanya kepada diri kita adakah kita semua sudah cukup bersedia untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diminta oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini. Adakah kita sudah cukup dedikasi dan bertindak cerdas lagi pantas dalam setiap perancangan dan tindakan yang perlu kita laksanakan. Jika pertanyaan dan kesedaran ini sentiasa ada di dalam pemikiran dan ingatan setiap lapisan masyarakat di Malaysia lebih-lebih lagi bagi mereka atau bagi kita yang diberi peranan untuk melaksanakan rancangan yang besar dan misi yang gagah ini barulah boleh kita merasa yakin bahawa bukan sahaja Rancangan Malaysia Kesembilan ini akan berjaya bahkan misi nasional untuk mencapai Wawasan 2020 itu juga akhirnya insya-Allah akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjayakan apa-apa perancangan, yang paling penting adalah faktor manusia pengurusan manusia itu sendiri atau apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu modal insan. Ianya adalah menjadi penentu kepada berjaya atau gagalnya sesuatu rancangan itu walau sebesar mana bajet atau belanjawan diperuntukkan, walau sebagaimana canggih peralatan yang disediakan, walau selengkap mana undang-undang dan peraturan yang disediakan. Jika faktor manusia ini tidak ditangani dengan serius dan sesungguhnya, saya tidak yakin apa sahaja rancangan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Ini bermakna elemen manusia ini sangat penting dan yang lebih penting ialah makhluk yang bernama manusia ini mesti mempunyai kerangka pemikiran yang betul dalam usaha kita untuk melaksanakan apa-apa program. Minda yang betul.

Jadi jika kita mempunyai kerangka pemikiran yang betul sama ada Rancangan Malaysia Lima Tahun atau apa-apa rancangan ekonomi, sosial dan sebagainya akan berjaya. Tetapi jika kita tidak mempunyai kerangka pemikiran yang betul, saya tidak yakin kita akan mencapai matlamat yang diharapkan. Sebab itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi keutamaan kepada pembangunan modal insan ini. Dan semua rakyat yang cintakan negara ini mesti menyokong program pembangunan modal insan ini. Janganlah kita letakkan tugas membangun modal insan ini kepada sekolah dan universiti sahaja. Jadikanlah program ini bersifat menyeluruh, holistik, bersepadu dan bercorak nasional. Kita mesti mewujudkan kesedaran kepada semua peringkat lapisan masyarakat - ibu bapa, ketua-ketua agensi, ketua-ketua pertubuhan sukarela, ketua-ketua kesatuan sekerja, pemimpin-pemimpin belia, pemimpin politik dan semuanya mesti terlibat. Dalam kata lain, pengurusan manusia mestilah dibuat dengan betul.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana modal insan ini begitu penting, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya disediakan satu pelan induk modal insan negara. Program membentuk rakyat Malaysia ini hendaklah bermula daripada janin lagi daripada dalam kandungan ibu hingga manusia itu dewasa, menjadi manusia yang produktif. Program jangka panjang bukan setakat 2020 tetapi mungkin 100 tahun. Mungkin satu tamadun baru yang akhirnya menjadi Malaysia lebih hebat daripada Amerika, lebih hebat dari Jepun dan lain-lain negara-negara maju. Kalau Jerman dan Jepun boleh bangun dan gagah sebelum Perang Dunia Kedua dan bangkit semula selepas kalah perang, apakah kita tidak boleh? Kita mesti menyelongkar rahsia kejayaan bangsa Jerman dan Jepun ini sebagai contoh untuk kita mempelajari perkara-perkara yang baik itu.

Kita mesti membuat kajian dan penyelidikan yang mendalam ke dalam budaya masyarakat Jepun dan Jerman yang saya sebutkan tadi. Sekiranya kita tidak mempunyai kerangka pemikiran yang betul. Tuan Yang di-Pertua, apa akan terjadi? Yang terjadi ialah berlakunya penipuan, penyelewengan, rasuah, tidak amanah dan berlakunya ketirisan di dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan, berlakunya penyelewengan kuasa dan sebagainya. Seterusnya tidak ada komitmen terhadap tanggungjawab dan tugas dibuat secara sambil lewa oleh mereka yang diberi amanah dan tanggungjawab jika mereka tidak mempunyai kerangka pemikiran yang betul. Begitu juga akan berlaku kejadian-kejadian dan perilaku yang bertentangan dengan nilai hukum agama dan nilai sosial. Akan berlaku kes ragut seperti yang berlaku pada hari ini, kes bunuh, kes rogol kes lumba haram dan akan ramai lahir mat rempit-mat rempit di jalanan, akan ramai lagi penagih dadah, akan ramai lagi kumpulan *skinhead* dan akan ramai lagi kumpulan *punk*. Akhirnya berlakulah keburukan sosial yang amat sukar untuk ditangani. Oleh sebab itulah kita perlu memikirkan secara bersungguh-sungguh dan serius bagaimana kita hendak melahirkan manusia yang mempunyai kerangka pemikiran yang betul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila tamatkan.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Dan di manakah ini kita perolehi? Bagaimana kita mendapat manusia yang baik dan sempurna ini? Sempurna tidak ada kalau di dalam istilah Islam tetapi kepada pencapaian itu, Tuan Yang di-Pertua. Di manakah kita dapat? Yang pertama, daripada kita memupuk daripada nilai agama dan daripada pendidikan moral. Inilah daripada sinilah kita dapat melahirkan manusia yang saya sebutkan tadi. Dan di manakah ini kita diperolehi? Pertamanya, kita mestilah memperkasakan institusi keluarga. Inilah asas pembentukan masyarakat yang sempurna. Jika kita hendak mewujudkan minda kelas pertama dan *towering personality* seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat, kita mesti memulakan program mewujudkan keluarga yang cemerlang ini kerana di sinilah asasnya bagi melahirkan keluarga yang sempurna. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan agensi di bawahnya perlu diberi peranan yang cukup penting dan diberi belanjawan yang cukup bagi melaksanakan program-program yang disebutkan itu. Oleh

kerana masa tidak mengizinkan saya terpaksa berhenti di sini dan saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berucap sedikit tentang ketidaksamarataan dalam taburan pendapatan di Malaysia. Ini merupakan masalah yang sangat serius dalam ekonomi negara kita tetapi sangat kesalnya pemimpin-pemimpin negara kita sehingga sekarang masih mengelak masalah ini dan tidak mengambil apa-apa langkah konstruktif untuk menyelesaikan masalah ini. Cara pengiraan taburan pendapatan sesebuah negara yang diterima antarabangsa ialah apa yang kita panggil sebagai *Gini Coefficient* yang merupakan satu spektrum daripada kosong hingga satu. Di mana kosong ialah kesaksamaan penuh dalam taburan pendapatan iaitu setiap orang mempunyai pendapatan yang sama dan satu bermakna keadaan di mana taburan pendapatannya adalah paling tidak sama rata iaitu seorang yang mendapat segala pendapatan sesebuah negara itu. Semakin kecil *Gini Coefficient* maka semakin sama rata taburan pendapatan sesebuah negara itu. Semakin besar *Gini Coefficient* sesebuah negara bermakna semakin tidak sama rata taburan pendapatan sesebuah negara itu.

Dari segi taburan pendapatan, negara kita adalah terteruk dan mempunyai *Gini Coefficient* yang tertinggi di antara negara-negara Asean. Angka-angka adalah seperti berikut, Malaysia 0.492, Philippine 0.461, Thailand 0.432, Singapura 0.425, Cambodia 0.404, Laos 0.37, Vietnam 0.361, Indonesia 0.343, Malaysia 0.492 yang tertinggi. Dan di antara 127 negara di seluruh dunia, yang membekalkan data *relevant* kepada Bank Dunia, Malaysia menduduki tempat ke 101 yang terteruk pada 2004.

Jika kita melihat angka-angka yang diberi pada tahun-tahun yang lepas oleh United Nation boleh kita perhatikan satu trend yang membimbangkan bahawa ketidaksamaan dalam taburan pendapatan telah bertambah buruk. Pada tahun 1990 *Gini Coefficient* kita ialah 0.442, pada tahun 1996 ianya adalah 0.47 dan pada tahun 2004 ianya adalah 0.492. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, ia telah pun dilaporkan bahawa agihan pendapatan untuk golongan 40% ke bawah daripada populasi telah merosot daripada 14.5% pada tahun 1990 kepada 13.5% pada tahun 2004. Manakala agihan untuk 20% ke atas populasi pula meningkat daripada 50%, daripada total *income* pada tahun 1990 ke 51.2% pada tahun 2004.

Biar pun *Gini Coefficient* Malaysia yang dilaporkan di dalam RMK-9 adalah berbeza sedikit daripada perangkaan yang diberikan dalam Laporan Pembangunan Manusia, United Nation. Ianya masih mengesahkan bahawa taburan pendapatan di Malaysia bertambah teruk sepanjang masa seperti yang dilaporkan dalam RMK-9, *Gini Coefficient* kita pada tahun 1999 ialah 0.452 tetapi ianya bertambah teruk pada 0.462 pada tahun 2004.

Daripada perspektif etnik kaum, ia juga telah ditunjukkan bahawa taburan pendapatan di kalangan masyarakat Cina telah bertambah teruk dalam tempoh 1999 ke 2004 daripada angka

0.434 ke 0.446, manakala untuk masyarakat India ianya bertambah teruk dari 0.413 ke 0.425. Ketidaksamaan taburan pendapatan di kalangan bumiputera adalah paling teruk ianya daripada 0.433 pada tahun 1999 ke 0.452 pada tahun 2004. Daripada semua angka-angka ini, kita hanya ada satu kesimpulan iaitu Malaysia di bawah dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional, yang kaya akan menjadi lebih kaya, yang miskin akan menjadi lebih miskin. Situasi ini adalah lebih teruk di kalangan bumiputera. Bumiputera yang miskin menjadi lebih miskin, manakala bumiputera yang kaya akan menjadi lebih kaya.

Siapa yang patut bertanggungjawab atau dipersalahkan ke atas ketidakseimbangan pendapatan di kalangan rakyat Malaysia ini. Siapa yang patut dipersalahkan kerana ketidakseimbangan pendapatan di kalangan bumiputera ini dan siapa yang patut bertanggungjawab apabila bumiputera kaya yang mempunyai rangkaian politik yang baik, iaitu Putera UMNO yang menjadi lebih kaya, manakala bumiputera biasa pula menjadi lebih miskin. Jawapannya adalah amat jelas, iaitu pemimpin-pemimpin UMNO dan dasar-dasar Barisan Nasional yang akan bertanggungjawab.

Dan satu kenyataan yang saya ingin menegaskan di sini ialah orang yang sebenarnya meminggirkan bumiputera-bumiputera yang miskin ialah Putera UMNO dengan menggunakan Dasar Ekonomi Baru dan kuasa-kuasa politik yang ada pada mereka untuk membina empayar ekonomi mereka, manakala golongan bumiputera yang berpendapat rendah terus menjadi semakin miskin. Pada peringkat ini, masalah yang dihadapi oleh negara kita bukan lagi disebabkan oleh perbezaan pendapatan di antara kaum, tetapi perbezaan pendapatan di dalam kaum, *not inter racial discrepancy, but intra racial*. Jikalau kita mengambil kira syarikat-syarikat GLC sebagai pemegang saham bumiputera, bumiputera sebenarnya mempunyai kawalan saham melebihi 45% dalam ekuiti-ekuiti besar saham Kuala Lumpur. Ini jauh melebihi sasaran yang ditentukan oleh Dasar Ekonomi Baru semasa ianya diasaskan.

Persoalannya sekarang ialah bagaimana saham-saham yang dipegang oleh bumiputera ini diagihkan sesama bumiputera? Siapakah pemegang-pemegang saham-saham ini? Apakah peratusan bumiputera yang sebenarnya memegang saham-saham ini? Saya berani berkata bahawa mungkin ahli-ahli keluarga menteri-menteri Kabinet atau bekas menteri Kabinet yang akan mengetuai senarai nama pemegang-pemegang saham ini.

Jikalau *affirmative policy* yang bertujuan untuk membantu diteruskan dan jikalau kerajaan benar-benar mengingini bumiputera biasa bermanfaat daripada dasar ini, maka kerajaan harus mengadakan satu kajian mengenai pembahagian saham-saham di antara bumiputera. Adakah kerajaan begitu takut kerana jika kajian sedemikian dilakukan, bumiputera biasa yang miskin akan tahu bahawa berapa banyak kekayaan sebenarnya yang dikumpulkan oleh pemimpin-pemimpin politik untuk mereka sendiri. Manakala bumiputera-bumiputera biasa pula kais pagi, makan pagi, kais petang, makan petang.

Kajian harus juga dilakukan mengenai ekuiti *participation* bumiputera minoriti yakni seperti orang Dayak di Sarawak atau orang Kadazan Dusun di Sabah. Biar pun golongan Dayak di Sarawak juga di kategori sebagai bumiputera, tetapi nampaknya mereka ini seolah-olahnya adalah bumiputera kelas ketiga, *third class*, yang diabaikan dan dipinggirkan oleh Kerajaan Persekutuan. Bumiputera kelas pertama, *the first class* bumiputera adalah Putera UMNO yang berhubung kait dengan pemimpin-pemimpin politik UMNO. Bumiputera kelas kedua, *second class* bumiputera adalah bumiputera orang biasa di Semenanjung Malaysia dan *third class* itu ialah orang Dayak di Sarawak.

Apa yang seharusnya dilakukan oleh kerajaan ialah membahagi semula pendapatan-pendapatan bumiputera yang kaya-raya supaya mereka yang miskin betul-betul bermanfaat. Dan bukannya memikirkan cara-cara untuk mengurangkan pendapatan kaum-kaum lain demi memperkayakan golongan bumiputera yang sudah kaya-raya.

Tajuk kedua yang saya ingin sentuh adalah mengenai perkhidmatan awam yang terlalu besar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Baru sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: 10 minit sudah lebih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kita mempunyai sektor awam yang paling besar di dunia mengikut populasi. Populasi kita, jika kita bandingkan dengan UK, populasi UK adalah 3 kali ganda populasi Malaysia tetapi bilangan kakitangan awam mereka hanyalah 500,000 orang sahaja dan bilangan kakitangan awam negara kita adalah '1.1 million' orang.

Adakah ini dengan sejajar dan apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa menegaskan, bahawa untuk *increase the efficiency of the government sector*. Sejak tahun 1999, dunia termasuk Malaysia telah melangkah ke era baru pengkomputeran, *computerization*. Kecekapan pekerja telah bertambah dengan penggunaan komputer dan ICT tetapi kenapa bilangan kakitangan awam kita bertambah.

Saya ambil satu contoh, dalam tahun 1990, Kerajaan Pusat mengupah 773,997 orang kakitangan awam, tetapi lebih daripada 120,000 orang ditambahkan ke dalamnya untuk 10 tahun kemudian. Menjadikan kerajaan perlu menanggung 894,788 orang kakitangan awam pada tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa tidak ada lagi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, saya akan ...

Seorang Ahli: Saya akan berhenti.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan, bukan. Saya akan gulung. *[Disampuk]* Oleh kerana bilangan kakitangan yang terlalu besar dan kalau kita nampak bajet negara kita tahun ini, 70% adalah untuk pengurusan. Jikalau kita *maintain* bilangan kakitangan yang begitu besar ia akan membimbangkan negara kita sehinggakan kita terus akan mengalami

bajet defisit di masa hadapan. Oleh itu, saya menyeru supaya kerajaan mengurangkan *intake* baru pegawai-pegawai, kakitangan supaya *financial burden* kita dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan Telekom. Sekarang kerajaan menggalakkan penggunaan ICT, tetapi nampaknya Telekom Malaysia telah mengambil kesempatan, eksploitasi tujuan kerajaan ini. Saya telah menerima satu aduan daripada satu pemaju yang membina 20 unit rumah kedai. Dia mohon kepada Telekom untuk menyambung talian telefon kepada kedai-kedainya. Dahulu tidak ada caj, kini [*Sambil menunjukkan dokumen*] Telekom panggil dia, suruh dia - ada satu '*smart partnership plan*',

"With this plan we assure you that Telekom Malaysia is committed to provide all the telecommunication infrastructure at your 20 units of shop houses."

Dia telah diarah bayar satu caj berjumlah RM92,577, itu untuk *commitment fee* sahaja, untuk menyambung talian telefon. Tahun lalu tidak ada caj ini, mengapa sekarang ada caj? Ada satu lagi kilang baru yang juga mohon, ia dikenakan RM22,880 caj untuk *commitment fee*. [*Disampuk*]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apakah ini? Ini adalah bercanggah dengan tujuan.

Tuan Yang di-Pertua: Biar Menteri jawab, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, saya harap Menteri boleh jawab atas perkara ini, sama ada ini telah dibenarkan oleh Menteri atau ini adalah keputusan CEO-CEO Telekom. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Batu Sapi.

7.04 mlm.

Ir. Edmung Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Yang di-Pertua: Cepat sikit, ya. Masa tidak cukup.

Ir. Edmung Chong Ket Wah [Batu Sapi]: ... kerana beri peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2007 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, merangkap Menteri Kewangan pada 1 September. Terma bajet ini ialah melaksanakan Misi Nasional ke arah mencapai wawasan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin keperluan asas untuk mencapai Misi Nasional, dengan izin, lima teras ini, lima *key* teras tidak akan dicapai jikalau rakyat tidak ada perasaan keselamatan iaitu, dengan izin, *sense of security*, dan juga *basic infrastructure*, dengan izin, seperti bekalan elektrik, bekalan air di negeri kami. Kami ada pelan objektif yang bagus tetapi

pelan kalau tidak ada yang bagus pelaksanaan, *supervision*, dengan izin, tidak ada penguat kuasa yang bagus akan tinggal satu pelan sahaja di atas kertas.

Sampai hari ini, kami sudah sampai lebih kurang setahun, hujung tahun di dalam *Ninth Malaysian Plan*, dengan izin, dan kami sebagai Ahli Parlimen belum diberitahu apa-apa pembangunan yang telah diluluskan oleh EPU di kawasan kami. Bagaimana sistem penyampaian ini kalau kami mahu mencapainya Misi Nasional ini?

Perasaan keselamatan. Bagaimana Misi Nasional boleh dicapai kalau *repatriation* ataupun hantar balik PTI-PTI ini belum diadakan. Mungkin di Semenanjung ada baik sedikit, tetapi di Sabah, di luar rumah kami pun ada PTI. Banyak yang ada *ic* palsu, sampai hari ini kami tidak nampak ada apa-apa tindakan yang diambil. Dan, juga baru-baru ini kami ada nampak lima orang pegawai polis, *policemen*, dengan izin, di Pulau Pondo kena pukul oleh PTI. Saya fikir oleh kerana kami ada Menteri yang baru dalam Keselamatan Dalam Negeri, saya harap dia ada satu pelan yang bagus, pelan yang baik dan kalau boleh dijalankan dengan lancar.

Population, dengan izin, penduduk di Sabah. Kami hendak tahu, sebagai wakil rakyat saya pun hairan, sampai hari ini *the population boom*, dengan izin, *increase* dari tahun 1970 sampai 2000 di Sabah adalah 301% berbanding dengan Sarawak. Ia ada 106% dengan sama musim, tahun 1970 sampai 2000. Dahulu tahun 1970, *population* di Sabah ialah lebih kurang 650 ribu. *Today*, pada musim ini, kami ada 2.6 million, *that is around figure*, dengan izin. Di Sarawak, tahun 1970 *population*nya ialah 976 ribu, dan pada tahun 2000 ia ada 2 juta *population*.

Di Malaysia kalau nampak seluruh Malaysia, tahun 1970 *population* nya ialah lebih kurang 10.4 *million*, 439 *million* dan bagi tahun 2000 *population* ialah 22.2 juta. Dengan statistik yang besar ini di Sabah, saya harap kerajaan akan menolong wakil rakyat, berilah pandangan, beritahu bagaimana *population boom* ini terjadi.

Berkenaan dengan bekalan air dan elektrik ini selalu. Kami semua dari Sabah tahu, rakan-rakan saya pun selalu *complaint* di Dewan Rakyat ini dan saya harap kerajaan akan mengambil tindakan dengan secepat mungkin dan tolong beritahu kepada rakyat apakah *progress* tiap-tiap bekalan ini. Jangan bilang, "*Okay, sampai 2015 kami sudah boleh siap semua ini*", tapi *on and off*, dengan izin, kami diberitahu sama ada lambat atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu pendidikan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran kerana bersikap telus dengan mengumumkan 497 projek pembangunan bernilai RM3.7 bilion akan di tender secara terbuka dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya sangat berharap supaya pembinaan sekolah rendah dan menengah yang baru ini nanti mendapat pemantauan yang sepenuhnya daripada kementerian dan Jabatan Kerja Raya.

Harapan saya berdasarkan kes di sebuah sekolah di kawasan Batu Sapi iaitu Sekolah Kebangsaan Bandar Dua yang dibina pada sekitar tahun 2002 tetapi keadaan bangunan sekolah ini amat membimbangkan sekali dan sangat mengecewakan. Struktur sekolah yang baru berusia

empat tahun ini dengan kos jutaan ringgit ini sangat uzur. Bayangkan betapa bahayanya apabila pengadang bumbung bangunan seperti di makan anai-anai dan menanti untuk runtuh sahaja. Sebahagian dinding bangunan juga telah mengalami keretakan pada beberapa bahagian. Keretakan yang paling ketara dapat dilihat pada tangga bangunan sekolah setinggi tiga tingkat itu.

Kemudahan Pusat Sumber yang menempatkan komputer sudah musnah dan rosak kerana dibanjiri oleh air yang memancut dari celah-celah dinding Pusat Sumber itu. Malangnya sehingga hari ini tidak ada tindakan segera yang diambil oleh pihak Jabatan Pelajaran Negeri. Keadaan struktur bangunan sekolah ini adalah seperti bom jangka (*time bomb*). Ibu bapa murid tahun satu hingga tahun enam merasa sangat bimbang akan keselamatan anak-anak mereka terutama pada musim hujan ataupun semasa angin kencang melanda kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat. Sudah tidak ada lagi? Kalau sudah tidak ada lagi tamatkan.

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Okay, saya cepatkan. Berkenaan dengan isu penerbangan negara, MAS dan Air Asia. Kerugian MAS - *managemennya*, dengan izin, pengurusan pentadbiran, dia tengok keuntungan sahaja. Tidak ada perasaan untuk rakyat. Kalau rugi naik harga. Di Sabah dia potong beberapa *flight domestic*, Sandakan - KK sampaikan pengguna dan orang perniagaan pun marah. Air Asia pakai satu terminal yang masih banyak kelemahan dan banyak *renovation* di seluruh bangunan.

Apabila *flight* dari Miri datang ke Kota Kinabalu di terminal tersebut orang berbaris sampai terik di bawah matahari. Kenapa Air Asia tidak boleh pakai Terminal 1 yang digunakan oleh MAS dulu dan bayar apa-apa yang disediakan oleh MAB dulu. Kenapa mahu susahkan rakyat? Pelancong yang datang ke Sabah mahu pergi ke Sandakan pun tidak dapat.....

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat. Cukuplah. Saya faham, banyak masalah dengan MAS. Biarkan menteri akan menjawabnya sekali.

Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi]: Okaylah, dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

7.07 mlm.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan percepatkan untuk menjimatkan masa. Tuan Yang di-Pertua, ucapan bajet Yang Amat Berhormat mengenai isu keselamatan awam telah diberi dengan satu kepala khas - Menjamin Keselamatan Awam, yang menyatakan bahawa kerajaan akan memastikan keselamatan awam sentiasa dijamin akan mempertingkatkan keupayaan dan peranan PDRM. Dengan itu kami telah dimaklumkan bahawa RM4.9 bilion atau 3% daripada RM159 bilion daripada bajet ini akan diberi untuk meningkatkan kecekapan operasi PDRM dan pemasangan CCTV, kereta peronda polis di tambah 2,000 unit dan 3,000 jawatan pemandu polis ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu khabar. Kita boleh tengok pada masa ini penjenayah-penjenayah semakin ganas. Awal-awal pagi mereka boleh menarik keluar mesin ATM. Pejabat Media Oriental Daily, Ipoh juga dirompak pada petang hari. Baru-baru ini seorang pegawai polis Mohd. Fakiruddin ditikam mati apabila selepas berjaya mengejar dua suspek. Jadi, semakin ganas penjenayah. Saya ingin tahu daripada peruntukan ini apakah patut latihan dan kelengkapan tambahan yang akan diberi kepada polis untuk menangani gejala penjenayah yang semakin ganas ini.

Pengumuman nilai angka RM4.9 bilion ini sebenarnya tidak langsung memulihkan keyakinan orang ramai terhadap keselamatan di tempat awam. Kami ingin kerajaan mengenal pasti akar umbi punca mengapa keselamatan awam ini boleh sampai ke tahap yang begitu serius ini. Orang ramai langsung tidak merasa selamat walaupun berada di rumah.

Pada masa yang sama saya ingin menyeru kerajaan memberi pertimbangan yang amat serius ke atas seruan atau keluhan Ketua Polis Negara baru kita ini, Tan Sri Musa Hasaan bahawa pegawai PDRM perlu dinaikkan gaji. Mereka sekarang adalah '*cheap labour*'. Pekerja asing juga boleh mendapat gaji lebih daripada RM650. Sekarang ini gaji permulaan untuk konstabel menurut beliau hanya RM650. Jadi saya berharaplah kita perlu memberi pertimbangan yang serius ke atas kenaikan gaji pegawai-pegawai polis kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal sejak kebelakangan ini banyak insiden. Insiden-insiden yang sepatutnya bukan untuk menjauhkan atau mengguris hati di kalangan kaum telah berlaku. Sepatutnya insiden perkara memupuk perpaduan kaum lebih banyak berlaku tetapi sebaliknya yang mengambil tempat. Saya tidak akan mengulangi kata-kata Naib Ketua Pemuda UMNO Khairy Jamaluddin.

Tadi Yang Berhormat bagi Tangga Batu kata ini hanya untuk menyedarkan kaum Melayu berkenaan berapa jauh mereka daripada kaum Cina. Tuan Yang di-Pertua mestilah cekap kalau memberi kesedaran bukan dengan membangkitkan kemajuan kaum yang lain, ini akan mengguris hati mereka ini, ini era globalisasi. Ialah persaingan bukan antara kaum, *we should celebrating diversity*, bukan untuk melihat *diversity* sebagai satu konflik. Ini yang mengambil tempat, ini nasihat kepada Khairy, Pemuda UMNO, mesti minda terbuka. Jangan lihat persaingan di antara kaum ini adalah akan menjejaskan kaum yang lain, tetapi lihat sebagai satu pertandingan yang akan memajukan negara.

Jadi saya harapkan pemimpin sedemikian yang mempunyai minda yang begitu berbau perkauman ini seperti satu racun yang amat bisa sekali. Beliau adalah pemimpin akan datang negara, sebab itulah ramai sekarang ahli-ahli politik UMNO mengangkat-angkat dia, cuba menyelamatkan dia apabila kita bangkitkan isu berkenaan ini. Ini amat bahaya kalau kita ada pemimpin muda seperti demikian yang bakal menjadi pemimpin negara kalau beliau berjaya yang mempunyai minda sedemikian melalui isu sedemikian yang amat berbau perkauman. Ini tidak akan membawa Malaysia ke satu bangsa Malaysia apabila menjelang Wawasan 2020. Dan di

arena pendidikan, IPTA baru-baru di USM satu seminar bina negara mahasiswa telah diadakan sehari seminat. Pelajar-pelajar tahun pertama ini mereka ditanamkan elemen membenci di kalangan pelajar. Mereka diberitahu, oohh.... jauhi daripada kumpulan pelajar 'DEMA' USM *Chinese Language Society*, USM sudah progresif kerana mereka ini adalah menerima sumbangan-sumbangan daripada organisasi yang mempunyai elemen asing atau anti-Islam, elemen Yahudi, Amerika yang mempunyai niat untuk menimbulkan kekacauan dalam negara. Menimbulkan mengancam keselamatan negara.

Ini amat serius, bukan sahaja ia menjejaskan perpaduan kaum di universiti, di antara kaum-kaum yang lain. Ia juga menjatuhkan maruah negara. Apa bukti ada elemen Yahudi ini, anti-Islam ini yang wujud di universiti. Jika benar, saya menyeru pihak Kementerian Keselamatan dari membuat satu siasatan mendalam. Ini berkenaan keselamatan dalam negara. Mana bukti, ada buktikah? Kalau tidak jangan gunakan taktik-taktik kotor ini untuk melenyapkan suara-suara pelajar yang mempunyai pandangan yang berbeza dengan pihak berkuasa. Ini amat tidak adil. Kalau sebuah negara hendak maju ke hadapan, mestilah sedia mendengar kritikan, kritikan konstruktif, mempunyai minda terbuka.

Dalam sebuah keluarga kita pun ada setiap individu ada memberi pandangan berbeza. Kalau Tuan Yang di-Pertua pernah dengar cerita, seekor gajah kalau kita bawa beberapa orang tutup mata, dia masuk bilik hitam letakkan gajah di dalam, minta dia sentuh. Ini apa perasaan,.... ini apa binatang, mereka kalau sentuh ekor dia kata 'oh, dia macam ular'. Ini perbezaan pandangan. Kalau sedia menerima pandangan yang berbeza, baru kita boleh maju ke hadapan, bukan dengan melenyapkan pandangan orang muda ini, pelajar kerana ia tidak sehaluan dan kita menanamkan nilai-nilai membenci di kalangan mereka. Ini amat bahaya. Tuan Yang di-Pertua waktu muda saya diberitahu, waktu kecil saya diberitahu, 'oh, kamu ialah orang Cina, mereka ialah orang India'. Semasa saya *grow up*, saya diberitahu, 'Kamu ialah bukan Bumiputera, mereka ialah Bumiputera'.

Sekarang saya diberitahu saya ialah Orang Cina, orang bukan Bumiputera, orang bukan Islam dan saya seorang perempuan. Pembahagian semakin serius, and *I'm not told that I'm a Malaysian*. Begitu serius sekali. Jadi saya haraplah, hentikanlah, *brain washing* program sedemikian, sebelum ini ada buku subjek, hubungan etnik juga sedemikian. Jadi, saya haraplah, saya harap satu jawapan diberi oleh Menteri Pengajian Tinggi mengenai insiden ini. Kalau ada begitu serius mengancam keselamatan negara, buat laporan polis, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri buat siasatan. Jadi, akhirnya Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya kampus akan diadakan pada minggu hadapan, dan saya haraplah Menteri Pengajian Tinggi akan memastikan ia satu pilihan raya yang bebas dan adil.

Pelajar-pelajar ini telah membuat aduan kepada SUHAKAM dan menyatakan beberapa perkara yang mereka tidak puas hati. Saya haraplah membenarkan SUHAKAM menjadi pemantau *observer* ke atas pilihan raya kampus, bagi memastikan satu pilihan raya kampus yang

adil dan saksama di jalankan di kampus. Oleh kerana masa tidak mencukupi, saya berhenti di sini, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

7.25 mlm

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya membawa ke hadapan sedutan daripada Bajet 2007 oleh Pak Lah mengatakan, 'kita harus mengamalkan sikap terbuka, senantiasa bersedia untuk belajar dan terus belajar, mengambil pengajaran, mengambil iktibar, membina kekuatan mengatasi kelemahan'. Maka atas dasar itulah, saya ingin membahas tiga perkara berkaitan dengan Bajet kali ini. Pertama Tuan Yang di-Pertua, mengenai PTPTN kerana saya rasa PTPTN yang telah menjanakan wang yang begitu besar sekali, banyak sekali telah memberi tiga perspektif yang utama dalam pembangunan negara dalam 15 tahun akan datang.

Pertama eksekutif, isu eksekutif golongan-golongan yang tertinggal, yang kemiskinan dapat dibantu melalui tabung pendidikan ini. Dalam konteks ini, kita juga boleh melihat bahawa peluang saksama yang telah diceritakan dalam manifesto Rancangan Malaysia Kesembilan, Bajet 2007 dan juga Wawasan 2020 ingin mengurangkan jurang perbezaan antara miskin dan kaya dan PTPTN memainkan peranan yang begitu penting Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya modal insan, yang dilauung-laungkan dengan begitu hebat sekali, begitu terletak di tangan PTPTN kerana kita akui bahawa ramai daripada pelajar-pelajar tidak dapat menampung atau membiayai kos pendidikan yang semakin mahal seperti juga kesihatan.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua suka cita dimaklumkan bahawa pada tahun 1979, sebanyak 794,940 pelajar yang telah memperoleh manfaat daripada PTPTN. Daripada itu Tuan Yang di-Pertua, institusi kerajaan sahaja telah menampung 79% daripada jumlah pelajar itu dan 21 pelajar lain adalah institut swasta. Fokus saya sekarang adalah institusi swasta. Saya rasa institusi-institusi awam ini seperti universiti-universiti dan kolej-kolej ada banyak dana yang boleh menyokong dan membantu pelajar-pelajar di sana. Cuma institusi swasta ini, di kalangan Bumiputera sendiri Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dalam tempoh masa ini saya ada kawan-kawan saya di Johor Bahru dan di Kuala Terengganu di mana institusi mereka terpaksa ditutup kerana tidak ada pelajar-pelajar yang dapat daftar akibat daripada beberapa perubahan yang berlaku dalam PTPTN.

Contohnya kursus-kursus akreditasi, kursus-kursus yang diakreditasi oleh LAN sahaja akan diberi pinjaman kewangan. Kursus-kursus yang diluluskan tidak dibenarkan, luluskan oleh kementerian untuk mendapatkan sijil untuk berniaga tidak dapat. Akreditasi ini, bukan isu yang kecil Tuan Yang di-Pertua. Akreditasi ini memerlukan proses masa yang panjang. Institut perlu matang, perlu ada segala prasarana yang cukup, memang kita setuju,

tetapi memerlukan wang untuk di akreditasi. Ada banyak kolej yang belum lagi di akreditasi akibat daripada kekangan-kekangan kewangan.

Maka pelajar-pelajar di semua institusi ini akan mati dan saya ingin menegaskan di sini bahawa 123 IPTS Bumiputera telah gulung tikar akibat daripada perkara ini, pembangunan ini atau perkembangan ini.

Seterusnya 30 IPTS dalam keadaan yang tenat, dan 600 pusat latihan vokasional IPTS sudah pun mati dan tutup akibat ini. Maka kita berbalik kepada PTPTN, adakah diuruskan dengan betul, apakah kelemahan PTPTN, apakah yang perlu dilakukan untuk mengatasi masalah ini? Pelajar tidak bayar balik duit, bukan harusnya digunakan sebagai alasan untuk membunuh ramai pelajar yang bakal memenuhi hasrat modal insan yang dicita-citakan. Maka inilah perkara yang perlu kita lihat secara serius. Sama, kalaulah pelajar-pelajar Bumiputera dalam keadaan begini, bagaimana pula pelajar-pelajar macam pelajar India, pelajar-pelajar lain, suku kaum Sabah Sarawak yang serba daif, yang serba kekurangan, tidak perlulah tepuk dada tanya selera.

Maka seterusnya saya mintalah supaya institusi ini dapatlah diperkasa, institusi ini dilihat semula dan dikaji semula untuk memainkan peranan yang lebih serius. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan seruan Perdana Menteri kita yang menceritakan mengenai SRI. SRI ini adalah *social responsibility index* seperti yang telah dibahas oleh Yang Berhormat dari Bera, maka di Amerika Syarikat, dunia pelaburan telah pun mengambil satu muka baru. Syarikat-syarikat yang ingin meletakkan pelaburan mereka di mana-mana dunia, ataupun di mana-mana di peringkat negara mereka sendiri, 12%, daripada jumlah pelaburan syarikat berkenaan, korporat, mesti melabur di dalam syarikat-syarikat yang berpegang teguh kepada amanah sosial mereka terhadap masyarakat. Konsep amanah sosial mereka itu adalah Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan alam sekitar, bererti pelaburan mereka mestilah pada syarikat yang meletakkan kepentingan alam sekitar.

Kedua, ialah *human rights*, hak asasi manusia, *gender sensitization*. *Gender sensitization* dengan izinya bererti kesaksamaan antara wanita dan lelaki dan juga memberi sumber-sumber dan juga pembangunan kepada institusi-institusi sosial ke arah pembangunan dan membantu NGO-NGO yang memperjuangkan hak-hak seperti *millenium development goals*. Maka sekiranya negara-negara kita Asia dua negara sahaja yang telah memasuki SRI sekarang, Jepun dengan Korea. Sekiranya negara-negara Asia tidak diletakkan di dalam kategori SRI mungkin pelaburan-pelaburan daripada syarikat-syarikat ini tidak akan masuk ke dalam negara sebagai FDI (*foreign direct investment*). Maka saya begitu gembira bahawa kerajaan telah mengambil langkah walaupun kecil ke arah memenuhi hasrat ini.

Dalam konteks ini saya berbalik kepada GLC-GLC kita, yang ada subsidi demi subsidi, demi subsidi dan *subsidiary*, demi *subsidiary*, demi *subsidiary*. Tetapi mereka tidak meletakkan SRI ataupun *social responsibility* ini dengan izin dalam proses pembangunan organisasi mereka.

Maka saya menyeru kepada Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Perdana Menteri melihat balik konsep ini dan mewajibkan, mewajibkan semua GLC ataupun syarikat korporat swasta untuk kembali ke akar umbi untuk membantu golongan yang kurang berada. Kita sudah kaya Tuan Yang di-Pertua, dalam agama kita sendiri dalam Islam kah, dalam Hinduisma kah, Kristianiti kah, Buddhisma membantu taulan, membantu insan adalah intipati *spirituality* kita. Kalau intipati itu tidak dapat di*translate*, diterjemahkan kepada program-program yang sedia ada dan kepentingan materialism dan kepentingan kebendaan yang bermaharajalela, maka saya rasa hala tuju kerajaan walaupun semurni-murninya akan retak rata-rata. Sebab itu kita kena balik kepada *conscience* kita, kita boleh duduk Mercedes kita, kereta kita, *allowance* kita tetapi ada orang kampung yang masih daif, yang tidak ada air, tidak ada elektrik. Anak-anak mereka sampai darjah 6 tidak tahu baca A,B,C, kita balik lihat Yayasan Al-Bukhari. Bagaimana 4.2 juta diberi kepada pendidikan-pendidikan di Kedah, di beberapa negeri. Kenapa tidak kita tidak boleh mencontohi golongan-golongan sebegini?

Tempiasnya dapat juga PM pun telah menganugerahkannya dengan ganjaran-ganjarannya dan ini sepatutnya menjadi motivasi kepada golongan-golongan korporat ini. Maka ini harus dilihat secara satu perkara yang cukup serius. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meletakkan diri saya dalam perjuangan satu perkara yang begitu mungkin sensitif tetapi perlu diperkatakan dengan niat yang ikhlas. Tempat ibadat Islam, saya tengok dia punya syarat-syaratnya cantik sekali. Kenapa perlunya tempat ibadat Islam di satu-satu program perancangan perbandaran dan desa maka saya tengok sebagai tempat ibadah, pusat pendidikan dan Ilmu, tempat syura, tempat taqwa, tempat pertemuan harian, pusat pendidikan maklumat penerangan kebajikan, pemulihan akhlak, perkembangan seni dan prinsip perancangan dan pembangunan sejagat melalui tempat ibadat Islam ialah untuk keadilan, untuk pembangunan ehsan, perpaduan, berwawasan, berilmu, hak individu dalam masyarakat begitu banyak sekali. Tetapi saya lihat Tuan Yang di-Pertua, dasar perancangan bandar dan desa yang diluluskan baru-baru ini saya dengar di peringkat kementerian sudah pun diterima tetapi saya kecewa kerana isu kuil, kubur dan tempat kerjakan mayat untuk golongan-golongan Hindu ataupun golongan-golongan berkepercayaan yang lainnya, macam orang Kristian dia ada gerejanya sendiri. Maka mungkin ada masalah, kerajaan Malaysia pada amnya menghormati kebebasan tetapi dari segi peringkat pengamalannya begitu tergugat sekali. Rangka kerja digubal untuk satu pendekatan penting kepada rakyat untuk menggabungkan pencapaian dan kemajuan. Di samping berpegang teguh kepada nilai sejagat dan tuntutan agama. Ini begitu cantik dalam rukun negara, rukun negara kita telah melambangkannya dengan begitu cantik sekali bersama dengan tuntutan hak asasi yang kita hormati melalui Islam Hadhari yang telah dikatakan dan dalam ciri ketujuh dikatakan menghormati hak golongan-golongan minoriti. Maka dalam konteks ini kita berbalik kepada perancangan yang sedia ada di peringkat desa dan juga bandar, cukup kekang Tuan Yang di-Pertua. Malaysia, isu kuil semakin menjadi satu isu yang sensitif yang

mungkin akan digunakan oleh golongan-golongan tertentu untuk mencetuskan perkauman yang boleh membawa bahana kepada perpaduan yang kita sekian lama suburkan. Maka itulah menjadi asas kita maka masalah ketiadaan hak milik di atas tanah dan tanah yang tidak digazet menjadi isu untuk merobohkan kuil. Yang sudah ada 100 lebih tahun di Kuala Lumpur contohnya dan beberapa tempat lain.

Kedua, kekurangan penekanan terhadap peruntukan tanah untuk tempat ibadah agama bukan Islam di dalam pelan struktur tempatan dan pelan induk pemaju. Ini menjadi isu yang begitu serius kerana bila dasar tidak ada, amalannya dan juga perancangan di peringkat di akar umbi tidak akan berlaku. Maka dasarnya begitu kabur dan tidak begitu jelas sekali. Saya mengambil beberapa cetusan daripada *World Politics Watch* bertarikh 8 Ogos, *Multiethnic Malaysia grables by in 2003* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.....

"In 2003, several Hindu temples at Selangor state receive letters from the City Ministry Of The Council saying that, at 7 days to vacate their premises....blah, blah, blah.....tidak payah saya baca semua itu, the city council rejected all arguments and proceeded with the demolition of the temple. Daripada Star 19 Julai 2006, Guidelines to save temples, 12 Hindu temples have made way for development in the Klang Valley for the last few months as they were deemed to illegal structures by the local authorities and no alternatives sites were given.

Baik, *New Sunday Times* 18 Jun, *Handling a sensitive issue with care, one recent high profile case involved a 60 year old Muniswari Temple in Setapak Kuala Lumpur demolished by city hall officials last week. The temple was in the part of Kuala Lumpur-Damansara-Hulu Kelang highway. For this latter the Shah Alam City Council tore down a century old temple in Midland Estates near Klang, I could only watch helplessly when the authorities came.....bla...bla...bla, no alternatives land was offered.*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat cukup.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, ya saya akan habiskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukup.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tolong bagi saya.....saya rasa perkara ini perlu dilihat dari dua sudut secara konstruktif, pertama dasar dan panduan perancangan pembangunan *local structural plan*. Saya rasa ini amat terkekang Tuan Yang di-Pertua.

Rancangan tempatan garis panduan kawalan pembangunan dan pelaksanaan rancangan struktur dan juga pelan struktur perlu dilihat semula. Kalau kita lihat Kuala Lumpur pelan strukturnya tidak ada *gazette* langsung, Putrajaya tidak ada *gazette* langsung. Maka di peringkat federal dasar dan *guideline* panduannya begitu kabur sekali. Maka saya minta supaya perkara ini dilihat semula, saya minta Menteri Kerajaan Tempatan untuk memastikan bahawa perkara ini dapat dilihat semula.

Dan akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, dua minit sahaja saya ingin mengatakan supaya

...

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit tak sempat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Satu minit?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baik, akhirnya baru-baru ini kita telah melihat bahawa 3% akan diperuntukkan untuk ekuiti masyarakat India dalam rancangan, dalam 2020. *[Disampuk]* Sudah sebut tapi saya minta, saya bagi cadangan Tuan Yang di-Pertua supaya satu nasional ekuiti *fund for Indians* ditubuhkan di bawah PNB dengan izin. Dan jenis-jenis pelaburan yang akan digalakkan dengan izin, *Initial Public Offers (IPO), share placement, share quoted on Bursa Malaysia, corporate Malaysian government bonds, regional and global mutual funds unlisted investment*. Saya minta supaya perkara-perkara ini dapat dilihat oleh Kementerian Kewangan, Setiausaha Parlimen ada di sana. Dan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesabaran. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Tanjong, selepas ini untuk mengakhiri perbahasan belanjawan kita, saya jemput Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

7.42 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sukacita saya dengan masa yang terhad menyentuh satu, dua perkara sahaja. Pertamanya kita nampak bahawa Perdana Menteri telah memperkenalkan misi nasional yang merupakan rangka pembangunan bagi tempoh 15 tahun yang akan datang dan menumpukan usaha untuk mencapai Wawasan 2020. Tapi kita sudah banyak dengar di Dewan ini bahawa kita perlu menghadapi masalah kekangan dalam sistem penyampaian yang menyebabkan ketirisan dan kebocoran sehingga rakyat tidak dapat menikmati manfaat sebenar daripada peruntukan pembangunan belanjawan. Ketirisan dan kebocoran berlaku kerana masalah rasuah masih tidak dapat dikawal dan ditangani dengan berkesannya. Perdana Menteri memang suka bercakap-cakap tentang perlunya untuk menangani masalah ini. Bukan sahaja di dalam negara kita, namun juga dalam forum antarabangsa.

Walaupun begitu Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Malaysia dalam *corruption perception index* menunjukkan kata-kata Perdana Menteri masih tidak diterjemahkan dalam tindakan yang tegas. Perdana Menteri yang digelar '*Mr. Clean*' kerana mesej-mesej anti rasuah beliau tetapi kita tidak nampak hasilnya. Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Merdeka Centers menunjukkan dari tiga orang, ada juga seorang yang akan membayar wang sogokan kepada pihak polis untuk dilepaskan daripada tindakan saman. Institut Integriti Malaysia mendapati dalam satu kajiannya hampir 30% dari generasi muda kita tidak segan untuk menerima rasuah jika mereka mempunyai kuasa untuk mengetuai sesebuah organisasi. Ketua IIM seorang bekas

pemegang jawatan perkhidmatan awam menyatakan dia pernah ditawarkan RM300,000 untuk mendapat satu projek negeri tetapi beliau menolak tawaran itu.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, bukan setiap orang boleh mempunyai ketahanan sedemikian. Kita tidak nampak kegigihan dari Jemaah Menteri untuk menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga peranan menteri untuk memimpin dalam peperangan anti rasuah ini. Tidak mungkin mereka memimpin kempen ini kerana politik pada hari ini sudah jadi pasport untuk mendapatkan kuasa dan kekayaan ekonomi dan kontrak pembangunan. Kita tidak nampak seorang menteri pun menerajui kempen ini cuma kita nampak seorang timbalan menteri yang masih berada di dalam Dewan ini, Yang Berhormat bagi Taiping yang pernah membuat dakwaan bahawa pihak berkuasa tempatan ada banyak penyelewengan, kepincangan dan dioperasi seperti kongsi gelap. Wujudnya rasuah dan amalan yang tidak sihat, dan lepas itu adalah satu dakwaan terhadap pegawai penguat kuasa di MPAJ di mahkamah.

Tetapi apabila timbalan menteri ini di saman oleh pihak itu, beliau tidak dapat apa-apa sokongan daripada Jemaah Menteri. Saya tidak tahu sama ada beliau dapat sokongan atau tak ada, tetapi kita tak pernah baca dalam surat khabar bahawa Perdana Menteri atau mana-mana menteri memberi galakan kepada beliau untuk terus melakukan sesuatu untuk membanteras gejala rasuah di negara ini. Saya rasa seorang timbalan menteri yang menghadapi cabaran yang sedemikian haruslah diberi sokongan yang sepenuhnya oleh Jemaah Menteri dan lain-lain Ahli Parlimen supaya apa yang baik haruslah diteruskan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sikit saja, lebih teruk lagi baru-baru ini seorang timbalan menteri dia mengatakan mungkin ada penyelewengan telah berlaku dalam peruntukan kepada sekolah. Ini Menteri Pelajaran telah memarahi dia, bukankah ini lebih teruk lagi?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Itu pun satu kejadian yang amat kesal, lebih kesal bilakah Menteri UMNO perlu memohon maaf atas tindakan seorang Timbalan Menteri MCA. Ini pun menunjukkan dalam kerajaan, dalam pucuk pimpinan yang teratas, perkara-perkara ini tidak dapat perhatian yang sesungguhnya.

Tuan Yang di-Pertua, melainkan rakyat dapat melihat penyertaan penuh seluruh pucuk pimpinan kerajaan dalam perang anti rasuah. Dan adanya tangkapan dan pendakwaan kes-kes *high profile*, rakyat tidak ada yakin bahawa kerajaan ini serius untuk memastikan gejala rasuah tidak menjadi penghalang kepada pencapaian sebuah masyarakat yang maju dan beretika.

Akhirnya saya ingin menyentuh tentang pengendalian isu subsidi petroleum dan penubuhan Kumpulan Wang Pengangkutan Awam yang dikatakan berjumlah RM4.4 bilion yang diijamatkan kerana tindakan untuk mengurangkan subsidi minyak. Tetapi dengan kenaikan harga minyak sedunia, penjimatan ini nampaknya tidak berlaku. Dan Kumpulan Wang Pengangkutan Awam ini cuma bertolak dengan RM100 juta sahaja. Saya rasa tindakan ini tidak mencukupi untuk membayangkan hasrat dan keazaman kerajaan untuk menaik taraf ataupun mengadakan satu sistem pengangkutan awam yang efisien di negara ini. Saya berharap negeri Pulau Pinang

akan dapat perhatian serius daripada Kerajaan Persekutuan memandangkan usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan negeri untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam yang begitu kecoh tidak berjaya. Dan mereka gagal untuk melaksanakan satu sistem pengangkutan bas dan sistem meter bagi perkhidmatan teksi.

Dalam perkara peperiksaan percubaan UPSR dalam Bahasa Inggeris. Saya ingin tahu dari kementerian, dalam peperiksaan percubaan UPSR baru-baru ini untuk semua sekolah rendah yang diadakan di dalam Bahasa Inggeris, saya ingin pengesahan dari kementerian tentang peratusan yang lulus dalam setiap mata pelajaran di sekolah kebangsaan, SJKC dan SJKT. Jika peratusan kelulusan merosot, apakah Kementerian Pelajaran mengakui bahawa dasar untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris haruslah dikaji semula dan diajar dalam bahasa ibunda seperti mana diadakan selama ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Pasir Puteh untuk mengakhiri perbahasan ini dan beliau bolehlah berucap sehingga pukul 8.00 malam.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Sehingga pukul 8.00 ya? Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera masyarakat Hadhari. Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersyukur kepada Allah kerana dapat bersama-sama membincangkan Belanjawan Mengurus 2007 melibatkan RM159.4 bilion. Saya cuba totalkan kalau lima tahun kerana 2007 ini ialah langkah pertama Rancangan Malaysia Kesembilan. Kalau kali dengan lima, totalnya ialah RM735, tetapi tidak begitulah.

Pada pandangan saya, cukup besar. RM735.20 bilion adalah besar Tuan Yang di-Pertua. Harapan Yang Amat Berhormat selaku Perdana Menteri walaupun istilah khalifah bermula daripada Abu Bakar, Umar Uthman Ali apabila Mustafa Kamal Attartuk telah menggulingkan khalifah yang terakhir Sulaiman Hamid tahun 1924, tidak ada lagi gelaran khalifah walaupun PAS masih sebut khalifah. Tetapi saya setuju dengan kalimah khalifah ini kerana khalifah dia mengatur, menyusun dan mentadbir berdasarkan syariah Allah dengan nilai-nilai murni yang datang daripada barat dan daripada timur boleh diadunkan menjadi dasar kepimpinan negara. Kena faham baik-baik DAP dan kena faham baik-baik PAS. PAS tidak ada, tetapi dia boleh faham dia dengar suara saya dalam televisyen. *[Ketawa]* Saya yakin kerana terakhir Tuan Yang di-Pertua bagi dekat saya insya-Allah, saya akan bercakap sampai pukul 8.00, maka kita akan keluar dalam televisyen. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terima kasihlah kerana Roti High5 dakwa produk halal. Ia telah *clear* kan Roti High5 ini dia kata halal. Saya terima oleh kerana JAKIM telah buat siasatan tetapi kilang ini ialah... ini termasuk dalam teras yang pertama Tuan Yang di-Pertua iaitu menjana ekonomi - nilai taraf ekonomi. Ya, dia ada di sini sebut melonjakkan industri halal ke peringkat global. Maka kalau kita lihat High5 ini telah ada timbul keraguan di kalangan pengguna, maka JAKIM terpaksa buat siasatan. Tetapi saya tidak tahu bagaimana kilang di

Nilai. Sebenarnya yang ragu di Nilai tetapi dia *declare*, dia kata kilang ini ialah di Shah Alam tetapi bersih cukup syarat ikut ISO jadi kita terimalah. Maka saya menyeru supaya JAKIM lebih banyak lagi membuat siasatan dan memantau kepada 2,352 kilang-kilang yang termasuk multinasional yang berjumlah 229 industri kecil sederhana melibatkan 1,022 kemudian industri kecil 1,101 dan kemudian jumlahnya semua 2,352. Tetapi saya tengok di sini 68.5% ialah permohonan untuk mendapat sijil halal, logo halal ini diterima daripada pengusaha bukan bumiputera. Yang bumiputera 31.42% ertinya kita hendak supaya halal ini di *implementkan* dan di 'imarahkan' kepada semua dalam negara kita walaupun pengusaha bumiputera dan bukan bumiputera. Dengan syaratnya tidak ada penipuan dan tidak ada penyelewengan, mesti logo halal itu jelas halal.

Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup dengan logo halal. Kalau kita tidak ada senjata, tidak ada undang-undang, pun ada undang-undang kita tidak boleh mengambil tindakan sewenang-wenangnya. Saya cadangkan Akta Produk Halal diwujudkan segera. Hari ini ialah JAKIM tidak ada *power*, JAKIM hanya bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Dia hanya menggunakan Akta Perihal Dagangan. Tidak ada kuasa, cuma diberi kuasa oleh kementerian untuk memantau dan sebagainya. Tetapi kuasa JAKIM ialah mengeluarkan logo halal, itu kuasa JAKIM.

Maka Tuan Yang di-Pertua, itu yang pertama. Saya hendak laju sedikit. Yang kedua ialah kerana Yang Amat Berhormat cukup prihatin kepada rakyat. Soal pertanian industri ketiga dalam negara maka kita hendak supaya padi tidak payah naik harga. Ha! Sedap itu. Tidak payah naik harga padi, tambah subsidi daripada RM24.81 seratus kilo, sekarang ini kita tambah RM12.00 sahaja menjadikan RM37.21. Tidak payah naik harga padi, beri subsidi kerana kita hendak menolong rakyat. Bagi naik harga padi pun rakyat tidak dapat merasai sepenuhnya. Setuju barangkali?

Yang kedua, saya hendak supaya pihak penguat kuasa perdagangan buat *spot-check* semua kedai seluruh Kelantan, seluruh Malaysia kenapa gula pasir belum ada? Tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak kenduri satu bulan saya *booking*. Seorang Yang Berhormat Parlimen hendak kenduri, hendak cari seguni gula kena *booking* sebulan. *Impossible* dengan izin. Maka saya hendak supaya penguat kuasa, tidak cukup tenaga beri tenaga-tenaga tambahan, beri dia punya kebenaran-kebenaran untuk buat siasatan secara menyeluruh. Yang keempat Tuan Yang di-Pertua, melalui Jawatankuasa Teknikal Undang-undang di JAKIM, dia ada teknikal undang-undang. Saya hendak supaya menyelaraskan walaupun agama *state matter* bukan *federal matter*, tetapi saya hendak supaya jawatankuasa ini membuat penyelarasan undang-undang syarak. Perkara 11 Perlembagaan, mana negeri tidak buat? Buat undang-undang. Kita dok marah orang kata akidah kita, dok usik agama kita, buat undang-undang kerana kuasa agama dan kuasa negeri. Itu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh ulas panjang masa tidak mengizinkan.

Kemudian, kita hendak supaya penyelarasan pengurusan pentadbiran. Saya dengar ada tujuh, lapan negeri sudah menyertai guna sama. Kenapa tidak teruskan 14 negeri? Agong kepada payung agama negara, raja-raja sebagai *head of the state*, *head of the religious* sebagai ketua agama dan ketua negeri. Kenapa tidak boleh selaras? Orang DAP tidak marah, PAS tidak marah kita hendak selaras. Kalau marah juga bodohlah minta izin, Tuan Yang di-Pertua. Bukan kita hendak suruh dia masuk Islam, hendak Islam ini selaras.

Saya malu sebagai Ahli Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya Pegawai JAKIM tidak apalah, tetapi sekarang sebagai Yang Berhormat Parlimen, saya dengar tidak ada *power*, *nothing power* pejabat agama, beri *power*. Dalam Perlembagaan, Perkara 31 *Islam is the religion* minta izin Tuan Yang di-Pertua, *Islam is the religion of the federation but all the region must be practice in peace and in part of federation*. Agama persekutuan tidak ada agama rasmi. Kenapa ketua pembangkang cabar mengatakan agama rasmi tidak ada. Tidak ada dalam Perlembagaan. Tidak ada, agama persekutuan. Tetapi kalau kita tengok pula dia nama negara Islam, dia marahkan saya. Dia bahas dengan saya, mana ada negara Islam? Dalam Al-Quran tidak ada tetapi kalau Yang Amat Berhormat sebagai *leader* sebagai pemimpin agung sebagai khalifah Allah, dia hendak kata Malaysia sebuah negara Islam boleh. Kenapa dok komen ini. Kalau tidak tahu dok diam. *[Ketawa]*

Saya terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana saya puas hati saya yang terakhir. Saya hendak komen sedikit. Yang Berhormat bagi Pasir Mas dia tidak ada tetapi roh dia yang dengar. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Pasir Mas dan juga Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, dia tidak ada di sini tetapi rohnya dengar. Dia ada wakil dia. Dia kata tadi ialah saya masih ingat lagi, maknanya dia mentafsirkan bahawa negara kita Malaysia ini, dia tidak unkit soal-soal Islam Hadhari tetapi dia masih menyatakan bahawa banyak lagi benda-benda yang dilakukan dalam negara kita. Dia banding dengan Singapura. Singapura dia kata tidak ada dadah, makna kurangnya dadah ini kurang. Saya terima kurang tetapi sedikit tetapi dia kata tidak ada rasuah, dia kata. Sedikit. Saya hendak tanya bahawa pemimpin Singapura malaikat ke, dia malaikat ke? Yang *perfect* dalam dunia ialah Allah dan malaikat. Perdana Menteri tidak *perfect*.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuhan Maha Esa,

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ha, Tuhan Maha Esa yang *perfect*. Terima. Kata Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, Datuk 'War' saya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan, dia kata rasuah kerana PPRT tidak ada rasuah dua tahun, buka fail tidak ada kes. Kenapa buat penuduhan melulu? Boleh caj dia RM100 juta kalau hendak caj. Tetapi saya tidak cajlah, saya minta maaf dengan dia kerana dia main parti banyak. Saya tidak main parti, saya main politik. *[Ketawa]* Orang yang parti banyak, rosak rakyat. Politik banyak, senang rakyat. Tepuk, tepuk sedikit. *[Tepuk]*

Maka Tuan Yang di-Pertua, harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya hendak gelarkanlah kepada beliau, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memerintah

memimpin bercirikan khalifah. Walaupun dia tidak *declare* dia sebagai khalifah. Era Pak Lah, Malaysia dan dunia berubah kerana pegang OIC.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tetapi dia punya orang bawah tidak dengar.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Dengar dahulu, DAP – Yang Berhormat bagi Batu Gajah dengar dahulu. Era Datuk Anuar Musa sebagai Pengerusi Badan Perhubungan, era Datuk ‘War’ Kelantan berubah maju bersama Malaysia. *[Tepuk]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Nanti dahulu tidak boleh bagi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Khalifah, berkenaan khalifah.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Nanti dahulu. Maka oleh kerana inilah hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita gelar dia Pak Lah berjiwa rakyat, beri kita RM159.4 bilion untuk 2007 ini dengan harapan jentera. Saya hendak beri amanah kepada jentera kita. Jentera terbesar ialah KSM bersama rakyatnya, jentera politik yang terbesar Perdana Menteri bersama rakyatnya. Maka dengan sebab itu, kita beri sokong tambah gaji. Saya hendak beri satu lagi, orang dok nampak gaji sahaja. Orang bandar dapat gaji, kampung dapat gaji, daerah dapat gaji tetapi kena beri lagi elaun berbeza. Di bandar berbeza daripada kampung sebab itu orang Kelantan banyak hendak balik Kelantan kerana beras murah dan kerana makan murah. Sebab itulah saya hendak supaya timbang balik gaji dan timbang balik elaun. Biar jentera itu tadi, dia boleh menjalankan tugas, dia akan mengaku dengan dasar kualitinya kami adalah komited dalam memberikan perkhidmatan berkualiti ke arah melahirkan ummah yang progresif berakhlak mulia.

Maka dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya akhir dengan doa. *[Membaca doa dalam bahasa Arab]* ‘Ya Allah, tunjukkanlah kepada kami perkara yang benar, itu adalah benar, pandulah kami mengikutinya, supaya mengikutinya. Tunjukkanlah kami perkara yang batil, itu adalah batil supaya kami meninggalkannya’. *[Membaca doa dalam bahasa Arab]* Supaya maju jaya aman bahagia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan berakhirnya ucapan daripada Yang Berhormat bagi Pasir Puteh maka berakhirilah juga perbahasan Belanjawan 2007 di peringkat dasar. Pada hari Isnin, 18 haribulan, pihak menteri-menteri mula menjawab. Maka dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pada hari Isnin 18 September 2006.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.04 malam.